

92 - 1104

S.H. ALATTAS



memo kepada **PERDANA MENTERI**

Apakah Dr. Mahathir akan bersara,
dan memberhentikan dua dari Menteri-
Menteri Besarnya sesudah menerima
memo dari Pak Habib?

92-1104

*Dengan Menyebut Nama Allah
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*

A large circle containing the Arabic word 'أقرا' (Aqra) written in a bold, black, stylized calligraphic font. The word is positioned centrally within the circle.

بِسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Baca, Bacalah dengan nama Tuhan
yang menjadikan kamu.

Memo Kepada Perdana Menteri

S.H. ALATTAS

**AL-SUHAIMI
P.O. BOX 11753
50756 Kuala Lumpur**

Cetakan Pertama Februari 1992

Harga: \$15.00

Typesetting:

Dicetak dan diterbitkan oleh

AL-SUHAIMI

P.O. Box 11753
50756 Kuala Lumpur

© HAKCIPTA S.H. ALATTAS 1992

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, dalam apa jua bentuk pun dan dengan apa cara jua pun sama ada secara eletronik, fotokopi, meknaik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian dalam buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari AL-SUHAIMI

Memo Kepada Perdana Menteri

**S.H. ALATTAS
1992**

103874
NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
29 APR 1992

9

33

57

71

83

95

105

117

141

169

197

205

225

260

**Untuk guruku
Ustaz Ashaari Muhammad
Dan
Saudara-Saudaraku
Yang Teraniaya dan dizalimi di Seluruh Dunia**

100000
KEMENTERIAN AGAMA
REPUBLIK INDONESIA
SPESIAL SAHABAT

ISI KANDUNGAN

	9
Memo Kepada Mahathir	33
1. Sesat Di Hujung Jalan	57
2. Legenda Tengku Muhammad Taib Dan Puteri Zanariah	71
3. Tok Guru Yang Anggun, Canggih Dan Mengancam	83
4. Islam Menguasai Pulau James Bond	95
5. Penunggu Pulau Besar	105
6. Raja Lekuk Raja Kelawar	117
7. Bahaya Al-Arqam	141
8. Ustaz Ashaari Jadi Perdana Menteri	169
9. Ulama Spring Mati	197
10. Tanda Awal Robohnya BN Terengganu	205
11. Wartawan Kucing Senak	225
12. Kenapa Saya Membela Al-Arqam	260
13. Kata Penutup	



Pak Habib: Datuk, tidak ada media massa yang boleh menaik dan menjatuhkan manusia. Datuk tidak perlu takut kepada akhbar. Allah saja yang Maha Berkuasa. Allah yang menaik, menjatuh, menghidup dan mematikan. Segala-galanya berada didalam kekuasaan Tuhan. Jatuhnya seseorang pemimpin atau sesuatu kerajaan ialah apabila mereka merasa angkuh dan melakukan kezaliman. Datuk kini sudah sampai kekemuncak, di peringkat ini Datuk akan keseorangan. Tidak ramai manusia yang berani berkata benar terutama mengenai berita-berita yang datangnye dari Allah. Ramai sangat yang cuba menyekatnye. Semuga isi buku ini boleh sampai ke lubuk hati Datuk. Saya mendoakan semuga Allah memberi taufik dan hidayah kepada Datuk. Semuga Allah ampunkan dosa-dosa Datuk dan selamatkan Datuk didunia dan akhirat.

*Dengan Menyebut Nama Allah
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*

MEMO
Kepada
Mahathir

“Apabila langit terbelah, dan apabila bintang-bintang jatuh berserakan, dan apabila lautan dijadikan meluap, dan apabila kuburan-kuburan dibongkar, maka tiap-tiap jiwa akan mengetahui apa yang telah dikerjakan dan yang dilalainya...”

Al-Infithar: 1 – 5

SAUDARA DR. MAHATHIR,

Ingatkah saudara pertemuan kita di **Pulau Besar**, Melaka, di bumi di mana bersemadinya jasad seorang 'keramah' wali Allah yang bernama Sheikh Ismail? Ketika itu saudara hadir untuk merasmikan Tapa Nyai Island Resort iaitu pada 4 September 1991. Saudara bertanya kepada saya, "**Nak tulis apa pula ni?**" Saya tersenyum. Jawapannya tentulah banyak benda yang nak ditulis. Saya nak tulis macam-macam, antaranya ialah sebuah **memo** untuk saudara, kawan dan juga **Perdana Menteri** saya yang mengandungi macam-macam cerita.

Saudara Perdana Menteri,

Terlanjur kata terlajak bahasa, terlebih dahulu saya memohon maaf kerana terpaksa menulis sebuah **memo** begini rupa di ketika saudara sedang berada di kemuncak kecermerlangan. Namun untuk perhatian saudara dan untuk rakyat Malaysia yang saya cintai saya terpaksa melakukannya demi cinta saya untuk agama, bangsa dan negara.

Saya kira **memo** ini adalah **memo** yang terpanjang yang pernah dihasilkan oleh sesiapa jua pun, apatah lagi **memo** ini dibuat di dalam bentuk sebuah buku, namun di dalam *perkampungan politik* tidak ada yang pelik, tak ada yang mustahil.

Terus terang saya katakan bahawa **memo** ini adalah sebagai satu peringatan kepada Saudara bahawa tanpa disedari saudara sudah menjadi Perdana Menteri Malaysia selama **11 tahun** sejak saudara menggantikan Allahyarham Tun Hussein Onn yang telah bersara secara terhormat disebabkan arus kebangkitan Islam yang tidak terdaya ditempuhnya.

Saudara telah mencipta sejarah dunia dari seorang pemimpin negara yang kecil kini menjadi pemimpin dunia ketiga. Syabas! Tahniat, kerana telah berjaya menduduki tempat sebagai seorang **'world figure'**. Malaysia bangga mempunyai seorang pemimpin seperti saudara sebagaimana dahulu rakyat Indonesia bangga mempunyai pemimpin seperti Soekarno. Bahkan negara-negara ASEAN pun turut berbangga dengan kemunculan saudara, namun setiap yang bermula pasti akan berakhir dan yang telah datang akan pergi.

Begitulah hukum alam. Yang kekal hanyalah **Allah**, kerana Tuhan saja yang tidak bermula dan tidak pula berakhir. Allah telah menganugerahkan **kuasa** kepada mereka yang Ia kehendaki dan Allah juga yang akan mengambilnya semula bila Allah menghendakinya. **Tiada Raja yang akan kekal. Tiada Perdana Menteri yang akan kekal. Tiada ulama yang akan kekal** melainkan amalannya dan ilmu serta jasa-jasa yang mereka tinggalkan. Bahkan alam dengan jutaan cakerawalannya pun akan turut binasa. Itulah janji Allah. Itulah janji Allah yang diprakerui oleh seluruh ummat manusia.

“Apabila langit terbelah, dan apabila bintang-bintang jatuh berserakan, dan apabila lautan dijadikan meluap, dan apabila kuburan-kuburan dibongkar, maka tiap-tiap jiwa akan mengetahui apa yang telah dikerjakan dan yang dilalaikannya...”

Al-Infithar: 1 - 5

Allah berfirman:

“Semua yang ada di bumi itu akan binasa. Dan tetap kekal Dzat Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.”

Ar-Rahman: 26-27

MEMO KEPADA PERDANA MENTERI

Itulah satu daripada rukun iman yang diyakini oleh setiap umat Islam tanpa mengira sama ada ia seorang pengikut Syiah, mazhab ahlul bait, pengikut Ahlul Sunnah dan juga golongan yang telah dilabelkan oleh Kementerian saudara sebagai pengikut ajaran sesat.

Dr. Mahathir Yang Bijaksana,

Biar bagaimana baik sekalipun seorang pemimpin di dalam kerajaan demokrasi di negara ini **kebaikannya** hanya disanjung dan dipuji pada lima tahun pertama mereka memegang tampuk kuasa, tidak kira sama ada ianya seorang **Menteri Besar** atau seorang **Perdana Menteri** kerana lima tahun yang kedua duduk di kerusi yang sama, sudah pasti ramai yang mula merasa tidak senang, maklum sajarah kebanyakan dari mereka mula merasakan diri sudah **berkuasa** dan akan menggunakan kuasa, '*Power corrupts absolute power, corrupts absolutely*'—*Victor Hugo*. Meminjam amanat saudara kepada bangsa satu ketika dulu. Sebelum perkara macam ini berlanjutan, menungkanlah...

Y.A.B. Dr. Mahathir yang saya hormati,

Tahukah saudara bahawa saudara sudah melakukan sesuatu yang *double standard*? Yang akibat dari tindakan tersebut telah merosakkan **image** saudara sebagai seorang pemimpin yang dihormati? **Kredibiliti** dan **kebijaksanaan** serta **keberanian** saudara selama ini yang sanggup menerima segala macam kritikan mulai pudar. Akibat nilai setitik rosak santan sebelanga. Perubahan saudara dari segi kepimpinan mula dipertikaikan oleh rakyat. Ramai kalangan sudah berani berkata bahawa saudara kini sudah mulai melatah. Ini satu petanda yang merbahaya kerana kebenarannya sudah terserlah.

Perubahan sikap dan tindakan saudara yang terburu-buru tanpa perhitungan yang mendalam itu telah melukakan hati dan mengecewakan perasaan mereka yang selama ini telah memperjuangkan **cita-cita** dan **mimpi** saudara. Saudara telah membunuh dengan kejamnya **kebebasan bersuara** yang selama ini menjadikan saudara seorang hero, seorang satria dan wira bangsa.

Hasil kecekalan dan keberanian memberikan kebebasan bersuaralah menjadikan kedudukan saudara seperti hari ini, kuat dan tidak pernah disangsikan. Saudara dihormati dan dimuliakan oleh kawan dan lawan. Tetapi apabila saudara menyekat suara rakyat dengan perbuatan menganiaya dan membunuh sebuah akhbar yang baru lahir, itu telah menampakkan saudara takut dengan bayang-bayang sendiri. Cukuplah Kementerian saudara mengambil tindakan terhadap majalah-majalah kepunyaan Al-Argam. Seorang pemimpin besar seperti saudara tidak sepatutnya berbuat demikian, bertindak tanpa menggunakan akal fikiran dan kebijaksanaan.

Saudara telah mengakui yang saudara sendiri tidak membaca **Mingguan Waktu** yang saudara haramkan melainkan bergantung kepada laporan yang dibuat oleh para pegawai saudara. Apakah **pengharaman** akhbar tersebut bergantung semata-mata kepada laporan orang lain. Di manakah **ketelitian** dan **keadilan** yang selama ini kita sanjung bersama? Apakah saudara cuba hendak meletakkan kesalahan kepada pegawai-pegawai saudara? Bukankah saudara sendiri yang mengarahkan Datuk Megat Junid untuk menghentikan permit akhbar berkenaan? Memang, saudara memang disanjung dan dipuji kerana keberanian menanggung risiko yang telah dilakukan oleh mereka di bawah saudara hingga apa juga kesalahan yang mereka lakukan termasuk yang besar-besar saudara telah menanggungnya. Apakah saudara sudah tidak berdaya lagi?

Yang agak anehnya, penutupan akhbar ini dibuat semasa saudara melawat Jepun dan Korea Selatan, negara yang menyanjung tinggi **kebebasan bersuara dan berakhbar**. Dari segi logiknya melalui dasar pandang ke Timur, tentulah saudara sendiri sedikit sebanyak mahu mengikuti contoh-contoh Jepun dan Korea dalam memberikan **kebebasan** kepada warganya.

Keputusan menutup akhbar ini dimaklumkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub melalui satu sidang akhbar yang diadakan di rumahnya. Salah satu sebab akhbar ini ditutup menurut Datuk Megat ialah **Mingguan Waktu** telah menyiarkan berita fitnah, sebagai contoh, berita: *Mengenai kegagalan kepimpinan Mahathir selama 10 tahun menjadi Perdana Menteri.*

Adalah aneh alasan ini diberikan sebagai merujuk kepada sebab utama akhbar ini ditutup tanpa mengambil kira rencana-rencana yang disiarkan selama 22 minggu. Mungkin Datuk Megat sendiri sudah membaca rencana yang disiarkan oleh **Mingguan Waktu**. Boleh dikatakan kebanyakan rencana menyokong buah fikiran Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai **bossnya** dan adakala rencana yang saya tulis memberikan *moral backing* yang cukup kuat untuk saudara selaku Perdana Menteri kita.

Apakah Datuk Megat tidak menasihatkan **bossnya**, atau **bossnya** saja nak cari publisiti dengan mengharamkan sebuah akhbar politik yang bebas, yang telah mendapat perhatian umum? Mungkin bossnya merasa kalau dia buat apa saja semua orang akan diam.

Saudara dihormati oleh rakyat yang cintakan kebebasan, tetapi sayangnya saudara telah melakukan satu kesilapan besar dengan pengharaman terhadap suara rakyat yang berani menyuarakan kebenaran tanpa memikirkan risikonya. Atau saudara tahu akibatnya, tapi saja nak acah-acah?

Peristiwa ini sama seperti yang dilakukan oleh tiga Perdana Menteri sebelum saudara semasa mereka mengharamkan buku saudara, **Dilema Melayu**. Mereka tidak membaca buku tersebut tetapi atas nasihat dan mengikut saja apa yang telah dilakukan oleh orang ramai. Alangkah ruginya manusia yang tidak mahu menggunakan akal dan fikiran mereka sendiri, apa lagi mereka yang bertaraf pemimpin.

Memang benar terbitan sulung akhbar **Mingguan Waktu** ada menyiarkan di halaman depan berita **kegagalan kepimpinan saudara sebagai Perdana Menteri dalam tempoh 10 tahun memimpin Malaysia**. Akhbar itu memetik kenyataan seorang tokoh DAP. Manakala di halaman dalamannya terdapat rencana kira-kira enam buah yang memuji dan menyanjung tinggi saudara sebagai Perdana

Menteri Malaysia. Mengapa berita **negatif** saja dipandang, **mengapa rencana yang menyokong tidak disebut sama?** Malah dalam kes ini hal-hal yang **positif** mengenai kepimpinan saudara lebih menonjol daripada yang **negatif**.

Sebenarnya sebagai seorang pemimpin jika ada tuduh-tuduhan atau berita-berita **negatif** lainnya ia mestilah menyiasat kembali dan mengambil contoh apa yang terjadi pada dirinya dahulu. Apakah berita itu betul mengenai dirinya atau tidak? **Kritikan, tuduhan dan fitnah** boleh merupakan alat untuk meninggikan darjat manusia jika manusia itu boleh menghadapinya dengan bijak seperti najis yang dibubuh di pangkal pohon yang boleh menjadi baja untuk menyuburkan pohon tersebut.

Jika tuduhan itu betul, apa salahnya kita membetulkan kesalahan kita dan jika tuduhan itu **salah**, kita boleh menjawabnya atau membantahnya. Beginilah resminya dunia persuratkhabaran. Kesalahan biasa berlaku di mana-mana dan pada sesiapa pun lebih-lebih lagi pada tokoh-tokoh parti politik dan Perdana Menteri yang banyak membuat berita. Kita ini manusia biasa tentu ada kekurangan, pemimpin politik bukan wali Allah, bukan **keramat** dan bukan malaikat. *Bumi mana yang tak ditimpa hujan, lautan mana yang tak bergelombang.*

Akhbar **Mingguan Waktu** sentiasa memuji dan mendukung **idea** saudara, pada **hal-hal** yang perlu didukung bersama, akan tetapi saudara mesti ingat...! Penulis adalah **telinga** dan **mata** rakyat. Jika ada **kesalahan** maka kita juga berhak mengatakan yang **salah** itu **salah**, bukan yang **salah** kita katakan **benar** dan yang **benar** kita **salahkan**. Saudara sendiri menegah para wartawan dari memutar belitkan berita. Apa yang dilakukan oleh penulis adalah **polisi** dan **prinsip** yang menjadi amalan hidup saudara.

Dan yang lebih **lucu** ialah kenyataan yang bercanggah yang dibuat oleh saudara dan Datuk Megat berhubung penutupan akhbar tersebut. Megat seperti yang saya sebut di atas merujuk kepada berita sulung akhbar **Mingguan Waktu** manakala saudara pula menyebut **faktor lain** sebagai alasan kerajaan mengharamkan penerbitan akhbar ini.

Percanggahan ini tentulah **melucukan** kerana orang ramai boleh

menganggap saudara berdua tidak tahu menahu tentang motif sebenar akhbar itu ditutup. Masakan saudara berdua boleh bercanggah pandangan? Bukankah saudara sendiri yang mengarahkan Datuk Megat memaklumkan penutupannya? Ataupun Datuk Megat yang tidak tahu ekor pangkal saja membuat pengumuman tanpa memikirkan rasional disebalik permintaan bossnya? Mungkin Datuk Megat acah-acah saja menjadikan **Mingguan Waktu** sebagai Kambing Hitam?

Untuk menguatkan hujah saya tentang percanggahan pendapat antara Megat dan saudara, saya siarkan kenyataan saudara berdua seperti yang dilaporkan oleh akhbar berbahasa Inggeris, **The Star**.

Di bawah tajuk **Government Bans Weekly Tabloid Over Articles**, *The Star* melaporkan:

The Home Ministry has revoked the publishing permit of the weekly tabloid Mingguan Waktu, Deputy Minister Datuk Megat Junid said on Wednesday.

"The revocation was made at the order of Home Minister Dr. Mahathir before he left for Japan last week," Megat told reporters. He said the weekly had carried a front-page article in its maiden issue claiming that the 10 year administration of Dr. Mahathir was a failure. "Other articles carried by the tabloid were detrimental to the nation's development," he added.

Manakala sekembalinya dari luar negeri, saudara memberitahu wartawan sebab-sebab **Mingguan Waktu** ditutup. Saya petik laporan akhbar *The Star* bertarikh 30 Disember, 1991:

The Permit of Mingguan Waktu was revoked because the weekly did not contribute to nation-building, Mahathir said yesterday. The Prime Minister said the tabloid was closed down because its reports were of "no use to the nation".

"I believe that newspaper in the country should play a role to develop the nation. Instead, Mingguan Waktu's publisher did not adhere to what they had specified when they applied for the permit. Things like mock-up and so on," he said. Dr. Mahathir dismissed allegations that he revoked

the paper's permit because it had published an article claiming that he failed in his job during his 10 year tenure.

*Asked for examples on what articles he considered were of no use to the nation, Dr. Mahathir said he never read the **Mingguan Waktu**. His decision was based on reports submitted to him as the Home Minister, he added.*

Saudara sepatutnya dapat merasakan betapa pedihnya hati seorang editor, para wartawan, penulis undangan serta penerbitnya apabila permit penerbitannya diharamkan. Saudara sendiripun adalah seorang penulis, apakah pengalaman saudara menghadapi pengharaman buku saudara *Malay Dilema* tidak dapat mengajar saudara erti timbangrasa dan budi bicara terhadap sesama kaum penulis?

Saudara perlu memikirkkan kesusahan yang terpaksa ditanggung oleh tenaga dan pihak pekerja yang bergantung rezeki daripada penerbitan akhbar tersebut. Bagaimana nasib mereka yang kehilangan kerja dan mata pencarian akibat pemberhentian permit penerbitan akhbar tersebut secara tiba-tiba? Apakah perbuatan seperti ini tidak boleh dianggap sebagai satu kezaliman?

Apakah saudara terlupa mereka ini adalah rakyat Malaysia yang semestinya soal untung-nasib mereka menjadi tanggungjawab saudara? Ingat-ingatlah sikit, Perdana Menteri pun hamba Allah juga. Kuasa yang ada pada saudara bukannya kekal.

Cukuplah saudara bergaduh dengan orang-orang politik dan pihak istana sahaja. Janganlah golongan penulis pun saudara nak ajak bergaduh sama? Ketahuilah saudara bahawa penulis lebih dekat dengan rakyat dan lebih kenal akan rakyat dari seorang pemimpin negara. Suara penulis lebih dipercayai oleh rakyat. Scandainya hanya saya seorang saja yang terpaksa menentang saudara kerana tindakan terhadap kaum penulis, akan saya lakukan. Saya tahu persatuan penulis tidak peka dengan nasib yang menimpa para penulis. Mereka sibuk bersatuan saja.

Pada saya saudara Yusuf Harun tenaga utama yang menggerak **Mingguan Waktu** perlu diberi keadilan dan peluang kerana pemikiran dan komitmennya dalam bidang persuratkhabaran tidak boleh

dicantas begitu sahaja memandangkan beliau telah terlibat secara serius dalam bidang tersebut sejak bertugas dengan **Watan dan Mingguan Kota** lagi. Sudah sekian lama buah fikirannya dicurahkan untuk menyokong dasar dan pelaksanaan kepimpinan saudara. Begitu juga dengan penulis-penulis undangan lain di akhbar-mya. Mereka telah dilabel sebagai 'orang Mahathir' dan menanggung risiko yang sama besar dengan saudara apabila berhadapan dengan musuh-musuh politik saudara.

Saya hairan mengapa saudara tergamak mengatakan **Mingguan Waktu** tidak menyumbangkan apa-apa untuk **pembangunan negara**? Saya merasa tersinggung dan terhina dengan kenyataan saudara bukan kerana saya salah seorang dari penulis undangannya tetapi kata-kata demikian terkeluar dari mulut seorang pemimpin seperti saudara. Seolah-olah saudara ini jenis orang yang tak mengenang budi.

Saya tahu saudara tak perlukan para penulis lagi untuk membantu saudara kerana kebanyakan musuh-musuh saudara di bidang penulisan telah dibunuh oleh penulis di pertempuran sewaktu mempertahankan kerajaan saudara. Apakah saudara fikir perjuangan kita sudah berakhir? Era peperangan terbuka antara saudara dan istana baru bermula. Perjuangan kita tidak mengharapkan pembalasan dan penulis seperti lilin membakar diri untuk menerangi orang lain.

Apakah saudara pernah membaca kebanyakan media massa yang bertaburan di seluruh negara yang mengandungi unsur-unsur lucu yang terang-terang boleh menanam unsur-unsur negatif yang boleh merosakkan pemikiran serta akhlak rakyat? Majalah seperti ini bebas berleluasa dalam pasaran. Kenapa tidak diambil tindakan yang sama ke atas media yang jelas tidak boleh memberikan apa-apa faedah?

Apakah saudara menganggap bahawa majalah hiburan yang menyiarkan gambar setengah bogel, dedah itu dan ini, lelaki wanita bercumbu mesra boleh menyumbang terhadap pembangunan negara? Boleh mendidik generasi penerus? Boleh menstabilkan sosial politik negara dan mencerdaskan rakyat Malaysia khususnya pemuda-pemudi kita yang sedang menghadapi masalah sosial?

Bagi saya pemikir-pemikir seperti saudara Yusuf Harun perlu mendapat gelanggang dan peluang yang lebih besar untuk menyum-

bangkan idea kepada pembangunan rohani dan material ummah melalui akhbar yang diterbitkannya. Itu sekaligus boleh menguntungkan kerajaan saudara kerana rakyat lebih percaya kepada berita yang disiarkannya dari akhbar milik kerajaan yang banyak menyelewengkan berita.

Penulis tidak boleh dianaktirikan dalam kesibukan kita mendampingi para usahawan dan pelabur, kerana cita-cita dan maruah bangsa tidak boleh dicapai dengan kekuatan ekonomi sahaja.

Sesuatu bangsa yang tahu menghargai ahli fikirnya akan maju. **Industri pemikiran** sangat penting untuk melahirkan generasi yang kuat dan mampu membina kemajuan jasmani dan rohani.

Industri ini tidak sepatutnya dipandang remeh. Ia sepatutnya diberi perhatian oleh saudara kerana saudara sendiri adalah seorang penulis dan pemikir. Sumbangan dan peranan mereka jauh lebih penting dari industri perdagangan kepada sesebuah negara. Namun nak buat macam mana saudara kini sudah leka dengan industri berat maka yang saudara nampak cuma industri yang hanya boleh mencurahkan wang untuk kaum kapitalis saja. Sedangkan Jepun sebelum memulakan industri berat mereka mulakan dulu dengan industri pemikiran.

Sekiranya saudara tidak dapat mengimbangkan di antara industri berat dan industri pemikiran, di antara kejayaan material dengan moral, saya sarankan agar saudara **bersara** sajalah secara terhormat tanpa memikirkan siapa yang layak menggantikan saudara. Jika saudara tidak berdaya lagi menghadapi kritikan dari penulis dan ombak dari gelombang ketiga yang jauh lebih besar daripada semasa saudara mengambil-alih kuasa PM dari Datuk Hussein Onn dulu.

Allah sebaik-baik penjaga. Allah bersifat Maha Mengetahui. Segalanya di bawah kekuasaan Tuhan. Apakah saudara pernah terfikir bahawa sesudah saudara dibuang dari UMNO dulu yang saudara boleh menjadi seorang Perdana Menteri?

Apa salahnya memberi peluang kepada Encik Ghafar Baba mengambil-alih jawatan Perdana Menteri pula? Kiranya saudara anggap orang tua Ghafar itu tidak layak, jangan teragak-agak menggantikan orang lain di tempatnya. Saya tidak dapat mengesahkan kesahihan

cerita ini melainkan saudara dan Anwar Ibrahim saja, tetapi ramai yang tahu apabila Musa Hitam meletakkan jawatan saudara pernah menawarkan kerusi Timbalan kepada Anwar tapi keadaan ketika itu boleh membahayakan kerusi saudara sendiri maka Ghafar adalah pilihan yang tepat. Apakah Ghafar sudah tidak berguna lagi?

Apakah saudara takut Encik Ghafar tidak akan melantik Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri sebaliknya mengambil Abdullah Badawi? Atau mungkin Encik Ghafar akan membawa semula Tengku Razaleigh sepertimana ada pihak yang mahu membawa Musa Hitam ke dalam kabinet untuk menggantikan saudara? *Sekali air bah maka sekali pantai berubah.*

Siapa tahu selepas ketiadaan saudara sebagai Perdana Menteri, Tengku Razaleigh dan pengikutnya akan kembali kepangkuan UMNO dan tidak mustahil bila Ghafar menjadi Perdana Menteri, Tengku Razaleigh sebagai Timbalannya, Sabah dan Kelantan kembali menjadi milik Barisan Nasional. Setiap pemimpin ada gaya dan caranya yang tersendiri. Tahukah saudara bahawa Encik Ghafar Baba politiknya tinggi!

Ada tiga Naib Presiden UMNO yang muda dan mempunyai kaliber untuk menggantikan saudara untuk masa kini. Serahkanlah kebijaksanaan memilihnya kepada Encik Ghafar sepertimana kepercayaan yang diberikan kepada saudara sewaktu memilih Encik Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri dahulu atau buang saja Gaffar Baba dan gantikan dengan siapa saja yang saudara suka sebagai Timbalan saudara sekiranya saudara tidak kasihan lagi kepada Encik Ghafar yang selama ini taat dan patuh kepada saudara. Biarlah dia mati putih mata.

Keputusan yang bijak akan menyelamatkan UMNO, bangsa dan negara, jika tidak, tak mustahil peristiwa tahun 1987 akan berulang ditahun 1993. Ingat saudara, tahun ini 1992 ialah Tahun Monyet, tentu ada *Monkey Business* yang akan dilakukan oleh orang politik. Dan tahun berikutnya iaitu tahun 1993 adalah Tahun *Ayam Sabung*, tahun pertarungan. Apakah sesudah pilihanraya umum akan datang nanti saudara baru mahu bersara? Sepantasnya saudara tentukan siapa yang saudara mahu sebagai pengganti kiranya saudara cintakan bangsa dan

negara. Jangan takut membuat keputusan semasa saudara masih kuat dan berkuasa.

Sebagai seorang ahli firasat, saya melihat angka 11 sebagai angka yang tidak akan membawa untung kepada saudara atau orang-orang tertentu yang ada kaitan dengannya. Lihatlah apa yang berlaku kepada "**Kumpulan 11**" yang menggulingkan Ketua Menteri Melaka Ghani Ali dulu. Saudara sendiri yang telah berusaha menyelesaikan masalah "**Kumpulan 11**" di waktu itu. Buku saya **PERANG DI KUALA LINGGI 1978** telah mencatatkan sejarah tersebut.

Dan sekiranya saudara mengikuti politik Indonesia, peristiwa 11 March yang dikenali dengan istilah **Supersemar** di Indonesia atau Surat Perintah Sebelas March. Pertukaran kuasa antara Soekarno dan Suharto juga ada kaitan dengan angka 11.

Kini saudara sendiri telah dilantik menjadi Pengerusi Geng 11 – **Kommanwelth**. Siapa tahu kiranya Kommanwelth akan mati di tangan saudara? Atau karier saudara tamat seperti mereka yang terlibat dengan peristiwa Geng 11?

Setiap kali saya teringatkan angka 11, saya teringatkan dua tiang nisan, 11 sebagai tanda seseorang itu pasti akan kembali ke *rahmatullah*. Apakah saudara juga tidak akan kembali ke alam kekal? Sudah pasti, setiap yang hidup mesti menemui ajalnya, tetapi hanya Tuhan saja yang Maha Mengetahui tarikhnya. Belum tentu sama ada siapa yang akan mati dulu, saudara atau Encik Ghafar, ataupun saya yang mati dulu sebelum saudara berdua. Sekiranya saya pergi lebih dulu dari saudara, anggaplah memo ini sebagai wasiat dari saya.

Sebelum kita semua kembali buat selama-lamanya untuk menemui Tuhan kita yang **dari-Nya kita datang dan kepada-Nya kita akan kembali**, eloklah kita selesaikan masalah yang berkaitan dengan UMNO, orang Melayu dan negara, kerana setiap pemimpin akan ditanyakan mengenai kepimpinannya.

Kita sebaiknya sudah memikirkan untuk menjawab soalan kubur. Saudara adalah seorang pemimpin dan tentunya seorang pemimpin lebih berat dan lebih banyak soalan yang mesti dijawab. Saudara sebagai seorang yang mengaku beragama Islam. Allah akan menanyakan

tindakan-tindakan saudara terutama tanggung-jawab saudara terhadap saudara sesama Islam yang telah saudara zalimi sama ada saudara sedar atau tidak. Antaranya mengenai Pertubuhan Al-Arqam yang telah dizalimi oleh Pusat Islam yang kebetulan di bawah Kementerian saudara. Sila luangkan masa baca satu persatu mengenai Ustaz Ashaari yang kebetulan mempunyai "bin" yang sama dengan saudara, bin Muhammad, dan juga tulisan saya di *Mingguan Waktu* dan yang saya petik dari buku POLITIK SERPIHAN. Ada sebabnya kenapa saya muatkan ini semua. Antaranya adalah kerana buku-buku saya adalah buku politik semasa.

Saudara telah banyak membuat kebaikan tetapi bumi mana yang tak ditimpa hujan seperti lautan mana yang tak bergelombang. Setiap orang politik pasti telah melakukan banyak '*dosa-dosa politik*' dan saudara yang telah memimpin negara dan parti sepanjang 11 tahun juga tidak terkecuali. Bagaimana ramainya orang yang menyanjung saudara, tak kurang juga mereka yang membenci dan memusuhi saudara kerana saudara mengamalkan sikap *in order to be kind you have to be cruel*.

Nobody can become a perfect Prime Minister, nobody can become a perfect leader and no country can become a perfect nation, unless of course, you want to become the happiest Prime Minister in the world. May God Bless You.

Ingatlah memo ini bukan bertujuan untuk merendah-rendahkan martabat ataupun imej saudara tetapi satu peringatan sebelum saudara ditimpa musibah yang lebih besar. Saya adalah rakyat saudara dan sepatutnyalah sebagai seorang rakyat mengingatkan pemimpinnya, seperti saya mengingatkan Raja-raja dan Sultan kita, biarpun risikonya besar tapi saya tetap akan membuat teguran, jika ada hal-hal yang perlu diingatkan.

Suara rakyat masti didengar oleh pemimpinnya bahkan seorang nabi, yang ia juga menjadi raja, beliau bernama Sulaiman. Ia mendengar suara rakyatnya, walaupun suara burung, semut dan lain-lain lagi. Banyak kesilapan yang telah saudara lakukan sama ada disadari atau tidak sedari.

Saya tahu ada orang-orang yang mendoakan agar balasan dibalas

oleh Allah sejajar dengan dosa yang pernah saudara lakukan terhadap musuh-musuh politik saudara. **Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tak ada gunanya.** Namun masih belum terlambat.

Di saat-saat saudara sedang di ambang populariti, eloklah saudara renung sejenak dan fikirkan hal ini berulang kali. Ingatlah kepada **Newton's Law**. Setiap barang yang naik mesti turun. *What goes up must come down*. Macam mana deras ia naik begitulah deras ia akan jatuh.

Saya mendoakan agar saudara dapat menggunakan peluang ini untuk memikirkan sejenak nasihat saya sebelum **Newton's Law** menimpa saudara. Lee Kuan Yew yang sudah arif tentang **Newton's Law**, telah memilih untuk bersara sebelum beliau dibersarakan. Sekeras-keras Margaret Thatcher, the **Iron Lady**, pun kecut juga akhirmya. Dia pun sudah sedar saatnya sudah sampai dan memilih melepaskan jawatan Perdana Menteri Britain kerana sejarah Presiden Sukamo dan Presiden Marcos yang sayang pada kerusi telah mengajar mereka bahawa '*No man is indispensable*'. Bahkan para artis filem dan ahli sukan pun sudah mengerti akan hal ini. Mereka mengundurkan diri sebelum dijatuhkan oleh orang-orang baru muncul yang jauh lebih canggih dari mereka.

"Sembahyanglah kamu sebelum kamu disembahyangkan. Matikanlah diri kamu sebelum kamu dimatikan. Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisab," begitulah kata-kata orang sufi.

Saudara,

Insallah bahawa saudara patut berundur diri secara terhormat seperti yang telah dilakukan oleh Tun Daim. Selain dari saudara ada dua tiga orang lagi Menteri Besar yang patut saudara turunkan dan tukarkan dengan orang baru terutama Tan Sri Wan Mokhtar, Menteri Besar Trengganu. Alasannya bukan kerana dia tidak baik atau sudah terlalu tua, tetapi berhentilah sebelum terlalu banyak kerosakan berlaku di negeri tersebut akibat beliau sudah tidak dapat diterima lagi. Yang kedua ialah Tan Sri Ramli Ngah Talib, tentu saudara juga telah membaca surat yang dikirimkan kepada saudara mengenai hal itu. Cukuplah Raja-raja buat angkara jangan pula menteri-menteri ikut sama. Hal ini hanya akan merosakkan imej kerajaan pimpinan saudara.

Menteri Besar yang lain saya serah pada saudara kerana saya lihat bahaya di Kelantan boleh membuat kerajaan UMNO di Terengganu kecundang dalam pilihanraya akan datang sekiranya sesuatu yang drastik tidak dilakukan oleh seorang Menteri Besar baru yang bakal menggantikan orang tua yang sudah tiga penggal menjadi Menteri Besar. Gantikan dengan orang yang setanding dengan Tok Guru di negeri jiran.

Fikirkanlah secara rasional, bolehkah sebuah kerajaan di bawah pimpinan Menteri Besar selama 18 tahun mahu bertanding dengan seorang tok guru yang anggun dan canggih seperti Nik Aziz? Sebagai satu analogi, sebuah **Proton Saga** yang baru berusia setahun tentulah tidak akan dapat ditandingi oleh **Rolls Royce** yang berusia 18 tahun. *Bila terbitnya sang matahari bulan purnama pasti akan menjadi pucat lesi.* Inilah yang telah terjadi, hidup silih berganti di zaman kebangkitan Islam. Ayah Wan pasti tak boleh bertahan akibat banyak sangat musuh dalam selimut. Ingatlah setengah abad yang lalu tentera Jepun menawan Malaya bermula dari Pantai Timur. Apakah tidak mungkin kecundangnya Barisan Nasional di Terengganu mengakibatkan runtuhnya kerajaan yang ada hari ini?

PAS menang di Kelantan dulu bukan kerana mereka kuat tetapi kerana UMNO lemah. Kerana cuba mempertahankan satu kerusi Menteri Besar, semua kerusi Barisan Nasional kalah. Jangan sampai hal ini merebak ke Terengganu di mana UMNO sedang berkecamuk bergaduh sesama sendiri. Sekiranya saudara merasa '**malu alah**' dengan Ayah Wan, orang tua yang baik budi yang tidak pernah minta duduk di kerusi tersebut tetapi disuakan padanya oleh Perdana Menteri, sekali lagi saya ingatkan jangan sampai kerana sayangkan satu kerusi Menteri Besar, Barisan Nasional hilang satu lagi kerajaan negeri di Pantai Timur. Kehilangan dua negeri di zaman pemerintahan saudara, satu perkara yang berat.

Sejak dahulu lagi saya menyokong kepimpinan saudara tanpa memikirkan ganjaran atau risiko yang terpaksa saya hadapi kerana mempertahankan kepimpinan saudara demi kesejahteraan negara dan bangsa. Saya rela diseret ke mahkamah, diugut, diancam dan dihukum. Tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa saya pernah memper-

tarungkan nyawa untuk maksud itu tetapi dengan tertulisnya memo ini bererti segala-galanya sudah berakhir. Selagi saudara tidak kembalikan kebebasan berakhlak kepada mereka yang berhak, selama itulah saya akan mengasingkan diri dari saudara. Sokongan peribadi seseorang tidak akan kekal, yang kekal hanyalah prinsip perjuangan yang tidak boleh bergadai-golok.

Saya tidak hairan tentang apa yang akan terjadi dengan buku ini atau diri saya sendiri kerana saya tahu orang yang saya kritik ini adalah Menteri Dalam Negeri, juga Perdana Menteri. Namun jika disebabkan kebebasan bersuara, saya terpaksa dipenjarakan terserah, saya tahu kerana setiap perjuangan mesti dibayar dengan harga yang setimpal. Saudara tahu kini saya sudah tidak lagi boleh menguntungkan saudara, memandangkan *Mingguan Waktu* yang memuatkan tulisan saya yang menyokong saudara itupun telah diberhentikan perमितnya. Maka apakah ada daya kepada seseorang individu seperti saya melainkan menunggu hukuman dari saudara.

Saya berpegang kepada prinsip dan keyakinan bahawa kita ini sama-sama hamba Allah. Pada saya hanya orang yang senang takut susah, orang yang belum mematikan dirinya yang takut mati sebaliknya orang yang telah memenjarakan keinginannya tidak takut dipenjara, orang yang miskin tidak takut susah, orang yang menyedari dirinya hamba tidak akan takut kepada sesiapa melainkan Allah.


Saya akhiri memo ini dengan kata-kata:

Mengkritik tidak bererti menentang
 Memuji tidak semestinya menyokong
 Menegur tidak bermakna membenci dan
 berbeza pendapat adalah kawan berfikir yang baik.

Sekian, terima kasih.



Pak Habib: Saudara-saudara yang saya muliakan, saya fikir antara sebab mereka tidak mahu menerima Sheikh Suhaimi sebagai Imam Mahadi kerana Sheikh Suhaimi lahir di Tanah Jawa bukan di Tanah Arab. Sikap prejudis ini berlaku dimana-mana mengikut mazhab ahlul sunnah wal jamaah. Sama ada kita percaya atau pun tidak itu terpulang. Siapa tahu kalau betul Sheikh Suhaimi itu Imam Mahadi, dan kalau bukan kita rugi apa? Begitu juga soal dia jumpa nabi dalam keadaan terjaga. Allah Maha Berkuasa, Allah saja yang boleh menghidupkan yang mati dan mematikan yang hidup.



Bismillahir-rahman-nir-rahim... Puh.... kanan... Puh.... kiri, berkat doa baginda Ali. Insya Allah Ghafar akan jadi Perdana Menteri.

TETAP BERTENAGA...itu-
lah gambaran yang dikaitkan
dengan semangat dan kegigihan
Timbalan Perdana Menteri,
Ghafar Baba, memperjuangkan
nasib bangsa Melayu melalui
Umno sejak zaman menentang
penjajahan Inggeris untuk mencapai kemerdekaan.

Sebagaimana yang dikatakan Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, da-

lam ucapan alu-aluan majlis hari jadi Ghafar ke-67 di ibu pejabat Umno di Kuala Lumpur semalam. Pak Ghafar adalah pemimpin baka tahan lama.

Walaupun sudah berusia 67 tahun, katanya, Ghafar masih kuat dan bersemangat merantau ke seluruh pelosok negara, termasuk kawasan hulu dan pedalaman bagi memastikan setiap rakyat menikmati hasil

pembangunan negara.

Bagaimanapun, Ghafar menjelaskan, baka tahan lama tidak menjadi soal kerana apa yang meneruskan semangatnya berjuang ialah Umno.

Namun, baka tahan lama dalam diri Ghafar digambarkan melalui semangatnya menghembus lilin kek sempena hari jadinya itu.

— Gambar oleh Che Rani Che Din



Siapa kata Dr. Mahathir sekarang ini tidak garang? Kalau kamu boleh menakutkan orang hanya dengan mengangkat mata, perlu apa bersuara ?



Al-Sultan: Awak ini pengikut Ustaz Ashaari yang bawa ajaran sesat itu bukan? Bila awak hendak bertaubat? Pakai jubah, serban ini bukan pakaian orang Melayu, ini pakaian orang Arab. Kita ada pakaian sendiri ikutlah pakaian raja awak. Inilah susahnya rakyat negeri Selangor ni. Orang politik ikut Tengku Mat Taib, orang ugama ikut Ustaz Ashaari. Beta inikan Ketua agama, orang Islam mesti ikut beta. Rakyat yang tak ikut raja menderhaka namanya tahu? Sudah ketulah nanti baru menyesal. Tapi tak apalah negeri ini demokrasi ikut pandai awak sajalah. Karang kalau saya cakap banyak, awak semua sembahyang hajat, bertawasul pada Sheikh Suhaimi. Susah pula saya. Oh ya beta lupa bila cakap dengan Ahli Arqam ini kena tanya, awak sudah ada berapa isteri? Dari segi ini boss awak memang layak di panggil 'Bapa Poligami Malaysia'. Beta sekarang pun sudah mula ikut jejak-jejak langkahnya. Sekarang beta baru ada dua.



Siapa kata Dr. Mahathir marah pada Tamrin? Yang berselisih faham dengan YB Tamrin, Pengerusi Mara ialah Anwar Ibrahim. Dr. Mahathir O.K dengan Encik Ghafar dan Tamrin Ghafar. Wajah digambar dapat menceritakan segala-galanya.



Sanusi: Ente tahu siapa Pak Ghafar akan pilih sebagai Timbalannya bila dia jadi Perdana Menteri nanti?

Haji Halim: Siapa lagi, datuk lah.....

Sanusi: Pandai Ustaz... Pandai... Ustaz memang bijak.



Sanusi: Awak ingat saya percaya ke Pusat Islam kata Arqam membawa ajaran sesat...? Mereka terpaksa buat macam itu untuk nak cari makan. Semangat 46 kata UMNO macam-macam. Terserahlah pada siapa nak percaya. Saya tahu siapa yang sebenarnya sesat... ha... haa... haaa...



Pak Habib bersama Imam Besar Masjid Al-Hussein di Karbala, Iraq pada hari Jumaat 11hb. Jan 1991 beberapa hari sebelum Perang Teluk meletus, ketika menjadi wakil peribadi kepada Ustaz Ashaari Muhammad ke Persidangan Ulama Islam Sedunia di Bahgdad. Gambar bawah menunjukkan Duta Besar Iraq, Encik Hisham Tabaqchali ke Malaysia bersama-sama jemaah Al-Arqam.



SESAT DI HUJUNG JALAN

“Yang paling aku takuti ke atas umatku ialah orang munafiq yang sangat pandai bercakap.”

Sabdanya lagi yang bermaksud: *“Yang paling aku takuti ke atas umatku ialah dari alim ulama yang jahat. Kita berlindung dengan Allah dari-pada orang alim seperti itu. Oleh itu lari dan jauhilah diri kamu dari orang-orang seperti itu. Jika tidak kamu akan terpengaruh oleh kata-kata manisnya yang bijak bicara itu dan api dosanya itu akan membakari kamu dan kekotoran hatinya akan membunuh kamu.”*

SEBELUM SAYA MENCERITAKAN mengenai Ashaari Muhammad yang saya kenali, terlebih dahulu saya ingin menceritakan serba ringkas mengenai **Iblis** yang suka membuat manusia menjadi **was-was** kerana ramai di antara kawan-kawan dan para pengikut ustaz yang mula **was-was** terhadap ustaz sebaik saja **Pusat Islam** yang dibantu sepenuhnya oleh **Kumpulan Utusan Melayu** menyebarkan berita bahawa ajaran yang dibawa oleh Arqam dilabelkan sebagai **sesat**.

Kebanyakan manusia tidak suka **berfikir**, tidak suka **meneliti** dan **mengkaji** sebab musabab sesuatu kejadian berlaku, sebab itu orang Islam mesti mengingatkan diri mereka supaya menjauhkan diri dari **was-was syaitan**, kerana **was-was** itu akan merosakkan ibadat yang ditujukan kepada Allah SWT.

Kenapa kita mesti merasa **was-was** terhadap sesuatu ajaran? Apakah kerana kita tidak **hati-hati** atau kita telah dirosak oleh perasaan **was-was**? **Hati-hati** dan **was-was** adalah dua perbuatan yang berbeza. Ada garis pemisah antara **was-was** dan **hati-hati**. **Was-was** boleh merosakkan hidup manusia. sebaliknya **berhati-hati** boleh menyelamatkan kita. Sebab itu kita mesti **berhati-hati** bila mendapat khabar berita dari manusia. Kita mesti membaca yang tersirat bukan hanya yang tersurat.

Hati-hati adalah tindakan yang terpuji. Adapun **was-was** adalah penyakit yang mesti dijauhi. Ia boleh melemahkan 'mental' manusia dan sekaligus merosakkan daya **fikir** yang sihat.

Bab ini, untuk orang-orang yang khusus, kerana perkara-perkara yang akan dibincangkan ialah perkara-perkara yang khusus, yang hanya akan difahami oleh siapa yang mahu mempelajari selok-belok bagai-

mana kebanyakan orang Islam telah **disesatkan** oleh penjajah semasa kita dijajahnya dahulu.

Kata Mr. Ewing dari Mission College semasa menjawab di dalam 'Urdu Digest':

"Sementara benar bahawa kami (Inggeris) telah tidak berjaya menukarkan agama pribumi kepada Kristian, namun matlamat kita tidaklah terbatas setakat penukaran agama sahaja. Kami mahukan para pelajar terpengaruh dengan kebudayaan, tatacara, kebiasaan dan pemikiran barat. Memang benar mereka (para pelajar) tidak menjadi penganut agama Kristian, namun itulah kejayaan kita kerana tidak ada seorang pun yang pernah menjejakkan kakinya dalam institusi-institusi kita keluar serta kekal sebagai seorang Islam dalam erti kata yang sebenarnya. Jika sekolah-sekolah dakwah ini hanya berjaya mencapai yang sedemikian, maka kita bolehlah menganggapkan bahawa pelaburan kita sudahpun mendapat pulangan balik."

Petikan dari tulisan Lord Cromer dalam bukunya 'Modern Egypt' yang dihasilkannya dalam tahun 1908, pula bermaksud:

"England sudah pun bersedia untuk memberikan kebebasan politik kepada semua takluk jajahannya sebaik sahaja satu generasi intelek dan ahli-ahli politik yang dididik menerusi pendidikan British serta dengan penyerapan nilai-nilai kebudayaan British sudah bersedia untuk mengambil-alih. Namun, biar sesaatpun kerajaan British tidak akan bertoleransi dengan sebuah negara Islam yang bebas dari pengaruh barat."

India dan Malaysia adalah bekas tanah jajahan takluk Inggeris. Nasib yang sama dialami oleh orang Melayu seperti rakyat India kerana dipermainkan oleh golongan perantaraan yang menjadi pemisah antara Inggeris dan Melayu. Mereka inilah yang dikatakan **talam dua muka** kepada bangsa seperti tulisan Lord Cromer:

"Demi membentuk satu golongan orang-orang perantaraan di antara kita dan jutaan manusia yang kita tak-

luki, satu golongan manusia pada darah dan warna kulitnya sahaja India tapi kehidupan, citarasa, pendapat, moral dan sifat inteleknya tetap Inggeris”.

Sejarah telah membuktikan bahawa **tiga** Perdana Menteri sebelum Datuk Sri Dr. Mahathir adalah mereka yang mendapat pendidikan Inggeris. Tunku Abdul Rahman Putra Perdana Menteri yang pertama kalau kita selidiki kehidupannya, kebudayaan yang menjadi amalannya masih lagi jelas **kebaratan** begitu juga dengan Tun Razak dan Tun Hussein Onn. Dr. Mahathir beruntung kerana pada zahimya beliau tidak lagi mewakili gambaran orang yang dikehendaki oleh **British** baik dari segi kehidupan mahu pun kebudayaan ataupun cara mentadbirkan negara dan bangsa, tapi dalam masalah Islam Mahathir masih berada di dalam **dilema**. **Dilema agama** yang sedang dihadapi oleh umat Islam di negara ini.

Siapa yang ingin mendalami permasalahan bagaimana penjajah telah menggunakan kekuasaannya semasa menakluki kita hingga ke hari ini mesti terlebih dahulu ingat bahawa proses kemerdekaan yang diberi oleh British tak ubah seperti satu **sandiwara**. Merdeka, merdeka, merdeka. Satu laungan yang tak bermakna. Merdekakah pemikiran kita? Merdekakah kita dalam menjalankan perintah Allah seperti yang dituntut oleh Al-Quran dan Al-Sunnah?

Secara kebetulan yang pergi mengambil kemerdekaan itu seorang **Putra Raja** dan seorang **pemimpin UMNO**, satu pertubuhan yang mewakili orang Melayu. Seandainya yang pergi itu seorang **‘Mat Gian’** atau **‘Mat Blues’** sekalipun **British** akan memberikan kemerdekaan itu, kerana mereka yang pergi menerima kemerdekaan itu sanggup menerima segala syarat yang sudah ditetapkan oleh British.

Pemimpin Melayu yang menerajui UMNO ketika itu adalah anak didik British seperti yang dikatakan oleh Mr. Ewing dan Lord Cromer.

Surat dari Allahyarham Tunku Abdul Rahman kepada saya. Baca **TALQIN UNTUK UMNO** muka surat 94 adalah sejarah.

Keadaan di sana berlainan, orang-orang Cina di dalam negara-negara tersebut dan orang-orang Cina di Malaysia bezanya sebagai Harimau dengan Kucing.

Keadaan negeri Amerika dan Britain sebagai Harimau dan keadaan kita macam Kucing, tidak harus dibanding negeri kita dengan negara-negara itu.

Pemimpin yang pergi mengambil kemerdekaan itu sendiri mengatakan bahawa bangsa Melayu lebih kurang macam '**Kucing**'.

Dua kali air bah maka dua kalilah pantai berubah. Orang Melayu yang dulunya berjiwa **Kucing** di zaman Tunku, Alhamdulillah mulai berubah mahu menjadi manusia **Harimau** di zaman Tun Razak. Selepas peristiwa berdarah 13 Mei, 1969, sesudah pekikan Allahu Akhbar bergema di mana-mana umat pun Islam bersatu sesudah menyedari yang mereka rupanya masih terjajah.

Sekali lagi arus perubahan berlaku di zaman Mahathir. Mahathir sudah mula **mengaum**. Apakah tidak mustahil bila datang **gelombang ketiga** akan mengaum pula Harimau Allah?

Masalah **Islam** adalah masalah **universal**, setiap orang **Islam** bersaudara, setiap masalah orang **Islam** mesti di kongsi bersama. **Sakit peha kanan peha kiri turut sakit juga**. Masalah orang **Islam** secara global mesti diambil tahu oleh seluruh umat Islam. Masalah Ashaari dan Pusat Islam bukan sekadar masalah mereka sahaja, ia menjadi tanggungjawab kita bersama mencari jalan untuk menyelesaikannya.

Saya cuba sedaya mungkin membawa masalah ini hingga ke akar umbi dan mencari jalan bagaimana hendak menyelesaikan pertelingkahan sesama Islam, bukan sekadar apa yang sedang berlaku di negara ini malah di pelusuk bumi. Sepatutnya hanya ada satu umat **Islam**. Tak ada Islam sesat dan Islam tak sesat, yang sesat itu kufur.

Walaupun Allah telah menerangkan dengan jelas, bahawa tiada jalan kebaikan bagi anak Adam melainkan **syaitan** akan menutup dan menghalangi jalan itu dan **syaitan** akan timpakan **keraguan** ke dalam hati masing-masing dalam urusan akhirat tapi masih ramai yang sanggup membiarkan diri mereka dipengaruhi oleh **iblis** seperti janji **iblis** ini:

Aku akan menyesatkan mereka dalam urusan agama mereka. Aku akan meragukan mereka dalam segala macam kebenaran. Aku akan meragukan mereka dalam semua ke-

baikkan mereka. Aku membuat mereka sibuk, sehingga tidak dapat melakukan berbagai macam kebaikan.

Aku akan berikan mereka dunia dan akan buat mereka sangat 'mencintainya'. Aku akan perintahkan keburukan itu sebagai perkara yang bagus dalam pandangan mereka.

Kenapa dan mengapa sang hamba yang berilmu, yang sepatutnya membimbing, berpaling daripada Allah, tidak menghiraukan sama sekali sebab-musabab terjadinya perpecahan sesama umat? Lebih dari itu dia terus-menerus membuat kerja-kerja durhaka terhadap Allah pada siang dan malam dengan menambahkan perpecahan yang sedia ada dan memburukkan lagi image umat Islam yang sudah pun rosak. Sedangkan mereka tahu Islam itu mulia dan sempurna.

Pada zahirnya mereka ini seperti orang yang beriman, sebenarnya mereka tahu tunduk di bawah telunjuk **syaitan** yang terkutuk, musuh Allah dan pendurhaka kepada Tuannya. Mereka menyembah ego, mereka menyembah kebendaan, menyembah kuasa dan pangkat maka kehancuran dan kecelakaan pasti akan datang menimpa tidak kira siapa pun yang jadi boss mereka, siapa pun yang mendokong dan berdiri di belakang mereka.

Kebetulan boss Pusat Islam adalah Perdana Menteri kita, kawan saya, pemimpin yang saya sanjungi dan kagumi. Pemimpin yang telah saya berikan kepercayaan dan harapan untuk memimpin kita semua. Saya memainkan peranan penting dalam sejarah perjuangan merebut UMNO dari tangan mereka yang cuba mengembalikan UMNO ke zaman **feudal** sedangkan UMNO sedang menuju ke satu arah yang baru.

Saya turut bertanggungjawab meletakkan Mahathir semula di kerusi tersebut melalui buku '**CHALLENGER**' SIAPA LAWAN SIAPA. Kini menjadi tugas saya untuk mengingatkan kawan saya ini yang saya rasa akan disesatkan oleh segolongan '*the so called ulama*' dan '*The so so ulama*' kerana kepentingan peribadi mereka sendiri. Saya ingin mengembalikan beliau ke pangkal jalan. Ingin mengingatkan beliau tentang **prinsip** dan **nilai** yang menjadi pegangan dan perjuangan hidupnya selama ini. Jangan kerana *nila setitik rosak susu sebelanga*.

Untuk menyelesaikan masalah antara kawan dan guru, bukanlah satu perkara yang mudah. Yang satu penuh dengan **kuasa dan kebesaran** dan yang satu lagi dalam genggamannya dan menjadi mangsa kekuasaan.

Pada mulanya perkara ini antara Pusat Islam dan Al-Arqam, akhirnya ia telah membabitkan Ashaari Muhammad dan Mahathir Muhammad.

Kedua-duanya saya sayang. Kedua-duanya sama penting kepada bangsa Melayu dan umat Islam di negara ini. Keadaan ini jauh lebih kompleks dan komplikated dari perang 'Challenger' 1987 antara kawan senegeri dengan orang Kedah yang menjadi Perdana Menteri.

Saya tidak mahu membiarkan diri saya dalam keadaan **ditelan mati emak dan diluahkan mati bapak**. Antara Mahathir Muhammad dan Ashaari Muhammad ibarat dua anak sungai yang sama-sama menuju ke muara, tidak ada '*personal clash*', tidak ada '*power struggle*'. Hanya '*school of thought*' sahaja yang memisahkan mereka.

Mahathir mempunyai liku-liku dan lurah yang mesti dilalui untuk membawa bangsa seperti yang dia cita-citakan mengikut visi dan impiannya kemakmuran dan kebahagiaan di dunia. Beliau menggunakan ideologi ciptaan manusia. Tetapi Ashaari yang mahu mengikut **blue print** yang sudah ditetapkan oleh Al-Quran dan Sunnah tidak dapat diterima oleh Mahathir kerana Ashaari lebih mengutamakan rohani dan akhirat. Perbezaan yang jelas antara mereka ialah, yang dipimpin oleh Ashaari cuma umat Islam tapi Mahathir mempunyai tanggungjawab terhadap semua rakyat Malaysia yang majmuk.

Sebelum saya meneruskan bab ini, saya perlu memberi penjelasan sekali lagi mengenai **syaitan** yang saya maksudkan di dalam tulisan ini. Pertama, **syaitan** yang dijadikan oleh Allah, yang kedua ialah **setan** yang **terbesar** di dunia iaitu Amerika dan regunya British yang pernah menjajah kita dan masih terus **menjajahi pemikiran dan hati perut** sebahagian dari pemimpin kita hampir di semua jurusan termasuk jurusan agama yang mengikuti aliran **Wahabi**.

Kita sedang bercakap pasal **setan besar**, Amerika yang menjadi musuh kita, yang sedang **menganiayai** negara dan rakyat kita khu-

susnya negara-negara Islam. **Setan** yang dalam masa yang sama telah menakluki **Pusat Islam** sedunia iaitu Mekah dan Madinah. Dunia tahu bahawa Amerika telah menguasai keluarga dan kerajaan Saud yang mengamalkan amalan **Wahabi**. Dan **Wahabi** ketika ini masih berjaya menjadikan sebahagian dari **dunia Islam** yang memerlukan bantuan **keuangan** dari kerajaannya sebagai jajahan **mazhab** ciptaan Muhamad Abdul Wahab. Fahaman Wahabi telah dijayakan ideologinya oleh British dengan menggunakan keluarga Saud yang telah menawan Hijaz dan Najad sebagai milik keluarga mereka. Wahabi menghulurkan bantuan dengan memulas tangan pihak yang menerimanya supaya tunduk kepada kehendak dan kemahuan mereka.

Selagi Mekah dan Madinah dikuasai oleh mereka dan selagi mereka masih mempunyai kekayaan selagi itulah Amerika dan sekutunya masih belum tersungkur. Umat Islam belum bangkit dari tidur selagi **ombak ketiga** belum melanda dunia dan selama itulah umat Islam yang **daif**, melarat dan miskin bukan saja terpaksa sujud menghadap Kiblat tapi terpaksa tunduk kepada kehendak dan kemahuan mereka yang pada kulitnya saja sebagai ahli agama kerana bangsa mereka Arab, bahasa mereka bahasa Al-Quran dan mereka mengikuti Sunnah Nabi tetapi dari segi amali dan aklinya bangsa Melayu jauh lebih baik dari mereka.

Sesungguhnya Allah tidak sama sekali mahu mendatangkan kecelakaan dan kehancuran, melainkan kepada orang-orang yang benar-benar berlaku jahat dan derhaka kepada-Nya. Semua ini tentulah menunjukkan betapa luasnya rahmat dan kurnia Allah kepada sekalian hamba-hamba-Nya. Saya tidak terkejut apabila Amerika kecundang akibat keruntuhan moral politik dan ekonominya seperti yang telah berlaku pada Rusia. Arab Saudi yang menjadi alatnya pun akan turut menerima padahnya.

Apakah sesudah tersingkapnya hal yang begini kita masih tidak mahu membuat sesuatu untuk agama Allah? Kita tahu, setiap hari kita melafazkan dan mendengar bahawa **Allah itu Maha Besar**, tapi kenapakah kita masih tunduk kepada kehendak **setan** besar (Amerika)? Kita sanjung mereka sebagai kuasa besar sedangkan kita tahu berhala besar yang sedang disembah oleh manusia-manusia yang daif sedang menuju kehancuran. Kenapa kita tunduk kepada nafsu dan

kebendaan? Kenapa? Kerana rohani kita lemah, hati kita kosong dan tidak berzikir mengingati Allah.

Ramai manusia terlupa akan janji mereka kepada Allah semasa berada di alam roh, "*Alastu birabbikum, Qalu bala syahiddna*", bahawa mereka dijadikan untuk **menyembah Allah**. Allah tidak jadikan kita semua melainkan dengan tujuan setiap manusia mempunyai tugas dan perjuangan untuk mentaati Allah menentang kemungkaran. Apakah ikut saja kemahuan mereka yang berkuasa tanpa memikirkan benar dan salah bukan satu **kemungkaran**?

Bezanya kita dengan makhluk yang lain adalah **akal** yang Allah anugerahkan kepada kita. Kebanyakan mereka yang jadi penghuni neraka adalah mereka yang **ada mata tak melihat, ada telinga tak mendengar dan ada akal tak berfikir**. Kita sepatutnya sentiasa berfikir untuk apa Tuhan mencipta kita? Siapa kita? Siapa Tuhan kita? Dan kemana kita sesudah mati? Kita mesti tanya diri kita setiap masa tentang tanggungjawab kita terhadap agama Islam yang kita anuti. Dari segi ini saya dapati Ustaz Ashaari yang saya kenali mempunyai pemikiran yang sama macam saya. Beliau sentiasa mengingatkan manusia tentang tugas mereka terhadap Allah dan tugas terhadap sesama manusia.

Saya telah mengenali Ustaz Ashaari dalam tahun tujuh puluhan sesudah membaca bukunya yang berjudul **MENGENAL DIRI MELALUI RASA HATI**, secara kebetulan buku pertama saya mempunyai judulnya yang sama, '**FIRASAT**' RAHSIA MENGENAL DIRI cuma subjeknya saja yang berbeza. Saya menulis mengenai kulit, Ustaz Ashaari menulis mengenai isi, mengenai **kerohanian** dan mengenai **tasauf**. Namun kita cuba membawa manusia supaya berfikir mengenai dirinya dan manusia disekelilingnya. Ada mata melihat, ada akal berfikir, itulah **firasat** ikut cara saya bila melihat wajah-wajah manusia.

Saya mula mengenali Sheikhul Arqam dan Jemaah **Aurad Muhammadiyah** secara pribadi pada tahun 1987 selepas buku saya '**CHALLENGER SIAPA LAWAN SIAPA**' dibawa ke mahkamah oleh Datuk Musa Hitam. **TALQIN UNTUK UMNO** adalah buku pertama saya yang memperkenalkan Ustaz Ashaari dengan tajuknya

Ashaari bakal jadi Perdana Menteri. Hal itu telah menimbulkan kontroversi. Mulai dari itu kami menjadi lebih mesra walaupun kami hanya berjumpa sesekali untuk seketika saja.

Buku kedua Ustaz Ashaari yang saya baca ialah *Matlamat Perjuangan Islam*, cetakan pertama Disember 1987. Antara yang menarik minat saya ialah kata-katanya:

Secara keseluruhannya, perjuangan menegakkan kalimah Allah menurut pengertian perkataan kalimah seperti yang telah kita bentangkan dalam Bab 3 tadi adalah merupakan satu perjuangan memperkenalkan dan menegakkan Islam ke tengah-tengah masyarakat manusia. Kita berjuang mengenalkan Islam secara keseluruhan kepada manusia ini agar manusia benar-benar kenal kepadanya dan dapat menjamin keselamatan hidup manusia ini di dunia dan juga di akhirat.

Matlamat Perjuangan Menurut Islam, halaman 20

Walaupun saya tidak mampu melakukan apa yang dilakukan oleh Ustaz kerana saya tidak mempunyai didikan agama secara bersekolah tapi sebagai seorang Islam saya mempunyai keinginan yang sama dalam memperjuangkan Islam.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap mereka yang mengucap dua kalimah syahadah menyampaikan walau sepotong ayat. Berdakwahlah seperti yang disabdakan oleh nabi kita. Islam bukan hak milik kerajaan atau terletak di bahu ulama resmi saja.

Saya dapati ada persamaan antara kami dari segi memperjuangkan Islam. Bezanya Ashaari adalah seorang murabbi, guru, seorang ulama dan pendakwah sepenuh masa yang cuba memperjuangkan Islam secara menyeluruh sedangkan saya cuma berjuang melalui penulisan dan penyampaian secara lisan.

Kebetulan nasib saya baik kerana saya telah berkenalan dengan para ulama besar yang termasyhur sejak saya masih di pangkuan ayah lagi. Abah suka membawa saya kemana saja beliau pergi menemui ulama antaranya; Syed Yusuf Al-Zawawi dan Sheikh Hassan Yamani. Aya-

handa Zaki Yamani bekas menteri minyak Arab Saudi. Kedua-dua ini pernah jadi Mufti Besar Terengganu juga Dato Syed Alwi bin Tahir Al-Haddah Mufti Besar Johor yang tidak ada tolak ansur dan kompromi dalam soal loteri dizaman Tunku. Habib Muhammad bin Salim Alattas dari Singapura, dari Indonesia dan Hadaramut. Kiranya saya mahu menyebutkan satu persatu tentulah ramai. Walaupun ketika itu saya masih budak-budak lagi tapi berkatnya masih saya rasakan hingga ke hari ini.

Sebagai seorang penulis perisik selain dari membaca buku Ustaz, mengkaji dan meneliti pemikirannya saya mengikuti jejak-jejaknya. Saya pergi ke tempat-tempat beliau membuat expedisinya, saya ke Phuket, Hadyaai, Bangkok di Thailand dan ke Singapura. Saya menemui para ahlinya di London dan di beberapa buah negara lagi. Saya dapati Ashaari bukan jenis **ulama** yang hanya pandai **berceramah** dan **berpidato** di **masjid-masjid** saja. Bukan juga jenis ulama pondok yang masih berfikiran pondok walaupun umat Islam sudah hidup di bangunan pencakar langit. Bukan dari jenis ulama yang mumpu-nyai deretan ijazah.

Biarpun beliau seorang **'drop out'** macam saya, tapi saya menganggap beliau seorang **'genius'**. Beliau bukan sekadar **berdakwah**, bukan sekadar memberi **ceramah agama**, **menulis rencana** dan **buku** tetapi beliau adalah seorang guru, seorang Murabbi, seorang pemimpin yang mempunyai karisma yang dihormati dan dimuliakan. Beliau juga seorang ahli politik dan pentadbir yang baik. Sejauh ini beliau berjaya mempraktikkan apa yang dikata dalam **blue print** di dalam buku-bukunya namun sebagai seorang manusia biasa beliau tidak terlepas dari membuat salah dan khilaf. Beliau berjaya membimbing keluarga dan pengikutnya ke arah yang nak dituju.

Perbezaan antara Ashaari dan Dr. Mahathir yang saya kagumi ialah Mahathir mengutamakan kehidupan kebendaan untuk kesejahteraan rakyat dari segi kebendaan dan cara hidup di dunia. Cuba kita baca impian Dr. Mahathir yang selalu saya ulangi dalam hampir setiap buku saya seperti RTM di bawah pimpinan Tok Mat Bulat menyiarkan lagu setia.

FANTASI DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD:

"Saya mimpikan sebuah negara di mana tiada siapa yang papa — setiap orang adalah memadai cukup pakaianya, sambil menikmati usia lanjut yang sihat — sebuah negara di mana setiap anak kita menikmati pelajaran yang secukupnya agar nanti, bila tiba masanya, mereka akan berkemampuan mengambil tanggungjawab dari ibubapa mereka — lebih-lebih lagi, saya mimpikan sebuah negara yang akan dihormati dan dicontohi oleh setiap negara lain di dunia ini.

5hb. April 1982

Itulah cita-cita, mimpi dan visi Dr. Mahathir untuk rakyat Malaysia. Saya mengkaguminya, susah nak cari anak Melayu macam dia. Namun sebagai seorang umat Islam kita mesti bertanya bagaimana dengan hidup sesudah mati? Bagaimana dengan amalan kita? Macam mana nasib kita semasa di dalam kubur keseorangan? Apakah yang kita tinggalkan anak-anak yang soleh yang boleh membantu kita di akhirat nanti?

Kebanyakan dari pemimpin kita cuma berjaya di satu bidang saja. Seperti ulama-ulama pondok mereka masih di tahap lama, tidak mahu membawa perubahan, tidak terlibat dengan perkembangan dunia. Tak ambil tahu nasib saudara mereka beramal untuk diri dan kelompok mereka saja.

Sesudah empat tahun saya mendampingi Ustaz Ashaari dan para pengikutnya, saya dapati pertubuhan ini patut mendapat perhatian dan pembelaan serta sokongan seperti yang saya berikan pada Mahathir. Mahathir memikirkan hidup sesudah bersara, sedangkan hidup sesudah bersara terlalu cepat dan murah kalau dibandingkan dengan hidup di alam kubur, di alam akhirat yang terlalu panjang dan berliku-liku. Kita beri makanan pada batang tubuh, kita beri makanan untuk otak dengan membaca. Bagaimana dengan makanan untuk roh kita? Manusia hidup resah gelisah. Kehidupan menjadi haru-biru jika roh mereka dibiarkan kelaparan tidak adaimbangan tubuh badan sihat sedangkan roh hidup di dalam kesakitan.

Setiap umat Islam yang mahukan Islam kembali ke zaman keagungannya iaitu mempraktikkan Islam seperti yang dituntut oleh Allah yang ditulis di dalam buku Ustaz Ashaari:

Jelaslah bagi kita di sini bahawa perjuangan yang paling diredai oleh Allah ialah perjuangan ke arah meninggikan kalimah Allah. Demikian itulah matlamat perjuangan yang mesti dijadikan pegangan kepada semua umat Islam sama ada dia berjuang secara langsung atau tidak langsung. Jadi tanggungjawab yang telah dibebankan oleh Allah kepada semua umat Islam ialah untuk menghidup dan meninggikan kalimah Allah di muka bumi ini. Semua umat Islam mesti perjuangankan agar kalimah Allah itu diamalkan dan didaulatkan sepanjang masa dan di semua lapangan hidup.

Ashaari bukan seorang 'gangster' dan bukan seorang yang sesat seperti yang didakwa oleh Haji Zainal Abidin, boss Pusat Islam. Mustahil orang yang sesat boleh tulis 50 buku agama. Orang yang tak sesat seperti boss Pusat Islam nak tulis satu buku pun susah. Cuba tanya ulama Pusat Islam berapa banyak buku yang mereka sudah hasilkan untuk melayakkan diri digelar ulama? Sunnah Nabi pada wajah dan pakaian pun susah nak nampak, tak bermisai dan berjanggut dan tak berjubah berserban. Nak layakkan diri jadi polis trafik pun, mesti pakai uniform... baru orang percaya.

Nak haramkan majalah dan buku-buku memanglah senang. Pengikut dan peminat Ashaari bukan jenis 'Mat gian' atau orang yang mencari jalan escapisme tetapi kebanyakannya terdiri dari ramai para cendekiawan dari universiti dalam dan luar negeri. Kebanyakan dari mereka mempunyai deretan ijazah. Mustahil orang yang begini mahu ikut pemimpin yang sesat. Seandainya menjadi pengikut Ustaz Ashaari dilabelkan sesat, saya lebih rela dengan label sesat daripada mengikut mereka yang telah menyesatkan ummah kerana kepentingan perutisme.

Sejak perjumpaan dengan Ustaz Ashaari, beliau tidak pernah meminta saya menukar identiti. Tidak juga menuntut saya menjadi pengikutnya dengan pakai serban, pakai jubah. Beliau tidak cuba mempengaruhi saya dengan pakaiannya dan gayanya.

Beliau tidak pula menegah saya memakai pakaian yang saya pakai. Ramai kawan-kawan yang macam saya dianggap oleh Ashaari sebagai ahli Arqam batik atau Arqam blue jeans. Yang penting bagi saya ialah, saya mesti faham ialah matlamat perjuangan ustaz Ashaari.

Perjuangan menegakkan kalimah Allah bererti kita berjuang memperkenalkan Islam secara keseluruhan. Baharu hukum-hukum wajib, sunat, haram, makruh dan harus dapat ditegakkan dengan betul dan jelas ke atas perkara-perkara yang tersebut diatas. Dan apabila terdapat keselarasan di dalam pegangan kepada hukum-hukum tersebut, maka akan lahirilah umat Islam yang kehidupan beraqidah, beribadah, berdakwah, berukhwah, bertarbiah, berketenteraan dan seterusnya berdaulah.

Islam adalah agama yang menyeluruh yang boleh memandu hidup manusia dalam semua perkara sama ada yang zahir mahupun yang batin. Kita tidak akan dapat menikmati kehidupan berIslam kalau fahaman kita secara serpihan-serpihan. Dengan demikian juga kita tidak akan dapat mengamalkan Islam secara keseluruhan. Menurut Islam, individu dan masyarakat manusia yang dikatakan berjaya di dalam Islam ialah apabila mereka berjaya menegakkan aqidah, ibadah, dakwah, jamaah, jihad, amrul bil makruf wanahyun anil mungkar, akhlak, keluarga, masyarakat, ikhtisad, tarbiah ketenteraan dan daulah. Ertinya, Islam adalah merangkumi seluruh aspek yang disebutkan itu.

"Masuklah kamu ke dalam Islam itu secara keseluruhannya."

Al-Baqarah: 207

Ini ialah blue print Ustaz Ashaari yang telah diresapkan dan cuba dipraktikkan ke dalam jemaah Arqam. Sejauh mana kejayaannya, sedikit telah pun kita lihat dan kita akan dapati generasi pertama Arqam kini mula melahirkan anak-anak seperti yang ibubapa mereka cita-citakan. Mudah-mudahan mereka menjadi anak-anak yang *soleh* dan *solehah*. Anak-anak yang boleh menolong ibubapa di akhirat nanti. Anak-anak yang tidak akan memberi masalah sosial kepada orang tua mereka. Anak-anak yang akan mempunyai nilai hidup yang dituntut oleh Islam, yang akan membawa keamanan dan kebahagiaan kepada ne- gara kita kerana Islam adalah kesejahteraan.

Perubahan pertama ini jelas kita lihat dari sikap kedua ibubapa yang berketurunan Islam yang telah bertukar dan diperbaiki akidahnya. Ustaz Ashaari mendidik nilai-nilai keIslaman dan mereka mengubah

sikap setelah menerima didikannya melalui kelas-kelas fardu ain yang dengan itu mereka dapat membezakan yang haram, makruh dan halal.

Syukur kita pada Allah kerana sesudah 30 tahun merdeka baharu lahir satu *brand* manusia yang Islamnya boleh dibanggakan. Bukan Islam seperti yang dikehendaki oleh penjajah, Islam kulit. Itulah sebabnya Al-Arqam terpaksa membuat perkampungannya sendiri, mengadakan cara hidup tersendiri. Dan makan makanan yang dikehendaki oleh Islam, rohani dan jasmani.

Mereka telah menerima Islam sebagai cara hidup, bukan sekadar Islam keturunan, hati mereka ini dibasuh dan dibersihkan dengan amalan doa dan zikir di samping berusaha untuk bekal hidup sesudah mati. Mereka tidak meninggalkan dunia. Mereka mengejar kemajuan di semua bidang.

Kehidupan yang sedang dilakukan oleh Ustaz Ashaari dan kumpulannya ini ada persamaan dengan yang telah dilakukan oleh Raja segala wali, iaitu dengan menjalani latihan kerohaniannya dan kembali semula ke tengah masyarakat untuk berdakwah dan menjalankan kerja-kerja kemasyarakatan yang lain tanpa mengabaikan penumpunya kepada Allah dalam amalan-amalan kerohanian.

Mereka yang mempelajari sejarah kehidupan Sheikh Abdul Kadir Jailani akan mendapati cara hidup Sheikhul Al-Arqam tidak sesat seperti yang didakwa. Bersama-sama ini saya ambil ringkasan hidup Al-Jailani untuk dibuat perbandingan.

Al-Jailani sebenarnya telah berkecimpung secara amali dalam aktiviti-aktiviti dakwah atau dakwah secara praktikal. Setelah berumur 50 tahun beliau mula muncul dari tempat menjalani latihan tasawufnya yang begitu lama. Pada tahun 52/1127M beliau muncul di depan umum sebagai pendakwah dan pendidik. Kemasyhuran-nya sebagai pendakwah dan pendidik tersebar luas.

Enam tahun selepas kemunculannya di khalayak ramai gurunya Abu Said al-Mukharrani telah menyerahkan sebuah madrasah supaya ditadbirkannya.

Madrasah tersebut berkembang dengan cepat atas bantuan dan sokongan para dermawan pada masa itu, madrasah ini beliau jadikan

sebagai pusat dakwahnya yang dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti yang bermacam-macam seperti mengajar pada tiap-tiap hari ilmu-ilmu tradisi Islam, di antaranya Al-Quran, Tafsir, Hadith, Fiqah, Tauhid dan lain-lain. Selain dari tiga kali seminggu memberi syarahan umum kepada orang ramai, beliau juga bertugas sebagai mufti, mengarang buku dan menjalankan *tarbiyah rihiyah* secara khusus untuk murid-murid yang bakal dihantar ke setiap pelusuk dunia pada masa itu untuk berdakwah dan mengembangkan ajaran-ajaran tarikatnya.

Reputasinya telah menarik minat orang ramai datang berduyun-duyun untuk mendengar syarahannya atau datang untuk membuat bay'ah atau sekurang-kurangnya untuk 'mengambil berkat' darinya.

Dengan ilmunya yang luas dibantu pula oleh kekuatan kerohanian, beliau telah berjaya mengIslamkan beratus-ratus orang Yahudi dan Kristian selain dari tidak kurang dari 70,000 orang-orang Islam yang fasiq telah bertaubat di tangannya, itulah kekeramatan yang jelas dari ketokohan Syeikh Abdul Al-Qadir Al-Jailani.

Orang-orang yang bertasawuf sahaja tetapi tidak berdakwah yang hanya menghabiskan masanya dengan berzikir sahaja kepada Allah SWT pada pandangan beliau, mereka berada di tahap yang lebih rendah dari mereka yang bertasawuf dan berdakwah. Al-Jailani menjelaskan golongan ini dengan katanya:

"Jenis ketiga ialah golongan orang yang mempunyai hati tetapi tidak ada lidah, dia seorang yang beriman, Allah telah melindungi mereka dari makhluk dan menggantungkan di keliling mereka dengan tabirNya dan memberi mereka kesedaran tentang cacat cela diri mereka. Allah menyinari hati mereka dan menyedarkan mereka tentang kejahatan yang timbul oleh kerana kejahatan bercakap banyak. Mereka ini tahu bahawa keselamatan itu terletak dalam 'diam' dan berkhawat".

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Sesiapa yang diam akan mencapai keselamatan. Para ulama juga ada berkata yang bermaksud: "Sesungguhnya berkhidmat kepada Allah itu terdiri dari sepuluh bahagian, sembilan darinya terletak dalam diam. Oleh itu mereka adalah wali Allah."

Beliau juga menjelaskan bahawa kalau hanya berdakwah sahaja tetapi tidak bertasawuf, maka mereka hanya termasuk dalam golongan yang lebih rendah dari golongan orang bertasawuf tetapi tidak berdakwah:

"Satu jenis lagi manusia ialah mereka ada lidah, tetapi tidak ada hati. Mereka bijak bercakap tetapi tidak melakukannya seperti yang dicakapkannya. Mereka mengajak manusia kepada Allah, tetapi mereka lari dari Allah. Mereka benci kepada maksiat yang dilakukan oleh orang lain tetapi mereka sendiri bergelumbang dalam maksiat itu. Mereka menunjukkan kepada orang lain yang mereka itu soleh, tetapi mereka sendiri melakukan dosa-dosa yang besar. Bila mereka bersendirian mereka bertindak selaku serigala yang berpakaian manusia."

Manusia jenis ini telah diberitahunya oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud:

"Yang paling aku takuti ke atas umatku ialah orang munafiq yang sangat pandai bercakap." Sabdanya lagi yang bermaksud: "Yang paling aku takuti ke atas umatku ialah dari alim ulama yang jahat. Kita berlindung dengan Allah daripada orang alim seperti itu. Oleh itu lari dan jauhlah diri kamu dari orang-orang seperti itu. Jika tidak kamu akan terpengaruh oleh kata-kata manisnya yang bijak bicara itu dan api dosanya itu akan membakari kamu dan kekotoran hatinya akan membunuh kamu."

Dengan pendapat yang diutarakan oleh beliau jelas menampakkan kepada kita pertalian dan perhubungan yang padu di antara tasawuf dan dakwah. Manusia ideal mengikut pandangan Al-Jalani ialah manusia yang menuntut ilmu, beramal dan seterusnya menyampaikan pula kepada orang lain (berdakwah). Jadi kombinasi di antara tasawuf dan dakwah adalah penting. Dakwah sahaja tanpa tasawuf akan pincang dan tidak bermanfaat. Begitu juga tasawuf sahaja tanpa dakwah belum lagi menjadi ideal, walaupun mendatangkan manfaat kepada pengalamannya, tetapi tidak menyinari orang lain.

Oleh itu tasawuf seperti yang diutarakan oleh beliau bolehlah dianggap sebagai '*tasawuf dakwah*' kerana ia tersangat rapat dengan

dakwah dan syari'ah, manakala huraian yang dibuat oleh Al-Jilani dikuatkan dengan membawa ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW.

Umat Islam mampu mengeluarkan penjajah dari tanahair mereka. Namun tidak ramai di kalangan mereka yang dapat memerdekakan pemikiran (*mind*) dan cara hidup, terutama para intelektual yang telah diresapi oleh budaya barat yang telah diindoktrikasi ke alam pemikiran dan jiwa mereka melalui sistem persekolahan, media cetak dan elektronik.

Penjajah berjaya menanam benih-benih kefasikan dalam diri umat Islam yang lalai. Apabila mereka meninggalkan negara umat Islam, tumbuhlah peribadi di kalangan putera-puteri Islam manusia-munusia yang bemama Islam tetapi jiwanya sarat dengan idealisme barat yang jelas bercanggah dengan Islam. Antaranya ialah manusia-manusia yang bangga dengan sifat '*individual*' sanggup memutuskan silaturrahim sesama saudara dan hidup nafsi-nafsi, akibat dari isme-isme tersebut yang telah mendarah-daging lalu menjelmakan suatu kemelut dan krisis nilai, aqidah, akhlak.

Lahiriah intelektual yang pemikirannya telah dipenuhi fahaman yang dikutip dari buku-buku rujukan yang mereka pelajari. Mereka ini menggunakan akal fikiran tanpa menyatukan hati bila berhadapan dengan subjek ketuhanan akibat merasa diri sudah pandai.

Yang sedang dilakukan oleh Ashaari adalah untuk mengembalikan mereka ini ke jalan yang lurus, jalan yang dituntut oleh Al-Quran dan Al-Sunnah. Mereka ini disesatkan oleh penjajah yang mempunyai perancangan yang sudah berjalan lama tanpa diketahui umum kerana kebijanya penjajah mengatur strategi. Mereka telah memperalatkan umat Islam sebagai *front*, atau sebagai dahan dari pohon yang digunakan sebagai batang kapak untuk meruntuhkan pokok.

Kita sebagai umat Islam, umat ad-Din yang suci dan mulia, sewajarnya insaf bahawa usaha untuk membebaskan ummah dari belunggu simpang-siur faham dan memindahkan landasan hidup yang asing itu kepada ad-Dinul Islam adalah satu program yang menjadi kemestian dan mesti bersifat prioriti dalam hidup ini.

Umat Islam sebenarnya mempunyai jaminan hakiki dari Allah

bukan sekadar untuk mengecapi keunggulan hidup malah akan bangkit sebagai peneraju kepada penerusan keunggulan hidup bagi manusia seluruhnya. Di tangan umat inilah sebenarnya terenggam kunci-kunci yang akan membukakan pintu-pintu kemakmuran dan keharmonian hidup untuk manusia sejagat tanpa memikirkan warna kulit dan darah keturunan.

Di tangan umat Islam terdapat Al-Quran yang merupakan cahaya hidayah yang dijamin kebenarannya oleh Allah. Di hadapan kita juga terbentang luas Sunnah Rasul-Nya SAW, yang telah menjelmakan tuntutan Al-Quran itu dalam bentuk praktikal hidup yang *syumul* dan *kamil*. Mana ada umat di muka bumi ini yang memiliki sumber kekuatan yang amat berharga seperti apa yang ada pada kita? Dan ditubuh kita ada akal fikiran yang boleh membezakan yang benar dan yang sesat. Kita ada Allah, yang mencipta alam dan segala sesuatu ini, yang di sisiNya terletak kuasa mutlak dan dihadhirat-Nya jualah terhimpunnya seluruh kemuliaan dan kebahagiaan yang hakiki.

Bersama kita juga adalah Al-Rasul SAW yang merupakan qudwah terbaik untuk kemanusiaan sejagat. Lalu apakah sebenarnya yang kurang pada kita, sehingga kita terpaksa begitu merempat, mengemis ke sana ke mari memohon ihsan dari otak-otak manusia yang lemah dan dangkal. Apakah kita lebih yakin pada idealisme binaan manusia dalam usaha kita untuk mengangkat martabat ummah ini daripada kita bergantung kepada tali Allah, iaitu Al-Quran?

Mereka yang sudah dididik dan masih menjadi agen-agen pemikiran *imperialist* barat merasakan penerapan nilai-nilai Islam sebagai satu amalan yang sangat menakutkan kerana mereka digerunkan akan kehilangan nikmat dunia yang diada-adakan supaya manusia terus hidup dalam alam khayalan. Hanya melalui jalan *sufi* mereka akan sedar semua ini. Biarlah Pusat Islam nak kata jalan *tarik* yang diamalkan oleh Arqam itu sesat tapi bagi saya Haji Zainal Abidin itulah yang sepatutnya bertaubat dan balik ke pangkal jalan.

Apakah pemikiran Ashaari boleh mengubah masa depan bangsa dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial seperti yang dikatakan di dalam buku pertamanya, *Matlamat Perjuangan Menurut Islam*?

Pertalian di antara *tasawuf* dan *dakwah* adalah sesuatu yang jelas sekali dalam pemikiran dan amalan Syiekh Qadir Al-Jailani Gauzal Azam Sultanul Alwalia. '*Tasawuf*' bukanlah sesuatu yang bercanggah dan bertentang dengan kehidupan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya.

Orang-orang Sufi, juga orang-orang Muslim biasa seharusnya menjadikan kehidupan Rasulullah SAW sebagai cara hidup yang paling '*ideal*' kerana cara hidup begini adalah sebagai pengukur bagi kecemerlangan dan keunggulan seseorang Muslim dan Sufi. Maka kepada mereka yang telah menyedari bahawa mereka telah sesat ke hujung jalan, marilah kita semua kembali ke pangkal jalan.

*Tunjuklah Kami Ke Jalan Yang Lurus
Jalan Orang-Orang Yang Telah Engkau
Anugerahkan Nikmat Kepada Mereka*

*Bukan Jalan Mereka Yang Dimurkai
Dan Bukan Pula Jalan Mereka Yang Sesat*

MB Kelantan syor merdekakan fikiran

KUALA TERENGGANU: Menteri Besar Kelantan Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat mengakui bahawa beliau tidak pernah memijakkan kakinya di Stadium Sultan Mohamad Ke IV di Kota Bharu kecuali pada Hari Kemerdekaan yang disambut pada 31 Ogos lalu.

Menteri Besar Kelantan itu berkata, beliau menerima tabik hormat dari pihak tentera yang berbaris dan pakatan yang dipakai pada masa itu ialah berserban.

Dalam ucapannya di Himpunan Pemuda Islam Terengganu (HIMPIT) di sini, Haji Nik Abdul Aziz berkata, erti Kemerdekaan sebenar masyarakat di negara ini ialah bila wujudnya kebebasan rakyat untuk berfikir.

"Saya rasa, untuk mencapai kemerdekaan bukanlah sult sangat. Tapi, untuk memerdekakan pemikiran rakyat merupakan sesuatu yang amat sukar untuk dilakukan," ujarnya.

Beliau berkata, tanahair tidak menjadi harga yang mahal kerana hanya cuma untuk menempatkan penghidupan manusia

dan kemudiannya mencari rezeki sementara menunggu saat kematian.

Bagaimanapun, katanya, yang lebih mustahak ialah kemerdekaan pemikiran dan kemudiannya mewujudkan keimanan dan ketakwaan supaya dijamin masuk syurga bila tiba di alam akhirat kelak.

"Bila manusia menjadi orang yang beriman, seluruh kehidupan akan menjadi berharga. Inilah kehendak Islam yang perlu dijadikan erti kemerdekaan sebenar," tegasnya.

Sementara itu, HIMPIT yang dianjurkan oleh Dewan Pemuda PAS negeri ini telah berjaya mengumpulkan lebih 30,000 orang dan beberapa program telah diatur untuk menjayakan rancangan tersebut.

Antara lain, HIMPIT telah juga mengada-



Haji Nik Aziz Nik Mat

kan program tablo, lakonan kanak-kanak dan ikrar pejuang Islam di samping beberapa ceramah raksasa.

Perasmian HIMPIT dilakukan oleh Timbalan Yang Dipertua PAS Pusat Haji Abdul Hadi Awang manakala penutupnya pula dibuat oleh Menteri Besar Kelantan Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Kira-kira \$9,000.00 derma kilat telah berjaya dipungut oleh petugas-petugas PAS bila sahaja pengumuman derma jihad dilancarkan oleh pengerusi pada malam terakhir itu, Haji Husein Ismail.

Para pemimpin Semangat 46 seperti Tengku Seri Paduka Raja, Tengku Ibrahim Ismail, ADUN Semangat 46 Bukit Tinggi, Haji Adam Ali dan beberapa yang lain turut hadir untuk meraikan majlis yang julung kali diadakan di negeri ini.



Dr. Mahathir: Saya tahu you sudah banyak berjasa kepada saya. Sejak you saya lantik jadi Timbalan belum pernah timbul apa-apa kekacauan dalam negeri bila saya membuat kerja-kerja di luar negeri, terima kasih. You adalah seorang Timbalan yang baik tetapi you kena ingat kita ini sama-sama orang tua. Orang tua kena banyak sabar, tidak akan lari gunung dikejar. Rezeki kita tak akan jadi rezeki orang lain. Sebagai orang yang beriman kita mesti percaya pada qadak dan qadar. Kalau dah ditakdirkan you akan jadi Perdana Menteri buat apa susah hati.



Dr. Asmah: Yang, cuba you tengok-tengokkan sikit Pak Habib kita tu. Tiba-tiba dia nampaknya marah sangat pada kita, pasal apa?

Dr. Mahathir: Pak Habib tu memang macam itu. Dia bukan peduli siapa, dia bukan takut pada sesiapa. Apa dia rasa sedap nak tulis dia tulis. Saya dulu masa muda-muda macam itu juga, tulis surat, tulis buku, you sudah lupa ke? Jangan-jangan dia ada cita-cita nak jadi Perdana Menteri macam saya, tak.



Al-Sultan yang telah banyak menimbulkan kontroversi. Begitu juga dengan puteri Baginda Tengku Puteri. Perkahwinan Al-Sultan dengan Cik Puan Aishah menjadi 'Talk of the town'. Nak salahkan pemberita dan penulis macam mana. Baginda Tuanku suka sangat dengan 'publisiti'. Inilah yang susahnyanya. Cakap salah, tak cakap, tulis salah, tak tulis lagi salah, nanti kena tanya "kenapa berita beta tidak tersiar hari ini"?

LAGENDA

TENGGU MUHAMMAD TAIB DAN PUTERI ZANARIAH

“Bukankah di dalam masa Kesultanan Melayu di zaman silam, kebanyakan dari Menteri Besar atau yang lebih dikenali sebagai ‘Memanda Menteri’ ataupun ‘Mamak Bendahara’ adalah tergolong dari kalangan yang ada kaitannya dengan istana sama ada Menteri Besar itu seorang bapa saudara, sepupu atau ahli keluarga yang dekat? Kebetulan di Selangor ini Menteri Besarnya Tan Sri Muhammad Taib adalah menantu raja. Apakah kerana kejayaan yang telah dibawa, atau kerana sikapnya yang berani dan tegas? Atau kerana beliau seorang menantu raja, maka ‘Mike Tyson’ terpaksa menghadapi cabaran yang sedemikian rupa?”

Kini Tengku Muhammad Taib telahpun menceraikan Puteri Raja. Siapapun tidak boleh berkata apa-apa. Yang menjadi tanda tanya, siapa lebih berdaulat antara Tengku Muhammad Taib dengan Sultan Sallehuddin?

KAWAN BAIK SAYA Yusof Harun, *Pengarah Urusan/Ketua Pengarang Mingguan Waktu* datang ke pejabat minta saya menulis di akhbarnya. Hendak menolak permintaannya agak berat. Bukan kerana Yusof kawan saya tetapi kerana sikap Yusof yang berani, tegas, '*liberal*' dan seorang Editor yang bersikap bebas tidak terikat pada orang tertentu serta berfikiran terbuka. Saya menerima tawarannya kerana beliau percaya kepada kebebasan menulis dan mengkritik sebagaimana yang ditakrifkan dalam kata-kata '*without fear or favour*'.

Kawan-kawan dan peminat-peminat Pak Habib pun selalu bertanya kenapa Pak Habib dah lama tak menulis. Mudah-mudahan dengan berkat doa saudara sekalian Pak Habib akan terus menulis. Menulis untuk mempertahankan yang **hak**, mengingatkan manusia supaya selalu melakukan **kebaikan** dan mencegah **kemungkar**an.

Terlebih dahulu Pak Habib mengucapkan tahniah pada **Mingguan Waktu**. Syukur kita ke hadrat Allah kerana ia dilahirkan di bulan Muharam, bulan mulia yang penuh sejarah, bulan Hijrah. Moga-moga akhbar ini akan jadi popular, berkaliber dan mempunyai '*dignity*' serta dihormati seperti **Mingguan Kota** di bawah pimpinan Yusof Harun dulu. Moga-moga ia akan berjaya menghijrahkan pemikiran para pembaca ke arah kemajuan dan kejayaan dunia dan akhirat. Semoga Allah memberkati dan menyelamatkan akhbar yang baru lahir ini daripada perbuatan **dengki**, **khianat** dan **iri hati** oleh mereka yang ingin membunuh sebuah akhbar baru yang mungkin dianggapnya sebagai persaingan dari sejak ia belum lahir lagi.

Yang menjadi persoalannya ialah '*Rencana pertama*' semoga

pertemuan '**pertama**' tidak jadi pertemuan terakhir.

Saya masih terfikir-fikir apakah cerita yang paling **popular**? Apakah rahsia yang perlu diketahui umum yang akan saya sajikan? Masyarakat suka pada '**gossip**', suka mengetahui sesuatu yang tersirat, yang tersembunyi, yang tak berani ditulis oleh orang lain yang perlu didedahkan supaya pembaca dapat berfikir dan mendapat manfaat darinya terutama ramalan mengenai perkara yang akan berlaku.

Mingguan Waktu bukan sebarang akhbar **Mingguan**, **Mingguan Waktu** mesti menepati namanya kerana Tuhan telah mengingatkan kita bahawa: '*Demi masa dan waktu manusia itu sentiasa berada di dalam kerugian*'. Semoga kita menjadi insan yang beruntung di dunia dan akhirat. Semoga kita tidak membazirkan waktu yang dipinjamkan kepada kita.

Seperti biasa cerita yang paling laris adalah cerita '**politik semasa**' yang berkaitan dengan nama-nama yang ada '**news value**' dan antara nama pemimpin yang selalu mendapat liputan media masa baru-baru ini adalah nama **Mike Tyson**. Apakah kerana **Mat Taib** menantu Sultan Selangor atau kerana Puterinya yang kontroversi yang boleh mengugat kerusi seorang Menteri Besar yang membuatkan beritanya menjadi kontroversi?

Begitu juga dengan Musa Hitam biarpun sudah hanyut dan terdampar jauh masih menjadi '**favourite**' kepada ramai ahli politik yang '**desperado**', untuk menghanyutkan ceritanya, kini beliau dikaitkan dengan Ghafar. Cerita ini dibawa balik dari Chile. Kononnya sudah ada pertemuan sulit untuk menjadikan Musa Timbalan Perdana Menteri bila Ghafar ditakdirkan jadi PM nanti kerana **ketiga-tiga Naib Presiden UMNO tidak berpengalaman dan berkemampuan**. Lagi pun mereka sering bertelagah. Pada pendapat saya kalau susah sangat nak cari pengganti Mahathir lantik saja Ustaz Ashaari '**Bapa Poligami Malaysia**'. Siapa pun tak marah kerana ramai di kalangan menteri dah jadi pengikutnya.

Sebelum saya lanjutkan kisah **Tan Sri Muhammad**, sebelum saya ambil sejarah bulan Muharam untuk ingatan bersama terlebih dahulu mari kita semua hadiahkan **Al Fatihah** untuk Nabi Besar kita Nabi Muhamad SAW, Imam Hussein r.a., kaum keluarga dan sahabatnya

yang telah menjadi korban Karbala begitu juga kepada roh para aulia dan mujahidin Islam yang telah gugur di dalam jihad fisabilillah.

Hari ini Isnin, 10hb. Muharam 1412 bersamaan 22 Julai 1991. Hari penting dalam sejarah Islam. Hari mengingati kematian Sayidina Hussein r.a., Ketua Pemuda di Syurga nanti. Imam Hussein cucu kesayangan Rasulullah dan semua keluarganya terkorban di peristiwa Karbala melainkan anakandanya Imam Ali Zainal Abidin.

Hari ini juga adalah *'dateline'* untuk saya menulis di **Mingguan Waktu**, akhbar bertuah yang telah lahir di bulan Muharam. Orang Yahudi pun mengingati 10 Muharam kerana Nabi Musa a.s. dan pengikutnya terselamat dari tenggelam ketika dikejar oleh Firaun. Namun biar bagaimanapun kita tidak boleh membiarkan **politik Muawiyah** dan **Firaun** berluasa-luasa. Sejarah telah membuktikan **fitnah, dengki, khianat** dan **membunuh** orang yang ditakdirkan akan jadi pemimpin satu kerja yang sia-sia.

Nampaknya cerita istana VS Mike Tyson mungkin berlanjutan, ia perlu sebagai bahan menungan minggu ini. Biar pun Mat Taib sudah jadi menantu raja tetapi perkahwinannya masih terus diperkatakan. Ada musuh politik yang mahu mereka bercerai dan belum pun Mike Tyson hendak bercerai dengan puteri raja *keretakan* rumahtangga mereka bukan lagi satu rahsia. Biar bagaimanapun saya ingin *'flash back'* kontroversi perkahwinan mereka.

"Bukankah di dalam masa Kesultanan Melayu di zaman silam, kebanyakan dari Menteri Besar atau yang lebih dikenali sebagai 'Memanda Menteri' ataupun 'Mamak Bendahara' adalah tergolong dari kalangan yang ada kaitannya dengan istana sama ada Menteri Besar itu seorang bapa saudara, sepupu atau ahli keluarga yang dekat? Kebetulan di Selangor ini Menteri Besarnya adalah menantu raja. Apakah kerana kejayaan yang telah dibawa? Atau kerana sikapnya yang berani dan tegas? Atau kerana beliau seorang menantu raja, maka dia terpaksa menghadapi cabaran yang sedemikian rupa?"

— WANITA TAKHTA DAN KUASA

Sebelum berkahwin dengan anak raja, nama Haji Muhammad Bin

Haji Mohd Taib tidak begitu terkenal. Adakah kerana tuah puteri raja atau tahi lalat manis di dagu Muhammad Taib yang menjadikan beliau Menteri Besar yang paling popular dan paling kontroversial di Malaysia?

Kawan saya Sasterawan negara A. Samad Said pernah bertanya pada saya sewaktu saya bertemunya di sebuah kedai buku di Bukit Bintang Plaza semasa perkahwinan Mike Tyson menjadi berita paling hangat di negara.

“Apakah isu perempuan boleh menjatuhkan seorang pemimpin?”

Saya jawab, “Tidak”. Mengikut firasat saya Mike Tyson tak akan jatuh kerana perempuan. Tetapi ada perempuan yang sanggup jatuh bergolek di kaki Mike Tyson terutama perempuan yang gilakan *rupa, pangkat* dan *kuasa*. Apabila Tan Sri Mat Taib tidak boleh dijatuhkan oleh isu perempuan seperti gagalnya musuh politik Rahim Tambi Chik di Melaka menggunakan isu yang sama, maka timbul bermacam-macam isu di negeri Selangor hingga ke peringkat tak mahu Mat Taib jadi MB lagi. Akhirnya Sultan melantik seorang Timbalan Menteri Besar. Mat Taib tetap **steady** malahan makin bertambah **kuat dan stabil** politiknya.

Mengikut *firasat* saya lagi, bahawa terdapat persamaan di antara nasib Mike Tyson dengan Dato Sri Dr. Mahathir. Isu-isu dan kekecohan serta **masalah** membuatkan mereka bertambah stabil. Mereka seolah-olah kesepian tanpa isu dan *kontraversi* kerana mereka tergolong dalam golongan ‘*The News Maker*’. Nama mereka sentiasa menjadi ‘*news value*’ sama ada *news* itu untuk *kebaikan* atau untuk *keburukan*.

Sejak mengambil-alih pentadbiran negeri daripada Datuk Ahmad Razali Ali, Tan Sri Muhammad memang bertekad untuk menjalankan tugasnya dengan baik. Kepada para wartawan yang menemu-ramah beliau di awal-awal pentadbirannya, beliau seringkali mengingatkan mereka bahawa beliau menerima tugas ini kerana **mahu membela nasib rakyat yang masih jauh miskin terutama rakyat berbangsa Melayu**. Apa yang beliau kata beliau laksanakan. Beliau tidak melalaikan tanggungjawabnya.

Di sebalik ramainya orang yang sentiasa memuji dan mendoakan beliau, maka ramai pula musuh politik dan sekutu yang merasakan kaki-kaki mereka terpijak, terus menentang dengan cara tersendiri. Namun pada diri beliau tidak terdapat sifat ego atau suka membesarkan diri. Beliau adalah Menteri Besar yang mudah digauli dan diterima oleh golongan penulis begitu juga orang ramai.

Langkah-langkah tegas dan berani yang beliau ambil bagi menyelamatkan keadaan ekonomi Negeri Selangor telah mendapat sanjungan dan pujian. Kejayaan-kejayaan awal beliau ini sudah cukup untuk mengukur kemampuan beliau mentadbir negeri Selangor. Sebab itu kepimpinannya masih diterima dengan baik oleh pucuk pimpinan.

Siapa lagi kalau tidak pemimpin yang mesti menunjukkan contoh yang baik. **Apakah menjadi satu dosa atau kesalahan Menteri kahwin satu lagi?** Anak raja yang sanggup kahwin dengannya. Dia mampu, dinikahlah... takkan bermikah pun salah? Yang salah pemimpin yang simpan perempuan sana sini, pergi disko bawa segala macam perempuan tak kira anak isteri orang tetapi pemimpin macam ini disanjung dan dipuja.

Mat Taib sudah kahwin sudahlah. Beristeri dua bukanlah satu perkara yang mudah. Beristeri satu pun susah nak jaga, perkara ini diakui sendiri oleh Dato' Megat Joned baru-baru ini sewaktu saya, beliau, Datin Paduka Zaleha Ismail, Dato Napsiah Omar duduk berbual-bual di kantin Parlimen. "***Apa nak buat jodoh pertemuan maut rezeki tanah kubur sudah ditentukan oleh Allah SWT***". Kata Megat Joned ketika kami sedang berbincang mengenai poligami. Kisah Megat kahwin satu lagi akhbar-akhbar menyepi. Apakah kerana tidak ada orang yang hendak merebut kerusi beliau atau takutkan Kementerian-nya yang dianggap sebagai **Kementerian Malaikat Maut**? Pada hal Megat mengakui yang dia sudah kahwin lagi.

Bagi orang-orang yang tidak memahami rasionalisasi mereka menganggap Menteri Besar telah membuat Sultan **murka**. Padahal kahwin lagi satu perkara biasa. **Sultan Selangor pun baru kahwin satu lagi**. Pada mulanya rahsia. Hari ini orang kampung pun sudah tahu. Yang penting tidak membuat Allah **murka** tidak mengapa. Orang lain nak **murka**, murkalah. Saya sendiri pun menerima nasib

yang sama, ramai pihak istana yang murka dengan saya kerana mengkritik mereka.

Orang ramai selalu lupa bila timbul sesuatu kejadian. Mereka terlupa sejarah yang berkaitan dengan diri pemimpin tersebut sebab itu bila timbul isu **mercun** dan **Bright Sparklers**, isu yang dianggapkan boleh meletup dan membakar Tan Sri Mohd Taib. Di sebaliknya letupan dan peristiwa itu telah menjadikan "*Blessing In Disguise*" satu rahmat kepadanya.

Beliau timbul sebagai **hero**. Sepatutnya Timbalan Menteri Besar yang bertanggungjawab kepada kes yang berlaku kerana perkara itu adalah di bawah **post** beliau sebagai **EXCO kerajaan tempatan** tapi sebagai seorang **bapa**, seorang **ketua** yang bertanggungjawab beliau pergi ke hadapan dan sanggup hilang jawatan kiranya beliau didapati bersalah.

Dan yang sangat pelik ada akhbar harian yang popular menggunakan sepenuh tenaga untuk mendedahkan dan membesarkan benda-benda yang kecil sebagai berita muka depan. Rakyat mula bertanya, apakah satu rancangan bila Perdana Menteri tak ada di dalam negeri. Mike Tyson dikeroyok habis-habisan seolah-olah mereka mahu singkirkan Mike Tyson dari kerusi Menteri Besar. Nasib baik Dr. Mahathir balik cepat. Mahathir suruh tutup berita yang boleh merugikan kerajaan dan negara. Amaran Mahathir:

Jangan cuba mengexploitkan satu tragedi nyawa manusia untuk kepentingan politik.

Saya teringat peristiwa perkahwinannya dulu, saya petik dari buku **WANITA TAKHTA DAN KUASA** di bawah tajuk **September Hitam**:

"Setelah membaca berita muka depan akhbar Utusan Malaysia tiga hari berturut-turut berhubung dengan masalah yang dikecapi oleh Menteri Besar Selangor, masalah yang kecil, 'No big deal' kata Datuk Sri Dr. Mahathir, cuma masalah menantu dan ayah mertua saja. Satu perkara kecil yang tak sepatutnya dibesar-besarkan, tapi kerana ia telah dibesar-besarkan... Busut telah dijadikan Gunung Kinabalu



Sultan: You ingat, you Ketua Pemuda UMNO dan Menteri Pertahanan saya takut ke? Saya raja you tahu tak? Saya berada di atas undang-undang. Kerusi Ketua Pemuda, kerusi Timbalan Presiden dan kerusi Presiden semuanya boleh dicabar dan boleh dipertandingkan. Begitu juga dengan kerusi Menteri dan Menteri Besar. Tolong beritahu Pemuda jangan terlampau lantang sangat, belajarlah menghormati raja. You cakap dengan Mike Tyson jangan melampau sangat, mentang-mentang dia bekas menantu saya dia ingat dia boleh buat sesuka hati ke? Saya boleh buang dia bila-bila masa saja tetapi dia tak boleh buang saya.



Kemana Datuk Seri Najib nak bawa Pemuda? Menghantar memo kepada Perdana Menteri atau memo kepada Raja sendiri?



Selalunya sokongan yang diberikan oleh orang-orang politik ini kita kena fikir, begitu juga cakap-cakap orang politik. Ramai didepan Mohd Taib memberi ikrar sokong kepimpinannya. Tapi bila mengadap Sultan cerita sudah lain sikit, jumpa Dr. Mahathir lain lagi ceritanya, jumpa Encik Ghafar satu cerita yang baru pula. Semua hendak hidup. Kerusi Menteri Besar kerusi TOL, kerusi berhantu. Yang belum menjadi Menteri Besar tunggu giliran, yang sudah dilantik pemangku sudah tentulah, yang sudah bersara pun masih mempunyai keinginan. Memang susah nak memuaskan nafsu manusia.



Temuramah khas Rosnah Majid dengan Haji Nik Aziz, MB Kelantan di Kota Bahru. (UM 24/11/1990)

[Soalan] *Sebelum pilihanraya dahulu, pihak Pas berkata, kerajaan BN adalah sebuah kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Tiba-tiba sekarang, apabila Pas dapat menubuhkan kerajaan di Kelantan, Pas mengharapkan kerajaan BN menjadi bertanggungjawab. Jika kerajaan BN tidak menunaikan tanggungjawabnya terhadap Kelantan, tidakkah ini merupakan sesuatu yang memang di dalam jangkaan Pas?*

[Jawapan] Dato' Sri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan saya sebagai Menteri Besar bertanggungjawab antara satu sama lain. Kalau Kerajaan Pusat tidak mahu memberi peruntukan yang memang ditetapkan oleh Perlembagaan, apa kata jika kami juga tidak memberi hasil cukai yang dipungut di Kelantan?

Sebanyak lebih \$112 juta hasil kutipan dalam Negeri Kelantan diberikan 100 peratus kepada Pusat bagi tahun ini sehingga Oktober.

Peruntukan yang patut diberi oleh Pusat pada 1991 ialah \$64 juta. Ertinya, Kelantan memberi lebih \$48 juta kepada Pusat.

Jika saya yang berkata bahawa kami tidak mahu memberi hasil kutipan ini kepada Pusat, apakah betul pendirian saya itu? Saya tidak pernah berkata, yang saya tidak mahu beri \$112 juta itu.

Jadi cakap-cakap yang mengatakan Pusat tidak mahu memberi peruntukan kepada Kelantan adalah tidak betul caranya.

Inilah sebab kenapa saya menjemput Perdana Menteri datang ke Kelantan, untuk membetulkan hal-hal seperti ini. Cakap-cakap ini menimbulkan kegelisahan, jadi saya sebagai Menteri Besar mesti mengambil tindakan membetulkan keadaan ini.

TOK GURU YANG CANGGIH, ANGGUN DAN MENGANCAM

"Yang jelas banyak sangat 'problem' yang timbul yang diada-adakan oleh Majlis Agama Islam. Orang hendak bernikah 'problem', macam-macam tanya, apa lagi kalau nak mengamalkan poligami? Hendak bercerai 'problem', sikap dan 'approach' para kadi sungguh memeningkan. Nak buat itu 'problem', nak buat ini 'problem', semuanya 'problem', tapi 'problem' ini untuk orang ramai saja. Orang-orang tertentu 'no problem'. Macam mana mereka boleh kahwin dua tiga. Siapapun tak berani tanya."

MINGGUAN WAKTU
5hb. Julai 1991

MALAM AHAD 3HB. OGOS 1991, bandar Sungai Golok, bandar yang dulunya dinamakan bandar 'koboi' (*cowboy*) lebih sibuk selepas senja, gerai dan warung menjual makanan menjadi tumpuan pelanggan. Walaupun majoriti penduduk di daerah ini beragama 'Islam' namun penjaja makanan terpaksa mengantungkan ayat suci Al Quran untuk membuktikan yang mereka itu 'Islam'.

Setelah puas berjalan Pak Habib duduk seorang diri sambil minum teh di kedai kopi Haji Osman. Kedai yang letaknya di persimpangan jalan. Tiba-tiba tuan punya kedai itu tersenyum pada Pak Habib. Lelaki tua yang bersongkok haji ini mempunyai wajah dan perwatakan yang menarik. Kita baru saja bertemu di Masjid Pakistan Sungai Golok, sewaktu menunaikan solat Maghrib bersama.

Mengikut 'firasat' saya 'taukeh' yang berumur dalam lingkungan enam puluhan itu kelihatan seperti seorang ulama, seorang pendekar, wajah dan airmukanya mencerminkan sifat keberanian, berhati-hati, tegas dan berpengalaman. Misainya melenting macam misai Allahyarham Tengku Muhiddin, janggut dan misainya sudah hampir putih. Renungan dari mata yang tajam menunjukkan kepintaran dan orangnya yang berilmu.

Banyak pelajaran yang saya dapati hasil dari perbualan dengannya, sementara kami menunggu waktu Isyak untuk kembali semula ke masjid. Walaupun masjid itu kecil saja namun ramai yang menunaikan sembahyang berjemaah, kebanyakan dari mereka berketurunan Pakistan.

Pak Haji yang mempunyai ramai anak cucu ini seorang ahli pemiagaan. Beliau bekas Ahli Majlis Daerah Sungai Golok. Selain dari berniaga beliau bergerak cergas dalam bidang dakwah. Beliau sanggup mengorbankan keduniaan sambil memberi kesedaran untuk kaumnya di kawasan Narathiwat, jajahan yang hampir sama besar dengan Terengganu. Tugas ini dilakukan kerana keinsafan dan kesedaran betapa peningnya mengamalkan ajaran Allah yang dibawa oleh Rasulullah biarpun beliau bukan seorang yang alim pada masa mudanya.

Kesedaran tentang kebangkitan Islam ini dimulakan 10 tahun dahulu. Mereka 'keluar' beramai-ramai bertabligh keseluruh pelosok mengikut cara yang mereka mampu dari segi keagamaan.

Pada mulanya mereka dicurigai dan diintip. Apabila kerajaan Thailand sedar bahawa ia adalah tuntutan agama dan mereka ini hanya mahu menjalankan perintah Allah seperti yang dilakukan oleh Al Arqam dan bukan mahu mengambil alih tampuk pemerintahan. Mereka tidak diganggu lagi. Siapa saja boleh berdakwah, tidak payah meminta izin dan surat 'tauliah' dari kerajaan, sebab itu ramai pendakwah pergi ke Thailand. Tidak ada ulama atau pemimpin agama yang menaruh hasad dengki dan iri hati terhadap kejayaan mereka.

Amat berbeza sekali dengan negeri kita, hendak *berdakwah*, *bertabligh* menunaikan perintah Allah menyuruh manusia insaf, sedar, mereka mesti mendapatkan izin dahulu. Kalau kita buat sendiri kita dianggap menyebarkan 'ajaran sesat' dan yang sedihnya para ahli tabligh dipandang rendah dan hina oleh sebahagian tokoh-tokoh agama.

Adakalanya kita naik bingung apakah tugas 'ulama' yang bekerja dengan pejabat-pejabat agama yang tidak mampu mengembangkan Islam sedar akan hal serupa ini?

Yang jelas banyak sangat 'problem' yang timbul yang diadadakan oleh Majlis Agama Islam. Orang hendak bernikah 'problem', macam-macam tanya, apa lagi kalau nak mengamalkan poligami? Hendak bercerai 'problem', sikap dan 'approach' para kadi sungguh memeningkan. Nak buat itu 'problem', nak buat ini 'problem', semuanya 'problem' tapi 'problem' ini untuk orang ramai saja. Orang-orang tertentu 'no problem'. Macam mana mereka boleh

kahwin dua tiga. Siapa pun tak berani tanya.

Allah utuskan Rasul, Nabi Muhammad SAW bukan untuk menimbulkan 'problem' tetapi untuk membawa kesejahteraan ummah.

Hari ini kalau kita ikuti dengan teliti kita akan dapati bahawa media elektronik, radio, TV dan media cetak memainkan peranan yang berkesan untuk berdakwah dan memimpin para muda-mudi ke jalan kebenaran dari ulama sendiri.

Apakah tok-tok alim dan pak-pak lebai serta tok-tok imam sedar bahawa muda-mudi hari ini sudah mula berminat untuk mendengar ceramah atau syarahan agama? Sebagai contoh, ceramah yang diadakan di Dataran Merdeka pada 21hb. Julai 1991 oleh Zainuddin M. Z. dari Indonesia mendapat sambutan yang luar biasa. Kenapa?

Apa yang selalu dibuat oleh para ulama yang hanya pandai mencari kesalahan adalah menimbulkan 'problem'. Bila agaknya mereka mahu mempelajari bagaimana untuk mendekati minah dan mat-mat rock. Muda mudi yang tak tahu apa itu Islam? Kalau tempat yang jadi sarang maksiat di luar negeri ini boleh ditembusi oleh pendakwah moden kenapa tidak di negara kita?

Bila lagi para ulama mahu keluar dari 'cocoon', bila lagi ulama di negeri kita mahu berhijrahkan fikiran? Bahawa masjid bukan lagi tempat untuk berdakwah.

Saya bimbang wawasan 2020 yang diimpikan oleh Dr. Mahathir akan menjadikan orang Melayu Malaysia seperti orang Islam Thailand, akibat kecewa dengan sikap ulama yang tidak mahu mengikut perubahan.

Orang Islam mesti diingatkan supaya menjauhkan diri dari waswas syaitan. Dan betapa waswas itu akan merosakkan ibadat yang ditunjukkan oleh Allah SWT. Ibnu'l Qayyim dalam bukunya **WAS-WAS** menulis dan 'mendedahkan bidang-bidang di mana biasanya manusia mudah diganggu oleh waswas syaitan menerusi gerak-geri dan perbuatan dalam menempuh kerja-kerja peribadatannya'. Ingatlah jangan sampai wawasan 2020 nanti jadi waswas dua kosong dua kosong.

Saya tidur semalam di Sungai Golok untuk menulis politik Kelantan. Kenapa ke Golok? Kenapa tidak Kota Bharu? Mentang-mentanglah beras Siam, mangga Siam, kembar Siam dan ayam Siam, ada nama, dan orang Siam pula terkenal kerana lemah lembut dan berbudi bahasa, maka saya mesti tidur di Golok untuk tulis pasal Kelantan?

Pertama kerana Tok Guru dah jadi Menteri Besar, geng-geng maksiat ramai berhijrah ke Golok dan di antaranya Golok merupakan syurga dunia kepada lelaki yang tidak takutkan AIDS, tidak takut pada dosa kerana wanita di sana seperti ikan di pasar. Pusat hiburan sex terbesar, segala-galanya murah dan mudah didapati. Golok oh Sungai Golok.

Sungai Golok dengan Kota Bharu macam Singapura dengan Johor Bahru, yang satu seberang sungai, yang satu seberang selat. Apa yang tak boleh dibuat di Singapura dan tak dapat di pulau itu ada di Johor Bahru. Johor Bahru pun sudah mula nak jadi macam Golok. Johor Bahru oh Johor Buruk.

Saya ke Kota Bharu disebabkan Kelantan kini menjadi fokus utama, terutama mengenai Tok Guru Nik Aziz, imam besar 'Serambi Mekah' dengan Al Sultan. Kononnya mengikut cerita dari mulut ke mulut Tuanku murka, Tuanku tersinggung kerana sikap Tok Guru Serambi Mekah tidak hadir sama ke majlis meraikan jelitawan dari Thailand yang menggayakan fesyen negara mereka di malam Royal Gala Dinner di perkarangan Konsul Besar di Raja Thai bukannya di istana.

Menteri Besar Kelantan 'tokse keleh' 'tok gemar' tengok benda-benda yang mendedahkan 'aurat'. Lepas itu Tok Guru menyuarakan secara terbuka dan dilapurkan pula oleh media massa bahawa beliau tak mahu tengok benda-benda yang diharamkan mengikut pandangan syariat. Mendedah 'aurat' itu haram. Apabila 'haram' hukumnya berdosa. Mana boleh 'ulil amri' buat dosa macam tu? Nik Aziz telah dilambangkan sebagai pemimpin Islam, kerajaan PAS adalah kerajaan parti Islam. Ini yang jadi kecoh ni. Inilah punca problem retak jadi belah. Kisah raja murka dengan Menteri Besar perkara biasa, kalau nak tahu tanya Tan Sri Mohd Taib.

Nik Aziz telah mengharamkan apa-apa yang patut diharamkan.

Inilah yang 'tidak syok' ni mengeluarkan beberapa fatwa mengenai 'aurat' dan sebagainya. Pendek kata Nik Aziz benar-benar hendak menjadikan Kelantan sebuah negara Islam.

Sepatutnya orang-orang yang berjiwa Islam tentu suka macam ini punya pemimpin. Pemimpin yang macam inilah, baru mengancam. "Doh nak buah gapo? Tukang kipas sultan ramai. Bila lagi nak kipas sultan? Bila lagi nak cari peluang kasi sultan murka? Mana tahu dengan cara macam ini Nik Aziz boleh jatuh. Tan Sri Mohd Yaakub dulu pun jatuh disebabkan sultan murka. Kelantan tak macam negeri lain, yang penting bagi mereka Menteri Besar tak boleh buat sultan murka. Biar mati kerajaan jangan mati adat.

Sebenarnya pertunjukan 'ratu cantik' ke? 'catwalk' ke...? 'fashion show' ke...? dan menggayakan pelbagai pakaian adalah perkara biasa. Bukan setakat menggayakan '*pakaian malam*' malah para pragawati yang *cantik manis* turut menggayakan '*bikini*' yang bukan setakat nampak peha malah sebahagian yang tersembunyi turut terdedah. Siapa yang tak *terancam* tengok *mak we* macam itu punya 'cun'? (comel loteh) kata puak-puak Kelantan, bukan satu ramai pulak tu. Padahal tiap-tiap malam pun kalau nak tengok *mak we-mak we* menggayakan pakaian boleh. Yang penting ada hasil ada sen.

Sebab yang jadi kecoh kerana ada unsur-unsur politik, ada tukang karut-marut, ada dalang yang tak boleh tengok orang senang. Dan yang terpenting Tok Guru tak mahu '*compromise*' tak mahu jadi ulama '*yes man*' '*ulama siang hari*'.

Seandainya Tok Guru boleh tutup sebelah mata duduk sebelah raja menyaksikan pertunjukan tidaklah jadi hal. Kemudian dari itu pembukaan hotel terkemuka pun Tok Guru tak pergi juga.

Pertunjukan di malam Royal Gala Dinner itu menjadi isu besar. Bukan kerana *awek-awek* yang *cun*, bukan kerana persembahan yang *canggih*, bukan kerana *jelitawan Siam* yang *comel lote*, bukan..! bukan, tetapi kerana ada dalang politik yang hendak menggugat kerajaan PAS. Dalam waktu yang sama merenggangkan hubungan baik, hubungan mesra antara Al Sultan dan Menteri Besar itu saja.

Mendedahkan 'aurat' di kalangan masyarakat kaum berdarjat tidak mengapa, '*no problem*'. Timbulnya masalah '*haram*' bila ditonton

oleh rakyat jelata, tapi di hotel-hotel besar diadakan secara tertutup, yang cuma ditonton oleh golongan tertentu sahaja tidak mengapa. Isu inilah yang dimainkan oleh 'desperado' untuk mengeruhkan suasana politik Kelantan supaya rakyat tidak dapat terima Tok Guru jadi Menteri Besar.

Kebetulan Nik Aziz pulak sudah menyekat wanita menyertai musabaqah membaca Quran. Mengeluarkan fatwa bahawa mak yong juga haram. Jadi bila timbul perkara macam ini ada fatwa lain pula orang kata 'double standard'. Inilah yang buat orang ramai jadi bengang.

Saya ucapkan tahniah di atas tindakan tegas Nik Aziz yang mengatakan perkara yang haram itu haram walaupun mendapat tentangan ramai. Siapa yang mahu menjalankan hukum Tuhan jangan takut jadi tak popular.

Kita semua umat Islam diwajibkan menentang kemungkaran, menentang dengan perbuatan, menentang dengan kata-kata dan menentang dengan hati. Perkara yang ditegah oleh Allah kita mesti tentang, bukan tugas Nik Aziz seorang saja. Ini fardu kifayah.

Apa yang ditakutkan oleh segolongan manusia Kelantan ialah apabila PAS kembali ke pangkuan Barisan Nasional. Satu perkara yang mungkin terjadi nanti Kelantan akan jadi bandar kembar dengan Mekah. Dan jika perkara ini berlaku, apa akan jadi pada Tengku Razaleigh?

Habislah Lu, sorrylah brother, ini semua akibat Lu pergi Gua Musang dengan Musa Hitam. Tanyalah diri sendiri siapa yang telah menggelapkan masa depan politikmu? Siapa? Gua dah cakap dah dulu lagi, tapi Lu tak caya sama Gua, Lu percaya orang lain. Tak apalah macam mana pun, Gua caya sama Lu. Apa yang akan jadi dengan nasib semangat S46 ramai dah tahu, tak ada masa depan, sebab itulah dua Adun cepat-cepat kata mereka masih dalam UMNO dan Ibrahim Ali cerdik dia sedar 4 kali 6 (4x6) itu lambang liang lahad tanah perkuburan. Dulu lagi Gua sudah cakap sama Lu.

Tunggu lama-lama gelap masa depan. Mereka dah nampak politik Kelantan kini keruh, tak ada pemimpin yang cangghih. Nak harapkan Annuar Musa, senator yang dilantik jadi menteri tu bukan boleh harap

sangat. Ada yang berkata kalau BN nak jaga *image*, kena letak muka-muka baru bertanding di dua kawasan. Kalau muka itu juga biar PAS lawan 46 saja.

Ramai yang marah bila Tok Guru memerintah Kelantan mengikut selernya, mengikut mimpi dan visinya. Tok guru mahu Kelantan jadi negeri model suka hati dialah. Kuasa berada ditangannya, takkan Saddam Hussein dan Almarhum Ayatullah Khomeini saja yang boleh tunjukkan kehandalan mereka?

Kalau Dr. Mahathir boleh perintah Malaysia ikut visinya tanpa memikirkan apa orang lain kata hingga UMNO pecah dua dan Mahathir dianggap diktator kenapa tidak Tok Guru Nik Aziz?

Tok Guru Nik Aziz memang lain dari Menteri-Menteri Besar yang lain. Mungkin beliau sudah belajar dari Tan Sri Mohd Taib dan Rahim Tambi Chik. Kejadian di negeri Cik Siti Wan Kembang mungkin satu rahmat kepada rakyat Malaysia. Siapa tahu dalam hati kecil Dr. Mahathir beliau menghormati Tok Guru. Tok Guru yang ada prinsip yang tak peduli. Hilang kerusi Menteri Besar tak jadi hal, yang penting jangan hilang maruah. Jangan hilang harga diri.

Angkara siapa. Punca dari siapa. Perbuatan siapa yang menyebabkan kerajaan negeri Kelantan terpaksa meluluskan rang undang-undang serta membuat pindaan di atas perlembagaan negeri bagi mengisytiharkan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri? Tanyalah penganalisa politik yang jujur.

Pada pendapat saya, ini adalah satu tindakan yang baik kerana dengan cara ini saja kerajaan dapat membantu pengundi-pengundi di negeri Kelantan untuk mengajar ahli politik yang 'oportunis'. Mereka mesti diajar jangan sesuka hati menggunakan pengundi. Untuk kepentingan diri jangan jadi 'double agent' dah menang main lompat-lompat. Saya percaya PAS tak setuju dengan ahli politik sumpah-sumpit yang boleh tukar-tukar warna di tempat yang berlainan.

2 bekas ADUN diminta hormati rakyat

WATAN 20/11/91

KUALA LUMPUR: Semangat 46 meminta dua bekas Adun yang dipecat atau Haji Wan Mohd Najib Mohamad dan Haji Nordin Saleh supaya tidak menyalahgunakan mahkamah tetapi sebaliknya menghormati proses demokrasi melalui pilihanraya.

Anggota Parlimen Kota Bharu, Hajah Illani Datuk Ishak berkata, proses demokrasi telah pun terbukti di dalam pilihanraya kecil pada bulan Ogos lalu di mana kedua-dua bekas Adun berkenaan telahpun ditolak oleh rakyat.

RAKYAT

"Tidak ada gunanya kes pemecatan kedua-dua Adun berkenaan dibawa ke mahkamah kerana rakyat telahpun membuat pengadilan sebenar dalam pilihanraya kecil lalu," tegasnya ketika ditemui di bangunan parlimen.

Bagaimanapun, Hajah Illani enggan membuat sebarang ulasan berhubung keputusan

mahkamah tinggi di sini yang memutuskan bahawa sebahagian daripada pindaan fasal 31(A) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kelantan tidak sah.

Menurutnya, pihak defendan (Dewan Undangan Negeri Kelantan) mempunyai hak untuk membuat rayuan ke mahkamah agung dan keputusan sebenar masih belum diketahui lagi.

Dalam perkembangan yang sama, beliau memberitahu bahawa tindakan Haji Wan Mohd Najib dan Haji Nordin membawa kes tersebut ke mahkamah hanya semata-mata untuk mengisyti-harkan diri mereka sebagai wakil rakyat yang sah.

Padahal, katanya, kedua-dua bekas Adun itu telahpun ditolak oleh rakyat melalui pilihanraya kecil dan tidak seharusnya kes berkenaan dibawa ke mahkamah semata-mata untuk menjadi wakil rakyat.

Secara jelas, kata Hajah Illani, kedua-dua bekas Adun yang menyertai UMNO -ku- tidak boleh

hormati keputusan yang dibuat oleh rakyat melalui pilihanraya.

"Mereka ini tidak layak untuk menjawat jawatan sebagai wakil rakyat. Kalaupun mereka menang dalam mahkamah tetapi masih tetap tidak mendapat penghormatan dari rakyat di kawasan masing-masing," jelasnya.

MENOLAK

Hajah Illani juga memberitahu Watan bahawa kerajaan Kelantan tidak pernah melanggar undang-undang untuk memecat dua Adun yang bertindak menyertai UMNO itu.

Beliau turut menolak kenyataan pemimpin UMNO supaya kerajaan Kelantan membubarkan Dewan Undangan Negeri bagi diadakan pilihanraya semula sebagai mengelakkan daripada berlakunya krisis perlembagaan.

"Kita tetap mempunyai sebuah kerajaan yang kukuh dan UMNO pula telah menjadi sebuah parti yang tidak dihormati




Haji Wan Mohd. Najib




Haji Nordin Saleh

kerana menyalahgunakan proses demokrasi pilihanraya dan beralih kepada mahkamah untuk menjadi wakil rakyat," tegasnya.

Anggota Parlimen Kota Bharu itu memberitahu bahawa keputusan mahkamah tinggi pada minggu lalu yang menyatakan bahawa sebahagian dari Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kelantan tidak sah bukan sebagai sebab utama bagi kerajaan negeri mengadakan pilihanraya semula.



Apakah tidak mungkin ditahun 2020 nanti pemimpin yang macam Ayatullah Khamanei yang akan menjadi Perdana Menteri Malaysia?



Antara Arqam blue jean dan Arqam serban, siapa yang lebih cun dan siapa yang lebih mengancam...? Yang pastinya, yang pakai jubah dan serban ini taxinya empat passenger sudah penuh. Bapa Poligami ini pakai kereta 'Four Wheel Drive'! Ashaari tidak mewajibkan para ahlinya memakai jubah, serban, bermisai dan berjanggut, yang penting hatinya ikhlas, berjuang demi menegakkan ajaran Islam di bumi Allah SWT. Tetapi yang diikuti oleh ramai ahlinya ialah kulit Ashaari bukan perjuangannya. Ramai yang masih tidak faham "The Mind of Ashaari". Mereka seperti orang yang mengikuti penyu berenang, yang mereka nampak cuma ekor penyu seperti ekor di belakang serban Ashaari tetapi mereka tidak nampak betapa banyaknya sekali penyu bertelur seperti bernasnya pemikiran Ashaari.



Tuan punya sebuah kedai makan di Phuket mengharapkan doa dari Sheikh Ashaari. Taukeh ini jarang hendak menerima duit dari Ustaz bila Ustaz datang makan di restorannya.



Penulis sedang mengadakan dialog dengan jemaah Al-Arqam di Phuket dan bercadang untuk menerbitkan sebuah buku Dialog dengan Al-Arqam.

ISLAM MENGUASAI PULAU JAMES BOND

Seorang sahabat bertanya kepada Nabi, bilakah hari kiamat?

Nabi Muhammad SAW menjawab, "Di antara dua jari," sambil Nabi menunjukkan jari telunjuk dan jari hantu. Sahabat bertanya, apakah yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad SAW. Jawab Nabi, "Satu jari ertinya 700 tahun. Ini bererti hari kiamat sudah hampir. Siapa pun tidak dapat menafikan yang bukti-bukti hari kiamat sudah jelas."

Mingguan Waktu
29hb Julai 1991

KETIKA SAYA SEDANG duduk di tepi pantai Pulau James Bond pulau kecil yang menjadi tumpuan pelancung kerana penggambar filem *'The man with the golden gun'*. Saya teringat Ustaz Ashaa kehebatan dan keberaniannya kalau difilemkan mungkin mengagumkan, tapi nak buat macam mana, yang menguasai industri perfilem dan politik dunia hari ini adalah Amerika. Tentulah bangsa mereka saja yang jadi hero. Cuba Islam yang berkuasa, lakonan Roger Moe dengan wanita cantik dalam siri 007 sudah tentu diharamkan kerana wanita-wanita cantik bukan muhtimnya.

Kebanyakan peniaga yang menjual barang-barang untuk pelancung adalah orang dari keturunan Islam. Saya merasa bangga kerana umat Islam menguasai Pulau James Bond dan bukan saja itu, ada antara mereka yang meminati Syeikhul Arqam kerana kemasyhuran namanya sebagai pendakwah Islam yang sedang membela nasib merel

Saya ke pulau ini untuk mencari ilham untuk buku terbaru saya yang tajuknya belum ditentukan lagi. Namun jalan ceritanya menger *'politik pancung memancung, politik koporat, keparat dan 'kawan koporat sama keparat'*.

Bila saya perhatikan telatah dan pakaian kaum kulit putih (kuffi) yang memenuhi pantai tersebut. Saya terasa betapa hinanya bangsa yang dikatakan bertamadun tapi hidup tak banyak beza dengan hwan. Orang-orang Islam yang rata-rata menjadi nelayan dan berniaga mereka hidup dalam keadaan yang sederhana. Biarpun ramai yang tidak pandai mengaji dan sembahyang tapi ramai yang masih mencilmu akhirat kerana mereka masih takut pada Allah.

Saya menunaikan solat Zohor berjemaah dengan penduduk di masjid pulau nelayan tempat para pelancung singgah makan tengahari dengan jamuan makanan laut yang dimasak oleh orang Islam.

Semasa berada di dalam mesjid, saya teringat satu soalan dari salah seorang isteri-isteri Ustaz Ashaari yang mengikuti ekspedisi Al Arqam menjelajah ke seluruh Thailand. Inilah kali pertama saya bertemu isteri bapa poligami Malaysia sesudah sekian lama berkenalan, berguru dan bergaul dengan beliau.

“Kenapa saya membela dan memperjuangkan Ustaz Ashaari dan Darul Arqam?” tanya Muslimah Arqam itu dengan tegas.

Di antara jawapannya terdapat di pulau ini, Siapakah yang berani dan sanggup mengembalikan Islam ke zaman kegemilangannya kalau bukan jemaah Al-Arqam?

Mereka bukan saja berani mengorbankan masa tenaga dan wang ringgit untuk menghidupkan roh Islam tapi mereka lakukan ini semua tanpa apa-apa keuntungan dunia: Mereka keluar berdakwah tanpa mengharapkan gaji atau *allowance*, mereka lakukan kerana Allah.

Ustaz Ashaari cuba mengeluarkan umat Islam dari dalam ‘*Cocoon*’ (kepompong). Sekian lama mereka ini terbiar tanpa pendidikan agama yang betul, tanpa tunjuk ajar mereka terpisah dari agama kerana terjajah.

Sepatutnya menjadi tanggungjawab para ulama yang bangga dengan kelulusan, yang kononnya berilmu dan dianggap sebagai cendekiawan Islam tapi nak buat macam mana ulama-ulama ini masih hidup dalam kepompong. Bagaimana mereka hendak menjadikan ‘*cocoon*’ itu menjadi ‘*kelembak*’ supaya ia dapat berterbangan dengan bebas.

Pemikiran dan kehidupan para ulama masih terjajah masih bergantung hidup kepada kebendaan. Kenapa saya membela dan memperjuangkan Ustaz Ashaari dan Darul Arqam? Bukanlah satu perkara yang ‘*pelik*’ atau ‘*luar biasa*’. Ia jadi luar biasa kerana saya seorang saja yang melakukannya pada hal ianya dituntut. Mengembang dan mempertahankan agama Allah adalah jihad.

Satu lagi pertanyaan dari Ummu Jah, salah seorang dari isteri

Bapa Poligami, (Ustazah Khadijah Aam) yang menulis buku 'MANISNYA MADU' yang perlu dijawab ialah:

"Kenapa saya masih menulis mengenai UMNO dalam buku saya yang terbaru "PERANG DI PARIT RAJA"? Sedangkan dalam masa yang sama saya sokong Al-Arqam. Bukankah ianya membuatkan kaki saya berada di antara Arqam dan UMNO?"

Ini satu pertanyaan yang 'mudah', tapi tak semudah itu menjawabnya. Biar bagaimana pun saya telah menjawabnya dengan panjang lebar tapi saya masih tidak puas disebabkan kesuntukan waktu dalam 'dialog' tersebut. Biar bagaimanapun 'dialog' ini akan saya bukukan satu masa nanti.

Hari Jumaat 26hb. Julai 1991 sesudah selesai sembahyang Maghrib berjemaah dengan ahli-ahli Al Arqam yang mengikuti rombongan ekspedisi Al Arqam ke Thailand di mana saya menjadi tetamu Syeikh Ashaari, Syeikh Tarekat Aurad Muhammadiyah. Saya diminta oleh Syeikhul Al Arqam berdialog dengan para ahlinya. Pada mulanya saya keberatan, tapi kerana 'dialog' ini atas permintaan 'Murabbi' yang saya hormati dan muliakan. Kebetulan pula Syeikh Ashaari adalah sahabat saya. Saya patuh. Biar bagaimanapun saya memberi syarat dan ingatan kepada hadirin bahawa saya berdialog dengan cara dan gaya bahasa saya.

Kebetulan saya seorang saja lelaki yang berbaju batik, berseluar jeans dan tidak bersongkok; tidak seperti mereka, berjubah dan berserban, walaupun anak kecil, di dalam 'markas Arqam', bangunan dua tingkat, dua pintu rumah kedai yang dihadiahkan oleh seorang hamba Allah rakyat Thailand yang baru mengikuti jemaah Al Arqam.

Saya percaya seperti orang-orang Islam lain yang mengikut Ashaari. Saya tertarik kepada Ashaari kerana pertama pemikiran dan visinya, perjuangannya dan yang penting peribadi dan akhlaknya. Beliau seorang 'ulama' bertaraf 'Murabbi' mendidik dan melahirkan 'Murabbi' seperti Sabda Rasulullah SAW:

Sesungguhnya Tuhanku mendidik aku maka diperbaiki-Nya akhlakku.

Beliau bukan seperti ulama-ulama lain yang makan gaji. Beliau

cuba membawa umat Islam keluar dari kepompong, mengembalikan mereka ke zaman keagungan. **Kepimpinan melalui teladan** menjadi amalannya.

Sambil menikmati keindahan pantai, sambil berfikir tentang kebesaran Allah yang menciptanya, sambil memerhatikan telatah pelancung kulit putih, sambil itu saya teringat tentang wawasan 2020. Saya teringatkan Datuk Seri Dr. Mahathir pahlawan Melayu di zaman moden.

Ketika ombak sedang menghempas dirinya di pantai Patong Phuket, ombak yang mula-mula datangnya besar akhirnya bila sampai ke pantai ia menjadi kecil. Saya teringat sebuah lagu lama, lagu '*Evergreen*' nyanyian S. Effendy yang bermama '*Tinggi Gunung Seribu Janji*'. Antara seni kata lagu itu ialah:

Memang lidah tak bertulang
Tak terbatas kata-kata
Tinggi gunung seribu janji
lain di mulut lain di hati.

Daku pergi takkan lama
Hanya sekejap saja
Seribu tahun tak lama
Hanya sekejap saja
Kitakan berjumpa semula.

Kita tidak perlu mempunyai sebuah '*Time Machine*' untuk melihat tahun **Dua ribu dua puluh** seperti juga untuk melihat negara kita **Tiga Puluh** tahun dahulu. Kita hidup dalam keadaan sekarang kerana kita melihat sesuatu sama ada yang sudah lalu atau yang akan datang dengan fikiran dan ilmu. Seribu tahun adalah satu jangka yang sangat pendek dan mimpi Presiden UMNO akan menjadi satu kenyataan.

Seorang sahabat bertanya kepada Nabi, bilakah hari kiamat?

Nabi Muhammad SAW menjawab, "Di antara dua jari," sambil Nabi menunjukkan jari telunjuk dan jari hantu. Sahabat bertanya, apakah yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad SAW. Jawab Nabi, "Satu jari ertinya 700 tahun. Ini bererti hari kiamat sudah

hampir. Siapa pun tidak dapat menafikan yang bukti-bukti hari kiamat sudah jelas."

Hari ini kita berada didalam tahun Hijrah 1412, satu ribu tahun sudah pun berlalu apakah seribu tahun lama? Memang lidah tak bertulang. Pengkritik boleh mengkritik apa saja. Dulu Dr. Mahathir menjadi tempat maki hamun dan caci pengkritik sama ada pembangkang atau orang UMNO yang sudah menderhaka tapi hari ini mereka jilat semula ludah dan kahak mereka sendiri.

Tanpa kita sedari 10 tahun kepimpinan Dr. Mahathir sudah berlalu, saya masih ingat lagi bahawa wawasan dua puluh dua puluh ini bukanlah satu '*idea*' baru Dr. Mahathir. Sejak Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, sudah 13 buah buku saya hasilkan kerana saya percaya Doktor yang menjadi pemimpin negara ini akan membedah otak orang Melayu dan mengeluarkan mereka dari '*cocoon*'. Alhamdulillah saya masih yakin padanya. Kini saya masih meneruskan perjuangan Dr. Mahathir untuk bangsa dan negara. Biar pun saya tidak pernah menjadi ahli UMNO atau pengikutnya.

Beliau pernah menyampaikan ucapannya kepada kami kaum penulis, di malam Teater Elit mengadakan satu pertemuan dan jamuan untuknya, malam yang dinamakan '*Puisi Panjang Untuk Mahathir*'. Antara amanat Dr. Mahathir dan visinya yang menjadi visi dan keinginan saya juga ialah:

FANTASI DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMED:

"Saya mimpikan sebuah negara di mana tiada siapa yang papa — setiap orang adalah memadai cukup makan minumannya, cukup pakaiannya, sambil menikmati usia lanjut yang sihat — sebuah negara di mana setiap anak kita menikmati pelajaran yang secukupnya agar nanti, bila tiba masanya, mereka akan berkemampuan mengambil alih tanggungjawab dari ibu bapa mereka — lebih-lebih lagi, saya mimpikan sebuah negara yang akan dihormati dan dicontohi oleh setiap negara lain di dunia ini".

5 April 1982

Nampaknya mimpi Mahathir hanya setakat dunia saja. Biar pun

beliau telah mengakui yang beliau adalah seorang '*fundermentalist Islam*' semasa sesi sidang Antarabangsa mengenai ASEAN dan Ekonomi dunia di Den Pasar Bali pada bulan Mac tahun yang lalu. Perjuangan Islam tidak boleh dibuat dengan kata-kata sahaja. Mesti ada ulama yang menjayakannya dan ulama itu tidak lain dan tidak bukan adalah Syeikhul Arqam Ustaz Ashaari dan pengikut-pengikutnya, kerana mereka berada di luar '*sistem politik pragmatis*' yang menjadi ideologi UMNO.

Siapakah yang hendak meneruskan perjuangan umat Islam untuk hari akhirat nanti? Kita semua orang Islam, hidup yang panjang adalah di alam akhirat. Dunia ini sekadar tempat lalu sementara. Semuanya akan ditinggalkan. **Tidak menjadi kesalahan kita bekerja dan mencari, seolah-olah kita akan hidup seribu tahun lagi tapi dalam masa yang sama kita dituntut supaya beribadat seperti kita akan mati esok.** Bukan mudah untuk menjadikan impiannya satu kenyataan, rakyat Malaysia mesti pastikan bahawa slogan Dr. Mahathir **Bersih, Cekap dan Amanah** dilaksanakan oleh setiap pemimpin dan kakitangan kerajaan.

Teringat pasal '**bersih**', teringat saya pasal **KAYU BALAK** di dalam hutan Selangor yang sudah disapu bersih oleh mereka yang sepatutnya '**bersih**'.

Dari segi '**kecekapan**' pencuri balak itu memang '**cekap**', kalau tidak '**cekap**' macam mana **kayu balak** macam itu punya besar boleh dikeluarkan setiap hari dari hutan? Mesti ada **hantu besar** yang melindunginya.

Biar bagaimanapun yang jelas mereka yang dipertanggungjawabkan bersifat tidak '**amanah**', kebanyakan kakitangan kerajaan tidak amanah, bukan saja tidak '**amanah**' tapi tidak '**cekap**' dan tidak '**bersih**'. Mungkin kerana mereka tidak **berakhlak** dan tidak **takut pada Tuhan**. Hidup mereka semata-mata untuk dunia. Dalam kes balak ini nasib baik ada YB Fuad yang berani mendedahkan isu tersebut.

Mengikut *firasat* saya **Dua kosong Dua kosong**, kalau tidak disertakan dengan **amanah, keimanan** dan **takut pada hari akhirat**, yang tinggal untuk anak cucu kita nanti **kosong** saja.

Selama ini kerja mencari dan mendedahkan kesalahan kerajaan dilakukan oleh pembangkang sebab itu bila dilakukan oleh seorang pemimpin UMNO, ia menjadi agak luar biasa seperti kerja saya dan kerja Ustaz Ashaari.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Saudara Fuad Hassan kerana berani bertindak membongkar penyelewengan tersebut. Bagi saya, tindakan Fuad itu wajar dicontohi oleh wakil rakyat yang lain di seluruh negara. Beliau telah menunjukkan betapa wakil rakyat juga biasa memainkan peranan berkesan memelihara alam sekitar. Tahniah juga diucapkan untuk Mike Tyson yang memberikan kerjasama pada Fuad.

Sekembalinya saya dari ekspedisi ke Phuket, saya dapati Ustaz Ashaari masih menjadi sasaran dan kecaman Azman Attar dan Ainon Ariffin, wanita yang seolah-olah menjadi musuh tradisi kepada badan dakwah Islam yang cuba menegakkan yang hak.

Tahniah kepada Datuk Megat Joned yang telah memberikan satu jawapan yang positif. Kata Megat, pemimpin Arqam itu meninggalkan negara ini sejak November 1988 kerana tidak puas hati dengan pentadbiran Pusat Islam dan Jabatan Agama Islam negeri. Beliau berkata, Ashaari yang mempertikaikan keberkesanan agensi berkenaan juga menyatakan hasratnya mengambil-alih pentadbirannya.

Berikutan peristiwa itu, Ashaari kemudian meninggalkan negara ini dan pergi ke beberapa negara khususnya Thailand, Indonesia dan Mesir bertujuan mengembangkan rangkaian Arqam ke luar negara, di samping menguji ketahanan Darul Arqam semasa beliau tidak berada di dalam negeri.

Yang agak menyedihkan ialah jawapan Dr. Abdul Hamid Othman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kata beliau '**pengaruh pertubuhan itu akan lenyap apabila orang ramai menyedari kesilapan yang dilakukan**'.

Saya ingin bertanya, apakah pengaruh Al Arqam akan lenyap atau kepercayaan umat Islam terhadap Dr. Hamid akan luntur?

JPM siasat kakitangan awam bantu Arqam - Hamid

PETALING JAYA 30 Nov. — Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri (JPM) sedang mengenal pasti kakitangan-kakitangan awam dan ahli-ahli politik dari parti kerajaan yang dipercayai telah memberi sokongan peribadi dan kewangan kepada pergerakan Darul Arqam yang telah diharamkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Abdul Hamid Othman berkata, pihaknya juga turut mengawasi pelajar-pelajar di peringkat

rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi yang terlibat dengan aktiviti pergerakan tersebut.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Nadwah Wanita Islam Se-Malaysia Ke-4 anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia di Kompleks Jemaah Haji, Kelana Jaya di sini hari ini, Dato' Dr. Abdul Hamid, berkata, kerajaan memandang serius mana-mana kakitangan awam yang terlibat dengan ajaran sesat itu.

Beliau berkata demikian

an ketika diminta mengulas kenyataannya hari ini bahawa kerajaan negeri telah diarahkan supaya mengambil tindakan undang-undang terhadap Darul Arqam jika mereka terus mengembangkan fahaman mereka setelah kerajaan menyenaraikan fahaman pergerakan tersebut sebagai ajaran sesat.

Dato' Dr. Abdul Hamid berkata, pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli politik hendaklah mematuhi arahan tersebut dengan tidak melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pergerakan Darul Arqam.

"Kita tahu ada pegawai kerajaan, dan ahli politik yang memberi sumbangan kewangan kepada pergerakan Darul Arqam," ujarnya.

Mengenai penglibatan ahli politik dalam Darul Arqam, Dato' Dr. Abdul Hamid berkata, pihaknya akan memberi nasihat kepada pihak-pihak yang terlibat kerana tindakan mereka itu menjejaskan imej kerajaan.

Beliau menjelaskan, kerajaan tidak akan mengambil tindakan terhadap kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh Darul Arqam kecuali mereka menggunakan kesempatan-kesempatan yang ada untuk menyebarkan fahaman mereka kepada orang ramai.

Bahar anggota jawatankuasa program FAO

KUALA LUMPUR 30 Nov. — Pengarah Penyelidik, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia, Dr. Bahar Munip dipilih sebagai anggota Jawatankuasa Program Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dalam satu pengundian di Ibu pejabat pertubuhan itu, di Rome pada hari Khamis lalu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Dr. Bahar dipilih untuk mewakili negara-negara G77 dalam jawatankuasa program tersebut.

Dr. Bahar dipilih sebagai mengenang jasa-jasanya kepada para anggota negara-negara membangun.

Kenyataan itu menyebut, beliau telah berkhidmat selama dua tahun dengan FAO sebagai Atase Pertanian dan Wakil tetap Alternat Malaysia mulai tahun 1988.

Dalam tempoh tersebut, Dr. Bahar juga telah menjadi Pengerusi Kumpulan negara-negara Assa di ibu pejabat FAO di Rome dan wakil-wakil negara-negara berkenaan ke G77.

Di samping itu, beliau juga pernah menjadi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Masalah Komoditi Makanan (Bijirin, Daging, Beras dan Minyak-munyak Sayuran).

Haramkan gambar wanita pada papan iklan

Tindakan Nik Aziz boleh gugat kestabilan ekonomi — Dr. Hamid



DATO' DR. ABDUL
HAMID OTHMAN

PETALING JAYA 18 Nov. — Tindakan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat mengharamkan pemaparan gambar wanita pada papan - papan iklan (*bill board*) terlalu drastik dan boleh menggugat kestabilan ekonomi negara, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Abdul Hamid Othman.

Katanya, tindakan Menteri Besar Kelantan itu sudah pasti menyebabkan orang bukan Islam, khususnya para pelabur berasa takut untuk melabur di negara ini lebih - lebih lagi di Kelantan.

Beliau berkata, jika tindakan Haji Nik Aziz itu masih berterusan tidak hairanlah jika orang bukan Islam di negara ini menganggap Islam sebagai agama yang "rigid."

"Islam melarang umatnya bertindak melulu terhadap sesuatu yang tidak disukai, kerana tindakan melulu itu tidak pernah membawa kesan yang baik, malah selalunya buruk," kata beliau kepada para pemberita selepas merasmikan Muzakarah Dakwah Bersepadu peringkat Kebangsaan kali ke-2, di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), di sini hari ini.

Menurut beliau, sepatutnya Haji Nik Aziz

bertindak mengikut undang - undang yang telah ditetapkan dan bukan bertindak sesuka hati tanpa mengambil kira kepentingan orang lain.

Dato' Dr. Abdul Hamid menegaskan, tindakan Menteri Besar itu akan menyebabkan para pelabur membuat tanggapan bahawa melabur di negara ini tidak mendatangkan keuntungan kerana pengiklanan seperti itu (yang memaparkan gambar wanita) pun tidak boleh.

"Macam mana mereka hendak melarikan barangan keluaran mereka jika iklan yang menarik seperti itu tidak dibenarkan dipa-

sang," tanya beliau.

Sehubungan dengan itu, beliau menggesa Haji Nik Aziz supaya mendidik akhlak dan peribadi rakyat negeri itu melalui pendidikan secara halus dan bukan mengajaz rakyat negeri itu supaya bertindak melulu.

Jumaat lalu, Menteri Besar Kelantan telah mengharamkan pemaparan gambar wanita di papan - papan iklan di negeri itu dengan alasan untuk menghindarkan perbuatan mengeksplotasi wanita dengan gaya kurang sopan.

Antara gambar wanita pada papan - papan iklan yang dipadamkan ialah iklan ais krim 'Crimetto', keluaran Walls dan gula - gula 'Kopiko.'

Semalam, Menteri Perusahaan Awam, Dato' Dr. Yusof Noor menyual Kerajaan Kelantan; kenapa mereka tidak menyekat kemasukan pelancong wanita, sebaliknya mengharamkan pemaparan wanita pada papan - pap-

TDC belum buat sebarang keputusan

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) masih belum membuat sebarang keputusan mengenai tindakan Kerajaan Negeri Kelantan memadamkan gambar-gambar wanita di papan-papan iklan.

Ketua Pengarah TDC, Encik Ahmad Bakri Haji Sabdin ketika dihubungi hari ini berkata, pihaknya tidak boleh mengambil sebarang keputusan mengenai isu tersebut kerana ia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Ditanya sama ada papan-papan iklan TDC ada memperagakan wajah wanita, beliau berkata, pegawai-pegawai TDC di Negeri Kelantan akan memberi maklumat terperinci mengenai perkara tersebut tidak lama lagi.

Iklan mendustakan realiti wanita sebenar

Oleh:
Persatuan Pengguna
Pulau Pinang (CAP)

Harun
29-11-91



Apakah gambar seperti ini sesuai untuk iklan

untuk rumah dan keluarga.

Di samping menggambarkan wanita sebagai isteri yang boleh diharapkan, iklan juga kini mensterotaipkan manusia berdasarkan peranan seks. Apakah kesan akibat dari perkara ini terhadap kanak-kanak yang masih mentah? Oleh kerana kaum wanita sering digambarkan membasuh pakaian atau pinggan mangkuk, mencuci lantai dan meja ataupun menyediakan sarapan dalam iklan-iklan, maka kanak-kanak akan mengaitkan ibu-ibu mereka dengan kerja-kerja ini. Bagaimana pula dengan pihak suami? Dia sering digambarkan memandu kereta untuk pergi bekerja. Makanannya sering tersedia apabila pulang ke rumah. Dialah yang mencari nafkah dan menjadi ketua keluarga.

Demikian juga doktor, peguam, jurutera dan pengurus seperti yang digambarkan dalam iklan selalunya seorang lelaki, sedangkan kalau kerja dalam kategori profesional yang paling rendah seperti jururawat, penyambut tetamu, jurutaip ialah dari kaum wanita. Stereotaip peranan seks ini terdapat juga di kalangan kanak-kanak yang muncul

Bank Of
Commence, siapa
punya tu?
Bukan orang
punya, bukan
UMNO punya.
UMNO tak nak
belipun, saya
yang beli, saya
beri pada
UMNO. Tapi
orang lekas
lupalah. Jadi
kaedahnya
saya ini, tak
pernah dipecat
oleh UMNO



Dipetik dari Mingguan Waktu

Mahathir
bangun mengigau
cakap pasal
Wawasan 2020,
mereka pun
Wawasan 2020,
pada hal apa yang
mereka tahu?
(Ketawa). Itu
bukan dasar
kerajaan. Itu
disebut semasa
dia berjumpa
dengan
'Malaysian Busi-
ness Council' dan
ucapan itu dibuat
oleh Nordin
Sofiee.



PENUNGGU PULAU BESAR

Kemasyhuran, kemuliaan dan kebesaran yang ada pada Almarhum Syeikh Ismail atau Sultan Arifin keramat Pulau Besar, tidak akan menjadi 'obstacle' pada cita-cita dan visi Rahim. Almarhum termasyhur kerana keilmuannya mengenai 'Sufism' atau 'Tasawuf'. Sayangnya 'karamah' yang ada padanya hanya diketahui oleh sebahagian manusia yang mempelajarinya dan meminatinya saja, yang lain menganggap 'karamah' ini sama seperti 'karamat' pada batu, pokok dan benda karut. Maka masyarakat menjadi salah anggap terhadap keramat Pulau Besar yang tidak berdosa pada sesiapa.

4HB. SEPTEMBER, 1991 saya bersama Pengurus Besar, Saudara Masaud dan pekerja-pekerja **Tapa-Nyai Resort**, jurugambar dan pemberita media massa dan elektronik serta ahli politik negeri Melaka berdiri di atas jeti Pulau Besar menunggu ketibaan Perdana Menteri yang akan merasmikan **Tapa-Nyai Island Resort**.

Dr. Mahathir dan jemaah menteri kabinet dan rombongan mereka terlambat hampir dua jam akibat *motor boat* yang mereka naiki terkandas. Sebaik saja memotong *ribbon*, Che Det bersalaman dengan saya. Perkataan pertama yang terkeluar dari mulutnya ialah:

“Nak tulis apa pula ni?” beliau bercakap sambil berjalan, saya percaya Che Det mengikuti ruangan saya di **Mingguan Waktu**.

Tan Sri Rahim Tamby Chik, YB Ali Rostam dan saya mengiringi Dr. Mahathir hingga ke Pulau di mana penduduk Melaka sedang menunggu.

Saya sampai jauh lebih awal dari rombongan mereka. Saya berbaju hijau ‘hijau keramat’ bila ditanya oleh jemaah menteri yang mengenali saya.

“Buat apa di sini?” Saya jawab kini saya sudah jadi **Penunggu Pulau Besar**. Saya berharap dan mendoakan agar mereka yang datang pulang dengan selamat.

Dalam bulan Julai 1991, saya ke Melaka untuk menemui Tan Sri Rahim Tamby Chik yang baru kembali dari Chile. Rahim adalah kawan lama saya, bila lama tak jumpa maka tentu ada banyak cerita, terutama

mengenai 'kemarau', yang menjadikan bumi Melaka kering kontang. Banyak yang meletakkan sepenuh kesalahan di bahu Rahim kononnya disebabkan Rahim merobohkan 'Keramat Pulau Besar, bala telah menimpa negeri Melaka. Apakah dosa ini Rahim seorang saja yang mesti menanggungnya? Bagaimana dengan umat Islam yang lainnya?

Rahim beruntung mendapat kepercayaan sepenuhnya dari Dr. Mahathir. Rahim berani, dia mempunyai visi dan perancangan untuk memajukan negeri. Dia tak peduli siapa pun, yang penting pentadbirannya adalah yang terbaik kalau dibandingkan dengan Ketua Menteri sebelumnya. Adat dunia bila ramai yang memuji tentu pula ramai yang tak suka dan mengeji.

Dengan keberanian yang ada pada dirinya Rahim mengubah Melaka. Kini Melaka menjadi tumpuan pelancong, Kubu Porta di Sentiago (A Famosa), bangunan merah Stadhurst dan Rahim telah membangunkan replika istana kesultanan Melayu abad ke 15. Melaka 500 tahun lalu adalah tempat pertemuan kebudayaan Timur dan Barat.

Bulan Ogos 1985, saya telah menulis sebuah buku mengkritik Rahim. Buku tersebut bernama "HANTU BUKIT CINA". Satu keistimewaan Rahim, dia tidak berdendam dan memusuhi saya. Saya menghormatinya kerana jiwa besar yang ada padanya dan kami masih berkawan seperti dulu juga.

Tengahari 21hb Julai, Rahim menelefon Hotel Ramada tempat saya menginap di mana saya menjadi tetamu Ketua Menteri, Rahim menjemput saya makan tengahari dengannya. Saya bercerita padanya nama buku terbaru saya adalah 'MUNGKIN AIRLAH YANG BERJAYA' Rahim terkejut mendengar, bahawa 'Airlah yang akan menang', pada sangkaannya Rahimlah yang menang akhirnya, kerana kedudukan dan kuasa kini berada di tangannya.

Seandainya Rahim berada dizaman Kesultanan Melaka, tentu beliau dipanggil "Tuanku Abdul Rahim kerana gelaran 'Tuanku' diberikan kepada orang yang terkenal. Kita juga tidak hairan iranya di pangkal nama Rahim ada perkataan DYMM Tuanku Abd Rahim dan tidak mustahil seperti adat raja-raja Melayu, beliau juga akan disembah.

Yang menyedihkan hati saya, biarpun kuasa agama berada di tangan T.Y.T Gabenor. Namun T.Y.T seolah-olah tidak ambil tahu apa yang berlaku terutama yang berkaitan dengan agama sedangkan semasa Sayidina Umar Ibni Khattab r.a. menjadi Gabenor, beliau bertanggungjawab, walaupun ke atas seekor kambing yang mati di bawah tanggungjawabnya.

Datuk Mufti Negeri bukan boleh harap sangat, orang sudah 'pencen' diambil semula bekerja dari tahun ke tahun. Seandainya Mufti hidup di zaman Umar r.a. tentu beliau kena tempeleng seperti apa yang telah berlaku terhadap Abu Hurairah r.a.

Berkata Umar r.a.

"Apabila tergelincir orang yang berilmu, maka tergelincirlah segenap alam dan makhluk."

Maka kita tak hairan kiranya hajat Tan Sri Rahim membangunkan Melaka dipersetujui seluruhnya tanpa sedikit pun tentangan oleh mufti dan para ulama, walaupun terdapat 'School of thought' yang berbeza. Namun dalam masa yang sama umat Islam terus bermusuh-musuhan kerana perbezaan pemikiran. Apakah kerana perbezaan pendapat ini kita harus terus hidup berbalah sesama sendiri yang akhirnya mati kesan sejarah Islam, luput di muka bumi.

Inilah zaman yang dari dahulu kita takuti, sebagaimana diterangkan dalam qaul (perkataan) Ka'ab dan Ibnu Mas'ud.

Berkata Umar r.a.

"Apabila engkau lihat seseorang yang berilmu mencintai dunia, maka curigailah dia mengenai agamanya! Kerana tiap orang yang mencintai sesuatu akan menyibukkan diri dengan apa yang dicintainya itu."

Melaka dulu adalah Pusat Perdagangan yang terkenal di seluruh dunia. Pusat pemerintahan dan kuasa politik berada di tangan Melayu. Melayu yang pernah menjadi satu bangsa yang besar yang dikagumi dan dihormati tetapi akhirnya disebabkan sikap sultannya yang hidup bermaharajalela, Melaka lenyap dari sejarah hingga kita mencapai kemerdekaan.

Apakah tidak mustahil kiranya orang Melayu terus terlupa bahawa kekuasaan dan kebesaran adalah milik Tuhan? Melayu akan jadi seperti masyarakat **Portugis** yang kini tinggal di **Portugis settlement**, padahal satu masa dulu mereka menjadi tuan di negeri ini.

“Sejarah telah membuktikan bagaimana bangsa seperti Babylonia, Assyria, Mecedonia, Carthagenia yang begitu kuat dan maju-jaya telah hilang dari muka bumi ini, sudah tentu bangsa yang lemah seperti orang Melayu akan lebih mudah hapus jika mereka kurang faham tentang kuasa-kuasa yang ada pada mereka dan, kerana terdorong oleh nafsu, menyalahgunakan kuasa itu.”

(Menghadapi Cabaran — Dr. Mahathir)

Melaka kini sudah mempunyai bandar kembar dengan Amerika Selatan dan lain-lain negara di dunia. Rahim telah membawa kemasyhuran ke negara **‘Hang Tuah’**— Lagenda Melayu yang hanya tinggal nama. ‘Sayang seribu kali sayang’ kerana *nila setitik rosak susu sebelanga*. *Nak cari untung sekarung, rugi seguni*. Inilah yang ditakuti apabila membinasakan budaya kubur, mematikan budaya Islam yang telah hidup bertahun lamanya kerana terlalu ghairah mencari untung melalui pelancongan.

Kemasyhuran, kemuliaan dan kebesaran yang ada pada Almarhum Syeikh Ismail atau Sultan Arifin keramat Pulau Besar, tidak akan menjadi **‘obstacle’** pada cita-cita dan visi Rahim. Almarhum termasyhur kerana keilmuannya mengenai **‘Sufism’** atau **‘Tasawuf’**. Sayangnya **‘karamah’** yang ada padanya hanya diketahui oleh sebahagian manusia yang mempelajarinya dan meminatinya saja, yang lain menganggap **‘karamah’** ini sama seperti **‘karamat’** pada batu, pokok dan benda karut. Maka masyarakat menjadi salah anggap terhadap keramat Pulau Besar yang tidak berdosa pada sesiapa.

Ahli Hikmah ada berkata:

Manusia memusuhi apa yang dia tidak tahu.

Firman Allah.

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah itu ialah orang yang lebih bertaqwa kepada-Nya.

Tidak ramai yang dapat tahu sejarah Syeikh Ismail 'Wali Allah' sebagai orang kerohanian yang hampir dengan Allah SWT. Sebagai 'rijalullah' atau 'rijalul ghaib' peranannya amat simbolik dan sukar difahami menerusi bahasa dan pengertian yang zahir. Tugas Syeikh Ismail amat besar, semasa hayatnya beliau banyak berjasa dan memainkan peranan mengamankan lanun di laut Selat Melaka. Jauh lebih penting dari Nyai Anjus Moro, Puteri Gunung Ledang yang kononnya dipercayai sebagai orang pertama yang menjejakan kaki ke Pulau Besar. Lupakah kita betapa terseksanya rakyat Melaka bila Sultan berhajat hendak berkahwin dengan Puteri Gunung Ledang? Tapi akhirnya wanita juga yang mewarisi kemasyhuran, kesan kakinya dijadikan Tapa Nyai Resort.

Keramat-keramat Kristian St. Paul, St. Xavier dan lain-lain dijaga dengan baik kerana wali-wali Kristian ini adalah kesan sejarah Portugis menjajah Melaka.

Yang jadi salah ialah bila yang datang itu memikirkan kubur itu yang makan makanan, kubur keramat itu yang menyempurnakan permintaan dan hajat mereka. Orang yang jahil ini mesti diberi pandangan tentang apa itu keramat, bukan ditangkap dan dihukum.

Apakah ini zamannya di mana segala 'kebenaran' ditolak sedangkan 'kezaliman' dan 'kejahatan' mendapat sambutan?

Apakah kerana takut kononnya orang Islam akan sesat oleh perbuatan "khurafat" maka Majlis Agama Islam menghancurkan kawasan perkuburan dan bangunan serta tidak membenarkan umat Islam bersembahyang di 'masjid' yang baru dicat waktu pembukaan Tapa-Nyai?

Saya tidak fikir Dr. Mahathir merestui perbuatan macam ini. Kalau nak 'Ampusikum' ampulah boss tapi nak ampu boss pun takkan sampai macam itu punya zalim sekali? Dr. Mahathir pernah menziarahi makam Imam Bukhari semasa lawatannya ke Uzbekistan USSR.

Mana lebih baik, menziarahi kubur yang dianggap sebagai khu-

rafat atau membawa maksiat ke pulau? Lee Kuan Yew masa jadi Perdana Menteri tidak menyentuh kubur **Keramat Habib Noh Al Habsyi** di Palmar Road. Lee membiarkan Majlis Agama Islam memperbaiki dan mengindahkannya. Minyak dengan air tidak bercampur.

Makam Habib Nuh adalah satu tarikan pelancong yang sering diziarahi oleh orang ramai dan umat Islam di sekitar Asia untuk mendapat 'keberkatan' daripada 'kewaliannya'.

Bukankah menziarahi kubur itu sebagai memenuhi seruan Rasulullah SAW? Menziarahi kubur dapat mengingatkan mati (*zikrul maut*).

Apa salahnya keramat Syeikh Ismail dijadikan tarikan pelancong? Baghdad kota hiburan seribu satu malam, terdapat banyak makam **Wali Allah** termasuk makam Syeikh Abdul Kadir Jalani, sultan Aulja. Begitu juga Makam karamah di negara lain termasuk negara komunis, mereka tidak bertindak seperti Majlis Agama Islam Melaka.

Presiden Saddam Hussein sentiasa menjaga Makam 'karamah' dengan baik, pada hal kerajaannya adalah sosialis. Mungkin akibat memuliakan wali Allah, Amerika dan 28 negara lain gagal untuk menewaskannya.

Di bandar Kaherah saja terdapat berapa banyak makam 'karamah' yang sentiasa diziarahi oleh umat Islam, Makam Syed Ahmad Al Kafeel, di mana terdapat kubur King Farouk, Shah Iran dan makam Imam Syafie.

Yang peliknya, kenapa ulama kita hari ini lebih heboh dengan menziarahi makam, sibuk nak tangkap orang-orang yang 'berzikir' dalam gelap daripada mengkritik dan menegah pemimpin-pemimpin mereka yang menari dan mabuk-mabuk di disko-disko dan kelab malam sedangkan itu adalah satu kemungkaran yang cukup besar?

Ulama siang hari susah hati, orang pergi membayar nazar, sembelih kambing dan menjamu orang makan. Padahal mereka buat kenduri di hari pertama hingga hari ke tujuh, hari 40 dan 100 hari bila keluarga mereka mati tak mengapa. Bila ditanya, itu kenduri arwah. Ini semua *double standard* punya kerja.

Semoga kejadian *Air tidak turun dari langit dan air tidak mahu keluar dari bumi* bolehlah memberikan kesedaran kepada mereka sebagai **bala** dari Allah akibat umat Islam tidak melakukan apa yang telah diamanahkan kepada mereka, tidak menyeru manusia supaya berbuat baik dan menegah kemungkaran.

Mungkin kemarau ini sebagai satu **bala** akibat dosa-dosa kita semua yang tidak menunaikan tanggungjawab kita sebagai orang yang beriman kepada Allah.

Dan wahai kaumku, mintalah ampun kepada Tuhan kamu, kemudian kembalilah taat kepada-Nya supaya Ia menghantarkan kepada kamu (hujan lebat serta menambahkan kamu kekuatan di samping kekuatan kamu yang sedia ada. Dan janganlah kamu membelakangkan seruan-Ku dengan terus membuat dosa.

Al-Hud 52

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam surah Asy Syura ayat 30, yang bermaksud:

Dan apa jua yang menimpa kamu daripada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (akibat perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa) dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dosa-dosa kamu.

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan 'bala' yang diturunkan Allah itu adalah disebabkan oleh kesalahan dan dosa-dosa yang dilakukan oleh manusia. Tetapi dalam pada itu kerana sifat menurunkan kesemua 'bala' itu dan sifatnya yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang maka banyak dosa-dosa manusia itu diampunkannya.

Ketika Allah menurunkan 'bala' di atas muka bumi, 'bala' itu bukan sahaja mengenai orang yang melakukan dosa tetapi juga mengenai orang yang tidak membuat dosa. Dalam hal ini semua akan mendapat bahannya.

Hal ini dinyatakan oleh Allah melalui firman-Nya dalam surah Al-

Anfal ayat 25 yang bermaksud:

“Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dan (yang membawa bala dan bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang zalim antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum) dan ketahuilah betapa maha berat seksa-Nya.”

Oleh itu dalam hal ini Allah telah menganjurkan supaya manusia memperbanyakkan ‘istighfar’ dan selalu meminta ampun kepada Allah dan berhenti dari melakukan dosa supaya kejadian ‘bala’ dan bencana tidak berlaku dan menimpa kita.

Hanya Engkaulah Yang Kami Sembah

*Dan Hanya Kepada Engkaulah
Kami Mohon Pertolongan.*



"Nampak-nampaknya akhbar-akhbar dan media massa hari ini nak main-mainkan beta. Apakah mereka nak jadikan beta macam Raja Lekuk Raja Kelawar? Ini sudah lebih. Nanti beta 'hot', beta panggil Pak Habib mengadap di Istana. Beta nak kasi dia Datuk supaya dia simpan pen dan berhenti menulis. Tak habis-habis kasi susah orang aje."

RAJA LEKUK RAJA KELAWAR

Sistem yang ditinggalkan oleh Penjajah mengizinkan Raja-raja membuat apa saja jenayah dan mereka tidak boleh dibawa ke muka pengadilan. Raja berada di atas undang-undang. Siapakah yang mesti disalahkan bila raja menyeleweng dan berlaku zalim? Raja atau sistem? Hari ini ramai yang menyalahkan raja tanpa memikirkan punca. Kata mereka akibat dibiarkan raja bermaharajalela. Akhirnya cacing naik ke mata bila raja sudah naik muka. Kepada siapa rakyat nak mengadu? Kerana mengikut demokrasi rakyat yang berkuasa tapi yang menjadi amalan sekarang ini adalah di sebaliknya, maka rakyat terpaksa mengadu pada ahli UMNO dan ahli UMNO pula mengadu pada pemimpin mereka dan pemimpin mereka pun melepaskan bauk di tangga perhimpunan agungnya. Apakah perkara itu akan berakhir begitu saja? Siapakah nanti yang akan jadi raja lekuk dan raja kelawar?

AKHIRNYA PERBUATAN 'Derhaka' yang sangat ditakuti dan dibimbangi oleh umat Melayu telah dilakukan oleh para ahli UMNO, namun siapa pun tak berani melabelkan para pemimpin UMNO sebagai **penderhaka**, kenapa? Padahal menegur raja di khalayak ramai adalah satu perbuatan '**derhaka**'. Tindak-tanduk mereka telah membuatkan raja-raja dan sultan-sultan **murka**.

Siapa pun tidak terfikir, bahawa ahli UMNO sanggup menderhaka kepada manusia yang telah mereka letakkan diatas *takhta*. Apakah kerana peribahasa Melayu yang berbunyi '*Raja adil Raja disembah, Raja zalim Raja di sanggah*', membuat mereka berkelakuan demikian? Apa pun yang kita nak kata, ianya telah menjadi satu sejarah. *Terlajak perahu boleh ditarik, terlajak perbuatan buruklah padahnya.*

Kalau dulu Munshi, Pak Habib seorang saja yang dianggap tak gentar pada perkataan **derhaka**, tidak takut menegur raja-raja secara terbuka biarpun ada raja-raja yang **murka** sebabnya adalah kerana Pak Habib tahu **takut** itu lawannya **berani** dan **taat** itu lawannya **derhaka**. Itulah sifat semula jadi manusia sentiasa berlawanan, setiap yang ada permulaan mesti ada akhinya, kerana kita bersifat baharu. Yang baru itu pasti binasa. Firman Allah,

"Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang paling bertaqwa di antara kamu".

Sebaik saja siap buku **REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT**, **Tuanku Sultan Ahmad Shah** adalah orang yang pertama menerima

buku tersebut sebagai hadiah dari Pak Habib. Kebetulan ketika itu baginda Sultan mahu berangkat ke London. Pak Habib serahkan sendiri buku itu dengan niat supaya **Tuanku** dapat membaca '*mesaj*' yang nak disampaikan. Alhamdulillah,... Tuanku terima buku tersebut dan dengan murah hati baginda Sultan memberikan wang sebagai tanda penghormatan.

Tuanku tidak marah, Pak Habib tidak dianggap **derhaka** malahan dijamu dan dilayan dengan baik kerana baginda Sultan tahu keikhlasan Pak Habib menegur raja, tak bererti **derhaka**.

Pak Habib tidak terkejut dengan tindakan para pemimpin UMNO yang dianggap '**derhaka**' oleh golongan mereka yang cari makan dikeliling raja. Bagaimana kiranya mereka mengadakan tunjuk perasaan didepan istana?

Ahli UMNO terpaksa mendedahkan penyelewengan yang dilakukan oleh raja-raja di Perhimpunan Agung yang lepas kerana itu sajalah yang dapat dilakukan oleh mereka sekiranya mereka mahu terus berkhidmat kepada rakyat kerana ramai pemimpin UMNO telah memuakan raja-raja.

Perbuatan mereka adalah akibat sistem yang telah meletakkan **raja-raja dan para Sultan berada di atas undang-undang**. Kalau ada jalan lain mungkin perkara macam ini tidak berlaku. Sudah menjadi kebiasaan *sudah terantuk baru mengadah* apa pun yang hendak dikatakan *sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak ada gunanya*.

Sistem yang ditinggalkan oleh Penjajah mengizinkan Raja-raja membuat apa saja jenayah dan mereka tidak boleh dibawa ke muka pengadilan. Raja berada di atas undang-undang. Siapakah yang mesti disalahkan bila raja menyeleweng dan berlaku zalim? Raja atau sistem? Hari ini ramai yang menyalahkan raja tanpa memikirkani punca. Kata mereka akibat dibiarkan raja bermaharajalela. **Akhirnya cacing naik ke mata** bila raja sudah naik muka. Kepada siapa rakyat nak mengadu? Kerana mengikut demokrasi rakyat yang berkuasa tapi yang menjadi amalan sekarang ini adalah di sebaliknya, maka rakyat terpaksa mengadu pada ahli UMNO dan ahli UMNO pula mengadu pada pemimpin mereka dan pemimpin mereka pun melepaskan batuk di tangga perhimpunan agungnya. Apakah perkara itu akan berakhir

begini saja? Siapakah nanti yang akan jadi raja lekuk dan raja kelawar?

Rakyat yang bukan berbangsa Melayu tidak perlu menggunakan adat istiadat istana, bila berhadapan dengan raja-raja tak perlu menggunakan bahasa istana, cakap lu gua dengan raja pun tak apa, apa lagi kiranya bahasa Inggeris yang digunakan. Perbuatan ini juga menimbulkan kemarahan umat Melayu. Apakah Raja tahu? Perbuatan bukan Melayu tidak dianggap **biadab** dan **derhaka** kerana mereka tidak memahaminya. Betul ke perkara macam ini?

Para sultan adalah manusia biasa macam Pak Habib juga. Yang menjadi masalah hari ini ialah tembok perpisahan antara raja dan rakyat. Rakyat merasa mereka terpisah dari raja dan raja sedang dikipas oleh mereka yang ada kepentingan *business* dan politik lupa daratan. Mereka pun nak tunjuk kuasa.

Nasib Dr. Mahathir baik semasa musuh-musuhnya sedang memburukkan beliau, Tok Mat telah mengadakan **SEMARAK** ke seluruh negara. Bila rakyat dapat berjumpa pemimpin, timbullah rasa kasih sayang apabila terjalannya **silatur rahim**. Cuba kita bertanya kepada Tan Sri Muhyiddin sejak menjadi Menteri Besar berapa kali beliau membawa Al Mutawakil pergi menemui rakyat di kampung-kampung diseluruh Johor? Al Mutawakil dulu popular kerana baginda memulakan kariernya sebagai raja dengan berkutbah di masjid. Bilakah agaknya saudara saya ini nak berkutbah semula? Business.. business juga, tak kan lupakan syurga dan neraka! Kita yang hidup ni pasti menemui mati.

Begitulah cerita raja dan rakyat, kini timbul kisah ahli pemiagaan di Pahang yang telah dijangkiti oleh penyakit yang terkena pada UMNO, dulu pemimpin dari Team B dedahkan semua keburukan Team A. Sesudah itu pemimpin UMNO dedahkan keburukan raja. Kini mereka yang sama-sama memimpin dewan pula mula selak-selak kain. Kebetulan Pengerusi dan bekas Pengerusinya adalah ahli UMNO juga.

Yang peliknya Dewan Pemiagaan dan Perusahaan Melayu Cawangan Pahang (DPPMMP) telah menjangkiti penyakit yang sama. DPPMMP telah mengadakan mesyuarat agung luar biasa supaya diadakan diadakan terhadap pihak yang dituduh terlibat dalam satu

penyelewengan dalam Syarikat Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Pahang Darul Makmur Sdn. Bhd.

Penyelewengan itu dikatakan melibatkan jumlah wang yang besar pada kawasan balak di Jerantut yang diperuntukkan pada syarikat tersebut. Sejauh manakah kebenaran tuduhan ini? Perkataan yang digunakan ialah men'*siphon*' dalam bahasa Melayu yang mudah 'mencuri' atau mengebas. Ini satu tuduhan yang berat kalau tak ada bukti yang cukup bagaimana?

Dalam laporan itu, bekas Pengerusi DPPMMP, Datuk Haji Fauzi Abdul Rahman, bekas Timbalannya Datuk Bahari Tan Sri Yahaya serta beberapa tokoh lain termasuk Datuk Rashid Abdul Rahman, Datuk Haji Rashid Salleh dan Encik Abdullah Derus dikatakan terlibat dalam mencuri 2000 hektar '*logging righth*' setahun. Benarkah Syarikat DPPMMP Pahang Berhad ada mendapat kawasan balak daripada kerajaan negeri sebanyak 2000 hektar setahun?

Pengerusi DPPMMP, Datuk Haji Nasir Haji Mat Piah, bekas seorang EXCO juga bekas seorang D.O telah menemui Tan Sri Khalil Yaakub di pejabat Menteri Besar Pahang pada 27 November lalu supaya 'perang' antara golongannya yang gengnya terdiri dari golongan Maran dengan golongan yang diperangi Datuk Fauzi dari Kuantan yang dipercayai dan diramalkan sebagai bakal Menteri Besar Pahang dapat diselesaikan dengan baik oleh Datuk Menteri Besar demi kepentingan para peniaga dan pengusaha Melayu. Datuk Khalil selaku Menteri Besar berjanji akan menyelesaikan masalah tersebut dalam masa 10 hari.

Yang menghairankan orang ramai ialah kalau betul yang dituduh telah melakukan penyelewengan, kenapa pergi jumpa Menteri Besar? Kenapa tidak diserahkan perkara ini kepada Tuanku? Itukan lebih bijak. Atau jika ada kejadian '*rasuah*' kenapa tidak laporkan saja kepada BPR atau lapor pada polis kiranya ada perkara berkaitan '*pecah amanah*'? Kenapa minta Datuk Khalil yang menyelesaikannya? Ada apa-apa muslihat ke di sebalik pertemuan tersebut? Mentang-mentanglah Datuk Khalil pun orang Maran juga.

Kebetulan kita sedang membincangkan masalah yang berlaku di Pahang. Politik Pahang kini hebat diperkatakan dimana-mana. Masalah

balak dan penyelewengan dalam pembahagian tanah menjadi topik utama. Datuk Khalil menjadi sasaran kerana hubungan yang tidak begitu rapat dengan istana.

Saya teringat semasa Datuk Najib jadi Menteri Besar dulu, beliau baru berumur 28 tahun, Menteri Besar yang termuda didalam sejarah. Ketika itu tidak timbul pun masalah antara anak Tun Razak dengan Tunku atau kerabat diraja yang lain. Mereka menghormati kredibiliti Datuk Sri Najib. Dulu dan hari ini Sultan Ahmad adalah Sultan yang amat popular dikalangan rakyat jelata kerana sifat ramah mesranya, mudah bergaul dengan sesiapa saja. Malah baginda adalah Yang DiPertuan Agung yang paling dihormati dan dikasihi oleh rakyat kerana selalu mendampingi rakyat.

Apa yang kita nak hairankan sekiranya ada *sultan yang beraja dimata dan bersultan dihati*. Nama pun **RAJA**, Sultan yang memerintah, bukan *raja lekuk* atau *raja kelawar*. Sebagai Raja baginda Sultan berhak meminta, itu pun kalau Menteri Besar hendak beri. Bila kita minta orang beri, yang nak ditolak pasal apa? Kalau Sultan tak ambil pun ada tukang kebas yang akan sapu. Bukan orang politik saja, ramai pegawai kerajaan yang ambil, yang telah sapu harta rakyat, tak percaya tanya **Raja**. Tuanku tah banyak hal-hal yang macam ini.

Kita salahkan raja beada di atas undang-undang, bagaimana dengan orang-orang politik yang terlepas begitu saja bila melakukan rasuah dan segala macam penyelewengan?

Ada orang politik dan orang kerajaan yang telah diselamatkan oleh raja. Tak percaya tanyalah raja! Kalau tuanku izin lain kali Pak Habib cerita lagi, boleh sebuah buku yang khusus.

Timbulnya masalah **raja** dengan para Pegawai Kerajaan mungkin kerana kelemahan Menteri Besar atau kelemahan Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing. **Raja** boleh meminta Pegawai Kerajaan yang tidak ikut perintah dan derhaka pada raja ditukar, seandainya Setiausaha Kerajaan Negeri berkeras tentu tak berlaku perkara macam ini. Ada Setiausaha Kerajaan Negeri yang terlibat sama, tukang kipas Tuanku.

Malaysia mempunyai 16 juta rakyat dan negara kita mengamalkan

demokrasi, kalau dikumpul raja dengan kerabat mereka tak sampai 1000 orang, tapi kenapa raja berperlembagaan nampaknya berkuasa seperti raja yang mengamalkan pemerintahan monarki?

Raja boleh pilih Timbalan Menteri Besar yang disukainya, boleh pilih EXCONya sendiri, tentu ada kelemahan di mana-mana.

Beranikah Menteri Besar mendedahkan perkara ini kepada umum? Perkara macam ini sudah bukan menjadi rahsia lagi di kedai kopi dan di 'coffee house'. Rakyat bercerita sesama sendiri.

Apabila Tok Guru Nik Aziz, mendedahkan bahawa, "*sistem yang diamalkan di negara ini divedok dari Barat berdasarkan kepada faham Greek tua yang menganggap Tuhan dan raja-raja mereka sebagai satu simbol.*" Baru orang ramai terkejut kerana buat pertama kali dalam sejarah kita adanya seorang ahli politik dan ulama yang berani berterus terang bahawa Sistem Raja Berperlembagaan ini satu sistem yang 'UnIslamic'. Tapi siapa yang berani mengatakan sistem yang divedok dari barat dan Greek tua ini 'UnIslamic'?

Apakah dalam Islam ada manusia istimewa kerana pangkat dan darah keturunannya? Rasulullah pernah bersabda; "*Seandainya anakku Fatimah Al Zaharah yang didapati mencuri akan ku potong tangannya.*" Dalam Islam tak ada manusia yang 'above the law'.

Sistem raja Berlandaskan Syura ini menuntut raja memenuhi konsep "**Khalifah**", iaitu seorang pemerintah yang adil, berilmu, bertaqwa, zahid dan warak. Adakah ulama kerajaan yang berani menyuarakan kepada raja dan berkeras seperti yang dilakukan oleh Tok Guru Nik Aziz?

Kalau saja kita mahu berfikir, kenapa dengan tiba-tiba boleh timbul pergaduhan antara UMNO dan raja-raja mereka, tentu kita akan dapati jawapannya bahawa terjadi pertelingkahan ini adalah disebabkan kurangnya penghayatan tentang ajaran Islam yang sebenarnya. Kebanyakan umat Islam hari ini menanamkan perasaan *takut untuk menyuarakan kebenaran*. Orang ramai lebih suka berdiam diri meskipun hati kecil mereka berkata-kata. Apa yang dikatakan oleh Abdullah Munshi Nik Aziz dan saya sendiri adalah benar tapi disebabkan politik nak hidup, mereka membisu. Namun di hati kecil

mereka tetap berkata, Sistem Raja Berperlembagaan yang menjadi amalan di negara ini satu sistem ciptaan penjajah yang mahukan kemungkarannya berlaku secara berleluasa supaya umat Islam menjadi lemah akibat sistem yang **double standard**.

Cetusan idea Tuan Guru Nik Abdul Aziz tentang Sistem Raja Berperlembagaan adalah satu pandangan paling bernas dan jitu untuk membentuk maruah dan institusi raja-raja Melayu sebagai payung ke-Islaman Malaysia tapi disebabkan Nik Aziz pemimpin PAS, **kredit** tidak boleh diberikan kepadanya. Bukan kerana apa yang dikatakan tidak **benar** tetapi kata-katanya boleh merugikan kepentingan politik. Sepatutnya kita tidak bertanya **siapa yang berkata**, yang penting **apa yang dikata**.

Jika sekiranya raja-raja Melayu dapat menjadikan diri mereka raja yang adil, berilmu, bertaqwa, zahid dan warak, maka rakyat akan sentiasa mendoakan mereka kekal berada di atas takhta.

Raja-raja mestilah mengamalkan kehidupan mereka berpandukan kuatkuasa Al Quran dan Al Hadis untuk mengelakkan wujudnya nilai-nilai "**kemaharajaan**". Bermaharajalela *bersultan dimata beraja di hati*, sama ada didalam institusi raja, institusi politik dan sektor ekonomi, yang dewasa ini semua sektor-sektor kehidupan sosial nampaknya menuju ke arah nilai-nilai "**kemaharajaan**" yang membuat manusia **bermaharajalela** menggunakan **hukum rimba**. Siapa kuat dialah yang berkuasa, dialah raja. Dia terlupa, tersilap langkah dia akan jadi **Raja Lekuk dan Raja Kelawar**.

KUALA LUMPUR: Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dikatakan telah menolak tiga permohonan dari pihak Istana kerana memikirkan kepentingan rakyat negeri.

MW difahamkan tiga permohonan yang ditolak itu ialah permohonan untuk mengubahsuaikan Istana Alam Shah Kelang yang melibatkan kira-kira \$20 juta, permohonan tapak stesyen minyak dan arahan Padang Kota Kelang dijadikan Padang Kawat.

Satu sumber yang rapat dengan kerajaan negeri memberitahu bahawa perkara ini telahpun disampaikan kepada Perdana Menteri.

Adalah difahamkan awal bulan ini pihak Istana menitahkan seorang pegawai Istana menyerahkan sebuah kertas kerja kepada kerajaan negeri berhubung pengubahsuaian Istana.

Sumber itu menegaskan setelah kajian dibuat pihak kerajaan negeri tidak dapat mematuhi permintaan pihak Istana.

MW juga mendapat tahu tiga permohonan yang ditolak itu



Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad

MW 17/Nov/91

adalah terkandung di dalam memorandum UMNO Selangor yang diserahkan kepada Presiden UMNO Datuk Seri Dr.Mahathir Mohamad.

Sebelum memorandum itu disampaikan kepada UMNO Malaysia, kesemua wakil-wakil rakyat UMNO dan Ketua-ketua bahagian telah menandatangani surat menyokong tindakan itu.

MW difahamkan di dalam sidang Dewan Undangan Negeri yang baru lalu, Sultan Selangor tidak berangkat mencemar duli menghadiri sidang sebaliknya tempat baginda diwakilkan kepada Tengku Bendahara.

Sementara itu Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhamad Muhd Taib memberitahu beliau telah mengemukakan perkara ini kepada Perdana Menteri selepas Dr.Mahathir merasmikan Perhimpunan Agong UMNO.

"Beliau faham akan kedudukan negeri Selangor dan kepentingan

rakyat dan agama Islam"katanya. "Saya sendiri sedia menghadapi apa jua asalkan kerajaan negeri dapat menggunakan wang dengan tidak membelakangi kepentingan rakyat."

KONFRONTASI TERBUKA SULTAN — MB

Oleh
**Razak Ali, Zaharuddin
Mohd. Ali dan Hassim Sharuddin**



MUHAMMAD TAIB

**Bukan
tindakan
memecah
rahsia
— MB**



KUALA LUMPUR 15 Feb. - Pertentangan terbuka berlaku hari ini antara Sultan Selangor dan Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib mengenai soal penganugerahan bintang kebesaran sempena ulangtahun keputeraan baginda ke- 66 bulan depan.

Sultan Selangor menegaskan dalam sidang akhbar khas di Pejabat Kiang pagi ini bahawa soal penganugerahan bintang kebesaran adalah hak baginda dan ia tidak seharusnya dipersoalkan.

Pada sebelah petangnya Menteri Besar dalam satu kenyataan memberitahu pihaknya tidak mempersoalkan hak istana tetapi dukacita kerana ramai calon dari kerajaan negeri yang berhasrat kepada negeri dan negara tidak diendahkan.

Perkembangan ini timbul berikutan keputusan Badan Perhubungan UMNO Selangor memulakan penamaan calon bagi penerimaan bintang kebesaran kali ini setelah mendapat tahu pihak istana hanya akan memberi anugerah yang membawa gelaran Dato' pada tokoh-tokoh Kerajaan Persekutuan.

Dalam sidang akhbar yang diadakan di atas kapal 'Puteri Kayangan' itu Sultan Selangor juga mendakwa tindakan Menteri Besar mengumumkan bahawa baginda tidak akan memberikan bintang kebesaran kepada mana-mana tokoh negeri Selangor yang dicalonkan oleh UMNO adalah suatu pembocoran rahsia.

Sehubungan itu, baginda akan memanggil Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengadapnya dalam masa satu dua hari lagi bagi menjelaskan kedudukan sebenarnya.

Selain itu, Sultan Selangor juga bercadang untuk merujuk kepada Penguasa Negara berhubung dengan tindakan Menteri Besar yang ditaklukkan sebagai pembocoran rahsia.

Bagaimanapun baginda menjelaskan tindakan itu (merujuk kepada Penguasa Negara) bergantung kepada hasil peritmesan yang akan dibuat dengan Perdana Menteri.

Mengulas mengenai dakwaan Sultan Selangor bahawa beliau telah membocorkan rahsia Muhammad dalam kenyataannya memisah, "tindakan ini bukanlah yang memecah rahsia. Perkara ini tidak ada kaitan dengan kerahsiaan. Kita tidak mendedahkan senarai nama (calon penerima bintang). Cuma cara penganugerahan ini dilaksanakan yang menjadi tandanya."

Menteri Besar yang mengemukakan keputusan Badan Perhubungan UMNO Selangor memulakan penamaan nama itu semalam menyilapkan tindakan istana hanya memberi anugerah bergelar Dato' kepada tokoh-tokoh Persekutuan seolah-olah seperti mahu memecah-belahkan masyarakat dan mencurigakan.

Muhammad juga memberitahu Badan Perhubungan UMNO Selangor akan menghantar satu rombongan yang diketuai oleh Setiausahaanya Dato' Onn Ismail untuk bertemu dengan Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad untuk menjelaskan beberapa perkara yang berlaku di negeri ini.

LIHAT MUKA 6

**SENYUM
KAM**

Bantahan terhadap 'Pemborong Diraja'

KUALA LUMPUR 7 Feb. — Persatuan Pemborong Binaan Bumiputera Malaysia Cawangan Terengganu (PPBMT) mendesak kerajaan negeri mengkaji semula sistem penawaran kontrak di Terengganu yang didakwa mengutamakan sebuah syarikat yang dianggap sebagai *Royal Contractor* (Kontraktor Diraja).

Dalam memorandum kepada Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Encik Ghafar Baba, persatuan itu mendedahkan, kebanyakan kontrak di Terengganu diberikan kepada *Syarikat Seri Terukon Sdn Bhd* yang dikatakan mempunyai kuasa tertentu "yang lebih tinggi daripada kerajaan".

Syarikat Seri Terukon yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor di bawah Kelas A mempunyai 49 peratus saham bukan bumiputera.

Antara projek yang sedang dijalankan oleh syarikat

itu, menurut PPBMT ialah projek pembinaan pagar dan pintu gerbang Istana Badariah di Terengganu yang bernilai \$1.55 juta walaupun JKR menganggarkan ia bernilai \$1 juta.

Sehubungan itu, PPBMT meminta Kerajaan Pusat campur tangan dan memperbetulkan apa cara sekalipun terhadap masalah itu yang disifatkan sebagai pencerobohan ekonomi.

Langkapan tersebut perlu diambil memandangkan masalah itu telah menjejaskan kontraktor-kontraktor bumiputera di Terengganu yang berjumlah 1,978 dari pelbagai kelas yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor.

Menurut persatuan itu, 95 peratus daripada bilangan kontraktor di negeri itu bergantung kepada ker-

LIHAT MUKA 2



Douglas: Datuk Pairin, kalau you hendak menang kes ini senang saja, you pergi jadi Duta ke Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini kes bukan besar mana sangat. Ini kes semua orang bikin punyalah.. Datuk pandai makan tak pandai simpan. Itu sebab jadi ini macam.

Pairin: Ini macam punya kerja bolih bikin ke?

BAHAYA AL ARQAM

Bercakap pasal Nabi Sulaiman yang menjadi nabi dan raja, kita cuba mengingati Sultan Sallehudin Al-Ayubi. Seandainya para ulama yang hidup di negara yang sudah merdeka 32 tahun telah mengajar para sultan apa itu sufi, apa itu tasawuf, apa itu Islam sebenarnya, saya tak fikir Sultan Selangor hari ini, Sultan Salahuddin akan berkelakuan sedemikian rupa hingga rakyat mula rasa tidak senang dengan baginda.

Kiranya mereka telah mengajar para sultan cara mengamalkan tarikat seperti ulama sufi yang sebenarnya, tentu hari ini UMNO tidak berkelahi dengan Raja-raja, dan tentu nama Raja-raja tidak tercemar dan kedudukan mereka juga tidak terancam. Krisis yang melibatkan Raja-raja hari ini tidak akan terjadi kalau Raja-raja berjiwa sufi. Kalau Sultan Salahuddin Selangor mencontohi Sultan Salehudin Al Ayubi tentu baginda akan dikasihi oleh bekas menantunya Muhammad (Mike Tyson) yang kini memegang tampuk kuasa sebenar kerajaan Selangor. Biar bagaimanapun masih belum terlambat untuk tuanku membuat perubahan dan cepat-cepat bertaubat.

SIAPAKAH SEBENARNYA YANG menentang dan memusuhi **Darul Arqam**? Inilah di antara soalan yang bermain di kepala saya bila **Al-Arqam** disenaraikan sebagai satu pertubuhan sesat oleh **Pusat Islam**, dan yang peliknya **Aurad Muhamadiyah** yang menjadi sasarannya. Kenapa?

Aurad Muhammadiyah dianggap **merbahaya**. Apakah kerana **zikir** yang diamalkan di dalam kitab yang mengandungi **manakib Sheikh Suhaimi** itu boleh mengubah sikap, mental, peribadi dan rohani orang yang mengamalkannya? Atau apakah kerana **zikir** dari **Aurad Muhamadiyah** itu boleh menyesatkan?

Soalnya ialah, apakah yang **merbahaya** sangat di dalam **Aurad** itu? **Bahaya** yang dimaksudkan itu kepada siapa? **Bahaya** kepada bangsa Melayu, pada umat Islam atau kepada puak-puak **kapitilis** dan **zionist**? Inilah yang perlu diterangkan, dan yang mesti dijelaskan oleh **Pusat Islam** supaya mereka yang **takut** pada **bahaya** yang ada pada **zikir** itu akan benar-benar faham. Sekiranya betul kumpulan manusia yang bernama **Al-Arqam** ini boleh mengancam keselamatan negara, maka pihak kerajaan jangan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sesuai. Kalau perlu hapuskan mereka semua. Hapuskanlah mereka sekiranya **Pusat Islam** berani bertanggungjawab kepada

Allah SWT. Tapi kenapa mereka tidak berbuat demikian?

Siapa pun tidak dapat menafikan bahawa **Arqam** adalah satu pertubuhan yang **merbahaya**. Dan **bahaya** yang pertama mengikut pendapat saya ialah **Tasawuf** dan **Dakwah** yang boleh menjadi seperti **detonator** di dalam sebutir bom yang akan meletup pada bila-bila masa. Ia merupakan kemunculan satu ombak yang akan melanda pemikiran serta sikap manusia. Tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa perjuangan **Al-Arqam** adalah ibarat sebiji '*time bomb*' yang akan meledak bila sampai ketikanya.

Siapapun tidak boleh menafikan sekiranya **Islam** sebagai **Addin** dapat dilaksanakan secara keseluruhan seperti yang dituntut oleh **Al-Quran** dan **Al-Sunnah**, ia akan memberi satu '*force*' dan '*power*' yang cukup kuat untuk menundukkan kebatilan dan jahiliyah. Kalau Islam cara itu benar-benar dapat ditegakkan di dalam perkumpulan **Arqam** dan di seluruh negara, ia pasti akan merosakkan **sistem kapitalis** dan apa jua **ideologi** ciptaan manusia.

Maksud saya dengan perkataan **kapitalis**, bukan sekadar negara-negara yang mengamalkan sistem kapitalis sahaja tetapi juga ahli pemiagaan dan para taukeh. Dan bahaya yang bakal dibawa oleh golongan **Arqam** ini, pertama dari segi mereka berpakaian. Pakaian lahiriah mereka mengikut sunnah rasul dan ini menunjukkan kesederhanaan dalam berpakaian. Seorang lelaki **Arqam** mungkin memiliki tidak lebih dari tiga helai jubah yang wamanya hijau tua, sehelai dua serban dan capal yang tak berjenama. Fikirkanlah apa akan jadi pada kasut-kasut yang harganya ratusan ringgit. Pasti tak laku.

Anggotanya tidak mengutamakan **jenama** bila membeli pakaian. Apakah ini tidak merugikan peniaga yang menjual jenama dan bukannya benda yang dipakai? Mungkin mereka ke gedung pakaian setahun atau dua tahun sekali. Tapi mana ada dari kalangan yang pakai *Levi's*, kasut *Reebok*, *Camel* atau baju *YSL*. Jubah mana ada cap *YSL* ataupun serban cap *Dunhill*.

Bagaimana gedung pakaian dan **fashion house** yang menjual jenama yang begitu mahal boleh bertahan dan bagaimana kedai-kedai di **shopping complex** hendak meneruskan pemiagaan sekiranya semua umat Islam di Malaysia berpakaian begini di tahun 2020 nanti. Akhirnya

Wawasan 2020 yang dicipta oleh Mahathir akan penuh dengan was-was sahaja.

Begitu juga dengan pakaian para muslimatnya mereka begitu '*simple*', tidak suka membazirkan dengan set-set pakaian yang berjenama dan beraneka warna. Mereka berpurdah dan berpakaian hitam dan warna-warna yang gelap yang tidak menimbulkan *selera* lelaki yang melihat. Dan mereka tidak suka pakai warna-warna yang lain. Apa akan jadi pada shopping complex? Segala jenis *make-up*, *fasyen* rambut, *kasut*, *beg* tangan, *cutex* dan lain-lain assesoris wanita, mereka '*tak main*'. Siapa tahu dalam diam-diam ada yang tertarik dengan jenama *St Michael* atau *Triumph*. Purdah di luar sahaja. Ini satu rahsia dalaman wanita. Rahsia-rahsia macam ini sudah cukup berat bagi saya untuk didedahkan, tapi kalau benar tak jadi kesalah-an. Tahu sama tahu sudahlah. Kerana lelaki suka bercerita tentang hal-hal yang sulit mengenai wanita.

Selain dari gedung-gedung pakaian, perniagaan yang mungkin terancam, segala jenis *club malam*, *disko*, *karoke*, *rumah-rumah urut* akan lingkup kerana ini benda-benda haram yang dianggap maksiat dan boleh merosakkan akhlak, kesihatan dan membazirkan wang, lelaki Arqam '*tak main*'. Bak kata anak muda hari ini. Mereka jijik terhadap benda-benda haram ini seperti orang Islam lainnya jijik pada babi. Ini kejayaan besar Ustaz Ashaari mendidik anak buahnya supaya menerima agama dengan menggunakan akal. Sebab itu mereka ini boleh pergi berdakwah ke Thailand. Mereka bukan sekadar takut kepada AIDS, tetapi mereka takut hendak melakukan dosa, berzinah, takut nak berpoya-poya dengan pakaian sunnah rasul yang sudah dilapek di tubuh mereka. Jubah dan serban membantu menguatkan keimanan mereka. Orang tahu mereka Islam dari pakaian mereka. Sebab itu mereka takut hendak mencemar dan merosakkan nama baik Islam. Mereka bukan jenis Arab-Arab Wahabi dari Saudi yang berjubah, berserban dan bertasbih ditangan dalam waktu yang sama *minum arak*, *berjudi* dan *berseronok* dengan sundal. Inilah yang terjadi bila umat Islam cuma kulitnya sahaja yang Islam.

Dengan sistem Islam yang diajar oleh Ashaari kepada pengikutnya kerajaan tidak perlu tutup semua tempat hiburan dan tempat maksiat

kerana mereka yang beriman, yang hatinya sentiasa bertasbih mengingati Allah telah terlebih dahulu telah menutup nafsu dan keinginan untuk melakukan sesuatu yang ditegah oleh Allah SWT seperti yang pernah diucapkan oleh Mahathir dalam Perhimpunan Agung UMNO. Bukankah ini cara yang sesuai untuk hidup dalam masyarakat majmuk yang berbilang agama dan kepercayaan. Begitu juga dengan arak dan judi. Fikirkanlah sekarang baru ada lebih kurang 50 ribu pengikut Al-Arqam. Bagaimana di tahun 2020 nanti sekiranya Arqam terus berdakwah dan mempengaruhi pemikiran orang-orang yang bukan Islam?

Bahaya Al-Arqam yang satu lagi ialah kebanyakan ahlinya yang lelaki suka beristeri lebih dari satu. Inilah yang tidak disenangi oleh wanita UMNO. Mereka berjuang bermati-matian supaya para suami mengamalkan **monogami** sedangkan monogami bukan cara Islam. *One man one wife*. Islam mengizinkan suami beristeri lebih dari satu dengan syarat. Arqam memperjuangkan **poligami** untuk membela nasib wanita-wanita yang tidak ada kesempatan untuk jadi calon isteri dan memberi peluang kepada lelaki yang tak dapat melawan nafsu supaya mempunyai lebih daripada satu isteri daripada menyimpan perempuan yang tidak dinikahi.

Ashaari membuktikan poligami tidaklah seburuk seperti yang dimomok-momokkan oleh musuh-musuh Islam. Jadi siapakah sebenarnya yang memperjuangkan nasib wanita, pemimpin UMNO atau Bapa Poligami Malaysia Sheikhul Arqam Ustaz Ashaari? Apakah tidak mungkin jika Al-Arqam berjaya menyelesaikan masalah yang menimpa wanita dengan cara Islam, Ashaari akan jadi calon Perdana Menteri yang paling popular?

Ajaran Al-Arqam ialah untuk membawa kembali umat Islam secara total kepada kekuatan sebenar yang menjadi teras kekuatan umat Islam dari zaman berzaman. Kekuatan yang saya maksudkan ini ialah kekuatan **kerohanian** yang menjadi amalan orang-orang **sufi**. Kekuatan orang-orang **sufi** yang berpandu kepada Al-Quran dan hadis mengikut sunnah rasul bukan **sufi** sekadar satu mistik. Kesufian yang mengamalkan Akli dan Nakli.

Kepercayaan bahawa mereka dapat mengadakan hubungan terus

menerus dengan Allah SWT dan *kegilaan* mereka tentang ketuhanan amat luar biasa. Inilah yang dianggap merbahaya kerana orang barat tahu tentang kekuatan mukjizat yang dinamakan '*miracle*'. Mereka yakin dan percaya bahawa '*miracles happen to those who believe in them*'. Dan mukjizat ini ada dua, satu yang lahiriah seperti tongkat Nabi Musa a.s, yang dikenali senagai mukjizat '*hissi*'. Begitu juga dengan tikar terbang Nabi Sulaiman a.s dan Nabi Ibrahim a.s duduk di dalam api tapi tak mati. Tapi yang lebih tinggi dari mukjizat-mukjizat ini ialah mukjizat '*maknawi*', iaitu Al-Quran yang dapat menguasai pemikiran dan hati naluri manusia.

Inilah yang ditakuti oleh mereka yang tergilagila mencari dunia seperti hendak hidup seribu tahun sehingga terlupa tentang kebesaran Allah, lupa sifat-sifat Allah yang Maha Pemurah lagi Amat Mengasihani. Mereka hanya cintakan dunia hingga sanggup diperalatkan oleh *setan* dan *syaitan* yang telah memperdayakan mereka supaya jangan menggunakan akal fikiran dan jangan gunakan mukjizat Al-Quran. Cukup Al-Quran sebagai bahan nyayian di Musabaqah Al-Quran setahun sekali saja dan sebagai bahan bacaan saja.

Apakah yang dimaksudkan dengan sufi?

Seorang *sufi* ialah seperti Nabi Musa — memakai pakaian sederhana tetapi **berani** berhadapan dengan **maharaja**. Atau seperti Nabi Sulaiman — menjadi **raja besar** dengan segala kemewahan dan kekuasaan tetapi makanannya cuma roti kering.

Ketika beliau sedang melayang di atas **tikar terbang** diiringi oleh kaum jin, Allah telah memberi amaran:

"Kalau dalam hati Sulaiman ada sebutir debu dari rasa takabur nescaya Kami benamkan dia ke dasar bumi sedalam mana dia terbang di udara."

Seandainya Perdana Menteri kita, Dr. Mahathir seorang *sufi* dan keberanian beliau berhadapan dengan para raja-raja adalah semata-mata untuk menegakkan **kalima'** Allah rakyat Malaysia akan beruntung. Biar bagaimana pun ke **anian** Mahathir Mohamad cuba memperbetulkan kesilapan raja-raja tanpa memikirkan risiko yang harus dihadapinya adalah sejarah kerana sistem raja berpelembagaan adalah

satu sistem yang 'un-Islamic'. Inilah bezanya Dr. Mahathir yang mempunyai 'mind' jika dibandingkan dengan Perdana Menteri sebelumnya, cuma 'school of thought'nya yang berbeza membuat ramai memandang serong kepadanya.

'Mind' juga di sebut **minda**. Dulu kita kata **akal** adalah sesuatu yang merbahaya. Firman Allah SWT sekiranya Al-Quran Nur karim itu diturunkan ke atas gunung, maka berpecah belah ia lalu hancur. Begitu jugalah **akal** yang dibina oleh Al-Quran. **Akal** boleh digunakan untuk sesuatu yang *konstruktif* atau yang *distruktif*. Di sinilah letaknya bahaya Ustaz Ashaari. Seperti Dr. Mahathir beliau juga mempunyai 'the mind'. Cuma Ustaz Ashaari belum lagi mempunyai barisan 'Master mind'. 'The Think thank' seperti Mahathir.

Nabi Sulaiman dulu ada **tikar terbang**. Perdana Menteri dan Timbalannya hari ini juga ada kapalterbang (*executive jet*). Dan kuasa yang ada padanya juga adalah kuasa **eksekutif**. Sekiranya kita berada dalam negara yang Islam menjadi agama rasmi, tentulah Mahathir dianggap seorang *ulil Amri* kerana Tuhan tidak adakan lagi nabi sesudah Nabi Muhammad SAW. Oleh itu Mahathir boleh melayakkan dirinya sebagai *khalifah Ar-Rashidin* iaitu pemimpin yang diberi petunjuk jika ia mahu kembali kepada Islam secara total. Soalnya apakah Mahathir sudah dapat petunjuk? Dan apakah beliau mahu berkerjasama dengan puak-puak Islam yang lain?

Bercakap pasal Nabi Sulaiman yang menjadi nabi dan raja, kita cuba mengingati Sultan Sallehudin Al-Ayubi. Seandainya para ulama yang hidup di negara yang sudah merdeka 32 tahun telah mengajar para sultan apa itu sufi, apa itu tasawuf, apa itu Islam sebenarnya, saya tak fikir Sultan Selangor hari ini, Sultan Salahuddin akan berkelakuan sedemikian rupa hingga rakyat mula rasa tidak senang dengan baginda.

Tidak beragama mereka yang tidak berakal. Sila baca **KATA PENUTUP** untuk mengetahui ada orang dewasa berkelakuan seperti anak-anak. Saya membincangkan dengan panjang lebar mengenai *akal* dan *Al-Quran* untuk dibincangkan bersama.

Kiranya mereka telah mengajar para sultan cara mengamalkan tarikat seperti ulama sufi yang sebenarnya, tentu hari ini UMNO tidak berkelahi dengan Raja-raja, dan tentu nama Raja-raja tidak tercemar dan kedudukan mereka juga tidak terancam. Krisis yang melibatkan Raja-raja hari ini tidak akan terjadi kalau Raja-raja berjiwa sufi. Kalau Sultan Salahuddin Selangor mencontohi Sultan Salehuddin Al Ayubi tentu baginda akan dikasihi oleh bekas menantunya Muhammad (Mike Tyson) yang kini memegang tampuk kuasa sebenar kerajaan Selangor. Biar bagaimanapun masih belum terlambat untuk tuanku membuat perubahan dan cepat-cepat bertaubat.

Sekarang nak salahkan raja macam mana. 'Sistem' yang memberi izin kepada raja boleh berbuat apa saja. Apa raja minta Menteri Besar kasi. Tapi raja bila diberi betis hendakkan peha, beri peha macam-macam benda lain pula yang diminta.

Alim ulama, para cendiakawan, para penulis dan para sasterawan negara hilang entah kemana? Kenapa berdiam diri? Kenapa tidak menegur mereka yang menyeleweng, yang melakukan kemungkaran? Bukankah Dr. Mahathir telah membuka jalan yang seluas-luasnya kepada para penulis dan pemikir bagaimana hendak menyebarkan dan menyerapkan slogannya **bersih, cekap dan amanah**? Tapi tak ramai yang ambil tahu. Sepatutnya *siddiq, amanah, tabliq, fatanah* menjadi amalan raja dan para pemimpin.

Sesudah itu '*the so-called intellectual*' marahkan Dr. Mahathir, marahkan kerajaan. Slogan tinggal slogan, kerajaan banyak sangat membuat slogan. Memang kerja kerajaan membuat polisi. Ini kerja orang politik, yang kita para penulis dan pemikir tidak mengimplementasikan pasal apa? Padahal tempat untuk menyalurkan semua bentuk fikiran terbuka luas dengan adanya **media cetak** dan **media elektronik** disia-siakan begitu sahaja. Kerajaan membazirkan jutaan ringgit untuk menghidupkan **Dewan Bahasa dan Pustaka**. Kenapa sasterawan tidak gunakan kesempatan mendidik anak bangsa, mendidik anak-anak raja supaya jadi ketua-ketua agama. Kenapa Mark Twain boleh tulis *The Prince and The Pauper* sedangkan Mark Twain duduk di Amerika,

negeri tak beraja. Apa jadi pada sastera Islam yang digah-gahkan oleh Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad? Tak kan setakat TOK GURU sahaja? TOK RAJA lagi besar punya hal. Itulah bahayanya muda-muda lagi dah jadi Datuk Raja.

Bukankah segala slogan-slogan yang diluahkan oleh kerajaan boleh diilhamkan dalam bentuk sajak, puisi, cerpen, novel, sekaligus menegur Raja-raja atau pemimpin? Kalau kita kata mereka 'sasterawan' dan 'cendiakiawan subsidi', tentu ada yang melenting dan rasa terhina. Kerana perjuangan kalimah Allah seperti tak guna.

Yang berani melakukan kritikan, teguran secara sindiran cuma seorang seniman saja, iaitu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Tan Sri seorang saja yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya cuba menegur dan menjadi guru pada raja-raja. Tapi sayangnya semasa hidupnya beliau dianggap sebagai anak wayang yang bukan tokoh sastera, bukan pujangga, bukan dari golongan para akademik. Apa yang disampaikan dianggap sebagai hiburan semata-mata. Mereka menonton, melihat filemnya serta mendengar lagunya tanpa berfikir.

Para sasterawan negara buat apa? Ketua Satu Gapena Datuk Dr. Ismail Hussein buat apa? Sibuk dengan dunia Melayu sahaja sedangkan Sultan dan Menteri Dalam Negeri tak boleh dibetulkan. Mereka sibuk dengan mengumpulkan para sasterawan di 'Hari Sastera' sama dengan 'the so called ulama' sibuk dengan musabaqah pertandingan membaca Al-Quran. Padahal beliau tahu hari-hari sastera ini orang yang sudah bangun dari tidur dah 'tak main'. Orang dah 'tak main' benda-benda macam tu lagi. Masyarakat hari ini sudah anggun dan canggih, mereka mahu sesuatu yang serius yang boleh membawa perubahan pemikiran, perubahan nilai dan sikap yang terkandung di dalam akal dan Al-Quran. Sepatutnya apa yang perlu difikirkan oleh para sasterawan dan cendikiawan ialah bagaimana membangunkan industri pemikiran.

Apakah fungsi sastera? Apakah sastera itu sekadar menulis sesuatu yang cantik, yang indah, yang berbunga-bunga, yang tinggi-tinggi bahasanya, yang mana dirinya sendiri pun susah nak faham, inikan pula orang yang membaca kerana bahasanya yang absurd lagi bombastik?

Inilah bahayanya bila mereka takut sangat pada cahaya **sufi** kerana **sufi** atau **safi** benda-benda yang jernih, yang istimewa, yang asyik, yang *'pure'*, yang bersih, yang boleh membawa manusia pergi kepada intipati kebenaran dan bukan berlegar-legar pada istilah atau bahasa dan ulitnya sahaja.

Seorang **sufi** sanggup memikul tugas besar seperti **Nabi Yusuf** yang telah menjadi **Menteri Perbendaharaan Negara**. Disimpennya makanan yang cukup selama tujuh tahun untuk berhadapan dengan musim kemarau. Seorang **sufi** bukannya seorang manusia yang menimbulkan masalah kepada masyarakat dengan hidup secara meminta-minta. Dapatkah Anwar Ibrahim Menteri Kewangan kita yang sudah dua kali jatuh dari kuda di Tahun Kuda mengikuti kesufian **Nabi Yusuf** dan terus mengikuti pemikiran Sayid Qutb? Saya pernah membuat perbandingan nasibnya dengan **Nabi Yusuf** dalam buku **'CHALLENGER: SIAPA LAWAN SIAPA'**. Jatuh dari kuda besok boleh tunggang lagi, yang susah kalau sudah jatuh dari kerusi menteri.

Seorang **sufi** bukanlah orang yang memutuskan **nafsunya** seperti sami Buddha tetapi dia **bernafsu**. Bezanya dia sanggup mengawal **nafsunya** seperti **Nabi Yusuf** ketika berhadapan dengan godaan **Zulaikha**. Seorang **sufi** sanggup menahan rasa sakit sebagaimana **Nabi Ayub** tahan menderita walaupun hanya tinggal hati dan lidahnya sahaja yang tidak dijangkiti penyakit. Bila ditanya mengapa tidak berdoa supaya Allah menyembuhkannya, beliau lantas berkata:

"Aku malu untuk berdoa pada Allah kerana tempoh sakitku ini hanya sekejap kalau dibandingkan dengan masa sihatku."

Seorang **sufi** tidak lari dari **kemungkaran** masyarakat tetapi dia berjuang menegakkan **makruf** di tengah **banjir maksiat**. Adakah para alim ulama dan para menteri di bumi kita ini sanggup melakukan kerja-kerja ini semata-mata kerana Allah?

Seorang **sufi** adalah seperti **Nabi Ibrahim**, sanggup dibakar kerana meruntuhkan berhala pujaan **Namrud**. Seorang **sufi** ialah seperti **Nabi Zulkifli**, tahan berhadapan dengan kerenah pengikutnya. Atau seperti **Nabi Isa AS** yang sanggup berbantalkan batu ketika tidur di malam hari.

Seorang **sufi** tidak **diubah** oleh keadaan tetapi dialah yang **mengubah** keadaan. **Mungkar** dan **kufur** sanggup diubah dengan keras seperti **Nabi Muhammad SAW** yang adakalanya berbicara dengan pedang apabila kata-kata gagal menghalang pencerobohan. Seorang **sufi** bukan orang yang lari daripada harta ketika diperlukan untuk menguruskannya. Jadilah seperti **Abdul Rahman bin Auf** "**bank**" masyarakat Islam yang sentiasa sedia memberi khidmat.

Hari ini ada puluhan, mungkin ratusan **jutawan Melayu** yang diketahui atau yang tidak dikenali umum. Wang yang begitu banyak dalam simpanan mereka untuk apa? Tahukah mereka kekayaan itu milik siapa? Apa faedah jutaan wang yang disimpan di luar negeri, dalam bank-bank asing sedangkan bangsa sendiri hidup dalam kemunduran dan kemiskinan, sedangkan kekayaan adalah amanah Allah, milik Allah.

Kerajaan kita terjerit sana, terjerit sini mencari jalan bagaimana cara nak menghapuskan **kemiskinan**. **Golongan miskin** akan bertambah ramai dengan bertambahnya golongan orang kaya yang tidak mencari jalan kesufian. Orang kaya yang hatinya miskin.

Kemiskinan tidak dapat dihapuskan selagi yang kaya masih **sakit rohnya**. Sudah jadi **chairman** dan **director** sebuah dua **syarikat**, mahu sepuluh lagi. Sudah memiliki satu projek, dapat satu tender, mahu sepuluh atau seratus lagi. **Tamak, haloba, bakhil** adalah satu penyakit rohani yang hanya dapat diubah melalui pembersihan hati dengan mengingati Allah dan cintakan mati di jalan-Nya. Bolehkah orang yang ada **akal** tapi tak tahu mukjizat Al-Quran, tak kenal isi ayat-ayat Al-Quran, tak kenal Pencipta dan dirinya dan cara mengubati penyakit ini?

Seorang jutawan yang mempunyai berpuluh biji kereta, berapa buah rumah, tempat tinggal yang jarang dilihatnya apa lagi digunakannya, menyimpan perempuan simpanan di sana sini, terlupa bahawa bila mati nanti semua perbuatan, amalan dan kepunyaannya mesti dipertanggungjawabkan. Inilah bahaya yang disebarkan oleh Al-Quran kepada mereka yang cuma takut pada pejabat '**income tax**', takut rugi, takut hendak bersedekah, tapi tak takut pada soal jawab dengan malaikat dalam kubur nanti.

Tidak sempurna iman seseorang yang boleh nyenyak tidur sedangkan jirannya dalam kelaparan. Pemahkah mereka yang hidup dalam mahligai dengan harta jutaan ringgit hingga tak tahu bagaimana nak membelanjakannya berfikir bahawa berapa ramai anak-anak orang Melayu yang masih berkaki ayam ke sekolah dan orang Melayu yang tak mampu duduk di dalam rumah sendiri? Jangan kata rumah murah, rumah haram pun susah nak buat, tak mampu kerana kemiskinan mereka sudah sampai ke taraf masyarakat termiskin. Tapi ketua-ketua agama yang menjadi raja sudah ada satu istana mahu satu lagi. Tak cukup dengan perabot yang lama, pagar yang lama, semua mahu ditukar baru yang menelan belanja jutaan ringgit wang rakyat. Tak cukup dengan deretan kereta mewah di istana mahu bersenangan dengan kapal di laut. Segala kayu balak, tender dan macam-macam lagi milik rakyat, raja berebut sama. Dan yang dapat tentulah raja dan keluarga mereka saja.

Kalau Raja-raja dan jutawan Islam berjiwa *sufi* mungkin umat Islam tidak jadi umat yang hina dina di dunia akibat kemiskinan kebendaan dan juga rohani mereka.

Berapa ramai para pemikir Melayu '*Malay genius*' dapat dilahirkan begitu juga dengan industri pemikiran dapat berkembang kiranya kekayaan para jutawan Islam bukan sekadar untuk diri dan keluarganya sahaja. Sebaliknya alangkah indahnya jika harta itu digunakan untuk menubuhkan *foundation* yang berfungsi membina industri pemikiran untuk ahli fikir yang hidupnya semata-mata untuk memajukan umat Islam sedunia. Berapa ramai penulis dan novelis yang berbakat besar gagal dan terkandas tidak dapat menyumbangkan bakat mereka akibat hidup dalam kemiskinan, tidak dapat memajukan diri sebagai novelis yang setanding dengan novelis antarabangsa kerana ahli perniagaan dan pemimpin politik hanya mementingkan industri berat yang tidak membawa faedah kepada pembangunan kerohanian? Untuk mengisikan industri pemikiran kita perlu wang. Siapakah yang akan membantu pemikir yang tak berwang?

Seorang *sufi* ialah seorang perisik— sanggup mengintip musuh seperti Abu Huzaifah ataupun Salman Al Farisi, pakar perancang perang senjata dan perang saraf dalam Perang Khandak.

Itulah sufi sejati — syukur dengan nikmat, sabar dengan ujian, berani berdepan dengan kezaliman, tawaduk bila berhadapan dengan kebenaran. Dalam apa jua keadaan, hati orang sufi tetap tenang, tidak gundah, tanpa cacat atau berubah. Hatinya beserah bulat kepada Allah.

Manusia, bangsa dan negara yang terkaya di dunia hari ini adalah umat Islam. Seandainya umat Islam yang kaya raya serta memiliki tanah yang subur dan kesuburan material itu juga mempunyai hati yang subur dan sentiasa mengingati Allah dan dengan kebijaksanaan-nya dapat bersahabat dengan 'Rijalulghaib' dan lain-lain makhluk **ghaib** seperti jin dan malaikat itu dapat disatukan dalam satu barisan yang tersusun, mengikut 'Sunnatullah', maka apakah yang dapat dilakukan oleh CIA dan G7 terhadap umat Islam? Apa lagi dalam keadaan sekarang musuh-musuh Islam itu sedang menghadapi segala macam keruntuhan. KGB dah tak berfungsi lagi.

Inilah untungnya menjadi wali Allah dan bagi orang yang dapat bersahabat dengan mereka. Allah berfirman di dalam Al-Quran tentang kelebihan mereka:

Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah itu tidak ada kekhuatiran atas mereka dan tidak pula berdukacita. Mereka adalah orang-orang yang beriman dan senantiasa bertaqwa. Bagi mereka itu berita gembira dalam kehidupan di dunia dan kehidupan di akhirat. Tidak ada perubahan bagi janji-janji Allah. Yang demikian itu adalah kemenangan yang besar.

(Yunus: 62—64)

Inilah masa dan ketikanya untuk umat Islam muncul sebagai satu umat yang mempunyai kekuatan raksasa dan perancangan **merbahaya** seperti inilah yang sedang dilakukan oleh Arqam untuk membuktikan bahawa apa sahaja sistem yang di bentuk oleh akal manusia sama ada **kapitalisme, nasionalisme, komunisme dan sosialisme** adalah ciptaan yang tak sempurna. Hanya sistem ciptaan Allah tidak ada tolok bandingnya dan Arqam telah mencubanya secara '*experiment*' selama bertahun-tahun yang mana Ashaari sebagai Perdana Menteri, dan jemaah menteri serta ahli parlimen di seluruh negara, sebagai sebuah

model *state* yang kecil tapi canggih.

Mengikut analisis saya inilah merbahayanya idea yang cuba di indoktrinkan oleh Arqam kepada umat manusia. Dari segi keberkesannya mungkin ia lebeh meluas jika dibandingkan dengan '**Das Kapital**' ciptaan Karl Marx mahupun '**The Republic**' ciptaan Plato '**Das Kapital**' adalah asas **komunisme** sebagaimana '**The Republic** asas **demokrasi**. Tapi **Al-Quran** yang menjadi asas Arqam adalah jauh lebih unggul. Mungkin bahayanya lebih dashyat dari '**Das Kapital** ciptaan Karl Marx. Hanya masa dan ketika akan menentukan siapakah **the Right Leader and the right time** ini nanti?

Cuba kita bayangkan satu kelompok manusia yang berjumlah satu **bilion**. Manusia-manusia ini pula berada di hampir setiap pelusok dunia; dan terdedah dengan *formula* yang seperti ini. Apakah tidak mungkin ada satu perubahan yang mendadak akan berlaku. Ini memandangkan bahawa zaman Marx dan zaman Ashaari tidak sama. Zaman Ustaz Ashaari, dunia sudah berubah menjadi sebuah rumah yang kecil disebabkan kecanggihan teknologi media masa dan media elektronik.

Bukanlah satu kerja yang sukar kiranya semua umat Islam mahu bersatu kerana kita mempunyai **akal** dan Allah sedia membantu kita jika kita mahukan perubahan. Allah akan memakbulkan doa mereka yang dizalimi. Sampai berapa lama lagi umat Islam mesti hidup di bawah cengkaman ideologi ciptaan manusia. Perasaan inilah yang selalu dilaung-laungkan oleh Ashaari di dalam tulisan-tulisannya, dalam cakap-cakapnya. Apakah tidak mungkin **peta dunia** akan berubah di bawah kepimpinan Islam yang bersatu di bawah panji-panji **kesufian**?

Antara sebab kegagalan negara-negara Islam hari ini ialah kerana pegangan mereka terhadap Al-Quran dan Al-Sunnah adalah pada permukaannya sahaja, tidak pada **akal** dan **hati**. Dan tidak juga ada pada **amali**. Maka Islam dipersenda dan diperhina akibat kejahilan mereka sendiri.

Apakah umat Islam tidak menginginkan Amerika, Britain, Perancis dan Rusia satu ketika nanti dipimpin oleh pemimpin Islam dari bangsa mereka sendiri? Islam pernah mempunyai empayar yang besar ketika pemimpin mereka masih mengamalkan **kesufian**. Apakah kita terlupa sejarah Sultan Salehuddin Al-Ayubi yang telah mengalahkan tentera

Kristian pimpinan *Richard the Lion Heart*?

Inilah yang dimaksudkan oleh orang-orang Arqam bila mereka memperkenalkan istilah '**Dunia Baru Islam**'. Istilah ini ditimbulkan bukan untuk '**syok sendiri**', tapi memandangkan kesan yang bakal dicapai andai kata kesemua kumpulan-kumpulan tareqat di seluruh dunia, tak kira yang Sunni ataupun yang Syiah digembelinkan dalam satu '**power house**' untuk menentang kemungkaran yang berleluasa oleh kaum kuffar yang mempersendakan kekuasaan Allah, supaya pemimpin setan besar seperti Bush digantikan dengan pemimpin Islam yang sejati, yang jasmani dan rohaninya Islam dalam ertikata yang sebenarnya. '**Allah hu Akhbar! Allah hu Akhbar! Allah hu Akhbar...!**'

Mudah-mudahan Allah panjangkan umur kita untuk melihat Islam jadi tuan di dunia seperti kita pernah bertuankan kuffar dan dapat melihat cepatnya jatuh sebuah kuasa besar seperti Soviet Russia. Ini zaman jet set 747 terbang dengan deras menuju ke target 30,000 kaki, bukan zaman kapal terbang menggunakan kipas lagi.

Sepatutnya yang menjadi tuan di dunia hari ini adalah orang Islam kerana setiap orang Islam sepatutnya membawa kebaikan, kedamaian, kemakmuran, keindahan dan kebersihan di mana saja mereka berada. Al-Quran yang menjadi pegangan, dan Muhammad yang menjadi ikutan umat Islam adalah bersifat '**Rahmatan lil alamin**', pembawa rahmat kepada seluruh alam. Inilah yang membimbangkan bangsa Yahudi yang masih menakluki dunia dan sekaligus meletakkan orang Kristian di bawah telunjuk mereka serta memperkotak-katikan orang Islam yang ragu terhadap kekuasaan Allah SWT. Kristian dan orang Islam yang kurang imannya tidak percaya kepada kekuasaan Tuhan. Umat Islam seperti ini adalah mereka yang masih tunduk menyembah nafsu, ego, ilmu dan darah keturunan dan yang masih terpengaruh dengan syaitan serta tidak mahu membersihkan hati mereka. Mereka enggan melihat perbezaan antara yang makruf dan yang mungkar, memilih antara yang salah dan yang benar, yang hak dan yang batil, berpandukan Akli dan Al-Quran.

Aurad Muhammadiyah yang dianggap sebagai satu kekuatan kepada Arqam sebenarnya masih berada di peringkat pembinaan,

masih kecil, tidak semua pengikutnya dapat memahami apa yang hendak diperjuangkan. Tetapi pada musuh-musuhnya yang taku kekuatan kecil ini boleh membesar seperti api ataupun air. Air yang turun setitis-setitis dari langit dalam bentuk hujan boleh mengakibatkan banjir besar dan mampu menenggelamkan segala yang bathi. **Apinya** pula boleh membakar hangus segala ideologi manusia yang sudah kering kontang, yang lapuk dek hujan dan lekang dek panas. Hanya dengan sebatang puntung rokok yang terhumban maka akan terjadi satu kebakaran yang memanjang seperti terbakarnya huta belantara di Amerika yang tidak tahu bila hentinya. Lupakah kita bagaimana Nabi Musa yang lemah dan tidak berdaya dari segi ketereraan tapi boleh menenggelamkan Firaun dan bala tenteranya hanya dengan doa dan kebijaksanaan dan berpegang dengan hanya pertolongan Allah.

Cuba kita buka mata besar-besar dan pasang telinga. Kemudian kita pakai akal untuk membuat analisis. Kalau akal kita bukan jeni akal ayam, maka tidak boleh tidak kita akan lihat bahawa musuh musuh Islam jauh lebih bijak, lebih cerdas dan lebih canggih. Mereka sentiasa memerhati dan mengawasi setiap gerak dan langkah pergerakan Islam, khususnya di Malaysia kerana mereka tahu kekuatan yang ada pada Islam boleh menggugat kesejahteraan mereka. Apakah kekuatan itu kekuatan ketenteraan? Kekuatan ekonominya? Itu baru ada seorang saja pemimpin Islam yang macam Mahathir, mereka sudah mulai ras tergugat.

Mereka terpaksa menggunakan orang di keliling Mahathir untuk memburuk dan memporak-perandakan orang seperti Ustaz Ashaari bilamana mereka merasakan Mahathir sudah terlalu lama membiarkan Al Arqan berkembang hingga sudah mempunyai akar tunjang.

Marx menfalasafahkan kononnya agama itu macam candu kepada masyarakat: *'Religion is an opium to the mass'*. Falsafah ini kemudian diannya dianuti oleh puak-puak yang mengamalkan komunisme. Bagi mereka, ibarat kata, *'kalau orang Kristian nak hisap candu banyakkalau mana sekalipun hisaplah. Kalau orang Islam nak turut sama, lagi bagus'*. Tapi agama bagi orang Islam banyak bezanya. Mereka tak anggap agama mereka yang suci, sebagai candu. Bagi mereka yang

beriman, yang taqwa kepada Allah, agama adalah *ad-din* cara hidup (*way of life*) dan sama sekali mereka tidak akan terima dan pernah menganggap komunis, kapitalis dan sosialis ciptaan manusia sama seperti agama mereka. Islam adalah agama terbaik pilihan Allah. Namun kita biarkan mereka sembah apa yang mereka sembah dan kita sembah apa yang kita sembah. Agama mereka bagi mereka, agama kita bagi kita.

Musuh-musuh Islam mula mengintai gerakan Islam sejak dua dekad yang lalu. Judith Nagata seorang pensyarah Jepun dari Universiti Amerika telah mengkaji *prospek* setiap gerakan Islam di Malaysia.

Dua puluh tahun yang lalu Judith Nagata, melalui laporannya dalam bukunya, *The Reflowering of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals and Their Roots* telah menyatakan:

"Darul Arqam's conspicuous dissociation from government plans and agencies and its cultivation of its own autonomous, Islamic economic system likewise threatened official development programmes."

Menurut pakar geografi di University of Wales, Profesor Peter Beaumont, yang menjadi pemeriksa luar kepada tesis Ph.D Dr. Muhammad Syukri Salleh (kini pensyarah di Universiti Sains Malaysia) yang bertajuk *A Grassroots Approach to Rural Development — The Case of Darul Arqam in Malaysia*, sistem ekonomi al-Arqam mampu menghancurkan sistem ekonomi kapitalis yang diamalkan di Malaysia. Berdasarkan kepada tesis Dr Muhammad Syukri yang diserahkan kepada dan diterima oleh Universiti Oxford itu, Profesor Peter Beaumont yakin bahawa sistem ekonomi Al-Arqam yang mempunyai 'zero labour-cost' kerana mengamalkan sistem *maasy*, sekiranya berkembang, dapat bersaing dengan sistem ekonomi konvensional, malah akhirnya akan membunuh sistem ekonomi konvensional berkenaan. Segala aktiviti Al-Arqam dijalankan atas dasar sukarela melalui sistem ganjaran mengikut keperluan. Di samping menjamin semua keperluan asas ahli, sistem *maasy* ini melibatkan kos pengeluaran yang sangat minima berbanding dengan kos pengeluaran dalam sistem kapitalis. Kos buruh adalah kosong dan daya pengorbanan ahli-ahli Arqam adalah sangat tinggi sekali. Dalam keadaan

demikian, sistem ekonomi Al-Arqam sentiasa dapat bersaing dengan sistem kapitalis, dan kalau dibiarkan ia berkembang, sisten ekonomi Al-Arqam ini boleh meruntuhkan sistem kapitalis di Malaysia. Dari kacamata kerajaan, pada pendapat Profesor Pete Beaumont, sistem ekonomi Al-Arqam ini boleh dianggap sebagai subversif.

Dr David Browning, penyelia tesis Dr. Muhammad Syukri di Universiti Oxford sendiri meramalkan bahawa Al-Arqam akan membua satu **revolusi sosial** yang besar di Malaysia tidak lama lagi."

Apakah bahaya **Aurad Muhammadiyah** ini sama dengan bahaya: **'Das Kapital'** ciptaan **Karl Marx**? **Komunis** berpendapat **agama** itu satu **madat**. Tapi **dadah agama** yang macam mana? Agama yang hanyi: di kulit?

Perkataan **agama** yang sudah sebatikan dengan orang Melayu sebenarnya berasal dari perkataan Sanskrit iaitu 'a' yang bermaksud 'tidak' dan 'gama' yang bermaksud 'kacau'. Sebenarnya tanpa disedar kita telah menyempitkan pengertian Islam yang begitu luas hanya dalam konteks '**tidak kacau**' sahaja. Tidak kacau samalah ertinya dengan **berperaturan**. Jadi kalau sekadar itu saja maka budak-budak dadah pun ada peraturan dan merekapun sebenarnya tidak sukakan kekacauan. *Hippies* juga jenis kelompok manusia yang tidak suka bua kacau.

Ada pula orang yang menyebut Islam dengan sebutan '**agomo**'. Kata mereka sambil mendabik dada, "**Kita ni orang yang beragomo.**" Kalau di Kelantan '**gomo**' ini bererti '**gaduh**', tap ternyata mereka yang mengaku beragomo lebih suka menimbulkan **kekacauan** daripada orang yang diam tapi tahu apa itu **agama**. Dua pengertian ini adalah sempit macam juga pandangan Karl Marx. Islam sebenarnya adalah Islam iaitu **ad-deen**. Kalau agama, betul sah seperti kata Karl Marx yang agama itu **madat**.

Madat adalah sesuatu yang ditagih seperti zikir kepada ahli **tarikah**. Tapi mereka yang berzikir dan yang tidak tidur sepanjang malam, **berzikir** mengingati Allah dapat menguasai hati. Mereka yang bercinta dengan Tuhan akan dikurniakan dengan kekuatan rohani dan jasmani yang luar biasa. Apabila mereka terdesak atau memerlukan

bantuan dari Allah, Allah akan menganugerahkannya kerana mereka terdiri dari orang yang bertakwa bukan sekadar tidak kacau dan nak bergomo saja.

Mereka yang bercinta dengan Tuhan hanya mendengar suara hatinya saja. Mereka sanggup berkorbankan apa saja untuk Allah. Kepada mereka yang penting keredaan Allah sepertimana doa mereka:

“Ya Allah hanya Engkau yang ku maksud dan keredhaan-Mu yang ku tuntutan.”

Maka sebab itu mereka lebih mencintai mati dari mencintai hidup. Selain dari Allah dan Rasul, mereka akan memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Sheikh tarikat yang menjadi ikutan mereka.

Sejak kebangkitan Islam mula mendapat perhatian, Amerika dan kunci-kuncunya mula memberikan fokus secara serius ke sini. Jarum-jarum operasi mereka mula ditusukkan kepada batang tubuh gerakan Islam di Malaysia. Masyarakat diajar bahawa mereka yang mengikut Jemaah Tabligh dikatakan gila, ajaran Jemaah Tabligh datang dari India itu untuk rosakkan orang Melayu, jangan ikut Arqam, Arqam sesat!

Media massa dan mereka yang tak tahu menahu pasal Islam atau terlalu tentang Islam dan tahu pula sejarah Haji Wada, haji terakhir bagi Nabi Muhammad SAW, sedar bahawa Islam telah mengubah peta dunia. Hasil dari tabligh yang diamanahkan oleh Rasulullah SAW, Islam dikenali di seluruh dunia. Pengorbanan mereka yang meninggalkan segalanya semata-mata untuk mengembangkan Islam telah menjadikan Islam sebagai satu agama yang pesat berkembang di dunia hingga ke hari ini. Maka lahirlah jemaah Tabligh.

Di mana ada umat Islam mengamalkan agama Allah dengan betul, menolak yang mungkar dan menegakkan yang makruf, maka negara itu selamat. Sejarah telah membuktikan kebenaran ini. Tetapi di mana Islam tidak diamal seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT, seperti di sebahagian besar negara-negara Arab dan lain-lainnya, negara tersebut sentiasa ditimpa oleh mala petaka. Mereka tak henti-henti bergaduh dan berbunuh sesama sendiri. Walaupun ada segelintir rakyat

yang takut pada Allah tapi kebanyakan **ulama** telah menjadi **ulama suk**. Bila **ulamanya rosak**, bijak pandainya **membisu seribu bahasa** maka timbullah porak peranda di negara tersebut. Kalau ada ulama pun mereka hanya pandainya **menyesatkan** sesama saudara mereka sendiri sahaja.

Inilah yang cuba dilakukan oleh musuh-musuh Islam dengan menggunakan orang-orang Islam sebagai alat tanpa disedari oleh mereka yang kulitnya saja Islam. Ke-Islaman mereka di hari-hari tertentu, **bersembahyang di hari raya sesekali pergi sembahyang Jumaat, pergi kenduri tahlil, pergi umrah kalau perlu pergi haji** tapi dalam masa yang sama tidak pernah terasa kasih dan sayang terhadap sesama saudara Islam, apa lagi perasaan mencintai agama Allah. Hidupnya nafsu-nafsi, **engkau-engkau, aku aku** tapi bila Islam bunuh **Is-lam** di negara Arab, mereka marah. Mereka buat bising bila ada orang buat derma untuk malapetaka umat Islam di luar negeri nama mereka disenaraikan sebagai penderma. Tetapi bila **Melayu bunuh Melayu** di tanah Melayu mereka tak marah, bahkan tak ambil tahu pun. **Macamana nak ambil tahu, mereka tak berilmu. Kalau dikatakan jahil, marah. Lagipun dalam kes Melayu bunuh Melayu, tak nampak senjata yang digunakan, tak ada mayat yang bergelimpangan. Apa lagi yang dibanasakan itu sudah terlebih dahulu dilabelkan sebagai sesat. Jadi buat apa-apa sahaja terhadap orang yang sudah difitnahkan sebagai sesat. Siapa pun tak ambil tahu seperti apa yang dilakukan kepada Ibrahim Libya di Memali yang di labelkan sebagai penjenayah. Maka buatlah apa sahaja dari segi undang-undang, tak salah. Yang menjadi kesalahan kepada mereka yang memperingati hari korban Memali.**

Mereka yang telah mati rohaninya tak ubah seperti bangkai bernyawa. Mereka ini macam **'spring mati'**. Ini kerana yang akan mencari Allah SWT di akhirat nanti adalah roh kita, bukan **jasad** yang jadi habuan cacing. Jasad akan lenyap bersebat dengan tanah. Dari tanah kita datang kepada tanahlah kita dikembalikan.

Tarikat jika dilihat dari skop yang sempit memanglah satu amal-an yang tidak boleh membawa kepada **kemajuan material** tetapi kalau diteliti inti dari **zikir** yang diamalkan boleh **menyuburkan segala-**

galanya. Ini kerana ia berupa doa dari ayat-ayat Quran yang boleh mendatangkan rahmat dan berkat bila dibaca dan dijadikan amalan.

Orang-orang Tarikat menggunakan kekuasaan **metafizik** di waktu terdesak, di waktu memerlukan pertolongan dari Allah. Allah terus membantu mereka dengan tentera-Nya. Doa mereka dimakbulkan Allah serta merta. Sebagaimana Allah memberikan mukjizat pada para Nabi, Allah mengumiakan **keramah** pada para wali.

Seorang raja rela meninggalkan tahta, wanita dan harta bila mereka memilih jalan kesufian. Suami sanggup meninggalkan anak isteri dan segala-galanya bila bercinta dengan Penciptanya. Tak ada perasaan takut, tak ada gentar di dalam jiwa raga dan hati mereka, rela untuk mati di jalan Allah.

Umat Islam yang tidak mempunyai kekuatan **rohani** tidak pernah menjadi ancaman pada Amerika. Amerika tidak mahu lagi ada sebuah **Iran** di dunia. Amerika sangat cemas kalau bangkit satu generasi dikalangan umat Islam yang lebih cintakan mati. Amerika tahu betapa bahayanya umat Islam yang mempunyai kekuatan **rohani**. Contohnya apa yang sedang berlaku di Algeria. Biarpun mereka percaya kepada **demokrasi** namun mereka tak akan memberikan **kerusi** untuk memerintah negara kepada pemimpin Islam. Demokrasi menjadi amalan selagi Islam belum mengambil-alih kuasa yang mengamalkan demokrasi, kerana Islam itu sendiri adalah sebesar-besar bahaya kepada kafir melalui bahaya Al-Arqam.

Dari itu marilah kita bertanya kepada diri kita, siapa **Boss** kita yang **sebenarnya**? Kerana dalam kehidupan cuma ada dua boss saja. Tuhan sebagai Boss atau syaitan yang jadi boss. Maka jika kita takutkan Allah dengan sebenar-beanrnya tidak ada apa jua yang boleh membahayakan kita, sekalipun binatang yang paling berbisa tidak akan dapat mengapa-apakan kita.



Saudara Ismail Embong sedang menunjukkan Ghafar Baba sedang main catur lawan Dr. Mahathir, siapa menang dia akan jadi bakal Perdana Menteri dan bakal memilih Timbalannya.



Dr. Mahathir: Pak Alattas tahu persoalan pokok di Malaysia ini bukan memilih rakan saudara sebagai Timbalan saya. Pak Abdullah boleh diterima oleh Anwar Ibrahim juga oleh Sanusi tetapi apakah Indonesia tidak akan membantah kiranya Pak Abdullah yang dipilih?



Sasterawan negara Samad Said: Brother Anwar sejak you jadi Menteri Kewangan apakah you membaca tulisan-tulisan saya bagaimana hendak membangunkan bangsa Melayu? Apakah you faham masej saya dalam novel 'Hujan Pagi'? Membaca saja kalau tidak membuat sesuatu untuk industri pemikiran, penulis tak akan sokong you jadi Perdana Menteri nanti? Tahun1993 bukan lama sangat lagi

USTAZ ASHAARI JADI PERDANA MENTERI

“Perjuangan Arqam ialah mengembalikan manusia kepada tujuan sebenar kenapa manusia itu diciptakan oleh Allah Ta’ala. Arqam pergi kepada punca segala masalah, kerana di situlah letaknya punca penyakit manusia pada hari ini.”

TALQIN UNTUK UMNO
Jun 1988

PENERBANGAN DARI KUALA LUMPUR ke Manila mengambil masa selama 3 jam 15 minit. Tetapi saya jarang sekali berasa jemu dalam penerbangan. Bukanlah kerana saya asyik memandang senyum manis pramugari-pramugari Penerbangan Malaysia yang lebih dikenali dengan nama lamanya MAS yang memang cantik-cantik manis belaka, tetapi saya memang selalu ada saja perkara yang boleh saya lakukan untuk mengelakkan rasa jemu dan bosan.

Sebut pasal senyum manis pramugari *Penerbangan Malaysia*, kalau para pembaca selalu melihat gambar-gambar peramugari dari berbagai-bagai syarikat penerbangan, cubalah saudara bandingkan senyuman mereka. Saya kebetulan perasan perkara ini semasa di Lapangan terbang Jakarta. Di tempat kita nak *check in* tiket, beberapa kaunter ada mempamerkan gambar seorang peramugari yang dipotong sebesar ukuran manusia biasa, berdiri dan mempamerkan senyum seolah-olah mengucapkan selamat datang kepada kita. Senyuman peramugari-peramugari lain kelihatan seperti senyuman komersial, iaitu senyuman yang dipaksa. Tetapi senyuman peramugari kita terasa kemesraan dan keikhlasan senyumannya yang tidak dibuat-buat.

Waktu itu saya berasa bangga bahawa rupa-rupanya bangsa kita masih lagi kaya dengan perasaan keikhlasan dan kemanusiaan yang semula jadi, sedangkan kebanyakan bangsa lain senyum mereka pun sudah jadi senyum komersial atau senyum cari makan.

Sebenarnya macam-macam perkara boleh kita buat atas kapal terbang. Ada orang suka tengok video, ada orang suka main trup, ada orang suka minum arak, ada orang suka membaca, ada orang suka

mengorat, ada orang suka berbual dan ada orang suka tidur. Ada juga orang yang suka tengok keindahan di atas angkasa. Lebih-lebih lagi kalau di waktu subuh atau di waktu senja. Tapi lama mana sangat kita boleh tengok keindahan di atas angkasa? *Wonders of the world will last for seven days only*. Keajaiban dunia paling lama dikagumi dalam masa seminggu saja". Berita muka depan yang penuh sensasi pada hari ini, esok lusa sudah jadi kertas bungkus belacan.

Keajaiban yang kekal abadi buat selama-lamanya hanya sanya satu sahaja, iaitu keagungan dan kekayaan Allah yang Esa.

Hari itu Allah Ta'ala yang maha kaya telah mempertemukan saya dengan seorang kenalan dari Indonesia. Siapa boleh sangka? Dia dari Jakarta, saya di Kuala Lumpur, kami diberi tempat duduk yang sebelah menyebelah di atas kapalterbang ke Manila. Rupa-rupanya dia sudah tiga hari di Kuala Lumpur, tetapi di darat kami tak berjumpa, sebaliknya kami berjumpa di udara. Duduk pula sebelah menyebelah kerusi. Dulu pun kami berjumpa di Puncak secara tak sengaja, tapi seronok dan mesra.

Kenalan saya ini seorang wartawan di Jakarta. Kami sudah lama tak ketemu. Waktu saya ke Indonesia baru-baru ini, saya tidak sempat ketemunya, kerana saya terlalu sibuk. Sekarang kami sudah duduk bergandingan dan terpaksa duduk di situ lebih dari tiga jam, eloklah ada cerita perbualan yang seronok. Kalau tidak tentu sekali perjalanan ini akan membosankan.

"Bapak ada urusan apa di Manila?" tanya dia.

"Saja bung, jalan-jalan," jawab saya.

"Kok saja jalan-jalan? Eh, orang Kuala Lumpur sekarang bila mahu jalan-jalan pergi ke Manila ya?" tanya dia berseloroh.

"Bukan begitu bung," kata saya. "Sebenarnya saya sedang menulis buku, jadi saya cuba melihat politik Malaysia daripada kota Manila."

"Eh, kok gitu? Kenapa lihat Malaysia dari Manila? Kenapa tidak dari Kuala Lumpur saja? Aneh bapak ini." Dia bergurau lagi.

"Mana ada penulis yang tidak aneh bung. Kalau mereka tidak aneh, mereka tidak boleh jadi penulis yang baik, kan? Bung tahu

bagaimana cara-cara mahu lihat hantu?" Terlanjur dia sudah kata saya aneh, elok jugalah kalau saya kemukakan satu pertanyaan yang aneh kepadanya.

"Enggak. Bagaimana sih, tiba-tiba bertanya tentang hantu." Dia kaget.

"Orang kalau mahu lihat hantu mesti menengoknya dari posisi yang aneh. Mereka harus menonggeng, mengintai hantu dari antara dua kaki, baru dia bisa nampak hantu. Maka itulah sebabnya saya mahu ke Manila."

"Oh, jadi politik Malaysia itu macam hantu ya?" tanya di kehairanan.

"Begini bung! Bukan politik Malaysia yang macam hantu. Yang saya maksudkan dengan hantu itu ialah orang-orang politik yang sudah mati masa depan politiknya, tetapi mereka mahu hidup kembali, mahu merampas kuasa. Seperti Marcos di Manila. Bung tahu kan betapa besarnya dosa Marcos terhadap rakyat Filipina? Tapi dia masih rasa kan dia mahu jadi seorang pejuang rakyat, mahu menggulingkan Aquino."

"Perkara jatuh menjatuhkan itu saya faham. Tapi saya masih fiki cara bapak ini agak lucu dan aneh. Akan tetapi, ya, itulah makany buku-buku bapak jadinya lain dari yang lain. Tidak serupa dengan buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis lain."

"Saya ulangi bung. Semua penulis itu aneh. Mengikut kata kawa saya Zainaldin Zainal, dijey RMIK, semasa dia ditanya oleh seorang peragawan, 'Bagaimana mahu jadi seorang dijey yang baik?' jawa Zainaldin, 'Satu skru mesti hilang,' kemudian dia ketawa. Peragawa itu pun ketawa. Pendengar yang mendengar juga turut ketawa, terhibur dengan cerita Zainal. Saya sendiri pun turut ketawa. Sebab itu Zainaldin Zainal menjadi DJ yang luar biasa dan digemari rama Bung kenal dia?"

"Barangkali kenal di udara. Belum bertemu muka."

"Di udara la bung! Kan perbualan kita ini pun di udara?"

"Iya ya benar, di udara." Kami sama-sama ketawa.

"Kita ketawa ketawa juga bung. Tapi bung ini mahu ke Manila untuk apa?"

"Saya ni kan wartawan! Jadi kerja wartawan itu kan jalan-jalan."

"Jadi serupalah kita." Kami ketawa lagi.

Pramugari Malaysia yang cantik comel datang menghidangkan minuman untuk kami.

"Wah, genit sekali ya!" Kenalan saya memuji peramugari. Peramugari itu senang dengan pujian kawan saya, dia melemparkan se-kuntum senyum yang riang.

"Eh gatal juga orang tua ini." Saya berkata antara dengar dan tidak.

"Apa ya? Apa ya?" Dia bertanya.

"Ah, biasalah bung."

Selepas menghirup minuman dia bertanya lagi. "Buku apa sebenarnya yang sedang bapak tulis sekarang? Kalau bapak menulis tentang hantu, saya lihat di Kuala Lumpur ada banyak buku-buku cerita hantu. Yang ciplak dari Indonesia pun ada. Tidak perlu ke Manila."

"Itu hantu apa itu bung? Saya tidak berminat dengan hantu-hantu itu. Hantu yang saya mahu pelajari ini ialah hantu-hantu politik, khususnya yang dipelihara oleh Amerika. Apa bung tidak tahu Amerika melalui CIA memelihara hantu supaya terus mengganggu negara-negara membangun? Bung tentu tahu Amerika ini kan macam syaitan, di mana-mana negeri mereka pelihara hantu, supaya kelemahan dan kehancuran yang sedang dihadapi oleh negaranya tidak menjadi perhatian umum. Apa bung fikir di Indonesia tak ada hantu? Untuk pengetahuan bung, saya baru-baru ini pergi ke Jakarta. Dalam politik Indonesia juga ada banyak hantu. Bung kan wartawan! Masakan bung tidak tahu. Atau bung sengaja buat-buat tak tahu?"

Saya nampak dahinya berkerut. Cerita pasal hantu Amerika ini sensitif. Dia mengeluarkan rokok kreteknya dan menghulurkan kepada saya.

"Kita merokok dulu pak."

"Maaf bung, saya tidak merokok. Bung sajalah."

Dia pun menyalakan rokoknya, rokok kretek Gudang Garam. Saya lihat dia seperti berfikir kuat. Tentunya dia berfikir mengenai kerenah CIA di negara-negara membangun. Di Indonesia sindrom CIA ini tidak sehebat di Filipina, tetapi pengaruhnya lebih kuat daripada di Malaysia, cuma tidak dibisingkan. Di Singapura CIA sudah mula menunjukkan tangannya, tetapi Lee Kuan Yew cepat bertindak dengan berani.

"Begini pak," setelah menyedut panjang-panjang dan menghembuskan asap kretek dia berbicara. "Terus terang saya katakan saya lihat antara Indonesia dan Malaysia hampir serupa saja. Cuma bezanya kebebasan akhbarinya tidak sebebaskan di Malaysia. Di Malaysia wartawan untung boleh tulis apa yang mereka fikir patut untuk malariskan akhbar mereka. Tulis buku juga begitu, boleh menulis sesuka hati untuk pihak tertentu. Kami di Indonesia tidak boleh, kami harus memikirkan undang-undang dari pemerintah. Dulu lain, demi untuk pembangunan mesti ada pihak yang terpaksa terkorban. Antara bapak dan saya tidak sama."

"Bung kan seorang wartawan! Wartawan itu juga penulis, yang mesti berani untuk menjadi seorang penulis besar. Kan bung sendiri pernah bilang begitu sama saya dulu? Di Puncak dulu, apa sudah lupa?"

"Mahu jadi penulis besar itu semua orang mahu. Yang tidak mahunya disuruh duduk lama-lama di rumah besar, tetapi kamarnya sempit."

"Kok gitu? Jadi bung sudah berubah fikirannya, tidak seperti kita ketemu dulu? Apa sekarang cuma tulis yang baik-baik saja?"

"Kritikan, ya ada."

"Untuk siapa bung? Untuk yang pelihara hantu atau hantu itu sendiri?" Saya cuba mengusiknya.

"Kedua-duanya pun boleh. Pokoknya asal pemerintah saya senang. Menyenangi pemerintah itu juga kan tugas wartawan!"

"Ini cakap di udara ke bung?"

"Kita ini kan di udara pak! Di atas udara mana bisa terialu serius?" Kami pun ketawa.

Dia tekan bell memanggil peramugari. Sekejap kemudian pramugari pun datang.

"You can give me two beer. Okey?"

"Sorry, I don't take beer. Saya cukup dengan ini saja." Kata saya sambil memegang gelas oren.

"Ah tinggal saja minuman itu pak. Beer ini kan bagus untuk penulis macam kita."

"Bagus ya bagus. Penulis ada macam-macam penulis. Penulis yang minum beer, biarkanlah dia minum. Saya tidak."

"Ah minum saja. Apa bapak malu? Saya ada kawan di Kuala Lumpur. Seorang penulis juga. Dia pun Syed macam you juga. Dia pagi-pagi minum beer, tengah hari minum beer, malam minum beer. Beer itu teman dia yang setia."

"Dia lain, saya lain, bung."

"Lain bagaimana lagi. Dia pun ada Al juga di akhir namanya. Bukan yang lahimya di hari Jumaat. Cuma Alnya itu saya tidak berapa ingat lagi, Al apa ya?"

"Alkohol barangkali."

"Itu cakap di udara Pak. Mana ada Syed Alkohol?"

"Syed Alkohol memang tidak ada. Tapi orang yang pemabuk itulah gelarannya bung, Alkohol. Sekiranya mereka benar-benar mengenal diri dan tahu asal usul mereka dari keturunan orang yang baik-baik, mereka tidak akan buat kerja-kerja yang mereka tak patut buat. Mereka ada tugas dan tanggungjawab untuk menyambung ajaran yang dibawa oleh datuk nenek mereka. Sepatutnya mereka tak jadi macam itu. Tapi apa nak kata, mereka pun manusia biasa juga. Yang sempurna cuma Nabi Muhamad SAW saja."

"Apa minum beer ini bapak bilang kerja yang tidak patut dibuat? Kerja yang tidak baik?" Barangkali dia tersinggung dengan kata-kata saya itu. Kalau dia tersinggung, memang itulah pun tujuan saya.

"Patut ya patut," jawab saya. "Patut kepada mereka yang suka mabuk-mabuk. Tapi mereka yang mahu mengikut jalan yang lurus tak buat kerja begitu."

"Saya minum beer ini tidak pernah mabuk pak, tidak pernah mengganggu orang. Saya minum beer sekadar bikin senang hati sendiri saja. Saya kan manusia biasa."

"Bung kalau mahu minum beer atau apa, saya memang tidak boleh tegah. Itu hak peribadi masing-masing. Bung minum apa yang bung suka. Kalau bung fikirkan minum beer itu tidak salah, itu terserah. Bung minum minuman yang bung suka, dan saya minum minuman yang Nabi suka saya minum."

"Wah, bapak ini religius juga orangnya. Tapi saya kira Nabi juga tidak pernah suruh kita minum oren. Nabi kan minum susu! Oren yang bapak minum itu budaya barat kan? Beer juga budaya dari barat. Jadi statusnya kan sama!"

Saya tidak pasti apakah dia sekadar mahu berhujah ataupun itu menjadi pegangan dirinya, tapi saya menjawab juga. "Tidak semua dari barat itu tidak baik bung. Bahkan orang barat pun banyak yang meniru dari Islam. Bung bukan tidak tahu, kita bertanggungjawab kepada 'conscience' kita sendiri."

"Beer baik buat saya, karena itu saya minum. Bapak ini rokok tidak hisap, beer tidak minum, apa bapak sekarang sudah masuk golongan orang tabligh? Saya tahu di Malaysia sekarang ini ramai orang buat kerja tabligh. Barangkali bapak mahu jalan-jalan ke Manila ini mahu berdakwah di sana? Tapi gaya dan cara bapak tidak macam gaya orang Arqam ya, dengan serban di kepala, dengan jubah segala."

"Bung tahu tentang Arqam?"

"Tentu sekali. Eh, saya kan wartawan!"

"Apa yang bung tahu tentang Arqam? Sekarang bung cuba cerita dengan saya." Saya sengaja minta dia bercerita tentang Arqam. Saya

fikir itu lebih baik daripada membiarkan dia bercakap pasal arak, pasal beer air kencing syaitan itu, yang dia tentu tahu meminumnya itu haram mengikut Islam.

Peramugari Malaysia yang cantik manis itu sudah datang membawa beer yang diminta oleh kawan saya. Dia sungguh gembira.

"Wah, cantik sekali kakinya," kata kawan saya. Dia memang pandai memuji. Dia tahu kelemahan wanita. Wanita suka dipuji.

Peramugari itu tersenyum dan berkata, "*Enjoy your drink, sir.*" Lepas itu dia terus berlalu.

"Waduh! Pinggulnya menggegarkan iman di dada saya." Dia mengurut-urut dadanya. "Astaga," katanya.

Saya cuma mendengar, tetapi tidak berkata apa-apa. Dia minum sedikit dan matanya terus mengekori peramugari itu. Kemudian dia minum lagi.

"Wah, *nice cool beer*," katanya. "Apa bapak tidak senang dengan perempuan?"

Saya senyum. "Tentu sekali saya senang. Isteri saya kan perempuan! Saya ada dua orang isteri. Kedua-duanya perempuan." Kalau tidak cakap macam itu dia mungkin salah tafsir, bukankah sekarang ini ramai kaum Lut AS, yang beristerikan lelaki.

"Wah, dua ya. Kapan tambah lagi?"

"Bung berapa?" Saya menjawab soalnya dengan pertanyaan.

"Saya masih satu. Yang itu, itu jugalah. Mahu kawin satu lagi takut, isteri saya garang dan terlalu cemburu. Perempuan pak, perempuan."

"Sifat garang dan cemburu isteri tidak boleh dijadikan alasan untuk beristeri lebih dari satu. Kenapa mesti biarkan wanita merosakkan aqidah yang kita amalkan. Bukankah bertukar-tukar perempuan, kawin sesama lelaki itu jauh lebih berbahaya dari mempunyai lebih dari satu isteri? AIDS yang ada sekarang inikan bala dari Allah kerana manusia membuat kerja-kerja yang mungkar?"

"Nanti saya minum dulu." Dia pun teguk lagi. "Wah, ini benar-

benar enak ini. Bapak kalau susu murah, buat apa mahu pelihara lembu? Bapak tentu tahu di Marbini Street, Manila itu kan syurga dunia? Di sana perempuan cantik-cantik dan murah sekali. Penyakitnya pandai-pandailah cari ubat. Bagi saya yang tak bertanggung ialah masalah dengan isteri. Isteri tahu saya cari perempuan di luar, asal jangan kawin satu lagi sudah. Kalau boleh berhibur tanpa kena marah isteri, buat apa susah-susah? Oh ya, bapak dengan saya tidak sama ya, bapak sudah jadi orang dakwah. Saya nanti ada masa pun mahu taubat juga."

"Begini bung." Saya nampak dia nak bercakap mengarut-ngarut, saya cuba tarik dia kembali kepada topik Al Arqam. "Tadi bung kata bung tahu tentang Arqam. Apa yang bung tahu itu cubalah bung ceritakan pada saya."

"Oh, bapak ini berminat sekali dengan Arqam itu. Ya, saya ada baca mengenai Arqam di koran dan di majalah. Hebat sekali gerakan itu. Maksud saya, kalau mereka sudah berjaya mengubah selera sebahagian besar dari anggota masyarakat Melayu di Malaysia, di segi lahiriahnya mereka memakai jubah, memakai serban, memakai purdah, tutup segala, tidak tertarik dengan fesyen-fesyen pakaian yang menjadi kegilaan orang ramai serata dunia, tidak terpesona dengan hiburan duniawi, saya kira itu sudah merupakan satu kejayaan yang cukup besar sekali. Saya dengar perempuan-perempuan mereka bukan sahaja boleh menerima poligami, malah sebaliknya turut menggalakkan pula supaya berpoligami. Barangkali itu yang paling menyenangkan bapak ya?"

"Ya, itu kan asalnya memang begitu? Kenapa Nabi sendiri berpoligami, kalau bukan untuk diikuti oleh kita umatnya? Cuma manusia kita yang cuba memandai-mandai mahu mengubah sunnah itu, maka akibatnya maksiat semakin bertambah. Tetapi bukan itu yang paling menyenangkan saya sebenarnya. Ada yang lain lagi. Tapi saya mahu tahu dulu, apa lagi yang bapak tahu tentang Arqam?"

Selepas meneguk minumannya dia berbicara lagi. "Nampaknya Arqam itu sudah berkembang menjadi satu gerakan yang cukup besar sekali pengaruhnya ke atas masyarakat, hinggalah pengikutnya sudah mencapai jumlah puluhan ribu orang. Sampai ke negara-negara di luar Malaysia. Di Jakarta sendiri juga ada Arqam. Di Medan juga ada.

Saya tahu di Manila juga ada. Dan saya tahu juga bahawa yang menjadi pengikut Arqam itu ada yang terdiri dari orang-orang intelektual. Saya barangkali tidak berminat dengan gerakan itu, tetapi..."

Dia berhenti berbicara dan meneruskan minumannya. Saya menunggu lagi ceritanya.

"Bapak bukan orang Arqam ya?" Dia nampaknya curiga.

"Saya bukan orang Arqam, tetapi saya menyokong setiap perjuangan Arqam yang baik."

"Apa perjuangan Arqam?"

"Memberi ubat kepada penyakit manusia hari ini."

"Apa penyakit manusia hari ini?"

"Eh bung kan seorang wartawan! Masakan seorang intelektual seperti bung tidak tahu apa penyakit manusia hari ini."

"O.. kalau itu yang bapak maksudkan memang banyak sekali. Tapi guru-guru di India, Mahareshi Swamiji segala macam itu pun kata mereka mahu mengubat penyakit manusia juga. Bukan begitu pak?"

"Bagi orang yang tidak mengetahui Islam yang sebenarnya, mungkin mereka akan menyamakan gerakan Arqam dengan gerakan guru-guru di India itu. Tetapi bagi orang-orang yang mengetahui tujuan keduniaan di sebalik janggut dan rambut panjang serta gaya guru-guru India itu, mereka tidak akan menyamakannya dengan gerakan Arqam, kerana yang penting di dalam perjuangan Arqam ialah mengembalikan manusia kepada tujuan sebenar kenapa manusia itu diciptakan oleh Allah Ta'ala. Arqam pergi kepada punca segala masalah, kerana di situlah letaknya punca penyakit manusia pada hari ini."

"Wah, sudah terlalu tinggi kita ini pak."

"Baru 30,000 kaki bung. Belum tinggi lagi. Apa bung takut mati? Jangan takut bung, di bawah kita ini ada laut yang paling dalam sekali di dunia, Jurang Marianas namanya."

"Permisi Pak, saya mahu ke kamar kecil dulu. Tapi sebelum itu

biar saya habiskan beer yang enak ini, dan saya boleh order yang baru." Dia meneguk beernya lagi. "Boleh saya kemukakan beberapa soalan lagi kepada bapak, boleh?"

"Boleh saja, apa salahnya bung?"

"Bapak ini ghairah sekali bercakap tentang perjuangan Arqam, tentang tujuan manusia diciptakan. Apa tujuan manusia diciptakan pak?" Macam dia mahu menguji saya.

Dengan tegas saya jawab: "Supaya menjadi khalifah Allah di atas muka bumi. Tidak menyembah selain daripada Allah. Berbuat kebaikan sesama makhluk, dengan niat yang ikhlas, menegahkan kejahatan, sentiasa sabar menghadapi ujian dan sentiasa mencari keredhaan Allah, dengan mengamalkan ibadat yang diajar oleh Rasulullah."

Apabila saya lihat dia diam, saya pun meneruskan. "Bung kalau mahu faham Al Arqam yang sebenarnya, bung mesti faham apa yang dimaksudkan dengan fikiran yang dibina oleh Al Quran, *the mind Al Quran built.*"

"*The mind Al Quran built?* Apa maksudnya?"

"Begini, saya mesti terangkan melalui satu cerita. Ceritanya agak panjang sedikit. Bung sudi mendengar?"

"Ya, kita pun tidak ada apa-apa yang perlu dikerjakan, sementara menanti tiba di Manila."

"Begini ceritanya bung, saya cuba rengkaskan. Cerita ini saya petik dari buku *The Mind Al Quran Built* yang mengambil cerita ini dari kitab *Ihya' Ulumuddin* karangan Imam Al Ghazali. Ceritanya pada suatu hari Khalifah Omar Ibnul-Khatab berjalan dari Madinah menuju ke Mekah. Dia bertemu dengan seorang budak abdi penjaga kambing. Khalifah Omar ingin tahu sama ada budak ini memahami isi kandungan Al Quran. Omar minta budak ini menjual seekor anak kambing yang sedang dijaganya. Kata budak itu dia mesti minta kebenaran dari tuan punya kambing itu dulu. Kata Khalifah Omar mahu menduga, 'Tak mengapa, tak perlu tanya tuan punya kambing, ambil saja wang ini katakan anak kambing sudah dimakan oleh serigala.' Budak Habshi ini tidak kenal Khalifah Omar. Dia tidak

mahu ambil wang itu. Dia beritahu Omar, biarpun tuannya berada jauh di bukit yang satu lagi dan tidak nampak dan tidak tahu apa yang dia buat, tapi Tuhan ada. Tuhan tahu dan Tuhan nampak apa yang kita berdua sedang cakap dan buat.”

Kawan saya diam sambil mendengar. Saya teruskan cerita. “Budak penjaga kambing ini tidak pernah baca dan tidak tahu makna Al Quran, tapi fikirannya adalah fikiran yang dikehendaki oleh Al Quran. Dia percaya bahawa Allah berada terlalu dekat dengan manusia. Kiranya tiga orang sedang berbual, Tuhan adalah “orang” yang keempat bersama, bukan tiga orang itu saja. Begitulah seterusnya kalau berempat, Tuhan adalah yang kelima. Tuhan Maha Mengetahui. Tuhan tahu segala-galanya. Manusia tidak boleh sembunyi. Budak itu tahu dia tidak boleh menjual sesuatu yang bukan miliknya, dia tidak boleh memberi sesuatu kepada orang lain barang yang bukan miliknya. Khalifah Omar terkejut mendengar cerita abdi ini. Mengalir air matanya. Dimintanya budak ini membawa dia kepada tuan punya kambing itu. Dia tanya berapa harga abdi ini dan dia bayar harga yang dikatakan, dan budak hitam itu pun dibebaskan, tidak lagi jadi abdi. Selepas itu Omar pun meneruskan perjalanannya ke Mekah.”

“Permisi dulu pak, saya perlu ke kamar kecil.” Kawan saya itu pun bangun dan pergi ke bilik air.

Di dalam fikiran saya masih lagi bergolak persoalan “fikiran yang dibina oleh Al Quran” itu. Berapa ramaiakah di antara kita hari ini, di antara pemimpin kita, intelektual kita, ulama kita, sama ada keluaran dari pondok, dari Al Azhar atau dari pusat pengajian agama di Mekah, khususnya yang memegang jawatan dalam hal-ehwal agama atau yang menjadi menteri, yang amalannya sudah sampai ke tahap keikhlasan yang ada pada budak hitam yang hanya seorang penjaga kambing itu?

Sementara menunggu kawan saya pulang dari bilik air, saya perhatikan keadaan di dalam pesawat penerbangan Malaysia itu berasap disebabkan oleh ramainya penumpang yang merokok. Kebanyakan penumpang terdiri daripada orang-orang Filipina. Ramai sekali yang sedang minum beer. Minum beer ini sudah jadi satu macam budaya pada orang Filipina. Ada juga yang meminum minuman keras yang lain selain dari beer.

Sedang saya memerhati ruang angkasa di luar melalui tingkap, saya teringat kepada Tun Fuad Stephen dan Datuk Salleh Sulong bersama pemimpin-pemimpin Berjaya yang telah mati kerana nahas kapalterbang di Sabah pada 6-6-76. Tarikh itu memang saya ingat. Ingat kerana ingatan dan pesan orang tua-tua, suka itu lawannya duka. Ikutkan rasa binasa, ikutkan nafsu lesu, ikutkan hati mati. Waktu itu pemimpin-pemimpin parti Berjaya sedang gembira merayakan kemenangan mereka di Sabah mengalahkan USNO. Tetapi hari ini Berjaya kalah, Tun Mustapha dan USNO masih hidup.

Malang tak berbau. Sesuatu terjadi kepada kapalterbang yang mereka naiki lalu jatuh terhempas, meletup dan pecah. Berkecai habis semuanya. Dalam sekelip mata sahaja apabila Tuhan menghendaki sesuatu dengan berkata "Kun", maka jadilah. Sesiapa pun tidak dapat nak buat apa-apa.

Selepas itu berlaku satu lagi tragedi kapalterbang di Tanjung Kupang, Johor. Jatuh terhempas meletup terbakar dan berkecai juga. Antara yang menjadi korbannya ialah Datuk Ali Haji Ahmad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan waktu itu bersama Setiausaha Politik-nya, Cikgu Hud, bekas cikgu saya.

Terlintas dalam fikiran saya, kalaulah terjadi sesuatu ke atas pesawat yang sedang kami naiki ini, dengan kebanyakan penumpang-nya sedang bersyok-syok minum minuman haram yang memabukkan itu. Ini semua adalah tidak mustahil. Sungguhpun pihak jurutera kapalterbang telah memeriksa semua yang perlu diperiksa dengan teliti sebelum sesebuah kapalterbang dilepaskan terbang, namun kuasa dan kehendak Allah tidak siapa tahu. Sebab itulah kita orang-orang Islam disuruh supaya selalu beringat-ingat, jangan sampai melupai Allah Ta'ala yang Maha Besar. Alangkah ruginya bila mati dengan keadaan arak berada di dalam pemafasan kita.

Lihatlah apa yang terjadi kepada kapal angkasa Amerika yang diberi nama "Challenger". Berbulan-bulan pakar-pakar mereka segala macam pakar membuat persediaan dan pemeriksaan yang rapi, namun ia meletup juga. Semuanya atas kehendak Allah Ta'ala. Maka kita hendaklah selalu beringat-ingat. Bukan disuruh takut dan jangan naik kapalterbang. Kalau nak kirakan nahas dan kemalangan, di dalam rumah kita sendiri pun macam-macam nahas boleh berlaku. Di atas

katil pun boleh berlaku kemalangan. Berapa ramai yang mati dalam kelambu.

Pada 3 Mac 1987, dua mayat nahas pesawat ringan Challenger, Penguasa Polis Shamsudin Mohd Ali dan Ong Tean Kok yang terhempas di hutan Bukit Larut Taiping dijumpai dalam keadaan masih terikat di tempat duduk.

Bekas Menteri Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafie juga pernah jatuh dari kapalterbang di hutan Janda Baik. Penumpang yang satu lagi mati, King Ghaz terselamat. Tuhan belum mahu mencabut nyawanya agar dia beringat tentang kekuasaan Tuhan.

Apa yang terlintas dalam fikiran saya ialah kalaulah terjadi sesuatu yang tidak diinginkan sedang kita berada jauh tinggi di angkasa, maka biarlah kita berada dalam keadaan seperti seorang Islam yang beriman dan bertaqwa kepada Allah. Tidaklah dalam keadaan kita sedang minum minuman yang diharamkan oleh Allah. Bagaimana keadaan di saat-saat terakhir hidup kita ketika sedang menghadapi sakratul maut? Aduh, bukan mudah roh hendak berpisah dengan jasad.

Jadi saya terfikir, sekiranya pihak penerbangan Malaysia boleh membuat berbagai-bagai peraturan supaya diikuti oleh para penumpang pesawatnya, seperti memasang tali keledar sewaktu pesawat hendak naik dan sewaktu pesawat hendak turun, memisahkan tempat duduk antara orang yang tidak merokok dengan orang yang merokok, tentulah mereka juga boleh membuat suatu peraturan baru supaya orang Islam tidak meminum minuman yang haram semasa di atas kapalterbang.

Orang bukan Islam nak minum banyak mana pun itu mereka punya pasallah. Orang Islam saja yang tidak boleh jual, hidang dan minum minuman yang diharamkan. Jadi kalau boleh diharamkan terus minuman haram dihidangkan dalam penerbangan Malaysia, itu amatlah baik. Datuk Haji Abdul Aziz Rahman, Pengarah Urusan MAS yang telah banyak membawa kejayaan besar kepada syarikat penerbangan Malaysia tentulah lebih arif bagaimana cadangan saya ini boleh dipertimbangkan. Saya fikir ini pun suatu yang baik juga untuk membina imej penerbangan Malaysia, sekaligus imej negara Malaysia kita sebagai negara yang dipimpin oleh orang-orang Islam.

Kawan saya wartawan dari Indonesia tadi kembali dari kamar kecil mengeluarkan air kencing setan dari perutnya, menyedarkan saya dari menungau. Saya lihat peramugari sedang meletakkan beer lagi di atas meja kecil di hadapan kerusinya. Dia tidak terus minum. Ditenoknya muka saya, direnungnya beer di mejanya, seolah-olah dia sedang berfikir sesuatu. Kemudian dia minum, dan selepas itu dia berkata:

"Kita bicara tentang politik pula pak. Bapak seorang penulis politik Malaysia yang paling berani dan selalu membuat ramalan masa depan yang tepat. Siapa yang bapak ramalkan bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia?"

"Syeikhul Arqam, Ustaz Haji Ashaari Muhammad."

"Orang Arqam itu?" Dia terkejut dan tersentak. "Atau ini cakap-cakap di udara pak?"

"Di udara ya di udara juga bung. Tapi di udara pun kita boleh bercakap serius, bukan?"

"Jadi bapak serius dengan ramalan itu?"

"Kalau bung bermaksud pendapat saya, ya itu pendapat saya yang jujur. Tidak mustahil ketua orang-orang Arqam itu yang bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia suatu hari nanti, sekiranya mereka beramai-ramai menyertai UMNO yang baru."

Direnungnya lagi muka saya. "Apa bapak fikir orang-orang Arqam itu akan masuk UMNO?"

"Kenapa tidak? Apa bung tidak tahu bahawa *politic is the game of the possible*? Anwar Ibrahim dulu orang ABIM. Dia masuk UMNO, hari ini dia sudah duduk di kerusi nombor tiga. Itu dia masuk seorang diri saja. Tapi Ustaz Ashaari kalau dia masuk seluruh orang Arqam di Malaysia akan ikut masuk. Tidak kurang dari 50,000 orang."

"Apa bapak Alattas benar-benar serius?"

"Saya benar-benar serius dengan apa saja yang akan menentukan masa depan agama saya, bangsa saya dan negara saya."

"Itu Musa Hitam bagaimana? Apa bukan dia yang bakal jadi

Perdana Menteri Malaysia?"

"Musa sudah terlewat bung. Imejnya sudah kacau. Dia bukan lagi calon pemimpin kepada orang-orang Melayu di Malaysia yang sudah menerima Islam sebagai addin, sebagai cara hidup yang dihayati dalam kehidupan setiap waktu. Musa sudah *out*."

"Kan dia masih muda. Kami orang-orang Indonesia berfikir pasti dialah calon Perdana Menteri Malaysia sesudah Mahathir. Kalau begitu Tengku Razaleigh pula bagaimana?"

"Tengku Razaleigh pun dua kali lima saja dengan Musa Hitam, sebab itu baru-baru ini mereka boleh berpakat. Sekadar bikin suasana jadi sibuk bolehlah. Hendak memerintah Malaysia tidak mungkin, kerana rakyat tahu siapa mereka yang sebenarnya. UMNO yang baru perlukan tokoh-tokoh agama yang memiliki *the mind Al Quran built*, untuk membantu Dr Mahathir, kerana Dr Mahathir sendiri secara sedikit demi sedikit sedang memimpin UMNO ke arah itu, arah yang dikehendaki oleh Al Quran. Ustaz Ashaari dan Al Arqam menepati keperluan ini."

"Bapak ini sudah fanatik nampaknya."

"Di sini bukan fanatik soalnya bung. Kita mesti kaji pengaruh dunia sebelum memandang politik dalam negeri. Kita harus lihat politik hari ini dari pandangan global. Di Malaysia hari ini, seperti saya katakan tadi, rakyat sudah mula menerima Islam sebagai addin. Kerajaan akhirnya pasti ikut kemahuan rakyat. Rakyat itu macam air. Air jugalah yang akan menang akhirnya."

"Kalau begitu Datuk Sanusi anak dari Aceh itu bagaimana? Apa peluangnya untuk jadi Perdana Menteri?"

"Sanusi anak Aceh itu memang pintar orangnya. Tapi dia sudah kena belah macam Ghafar Baba juga. Gagah dia gagah anggota badannya saja, tapi sakit yang lain-lainnya masih ada, dan orang UMNO kurang senang dengan sikapnya. Sanusi ini lain sikit. Orang ramai tidak bisa mengerti perangnya. Orang yang kepintarannya luar biasa memang begitu. Nak buat macam mana, nasib dia malang sikit. UMNO mati masa dia jadi Setiausaha Agungnya. Dulu dia macam hero, tapi sekarang Sanusi senyap sunyi, macam main sembunyi-

sembunyi, kenapa?"

"Kalau gitu sukar hendak tentukan pengganti Mahathir."

"Bung boleh beritahu saya siapa selepas Suharto?"

"Ini persoalan berat ni. Ini masalah negara."

"Bukankah menjadi kewajipan penulis memikir dan membincangkan masalah negara? Apakah penulis dan wartawan pun mesti ikut jadi *political opportunist* yang hanya memikirkan keuntungan surat khabar dan diri sendiri saja. *Conscience* mereka sebagai pemimpin pemikiran benar kepada rakyat ramai itu di mana? Apakah mereka lebih utamakan perut dan kedudukan lebih daripada agama, bangsa dan negara? Dan inilah antara tujuan saya ke Manila, dan juga ke lain-lain negara, untuk memikirkan siapakah bakal pengganti Perdana Menteri Malaysia."

Dia diam. Saya menyambung lagi cakap saya. "Masa Marcos menjadi Presiden dulu, siapapun tidak pernah terfikirkan bahawa Aquino yang akan jadi Presiden Filipina menggantikan Marcos. Di Indonesia juga begitu bung. Ada pernah orang ramalkan yang Suharto akan menjadi Presiden sebelum dia menjadi presiden?"

"Pada umumnya memang tidak ada siapa pun yang terfikirkan begitu," jawabnya.

"Terlanjur kita bercakap tentang Arqam bung, saya kira bung tentunya banyak mengikuti perkembangan gerakan Islam di seluruh dunia. Apa betul begitu bung?"

"Seperti sudah saya katakan tadi, saya ini kan wartawan! Wartawan itu seharusnya mengikuti setiap perkembangan masyarakat sekelilingnya. Nah, sehubungan dengan soal gerakan Islam ini, saya perhatikan di Indonesia juga ada, baik di kalangan mahasiswanya mahupun di kalangan parti politik. Bahkan juga di kalangan para seniman. Namun orang yang jujur ikhlas dan benar-benar berani serta mempunyai kaliber sebagai pemimpin besar belum lagi menunjukkan wajah."

"Apa pendapat bung mengenai kebangkitan Islam di seluruh dunia?"

"Itulah yang sedang saya fikirkan sekarang."

"Fikir apa itu bung?"

"Kalau semuanya sudah jadi Islam macam Islamnya Arqam itu, saya nanti susah untuk minum beer."

"Ini cakap di udara atau cakap beer bung? Kiranya cakap ini sekadar omong-omong di udara, bila kita mendarat nanti, bila kita sudah berpijak ke bumi, tentu tidak begitu lagi kan?"

"Ya omong omong juga. Tapi bapak benar-benar serius bahawa suatu hari nanti ketua orang-orang Arqam itu bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia?" Dia masih tidak mahu percaya nampaknya.

Tiba-tiba saya teringat di dalam beg saya ada sebuah buku karangan Ustaz Ashaari yang berjudul *Krisis dan Jalan Penyelesaiannya*. Saya pun mengeluarkan buku tersebut dari beg saya.

"Ini salah sebuah buku yang dikarang oleh Ustaz Ashaari. *Krisis dan Jalan Penyelesaiannya*. Bung sudah lihat buku ini?"

"Sekarang saya baru lihat."

"Saya sudah selesai membacanya. Tapi saya sengaja bawa bersama saya dalam perjalanan ini untuk saya merujuk semula kepadanya sambil saya memikirkan tentang bakal Perdana Menteri Malaysia. Tetapi oleh kerana saya lihat bung juga berminat dengan gerakan Arqam, saya ingin hadiahkan buku ini kepada bung. Sebab orang tak akan faham selengkapnya pemikiran dan kepimpinan Ustaz Ashaari dan Al Arqam kalau dia tidak baca buku ini."

Saya pun serahkan buku itu kepada wartawan dari Jakarta kenalan saya itu.

"Bapak telah selesai membacanya. Jadi apa kira-kira intisarinnya?"

"Bung seorang wartawan. Tentu sekali bung berminat dengan krisis, kerana krisis menjadi bahan berita yang digemari oleh pembaca. Bung juga tentu berminat dengan cara-cara bagaimana pemimpin-pemimpin di seluruh dunia menyelesaikan sesuatu krisis. Satu perkara yang paling penting dalam buku ini ialah bung akan ketemu dengan satu pendekatan bagaimana memahami krisis-krisis dalam

masyarakat manusia dan bagaimana pula kita menyelesaikan krisis-krisis tersebut dengan cara Islam. Caranya jauh berbeza dengan apa yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin di seluruh dunia pada hari ini. Islam sebenarnya mempunyai caranya yang tersendiri untuk menyelesaikan semua masalah manusia. Dalam buku ini Ustaz Ashaari menghuraikan cara-cara tersebut."

"Bukunya agak kecil dan tipis. Kalau benar di dalamnya terdapat teori dan formula yang dengannya kita bisa memahami dan menyelesaikan krisis-krisis masyarakat manusia seluruh dunia pada hari ini, maka saya kira ketua-orang-orang Arqam itu mempunyai suatu macam kuasa sakti yang aneh, atau yang ajaib." Dia berkata sambil menelekan buku tersebut. Saya dapat membaca maksudnya yang seolah-olah hendak menyindir cakap-cakap saya tentang buku itu.

"Saya dapat merasakan yang bung tidak percaya dengan apa yang saya katakan tentang isi kandungan buku ini. Sebab itu saya hadiahkan buku ini kepada bung supaya bung boleh membacanya sendiri. Bung tidak semestinya percaya dengan isi kandungan buku ini, tetapi sekurang-kurangnya ia akan menambahkan pengetahuan bung tentang Islam dan tentang Arqam."

Saya kira kalau saya hendak ceritakan semula semua percakapan kami di atas udara dalam perjalanan ke Manila itu, tulisan ini tentu akan jadi terlalu panjang. Maklum sajalah, saya kata begini dia kata begitu, dia kata begitu saya kata begini, dan dalam beberapa perkara kami sependapat.

Walhasilnya perjalanan antara Kuala Lumpur dengan Manila itu pun terasa seolah-olah suatu perjalanan Bas Mini antara Gombak dengan Kuala Lumpur sahaja. Bahkan ada kalanya perjalanan Bas Mini antara Gombak dengan Kuala Lumpur pula lebih terasa jauhnya dan lebih menakutkan dan membimbangkan.

Sungguhpun kami bercakap di udara, tetapi banyak juga percakapan di udara itu yang bukan cakap-cakap di udara. Maksud saya bukan cakap-cakap sekadar memenuhi waktu sementara menunggu tiba di destinasi sahaja, tetapi adalah pemikiran-pemikiran yang perlu direnungkan dengan lebih jauh.

Saya percaya ramai ahli-ahli PAS tidak akan terkejut sekiranya

Ashaari Sheikhul Arqam yang akan jadi Perdana Menteri Malaysia satu hari nanti. Ustaz Ashaari pernah jadi ahli PAS. Ulamak-ulamak PAS pernah duduk di dalam UMNO sebelum mereka menubuhkan parti PAS dahulu. Mereka hidup terus kerana agama yang menjadi perjuangan mereka. Tetapi selagi keduanya tidak bersatu, jadilah UMNO dengan PAS seperti landasan keretapi, sejalan tetapi tetap asing, dan akhirnya mereka jadi landasan saja. UMNO tetap UMNO dan PAS tinggal PAS, bertengkar dan bercakaran.

Al Arqam bukannya satu pertubuhan yang berdaftar, tetapi cara pentadirannya sungguh hebat dan Ustaz Ashaari sebagai pemimpin mereka mempunyai keliber yang tinggi, kalau hendak dibandingkan dengan setengah-setengah menteri-menteri UMNO yang ada. Seperti juga dengan Dr Mahathir, beliau adalah pemimpin yang mempunyai visi. Biar bagaimanapun kerana mentaliti orang-orang Melayu yang berpendidikan barat, apalagi yang telah menjadi agen-agen pemikiran imperialis barat, mereka tetap pandang sepi terhadap golongan yang memperjuangkan Islam. Orang seperti ini adalah manusia yang tidak tahu sejarah. Nabi Musa AS mengalahkan Fir'aun, Nabi Muhammad SAW mengembangkan Islam, apakah yang ada pada mereka selain dari pertolongan dari Allah?

Hari ini bangsa yang mahu menguasai dunia tidak boleh lagi menggunakan kuasa tentera sebagai satu '*force*'. Kita sudah lihat Russia dan Amerika telah gagal menggunakan tentera untuk memperbesar dan memperhebatkan jajahan takluk mereka. Ekonomi juga tidak boleh dijadikan satu kuasa penentu. Kalau tidak, tentu Amerika dan Jepun sudah jadi penakluk yang agung. Amerika gagal mengalahkan Libya dan Iran dengan kekuatan ekonomi dan tentera sebagai satu '*force*'. Padahal mereka jadi hantu di belakang orang-orang Arab Islam yang terus-terusan berperang sesama sendiri.

Apakah rakyat Malaysia tidak yakin bahawa kebangkitan Islam di abad ini bermula dari Malaysia? Kita sudah lihat negara-negara Islam lain gagal untuk disatukan, kerana tidak adanya keikhlasan, disiplin, tidak adanya sifat-sifat tolak ansur sesama Islam, lemah lembut, sopan santun, berbaik sangka, dan tidak adanya sifat tegas terhadap orang-orang bukan Islam. Banyak sifat-sifat kemanusiaan yang baik, tinggi dan mulia ada pada pemimpin di Malaysia, sebab itu Malaysia menjadi

perhatian dunia pada hari ini, dan pemikiran yang dikehendaki oleh Al Quran sedang menjadi amalan Mujahidin di Malaysia.

Memandangkan perkembangan itu semualah saya memikirkan adalah cukup baik kalau pihak syarikat Sistem Penerbangan Malaysia dapat menimbangkan cadangan saya mengenai pengharaman minuman beer di atas pesawatnya. Pengalaman saya menaiki kapalterbang, walaupun tidak begitu banyak tetapi banyaklah juga, adalah kira-kira 20 jenis syarikat penerbangan yang saya telah naik. Penerbangan Malaysia atau MAS adalah tidak kekurangan apa-apa dibandingkan dengan kapalterbang kepunyaan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa, baik dari segi layanannya, makanannya dan sebagainya. Jadi kalau ditiadakan minuman beer saya fikir ia tidak akan menjejaskan perkembangannya yang sedang berlaku dengan amat pesat sekarang ini.

Bukanlah beer itu yang selama ini bertanggungjawab menjadikan syarikat Penerbangan Malaysia sebuah syarikat penerbangan yang berjaya. Datuk Aziz Rahman dan para eksekutif kanan MAS tentu lebih maklum lagi apa yang menjadi faktor-faktor kejayaan tersebut. Sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Bijaksana.

TERENGGANU MAHU GELARAN SERAMBI MADINAH



Tan Sri Wan Mokhtar
Ahmad

KUALA TERENGGANU: Ketua Penyelia Agama dan Dakwah negeri Kelantan, Haji Ismail Noh berharap, negeri Terengganu akan berjaya digelar Serambi Madinah selepas pilihanraya umum akan datang.

Menurutnya, gelaran Serambi Madinah masih gagal untuk diwujudkan sekarang kerana kerajaan negeri pimpinan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad tidak bersedia untuk mengharamkan kedai judi dan minuman keras.

Berucap dalam satu majlis ceramah di Kampung Wakaf Tembusu, Haji Ismail memberitahu, seluruh pendokong Angkatan di Terengganu hendaklah lebih giat berjuang untuk mendapatkan gelaran Serambi Madinah itu.

"Tiga tahun lagi bukanlah tempoh masa yang agak lama. Angkatan mestilah berganding bahu dan kemudiannya sama-sama menjatuhkan kerajaan UMNO di negeri ini," tegasnya disertai laungan Allah Hu-Akbar.

Menurutnya, Tan Sri Wan Mokhtar telahpun terlalu lama membiarkan pusat perjudian beroperasi secara berleluasa di negeri ini walaupun telah memerintah negeri ini hampir 20 tahun.

Apa yang dikesalkan, jelas beliau, Menteri Besar Terengganu juga merupakan lulusan agama dari Universiti Al-Azhar tetapi gagal melaksanakan perintah Allah S.W.T.

Sebaliknya, kata Haji Ismail, Kelantan yang diperintah oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat selama sembilan bulan sahaja

Oleh Rizal Mohamad

berjaya menghapuskan kedai judi yang dihalalkan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Beliau mengharapkan Terengganu akan menjadi sahabat kembar yang sejati kepada Kelantan setelah berjaya diperintah oleh Angkatan dalam pilihanraya umum akan datang.

Haji Ismail menyatakan keyakinannya bahawa rakyat Terengganu akan lebih bersedia untuk menerima cara hidup Islam dan sanggup pula berjuang untuk memastikan kemenangan Angkatan kelak.

Beliau turut membidas Tan Sri Wan Mokhtar yang selalu sahaja 'menghentam' kerajaan pimpinan PAS di Kelantan walaupun berjaya mengharamkan judi dan arak secara terbuka.

"Sebenarnya, Tan Sri Wan Mokhtar sudah tidak mempunyai hujah lagi untuk menghentam kerajaan PAS di Kelantan. Menteri Besar Terengganu mendakwa, Kelantan masih belum menjalankan hukum Islam walaupun telah berjaya memerintah negeri itu selama lebih lapan bulan," terangnya.

Beliau meminta Tan Sri Wan Mokhtar berkunjung ke Kelantan dan melihat sendiri kedai-kedai judi dan empat nombor ekor yang telahpun ditutup oleh pihak kerajaan.

Oleh itu, tegas beliau, tidak ada sebab bagi Tan Sri Wan Mokhtar untuk cuba mengelirukan umat Islam di Terengganu berhubung dengan proses perundangan Islam di Kelantan.

KU PADUKA RELA KE MAHKAMAH



Tengku Seri
Paduka Raja



RANTAU PANJANG: Anggota Majlis Tertinggi Semangat 46, Tengku Seri Paduka Raja bersedia untuk diseret ke mahkamah berhubung dengan apa sahaja ucapannya yang dianggap sebagai 'fitnah' Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Menurut beliau, Tan Sri Wan Mokhtar terlalu banyak memperkatakan 'fitnah' terhadap apa sahaja ucapannya tetapi tidak pernah membuat penilalan yang terperinci.

"Saya bercakap soal penyelewengan yang dilakukan oleh Tan Sri Wan Mokhtar dengan penuh bertanggungjawab. Saya bukannya kaki pembohong dan bersedia untuk diseret ke mahkamah jika itu kehendak Menteri Besar Terengganu," tegasnya berkali-kali.

Ketika ditemui selepas merasmikan mesyuarat agung Pergerakan Pemuda Semangat 46 Bahagian ini minggu lalu, Tengku Seri Paduka Raja berkata pihaknya bukan membuat ucapan yang membabi buta.

Beliau menyentuh soal kerugian yang wujud dalam anak syarikat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu yang

Oleh Sayatie Mohamad

Mokhtar selaku Pengerusi PMINT tidak bersedia untuk memperbaiki kerugian tersebut tetapi menyifatkan pembangkang yang membuat kenyataan terhadap laporan kerugian itu sebagai 'fitnah'.

Tengku Seri Paduka Raja yang juga Adun Tanggul memberitahu, kelemahan dalam pentadbiran PMINT masih wujud dan tiga anak syarikat perbadanan itu telahpun terpaksa gulung tikar.

Tiga anak syarikat PMINT yang telahpun ditutup itu, katanya, ialah Terengganu Garam Sdn Bhd, Palm Oil Product Sdn Bhd dan Permint Tapis Sdn Bhd.

Beliau menyifatkan kerajaan negeri Terengganu telah terlalu lama dipimpin oleh Tan Sri Wan Mokhtar dan sudah sampai masanya bagi tokoh UMNO itu bersara dari pentadbirannya.

"Beliau mula memegang teraju pemerintahan Terengganu pada tahun 1974 dan sudah hampir 20 tahun mentadbir negeri. Beliau telah lama memerintah, sudahlah



TAN SRI WAN MOKHTAR AHMAD



DATO' MANAN OTHMAN

■ Barangkali sudah ramai orang UMNO yang mulai jemu dengan UMNO, kerana fungsi UMNO tidak bertepatan dengan apa yang tercatat di dalam perlembagaan, yang menyebut bahawa UMNO ditubuhkan ialah untuk membela nasib orang Melayu ■

MB TERENGGANU MUDAH MELATAH

OLEH: ABDULLAH NGAH

Baru-baru ini ketika berucap merasmikan "konvensyen UMNO 1991" Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Besar Terengganu, telah menceritakan bahawa sudah ramai orang UMNO yang terpengaruh dengan parti pembangkang.

Kalau sekiranya cerita yang di bawah itu sebagai cerita benar dan pernah berlaku keatas orang UMNO semasa beliau menjadi pucuk pimpinan UMNO negeri Terengganu, maka jelas sekali bahawa parti pembangkang walaupun pernah dianggap sebagai parti yang lemah kini merupakan parti yang kuat dan berpengaruh.

Kita tidak tahu yang mana satukah yang dimaksudkan oleh Menteri Besar Terengganu itu. Sebab parti pembangkang di Terengganu ada dua. Satu PAS dan satu lagi ialah 46 yang pernah dianggap sebagai parti orang yang kecewa.

Dalam ucapan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad tempohari, nampaknya PAS sebagai parti target sasarnya, selepas itu disebut pula nama 46. Beliau tidak menyebut pembangkang yang menganggotai Angkatan Perpaduan Ummah.

Payah juga hendak kita teka sebab ucapan beliau itu menjadi teka-teki kita. Tetapi mustahil sebuah parti yang menganggotai oleh orang yang kecewa dapat menjadi sebuah parti yang berpengaruh dan orang UMNO sendiri yang turut terpengaruh.

Tambahan pula parti 46 di Terengganu, bukanlah sebuah parti yang kuat berbanding dengan parti UMNO yang didakwa mempunyai "keahlian" mencapai 1.5 juta setakat ini.

Untuk makluman anda bahawa parti 46 bukan sebuah parti yang kuat. Malahan parti itu tiada sebarang cawangan yang sah berbanding dengan cawangan UMNO yang wujud dimana-mana cerok kampung.

Apa yang didakwa oleh Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad barangkali merupakan dakwaan yang tidak berasas sama sekali, hatta beliau mati-matian mendakwa demikian.

MB bidas penyebar fitnah

Oleh Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Rabu — Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, kesal dengan sikap golongan yang tidak mendapat tender kontrak sanggup menyebarkan fitnah kononnya beliau akan meletak jawatan.

Katanya, mereka yang menyebarkan fitnah itu sebenarnya tidak puashati kerana gagal memperolehi sesuatu projek.

"Tidak ada sebab saya meletakkan jawatan sekarang kerana saya belum menghadapi masalah dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Tan Sri Haji Wan Mokhtar berkata, golongan penyebar fitnah tidak perlu campur tangan dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri termasuk mengenai pemberian tender melaksanakan peibagai projek pembangunan.

Katanya, jika pihak lain turut campur tangan sudah tentu akan menyulitkan lagi keadaan serta menimbulkan masalah bagi menyelesaikannya.

Tan Sri Haji Wan Mokhtar berkata, kerajaan negeri sedia berunding



TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR

... tidak hadapi masalah indngan pihak tertentu ununtuk menyelesaikan perkara berbangkit.

"Kerajaan negeri tidak suka masalah tender diheboh dan diperbesarakan sebaliknya hendaklah dikemukakan kepada pihak kerajaan untuk diselesaikan," kata Menteri Besar.

Pihak berkenaan tegasnya, tidak perlu mende-saknya meletak jawatan kerana beliau akan mengumumkan sendiri apabila tiba masanya.

Berhubung desas-desus perletakan jawatannya, beliau berkata, pada masa ini beliau belum berca-

dang melepaskannya kerana belum lagi menghadapi masalah besar juga tekanan daripada mana-mana pihak untuk berbuat demikian.

Tan Sri Haji Wan Mokhtar berkata, beliau akan mengumumkan mengenai perkara itu jika pentadbiran kerajaan negeri menghadapi masalah.

"Soal perletakan jawatan tidak timbul tetapi pihak berkenaan sengaja mengada-adakannya kerana mereka tidak puashati setelah gagal mendapat kontrak projek tertentu.

"Mereka menyebarkan fitnah itu bagi membolehkan pihak lain mengambil kesempatan dan mengeruhkan lagi keadaan," tambahnya.

Tan Sri Haji Wan Mokhtar berkata, kerajaan negeri terpaksa memberikan tender kepada kontraktor yang layak tambahan apabila mereka mengemukakan sebut harga lebih murah.

Sebagai contoh, kerajaan terpaksa memberi tender pembinaan perhentian bas di bandar ini kepada sebuah syarikat lain apabila ahli persatuan mengemukakan sebut harga \$600,000 lebih tinggi.

Ada pihak cemburu kata Mahathir

13-10-
B H

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan terus mempertahankan dirinya daripada pihak yang cuba menjatuhkannya dengan menyebarkan khabar angin.

Menurutnya, beliau sedar ada pihak yang menggunakan pelbagai cara untuk menjatuhkannya, tetapi akan terus mempertahankan diri.

"Sudah lama ramai orang hendak menjatuhkan saya. Kalau sampai masanya saya jatuh, saya jatuhlah.

"Tetapi kalau belum sampai masanya, saya tidak akan jatuh. Mereka boleh terus serang, tetapi saya akan terus mempertahankan diri saya," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas khabar angin yang menyatakan beliau sakit ketika diwawancara oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) malam tadi.

Beliau berkata, ada pihak yang berkepentingan di negara asing mahu memburukkan keadaan dalam negara ini dengan menyebarkan khabar angin mengenai dirinya kerana iri hati Malaysia diakui sebagai sebuah negara yang mencapai kejayaan dalam hampir semua bidang.

Beliau berkata, mereka iri hati kerana negara kita berjaya menyatupadukan kaum dan mempunyai kedudukan ekonomi dan kewangan yang baik.

Sebagai contoh, kata beliau, dalam usaha kerajaan mengindahkan Kuala Lumpur, ada saja orang yang akan menyatakan bahawa ia ada keburukannya.

"Orang yang semacam itu kita tidak boleh buat apa-apa, kerana tabiat dia sudah ma-



DATUK SERI DR MAHATHIR
... akan terus pertahan diri.

cam itu. Orang macam ini tidak pernah nampak benda yang baik langsung kerana dia mencari yang buruk saja," katanya.

Beliau juga berkata khabar angin itu mungkin ditimbulkan oleh mereka yang 'berjudi' dalam bursa saham dan berbuat demikian untuk mendapat keuntungan daripada jual beli saham.

Ketika diminta pandangannya mengenai khabar-khabar angin itu, beliau berkata: "Saya tidak tahulah apa hendak kata. Barangkali boleh tanya musuh saya."

"Umpamanya ada orang yang walaupun tidak sakit, dia kata sakit juga. Orang ini nampaknya lebih pandai daripada doktor.

"Tetapi pada pendapat saya, yang memiliki tubuh badan ini, saya berasa sihat dan boleh buat kerja macam orang

lain juga," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata Bumiputera perlu membetulkan kelesakan yang ada pada mereka mahu melihat dasar ekonomi selepas 1990 akan mempan kepada mereka.

Menurutnya, jika mereka tidak sanggup berbuat apa-apa saja dasar yang dikenakan tidak membawa sebarang kesan.

Beliau juga berkata Bumiputera tidak harus khudanya kerana ketiadaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) tetapi memberikan kerjasamanya tanpanya dasar itu berkesan.

"Ia memerlukan kerjasama semua pihak - Bumiputera dan Bumiputera dan Bumiputera," katanya.

Menurut Perdana Menteri, yang penting dan harus diutamakan adalah untuk menegakkan dasar itu dan tidak menyalahkan kerajaan saja yang menyalahkannya. Beliau berkata, "Kalau beban dan bertanggungjawab melaksanakannya."

Perdana Menteri berkata, "unsur-unsur serampai mata yang ada di dalam kabinet itu membasmi kemiskinan dan menyusun semula perancangan rakat akan dikekalkan."

"Pendirian kerajaan untuk berusaha memajukan satu masyarakat yang seimbang di samping rusakan usaha membasminkan. Objektif ini berubah, yang berubah-ubah pendekatannya," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau berkata, sebarang dasar yang ada di DEB yang tidak berkesan akan digugurkan dan bentuk pendekatan baru

● **TEKS WAWAN**
DI MUKA 4

ULAMA SPRING MATI

“Maha Suci Tuhan yang menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari, dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa, yang telah Kami berkati sekelilingnya, supaya Kami perlihatkan kepadanya sebahagian tanda-tanda kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat.”

Al Israk: 1

DALAM BUKU SAYA TALQIN UNTUK UMNO saya telah membuat ramalan bahawa tidak mustahil bagi Syeikhul Arqam Ustaz Haji Ashaari Muhammad menjadi Perdana Menteri Malaysia di suatu hari nanti. Ramalan ini adalah berdasarkan andaian sekiranya kesemua 50,000 para pengikut Arqam menyertai UMNO dan Haji Ashaari pula berjaya mengubat segala macam '*penyakit*' yang terdapat di kalangan orang-orang UMNO. Jadi ramalan saya itu dibuat atas andaian yang kuat. Ini bukanlah ramalan biasa dan bukanlah satu '*spekulasi*.' Ramalan dengan '*spekulasi*' memang jauh berbeza.

Kerja membuat ramalan macam ini tidak salah, sebab ia tidak boleh memberikan apa-apa kesan. Yang salah ialah membuat '*spekulasi*.' Perbuatan membuat *spekulasi* biasanya boleh mengakibatkan berbagai-bagai bencana. Contohnya apabila seseorang membuat '*spekulasi*' ke atas pasaran saham, ianya boleh mengakibatkan untung atau kerugian pada orang ramai. Itulah yang saya maksudkan dengan '**ramalan**' saya itu.

Apa yang lebih merbahaya lagi bila ada pihak yang menyangkakan yang sesuatu '**ramalan**' itu adalah '*spekulasi*'. Kesannya lebih buruk. Dan kesan buruk ini telah menjadikan Ustaz Ashaari dan Darul Arqam mangsanya.

Bab Perdana Menteri Kelima dalam buku saya **TALQIN UNTUK UMNO** yang telah ditakrifkan sebagai '*spekulasi politik*' oleh sesetengah pihak, membuatkan saya berasa bertanggungjawab ke atas Al Arqam dan kerana tangan saya yang mencincang maka bahu saya yang mesti memikulnya. Semoga tulisan ini dapat menerangkan siapa

Ustaz Ashaari dan perkara-perkara 'ghaib' yang menjadi perbincangan hangat mengenainya.

Saya tak tahu sama ada pihak-pihak yang membuat tafsiran yang salah, adakah kerana cemburu dengan kejayaan Ustaz Ashaari atau mereka memang sebenarnya takut dengan kebolehan yang ada pada Ustaz Ashaari? Yang jelas mereka ini menunjukkan sikap yang digambarkan oleh peribahasa Inggeris '*sour grapes*' (dengki).

Pihak-pihak berkenaan yang telah memperalatkan beberapa golongan 'ulama' untuk menjatuhkan Ustaz Ashaari dan merosakkan nama baik Arqam adalah mereka yang cuba menyembunyikan kelemahan dan sikap '*inferiority complex*' mereka sendiri. Dan yang lebih pelik lagi, mengapakah golongan-golongan 'ulama' yang saya katakan itu sanggup membiarkan diri mereka digunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan itu sedangkan mereka terpaksa menipu diri sendiri dengan memalsukan fakta-fakta agama dan nas-nas Quran. Perbuatan 'ulama' yang semacam ini amat memalukan umat Islam.

Pertelingkahan 'ulama' yang berlaku kini samalah macam apa yang berlaku dalam agama Kristian. Dalam ugama Kristian 'ulama' Protestan senantiasa bermusuhan dengan para ulama puak Roman Katolik. Begitu juga dengan fahaman '*Seven Day Adventist*' yang akidahnya tidak schaluan.

Di negara kita ini sudah ada pertelingkahan yang semacam itu. Pertelingkahan itu bagaimanapun bukanlah berpunca dari siapakah Nabi Isa AS yang sebenarnya. Ini disebabkan semua orang Islam tahu bahawa Nabi Isa AS itu ialah seorang manusia yang telah dijadikan Nabi dan rasul dan telah diangkat oleh Allah ke atas langit.

Jika 'ulama-ulama Kristian' mempertikaikan benda-benda yang semacam ini, maka 'ulama-ulama' di dalam negara kita yang jenis '*oportunis*', yang menyedari adanya bahan-bahan yang boleh dipertikaikan macam perkara di atas yang terdapat dalam buku **AURAD MUHAMMADIAH** terbitan Arqam, maka mereka pun cepat-cepat menggunakan peluang ini untuk merosakkan nama baik Arqam.

Inilah susahnyanya bila ada 'ulama' yang bekerja pada siang hari sahaja. Mereka nampak benda-benda yang 'terang' dan 'kasar' saja

kerana mereka memandang dengan '**mata kasar**' tanpa menggunakan '**mata hati**'. Benda-benda yang '**tak terang**' dan '**tak jelas**' mereka tak nampak kerana adakalanya mereka tak menggunakan '**mata kepala**'. Kalau '**mata kepala**' pun tak pakai, macam mana hendak memahami benda-benda yang '**ghaib**', yang menggunakan '**mata hati**'?

Apakah mereka terlupa bahawa udara yang kita gunakan untuk pernafasan adalah satu benda yang kita tak boleh lihat? Lupakah mereka alam pemikiran yang digunakan oleh manusia untuk memikirkan segala macam benda dalam riwayat kehidupannya, satu benda yang tak boleh dilihat dan dibuktikan secara **objektif**? Bagaimana dengan roh dan nyawa manusia? Bolehkah kita lihat seperti kita melihat jasadnya? Tidakkah semua benda-benda yang '**ghaib**' ini ada pada diri manusia?

Kalau '**akal**' mereka tidak dapat memikirkan hal-hal yang semudah ini, bererti mereka ini orang yang tidak tahu bersyukur. Mereka yang tidak bersyukur dengan yang sedikit akan menerima laknat dari Allah. Bukti-bukti bahawa sifat pengasih dan penyayang Tuhan serta kekuasaan Tuhan yang '**maha ghaib**' banyak terdapat dalam hidup mereka. Tapi sayang '**ulama**' yang ada **degree** yang berjela-jela ini, bukan ulamak yang '*original*.' Mereka tidak menggunakan '**mata kepala**' dan '**mata hati**', dan mungkin mereka juga terlupa yang **Tuhan melihat terus ke hati manusia**.

Ulama yang betul-betul '*original*' ialah '**ulama**' yang selain dari beramal di siang hari, bertasbih dan berdoa serta menyebut nama Tuhan di waktu malam yang gelap dan sepi. Mereka bersendirian dengan Allah. Mereka tahu hikmat-hikmat waktu malam, seperti yang dijanjikan Allah.

"Demi malam apabila telah sunyi, Tuhanmu tiada meninggalkan kamu dan tiada pula membencikan kamu.

Adh Dhuha: 2

Maka itulah sebabnya bila Allah SWT mahu menunjukkan kekuasaan-Nya kepada hamba-hamba-Nya, biasanya Allah akan memperlihatkan pada waktu malam. Benda-benda yang ghaib selalunya dapat dilihat pada waktu malam sahaja. Seperti peristiwa **isra'** dan **mikraj**, tentang perjalanan Rasulullah yang berlaku pada malam hari.

Begitu juga dengan kisah malam Lailatul Qadar. Mari kita baca surah Al Isra' ayat pertama: Dalam surah tersebut Allah telah berfirman:

“Mahasuci Tuhan yang menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari, dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa, yang telah Kami berkati sekelilingnya, supaya kami perlihatkan kepadanya sebahagian tanda-tanda kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat.”

Al Israk: 1

Dalam Surah Al Qadar pula Allah berfirman:

‘Sesungguhnya telah Kami turunkan Quran pada malam qadar. Tahukah kamu apakah malam qadar itu? Malam qadar itu lebih baik daripada malam seribu bulan.’

Al Qadar: 1—3

Kedua-dua peristiwa di atas itu memanglah benda-benda yang amat ghaib. Perkara-perkara yang memang tak dapat digambarkan oleh ‘otak’ manusia. Tak dapat ‘difikirkan’ dengan ‘akal fikiran.’ Tak dapat dihuraikan dengan ‘kata-kata.’ Tak dapat dilihat oleh ‘mata kepala.’ Ia pelik atau tidak, kita ‘wajib’ mempercayainya kerana dalam surah ‘Al Bakarah’ Allah berfirman supaya kita beriman kepada yang ghaib.

Al Quran ini tidak ada keraguan padanya. Petunjuk bagi mereka yang bertaqwa, mereka yang beriman kepada yang ghaib. Perkataan ‘ghaib’ itu maknanya ialah:

“Yang tak dapat ditangkap oleh ‘pancaindera.’ Percaya kepada yang ‘ghaib’ iaitu yang mengiktikadkan adanya sesuatu yang ‘maujud’ yang tidak dapat ditangkap oleh pancaindera. Ini kerana ada dalil-dalil yang menunjukkan kepada adanya Allah, malaikat-malaikat, hari kiamat dan sebagainya.

Tapi dalam politik orang tak percaya benda-benda yang ‘ghaib.’ Mereka mahu bukti dan kenyataan dan bila sudah ada bukti dan kenyataan ada lain lagi yang mereka pinta. Sebenarnya merekalah orang yang ‘berdolak-dalik’ dan tidak ‘taat’. Kalau ada kumpulan

tertentu yang menceritakan benda-benda yang 'ghaib', mereka cepat-cepat jadikan isu. Mereka buat 'benda' itu nampak 'kontroversial.' Ini peluang keemasan bagi mereka. Jadi mereka gunakan 'ulama' dan para 'cendekiawan' dari universiti.

Dalam hal ini kita ambil satu contoh. Contoh kita ini ialah contoh macam mana seorang pensyarah universiti yang sudah 'dimainkan' oleh orang politik. Orang yang dimaksudkan itu ialah **Profesor Madya Dr. Abdulfatah Haron Ibrahim**. Disebabkan oleh 'kena main' itu maka 'Abdulfatah' sudah melenting-lentinglah. Beginilah dia melenting.

"Manakala pengetahuan kashf adalah subjektif atau zan atau waham hanya terbatas kepada si yang mengalami sahaja. Pengetahuan kasyf atau ilham bercorak subjektif atau waham hanya dirasai sendiri tak mungkin boleh diceritakan kepada orang lain dan tak mungkin dirasai oleh sesiapa selain dari si yang mengalami itu sendiri.

Al Quran penuh berisi perintah menggunakan akal rasional yang objektif itu. Di samping tidak pula menafikan adanya ilmu kashf yang subjektif, tapi tiada perintah suruh orang ramai menggunakannya. Penekanan Quran hanya ke atas kelebihan penggunaan akal rasional itu semata-mata."

Itulah kata-kata yang dipetik dari 'kertas kerja' Abdulfatah. Kata-kata itu tidak begitu jelas dalam banyak segi. Dari segi 'fakta' ia 'kabur' dan 'samar-samar'. Dari segi 'frasa' dan 'ayat', banyak yang 'pincang'.

Scorang ahli akademik sepatutnya memberikan 'definasi' yang jelas mengenai kata-katanya. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Akal yang rasional yang objektif itu'? Dan apa pula maksud ayat 'Di samping tidak pula menafikan adanya ilmu kahsyaf yang subjektif'? Berikanlah 'definasi objektif' dan 'subjektif' itu. Apakah bendanya yang objektif dan apakah bendanya yang subjektif? Objektif itu dalam hubungan dengan apa? Apakah objektif itu berdiri sendiri? Bagaimana pula yang subjektif itu? Dalam hubungan apakah sesuatu itu boleh menjadi objektif, atau subjektif itu berdiri sendiri juga?

Kata-kata yang demikian kalaulah ditulis oleh orang-orang biasa lainlah. Ini ditulis oleh seorang **akademik**. Seorang **'Mahaguru separuh'** (Prof. Madya). Bayangkanlah bagaimana jadinya murid-muridnya, yang belajar dengan **'mahaguru separuh.'**

Sebagai seorang **'akedamik'** dia mestilah jelas apakah **'premis'** apabila dia bercakap. Dia mesti tahu dalam **'paradigma'** apa dia menulis. Jangan jadi sebarang-sebarang. Tidak boleh pakai **hentam kromo** saja.

Apa yang jelas dalam **'kertas kerja'** Abdulfatah ialah **'bid'ahnya'** terhadap Al Arqam. Dia menyebarkan fitnah. Barangkali inilah dia contoh **'ulama jumud'** yang duduk di dalam **'kokoon.'**

Inilah yang dinamakan dongeng yang bid'ah.

Saya ingin mengemukakan satu pertanyaan, siapakah guru Abdulfatah ini? Konon ceritanya dia seorang guru dalam bidang **'Usulluddin.'** Kalau macam itu pendapatnya, macam mana dia boleh menjadi guru?

Allah SWT berfirman dalam surah Al Kafirun:

Katakanlah, hai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kau sembah. Dan kau bukan penyembah Tuhan yang aku sembah.

Al Kafirun: 1—3

Kita tahu kebanyakan dari orang-orang kafir di dunia ini ialah orang yang **'berilmu'**. Tapi **'ilmu'** mereka adalah setakat **melihat, memahami dan menganalisa benda-benda yang nampak sahaja.** Maka itulah sebabnya Tuhan mengakhiri Surah Al Kafirun dengan berfirman:

Untukmu agamamu, dan untukku agamaku.

Al Kafirun: 6

Bagi orang-orang yang tidak percaya kepada yang **'ghaib'**, Tuhan-tuhan mereka berbentuk **'objektif'** sedangkan Tuhan orang Islam adalah berbentuk subjektif dan **'ghaib'**. Itulah sebabnya orang-orang kafir tidak dapat menerima hakikat ini. Para cendekiawan dan **'ulama-ulama siang hari'** juga adalah orang-orang yang **'berilmu.'** Tapi amat malangnya

kerana mereka tidak dapat mengamalkan ilmu itu. Padahal mereka beragama Islam. Dan amat malang lagi bila mereka tidak menjiwai isi Quran dan menggunakan 'ilmu' yang diperolehinya dengan cara yang tidak ikhlas, malah menjadi malang lagi kerana ia boleh memecahkan kesatuan umat Islam yang rata-rata ramai tak berilmu.

Dalam hal ini sukalah saya memetik kata-kata Imam Al Ghazali dalam Ihya Ulummudin seperti berikut:

"Sesungguhnya telah tersingkap bagi orang-orang yang mempunyai 'akal' dengan 'mata hati' iman dan Nur Al Quran. Bahawa sesungguhnya dia tidak akan sampai kepada kebahagiaan selain dengan ilmu dan ibadah. Manusia itu semuanya akan 'binasa' kecuali orang-orang yang 'berilmu'. Orang-orang yang 'berilmu' juga akan 'binasa' selain dari orang-orang yang 'mengerjakannya'. Orang-orang yang mengerjakan ilmu itu juga akan binasa selain dari orang-orang yang 'ikhlas'. Orang-orang yang 'ikhlas' itu di atasnya bahaya yang besar. Maka amal perbuatan itu tanpa 'niat' adalah satu 'kepayahan'. 'Niat' tanpa ikhlas itu satu keriyakan. Dan itu kesesuaian bagi kemunafikan dan kesamaan dengan kemaksiatan. Ikhlas tanpa kebenaran itu macam debu yang berterbangan.

Firman Allah dalam Surah Al Furqan, ayat 23 :

"Dan Kami hadapi segala amal yang mereka kerjakan, lalu Kami jadikan amal itu (bagaikan) debu-debu yang berterbangan".

Jadi sebagai seorang Profesor dalam bidang Usuluddin dan falsafah Islam apakah Dr. Abdulfatah dah baca segala isi kandungan Quran? Apakah beliau sudah mengamal dan mengerjakan segala ilmu yang terdapat di dalam kitab suci tersebut baik yang objektif mahupun yang ghaib atau mengikut istilah Abdulfatah yang subjektif? Apakah beliau ikhlas dalam menyampaikan ilmunya kepada umat Islam di dalam negara ini?

Dr. Abdulfatah seorang cendekiawan. Baguslah, tapi hari ini orang banyak 'mainkan' orang lain. Ramai orang 'makan orang'. Ini

'cannabalisme' dalam politik. Tapi dalam Quran tak ada 'cannabalism'. Yang ada ialah perintah supaya mempercayai yang 'ghaib'. Ini saya nampak. Dr. Abdulfatah tak nampakkah? Kalau Profesor belum nampak lagi, biar saya tunjukkan pada Profesor apa yang saya nampak.

"Alif laam miim."

Alif laam mim ini ialah 'Fawaati-hushshuwar' yang bererti pembukaan surah. Ia merupakan huruf-huruf *hijaaiyyah*. Dan Alif laam miim ini memanglah 'amat ghaib'. Kalau tak 'ghaib' masakan tak ada orang yang boleh menafsirkannya. *Akal yang memang tak boleh sampai. Begitu juga dengan akal yang 'subjektif.' Dia tak tertakluk kepada kaedah 'induktif' ataupun kaedah 'deduktif',* yang macam profesor katakan itu. Kalau Immanuel Kant pernah baca Quran dia tentu pening kepala. Tapi Kant bukan ahli falsafah Islam. Dia orang kafir. Dia hanya ada akal rasional. Akal yang lebih tinggi dari pada itu dia tak ada, kerana dia tidak mendapat **taufik** dan **hidayah** dari Allah. Dia cuma dapat **ilham** yang hanya menggunakan **mata kepala** dan tidak dengan **mata hati**. Sebab itulah dia tulis *Critique of Pure Reason*. 'Reason' dia hanya bertolak pada apa yang akal dia boleh terima sahaja. Kalau ada orang Islam yang tak boleh terima sesuatu yang **para normal**, itu tanda dia sudah hampir sesat. Keislamannya boleh kita pertikaikan.

Dalam Islam ada banyak perintah yang tak pakai '*pure reason*'. Misalnya dalam bacaan '**tahayyat**' sembahyang fardu kita memberikan '**salam**' kepada Nabi. Nak buat apa beri **salam** pada orang mati? Apakah profesor tak tahu ada orang yang mendengar Nabi menjawab '**salam**' yang kita berikan padanya?

Rasulullah SAW telah menyuruh kita (umat Islam) supaya memberi salam kepadanya di dalam bacaan **Tahayyat Akhir** dengan ucapan:

Sejahteralah engkau wahai seluruh Nabi, dan rahmat Allah dan berkat-Nya.

Rasulullah SAW sedar semasa baginda mengeluarkan ucapan itu bahawa satu ketika tidak dapat tidak beliau akan wafat dan beliau juga sedar betapa sembahyang dan bacaan '**tahayyat akhir**' yang di

dalamnya terkandung ucapan ‘salam kepadanya’ akan menjadi amalan jenerasi Islam sesudah baginda wafat. Bukankah menjawab ‘salam’ itu hukumnya wajib? Dan sudah tentu Rasulullah SAW menjawab salam yang diucapkan oleh umatnya walaupun sesudah baginda wafat. Jadi apakah mustahil Rasulullah SAW (yang telah menjawab ‘salam’ yang diucapkan padanya itu) dapat ditemui oleh orang-orang tertentu (orang yang hampir dengan Allah dan dengannya) sesudah baginda wafat?

Nabi SAW telah bersabda:

Apabila salah seorang dari kamu sembahyang hendaklah baca: segala kemuliaan ialah bagi Allah dan juga segala kepujian dan segala kebaikan bagi-Nya, dan moga-moga Allah kurniakan keselamatan kepadamu, HAI NABI, dan juga moga-moga Allah kurniakan belas kesihan-Nya dan berkat-Nya kepadamu.

Kalau pun profesor pernah dengar dan tahu hal serupa ini mungkin profesor tak percaya? Dan kenapa pula kita mesti mendoakan Nabi Muhammad SAW dan Nabi Ibrahim AS. Kalau kita ikut akal ‘rasional’, memanglah ini tak logik. Seorang penghulu segala nabi perlu apa dengan doa dan selawat lagi?

Logik atau tidak, itu perintah Tuhan. Kita mesti laksanakan juga. Tak payahlah kita bersusah-susah nak cari dia punya “reason”. Nak cari dia punya rasional. Kalau kita cerita tentang perintah ini pada Kant, atau George Berkeley atau Alfered N. Whitehead, Martin Buber atau Jean-Paul Satre, tentu dia tertawakan kita. Mereka akan kata orang-orang Islam ini *absurd*. Mereka ragu-ragu kerana mereka tak pernah baca Quran yang menyeru kepada yang ‘ghaib’. Kalau pun mereka baca mereka sekadar nak tahu dan menimba ilmu tapi bukan mahu jadikan *Al Quran sebagai petunjuk dan beriman kepada kitab suci kepunyaan umat Islam yang Tuhan turunkan untuk memberi rahmat kepada sekalian alam.*

“Kitab itu (Al Quran) tidak ada keraguan padanya, menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa, iaitu orang-orang yang beriman (percaya) kepada yang ghaib, mendirikan sembahyang dan menafkahkan sebahagian rezeki

yang kami berikan kepada mereka.”

Al Baqarah: 2 - 3

Ayat yang saya petik itu semua orang Islam tahu. Kalau kita tak percaya kepada yang **ghaib**, kita bukanlah orang-orang yang bertaqwa. Orang yang *'tak bertaqwa'* tapi memahami segala usul-usul Islam selalunya boleh menyesatkan orang lain. **'Ilmu'** dia tak boleh digunakan untuk membuat orang lain mempunyai **'taqwa'**. Tapi kalau untuk setakat menulis tentang ajaran-ajaran sesat, bolehlah dia buat. Ini bukanlah pelik sangat sebab dia pun dah hampir-hampir nak sesat.

Inilah masaalahnya bila orang banyak ilmu agama tapi tak mahu menggunakan tarikat dan makrifat. Dia duduk dalam kegelapan, walaupun di sekelilingnya tersimbah cahaya yang terang benderang. **'Ambiguity'** yang macam ini berlaku sebab para ulama yang makan gaji kebanyakannya memeriksa apa yang ada di bumi sahaja. Mereka tak mahu memeriksa apa yang ada di langit. Sebab yang ada di langit itu tidak boleh buat duit. Pada hal ada ayat yang memerintahkan supaya kita memeriksa apa yang ada di bumi dan di langit. Bila ada orang-orang yang menulis buku macam mana hendak periksa benda-benda di langit, mereka cepat-cepat buat **'dongeng bid'ah'**. Mereka katakan Al Quran tidak menckankan ilmu-ilmu yang macam itu. Kata mereka kalau adapun perkara-perkara yang macam itu yang disebut oleh Al Quran ia adalah ayat-ayat yang berbentuk cerita (*khabariyyah*) dan bukan perintah (*insyaiyyah*).

“Kasyaf Ghaib dalam Quran hanyalah terbatas kepada peristiwa yang boleh dibuktikan secara fizikal oleh orang lain selepas berlakunya itu. Seperti kisah Nabi Yaakob, ibu Musa dengan Khidir.”

Dalam kata-kata lain peristiwa-peristiwa yang dimaksudkan oleh Abdulfatah ini adalah peristiwa-peristiwa yang bertolak pada *'pure reason'*. Misalnya, **'UMNO parti haram'**. Mengapa dia haram? Dia haram sebab ada cawangan-cawangannya yang tidak didaftarkan. Ia ada sebab dan ada kesan. Kata *orang sastera* ada **'cause and effect'**.

Sepertilah **kemalangan** dan **mati** adalah dua benda yang berbeza sama sekali. *Ramai orang* yang menemui **kemalangan** tapi tak mati,

sama seperti ramai yang mati tanpa kemalangan. *Mati ditakdirkan oleh Allah* sedangkan kemalangan sekadar sebab yang dapat kita lihat saja dan dapat kita berikan sebab-sebab kenapa terjadinya kematian. Sebab itu mereka yang tidak percaya kepada kekuasaan yang 'ghaib' menyalahkan sebab dan terus mencari sebab tanpa memikirkan itu kehendak penciptanya iaitu menghidupkan dan mematikan.

Dalam politik memanglah ada 'cause and effect'. Macam juga dalam benda-benda lain dalam hidup kita. Tapi dalam agama ada benda-benda yang tak boleh bertolak pada 'akal rasional' sahaja. Ataupun pada 'pure reason'. Ataupun pada 'cause and effect'. Dalam Islam banyak benda-benda yang ada 'effect' tapi tak ada 'cause'. Ibarat kata Conon Doyle, pengarang cerita Sherlock Holmes, "We have been compelled to reason backward from effects to causes."

Siapakah yang boleh membuktikan tentang peristiwa Isra' dan Mikraj ataupun malam Lailatulqadar. Peristiwa-peristiwa ini memang tak ada 'cause' tapi ada 'effect'. Kesannya kepada ummat Islam amat besar. Maka itulah sebabnya Tuhan berfirman dalam Surah Yunus ayat 101.

"Periksakah olehmu apa-apa yang ada di langit dan di bumi..."

Yunus 101

Ini ayat insyaiyyah bukan khabariyyah. "Periksalah.." adalah perkataan yang 'imperative' yang menyeru dan bukan 'indicative' ataupun yang menerangkan.

Tapi perintah-perintah yang macam ini hanya difahami oleh orang-orang tasawuf, orang sufi sahaja. Mereka memeriksanya bukan dengan 'akal' yang rasional yang fizikal tapi dengan akal subjektif yang metafizikal. Sebab itu mereka berzikir pada waktu malam. Mereka boleh 'nampak' dan alami benda-benda yang ulamak siang hari tak boleh nampak. Firman Tuhan:

'Demi malam tatkala telah sunyi, Tuhanmu tiada meninggalkan kamu dan tiada pula membenci akan kamu'

Adh Dhuha: 2—3

'Ulama-ulama siang hari' tak boleh buat macam apa yang dibuat oleh ulama-ulama sufi dan tasawuf. Ini kerana pada sebelah siang mereka kerja makan gaji, tidak mengikut sunnah rasul. Nabi bersabda, *Jadikanlah 90 peratus pendapat kamu dari perniagaan*. Orang berniaga menyerahkan hidup mereka pada Tuhan, bukan macam 'ulama' yang 'makan gaji', serah hidup pada 'tuan' dan pada kerajaan. Entah dari mana datangnya wang yang membayar gajinya? Mereka tak berani bertanya, *telan saja. Tak wajib usul, kata dia*. Tapi banyak benda-benda lain yang dia usul. Bukan sebab apa, tapi kerana kena suruh.

'Ulama siang hari' bila habis kerja ada yang pergi berjumpa teman-teman politik. Perjumpaan yang macam biasa berlarutan hingga ke waktu malam. Sebelum tidur mereka berzikir juga. Namun apakah sama zikir mereka dengan zikir ulama sufi? Ulama siang hari ada yang perangai macam kucing senak, bergaduh sama sendiri kerana ada kawan yang 'nikahkan' pasangan yang menjadi pelanggan mereka. Ada yang waktu kerja mereka akan memikirkan tentang bagaimana hendak melobi orang-orang politik supaya senang naik pangkat. Yang baru jadi pensyarah, teringin nak jadi Prof. Madya. Yang dah jadi Prof Madya teringin nak jadi Profesor. Bila dah jadi Profesor timbullah pula keinginan nak jadi Timbalan Naib Canselor dan mungkin selepas itu nanti Canselor atau Menteri Agama atau Ketua Pengarah Pusat Islam. Dan macam-macam lagi. Yang nak kahwin dua tapi takut kat bini pun ada. Ada pula yang hebat lagi angan-angannya, mahu jadi Perdana Menteri. Itulah jalan yang pa-ling mudah caranya; tentang Ustaz Ashaari dan Al Arqam habis-habisan.

Naik pangkat bererti naik gaji. Naik gaji bererti duit semakin banyak. Bila duit dah banyak beli saham itu dan ini labur sana dan sini. Kadang-kadang pula terlupa nak bayar zakat. Padahal ibadat sembahyang dan zakat tidak dapat dipisahkan, macam aur dengan tebing. Maka akhirnya mereka meninggalkan saudara-saudara mereka jauh ke belakang. Mereka mahu hidup sendiri-sendiri saja. Orang lain biar mati. Kalau tak mati, *racun fikiran orang* ramai suruh 'matikan' musuh mereka. Ada ke patut orang yang berjihad di jalan Allah dijadikan musuh? Apa punya ulama?

Itu memanglah kerja ulama siang. Ulama malam tak buat kerja

macam itu. Mereka tak ada cita-cita nak **'naik pangkat'** atau nak dapat **'gaji besar'**. Mereka beramal semata-mata untuk Allah. Duit mereka dapat dari hasil perniagaan mereka sedekahkan kepada anak-anak yatim dan fakir miskin. Itulah sebabnya dulu bila Al-Arqam mahu mengambil alih pengendalian anak-anak yatim dari Pusat Islam dengan niat yang jujur dan ikhlas kerana Al Arqam percaya mereka dapat buat kerja itu dengan lebih dedikasi dan penuh minat daripada Pusat Islam, maka **ulama siang hari** pun suruh akhbar menulis tentang kumpulan itu mahu mengambil alih seluruh **Pusat Islam** supaya kumpulan itu nampak macam tak betul.

Inilah akibatnya bila ulama-ulama yang makan gaji ini ada **cita-cita politik**. Mereka sanggup membuat **bid'ah** dan ulama-ulama lain diseluruh negara pun terjerit terlolong burukkan Ashaari dan Al Arqam. Macam orang serpihan burukkan Dr. Mahathir dan UMNO. Apa saja Mahathir dan UMNO buat tak betul.

Tapi bid'ah biasa oleh Ku Li, Musa dan orang-orang Semangat 46 lemparkan terhadap Dr. Mahathir, itu tak mengapa **sebab tak boleh memesongkan akidah**. Cuma mereka tak mahu percaya kekuasaan Tuhan boleh beri kerusi pada siapa yang Tuhan suka. Itu perkara biasa dalam politik. Tapi antara **'ulama'** dengan **'ulama'** memanglah tak patut ada **politik**, ada **syak wasangka** dan ada **'cannabalism'** kerana mereka orang yang **berilmu**.

Adalah tak patut bagi ulama makan gaji membid'ahkan apa yang diceritakan oleh ulama yang mengikut sunnah Rasulullah. Dalam hal ini inginlah saya petik lagi tulisan dalam kertas kerja yang betul-betul mahu mengerjakan buku **AURAD MUHAMMADIAH** dan kumpulan Darul Arqam. Dalam bahagian kecil yang bertajuk **'Satu Kesesatan'**, Profesor Madya Abdulfatah menulis:

"Saya berpendapat jika benar Syeikh Suhaimi sendiri mengaku bertemu dengan Rasulullah waktu dalam Kaabah me-nerima Auradnya, maka itu adalah pengalaman peribadi yang subjektif. Tiap-tiap ilmu yang bercorak subjektif maka orang lain tak boleh menyertainya. Tak boleh menyatakan benar dan tak menyatakan salah. Tinggalkan begitu sahaja.

Dakwaan kononnya Syeikh Suhaimi berjumpa dengan Ra-

sulullah dalam keadaan jaga dalam Kaabah menerima Aurad Muhammadiyah.

Kisah-kisah seperti ini terdapat juga di kalangan pengasas-pengasas tarekat yang lain.

Umpamanya Sidi Ahmad pengasas tarekat Ahmadiyah juga mendakwa bahawa Rasulullah sendiri mengijazahkan wirid tarikatnya dalam keadaan jaga bukan mimpi. Sedangkan jarak masa hidup Rasulullah dengan Syeikh Suhaimi, atau Sidi Ahmad adalah ratusan malah ribuan tahun."

Perkara yang semacam ini kita tak boleh pelik. Kita tak boleh hairan, tak boleh waswas, tak boleh ragu-ragu, tak payah nak minta tunjuk bukti, tak payah nak susah-susah minta pensyarah Usuluddin menghuraikannya. Tapi kalau ada juga orang yang mahu merasa pelik, ataupun hairan, ataupun ragu-ragu, maka beratlah ceritanya. Ceritanya berat sebab, dosa yang akan dipikul oleh orang itu juga cukup berat. Kata pepatah, *berapa berat bid'ah yang dilakukan, beratlah lagi dosa yang terpaksa dipikul.* Ini sebab orang-orang yang seperti ini, mereka meragui kekuasaan Allah SWT.

Tidakkah mereka tahu bahawa Tuhan memberikan **kemenangan, kemuliaan, kelebihan**, bahkan hatta **kekeramatan** sekalipun kepada sesiapa sahaja yang disukai-Nya? Dia sahaja yang **Maha Mengetahui**. Tuan Syeikh Suhaimi nak bertemu Rasulullah dalam keadaan jaga. Itu rezeki dia, tuah dia, **kekeramatan dia** dan **nikmat** yang diperolehinya dari Allah SWT. Segala-galanya berpunca dari Allah SWT. Yang **para cendekiawan, ulamak dan ahli-ahli politik tertentu** jadi resah gelisah ni, kenapa?

Cuba tanya pada diri sendiri, **ukur akal, kebijaksanaan dan ilmu** yang ada pada diri dulu sebelum hendak mempersoalkan hak-hak dan pemberian Tuhan kepada hamba-Nya.

Lagi pun apa yang dihairankan jika Syeikh Suhaimi dapat bertemu Rasulullah SAW secara jaga? Bukankah ada ayat Quran yang menyatakan:

Dan janganlah kamu mengatakan terhadap orang yang gugur di jalan Allah itu mati; bahkan mereka itu hidup,

tetapi kamu tidak menyedarinya”

Al Baqarah: 154

Nabi Muhammad pun pernah bersabda:

Adalah nabi-nabi itu hidup di dalam kubur mereka dan sembahyang mereka itu.

Riwayat Imam Baihaqi dari Anas bin Malik

Begitu juga Rasulullah SAW pernah mengajar para sahabat supaya berkata begini:

Salam atasmu hai penduduk kampung Mukminin dan Muslimin dan kita Insya-Allah akan mengikuti kamu. Kami memohon aflatun untuk kami dan kamu.

Riwayat Muslim

Perkataan itu diajar oleh Rasulullah kepada sahabat-sahabatnya supaya diucap ketika menziarahi kubur.

Bahkan perkara pertemuan para aulia dengan Rasulullah SAW secara jaga adalah lumrah dalam riwayat hidup para ulama sufi. Sayidi Abdul Wahab As Syaarani berkata:

Hukum-hukum yang mereka (iaitu imam Mujtahid yang empat) keluarkan adalah bersumber Al Quran, Sunnah (Hadis), perkataan sahabat, Imam Mujtahid dan kasyaf. Kasyaf itu bertemu langsung dengan roh Rasulullah SAW dan bertanya: Wahai Rasulullah, adakah ini (Quran dan hadis) dari engkau atau tidak?”

Syeikh Adul Hasan As Shazali berkata:

“Jikalau terlindung dari kami melihat Rasulullah SAW dengan sekelip mata sahaja bukanlah kami dianggap dari orang Islam.”

Apakah kita lupa kisah Isra' Mikraj, yang meriwayatkan Rasulullah SAW juga telah bertemu para Nabi di tiap-tiap langit yang dilaluinya? Begitu juga telah masyhur ditulis dalam kitab berzanji yang dibaca oleh kebanyakan umat Islam di Malaysia bila tibanya Hari Maulud

Nabi begini:

Adalah rohaniah Siti Mariam dan rohaniah Asiah hadir keduanya pada malam diperanakkan Nabi Muhammad seolah-olah menjadi bidan menanti kelahiran Nabi Muhammad SAW.

Bukankah Siti Mariam (ibu Nabi Isa) dan Siti Asiah (isteri Firaun) telah lama meninggal dunia sebelum kelahiran Nabi Muhammad? Mengapa mereka boleh hadir ketika Nabi Muhamad dilahirkan? Inilah antara perkara-perkara 'ghaib' yang tidak mampu dicapai oleh kekuatan akal fikiran dan pandangan 'mata kepala' sahaja!

Itu satu pasal. Ada satu pasal lagi yang saya nak cakap ialah tulisan profesor yang tak 'consistence' dalam mengemukakan hujah. Profesor bukan lepasan dari sekolah pondok. Profesor ada Ph.D. Jadi tak patutlah profesor tulis macam itu.

Mula-mula profesor kata kalau Syeikh Suhaimi benar-benar menerima Aurad Muhammadiyah dalam keadaan jaga, itu adalah pengalaman peribadi.

Tengoklah profesor ini, dia tak tolak 'pertemuan' itu bulat-bulat. Dia *play safe*. Dia kata tak boleh menyatakan 'benar' dan tak mengatakan 'salah'. Tinggalkan begitu sahaja.

Bila 'tinggal begitu saja' jadilah apa-apa yang terjadi hari ini. Nak beritahu yang benar takut kena marah. Bila kena marah nanti kena turun pangkat atau turun gaji. Jadi duduklah diam-diam. Jangan buat apa-apa. Ulama apakah ini?

Untuk *play safe* lagi dia buat ayat-ayat yang tak lengkap. Ayat-ayat yang tak boleh berdiri dengan sendirinya. Kalau mengikut orang-orang sufi, ayat-ayat yang jenis-jenis begini adalah ayat-ayat yang 'ghaib.' Ayat dia berbunyi:

Dakwaan kononnya Syeikh Suhaimi berjumpa dengan Rasulullah dalam keadaan jaga dalam Kaabah menerima Aurad Muhammadiyah.

Alih-alih ayat itu terputus macam itu sahaja.

Ini satu lagi 'inconsistency'. Satu 'ambiguity'. Malah satu para-

doks. Bukan sahaja '*absurd*' malah '*contradictory*' sifatnya. Dr. Abdulfatah mendakwa bahawa sesuatu itu mestilah dilihat dari '*akal*' yang objektif. Tapi macam mana pula dia boleh menulis sesuatu yang subjektif, dan yang tergantung? Ini pelik.

Kita ambil satu contoh lagi. Contoh kali ini bukan dari kertas kerja yang dia bagi pada Utusan Malaysia. Kita ambil dari buku dia yang bertajuk '*Ajaran Sesat*'. Di akhir '*Pendahuluan*' buku tersebut dia menulis: 'Jika buku ini dapat membawa kebaikan kepada orang Islam, maka ini adalah fadl dan talqin dari Allah Subhanahu Wataala.'

Tapi jika tidak, macam mana?

Kata Dr. Abdulfatah lagi dalam kertas kerjanya: "Tiap-tiap ilmu yang bercorak subjektif maka orang lain tak boleh menyertainya."

Ayat ini sengaja *dirasakan* sedemikian rupa supaya ia membawa implikasi yang Ustaz Ashaari turut bersama Syeikh Suhaimi ketika bertemu Rasulullah.

Bila pula Ustaz Ashaari cakap macam tu? Tulisan Dr. Abdulfatah nampaknya sengaja nak '*menyesatkan pembaca*'. Patutlah dia boleh tulis buku '*Ajaran Sesat*'. Kata peribahasa Inggeris, *It takes a thief to catch a thief*.

Inilah akibatnya bila berguru tak habis. Bila dah keluar universiti, tak mahu baca buku banyak-banyak. Kalau baca pun pasal ajaran-ajaran sesat saja. Seseekali cuba baca falsafah Einstein dan Lonrentz.

Menyentuh pasal penggunaan rangkaian kata '*ribuan tahun*' dalam tulisan profesor bagi menerangkan jarak masa Syeikh Suhaimi dengan Rasulullah, benda macam ini kenalah saya cakap sikit dengan profesor. Menurut anak saya yang belajar matematik dalam darjah empat, katanya rangkaian kata '*ribuan tahun*' bermaksud banyak ribu tahun. Bukan setakat satu atau dua ribu tahun. Kalau profesor tak pandai kira, mari saya tolong profesor kirakan. Nabi baru wafat selama lebih kurang 1400 tahun. Tak pun sampai dua ribu tahun. Jadi macam mana profesor kata ribuan tahun? Ini objektifkah atau subjektif namanya.

Terlanjur kita dah cakap pasal matematik ini ada baik juga kita cakap sikit pasal teori **Albert Einstein**. Maklumlah orang **Usuludin** macam **profesor** mungkin tak main teori-teori yang macam ini.

Kata **Albert Einstein** **space-time** ataupun masa dan tempat bukanlah nilai-nilai yang mutlak. Jadi jarak masa (ribuan tahun, mengikut kiraan profesor) di antara **Syeikh Suhaimi** dengan **Rasulullah** bukanlah sesuatu yang 'mutlak' tapi hanya **relatif** di antara Tuhan dengan manusia. Dalam hal ini mana yang **objektif** dan mana yang **subjektif**?

Di dalam **syariat** tidaklah salah jika kita berdoa untuk bertemu **Rasulullah SAW** secara jaga. Dan terpulanglah kepada Allah untuk memperkenannya. Tapi Allah ada berfirman: **Berdoalah nescaya Aku perkenankan**. Jika kita layak, nescaya **Rasulullah** ingin menemui kita. Maka apa mustahilnya lagi jika Allah telah perkenankan dan **Rasulullah** pun telah ingin menemui kita? Cuma yang menjadi masalahnya hanya sedikit orang yang layak. Ramai yang tak layak. Jadi yang tak layak itulah yang mengatakan perkara ini mustahil, bidaah dan sesat. Pepatah Arab ada mengatakan: **Orang Jahil memusuhi apa yang tidak diketahuinya**. Jadi bila ilmu-ilmu hakikat, makrifat yang berkaitan dengan pengalaman-pengalaman kerohanian yang tidak diketahui apa lagi dialami dan dirasai sendiri oleh penentang-penentangannya, maka dengan mudah mereka menuduh yang bukan-bukan.

Perhatikan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam **Bukhari** ini:

Barang siapa melihatku di dalam mimpi maka ia akan melihatku dalam keadaan jaga. Dan syaitan tidak boleh merupa dengan rupaku.

Apa tafsiran ulama-ulama sufi tentang hadis ini? Mereka berkata, barang siapa yang bermimpi berjumpa **Rasulullah** maka ia akan berjumpa **Rasulullah** di dunia lagi (maksudnya semasa hidup secara jaga). Antara ulama-ulama sufi yang telah bertemu **Rasulullah** secara jaga ialah **Asy Syeikh Al Barrowi**, **Siyidil Ibrahim Al Matbuli** dan lain-lain lagi. Dan tidak mustahil **Syeikh Suhaimi** seorang daripadanya. Allah berfirman dalam **Al Quran**,

Sesungguhnya Kami berkuasa menghidupkan yang mati dan mematikan yang hidup.

Ayat ini juga suatu yang **relatif**. Bagi orang tarikat sufi, mereka boleh memahami kedua-duanya sekali. Bagi orang biasa dia melihat dari satu sudut sahaja, iaitu **mematikan yang hidup?**

Tuhan juga menyuruh hamba-hamba-Nya berdoa. Kita boleh berdoa tidak kira bila-bila masapun. Semua orang tentu pernah berdoa walaupun sekali dalam hidupnya. Ada orang yang berdoa supaya Tuhan memelihara nikmat yang diterimanya. Ada orang yang berdoa supaya **bussiness** dia maju. Tidak kurang juga orang yang berdoa supaya cepat naik pangkat, jadi menteri atau sebagainya.

Orang-orang tarikat **sufi** pun berdoa juga macam orang lain. Bezanya doa **orang sufi** tak sama dengan orang yang masih lagi ada kepentingan pada hal-hal keduniaan. Doa **orang sufi** adalah doa yang berkaitan dengan yang '**ghaib-ghaib**' yang tak ada kena mengena dengan kepentingan duniawi. Mungkin itulah sebabnya bila Syeikh Suhaimi berdoa, barangkali dimalam Lailatul qadar maka Tuhan pun lalu menghidupkan kembali Rasulullah untuk seketika bagi membolehkan Syeikh Suhaimi bertemu baginda. Ini memanglah '**ghaib**' tapi tak mustahil. **Mustahilkah Tuhan menghidup yang telah mati?**

Kalau ada orang mengatakan **mustahil**, orang itu sudah tak percaya lagi pada kuasa Allah SWT. Orang macam itu bolehlah kita katakan dia dah '**sesat**'. Bukankah Allah itu berkuasa dengan hanya berkata **Kun faya kun?** Jadilah! Maka terjadilah ia.

Lagipun Syeikh Suhaimi jumpa Rasulullah di Kaabah, yang terletak di tanah haram, Makkatul Mukarrammah. Semua orang tahu Rasulullah lahir di Mekah dan makam Rasulullah letaknya di Madinah. Dan semua orang tahu Madinah bukan jauh sangat dengan Mekah.

Pertemuan itu bukan berlaku di **Batu Cave**, di **Gunung Ledang** atau di atas **Gunung Jerai** atau dekat kolam bekas lombong bijih di **Bangi**.

Ini adalah nikmat-nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada **orang-orang sufi** yang sentiasa berzikir di malam hari. Banyak lagi

nikmat yang semacam ini kita tak tahu dan tidak akan mengetahuinya.

Hai jin dan manusia, jika kamu sanggup menebusi (melintasi) langit dan bumi, maka lantasilah, kamu tidak dapat menembusnya kecuali dengan kekuatan. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?

Ar Rahmam: 34 - 35

Semoga **profesor** dapat terangkan makna firman yang di atas untuk orang ramai faham, bahawa mereka yang beriman pada yang 'ghaib' saja yang akan mendapat nikmat tentang kekuasaan Allah yang berada di langit dan di bumi. Insafilah bahawa tidak ada manusia yang 'berilmu' melainkan Allah, semoga **profesor** tidak menidakkan 'ilmu' dan nikmat Allah yang telah diberikan pada hambanya. Sekiranya **Profesor Abdulfatah** berasa dia jauh lebih 'berilmu' dan lebih pandai pada Ustaz Ashaari atau Syeikh Suhaimi dan beliau tidak mahu mengikut perjalanan Al Quran itu tak mengapa. Ego Abdulfatah adalah haknya biarpun Allah tidak suka pada mereka yang ego, riak dan sombong. Tapi janganlah sampai menggoda supaya orang lain jangan jadi pengikut Al Arqam yang banyak mendidik umat Islam ke jalan yang diajarkan oleh Al Quran dan Sunnah.

Satu perkara lagi yang patut diselesaikan kalau rajin sangat nak menulis buku. Tapi tak reti menulis buku terjemahkan saja kitab-kitab agama Islam. Ini perkara yang berfaedah untuk umat Islam. Anwar Ibrahim telah meminta supaya kitab-kitab besar diterjemahkan. Banyak kitab-kitab yang perlu diterjemahkan seperti kitab-kitab oleh **Syah Waliyullah al Dahlawi**. Itu semua patut terjemahkan. Janganlah masuk ke dalam dunia yang kita tak tahu. Nanti kalau tersilap, budak-budak kata, awak ini **profesor kucing senak**. Bila dikatakan **kucing senak** kita nak marah. Tapi nak marah pun tak boleh sebab kita memang buat perangai **kucing senak**. Apa tidaknya? Kita telah berlagak tahu dengan benda-benda yang kita tidak tahu. Istilah **kucing senak** ini saya pinjam dari Yusuf Harun.

Janganlah jadi **ulama siang** atau **ulama kertas**. Pergi belajar dapat ijazah, maka orang pun panggil ulamak. Orang panggil 'ulama' sebab dia ada ijazah, bukan sebab **ketampilannya** dalam bidang ilmunya atau kepandaiannya dalam bidang ilmunya. Kalau betul-betul nak jadi 'ulama', jadilah ulama yang dianugerahi oleh Allah. Ulama yang boleh dipercayai sebagai pewaris Nabi.

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Tiga pertubuhan Islam tempatan memandang berat perkembangan-perkembangan terakhir yang memaksa semakin ramai pelarian Islam Myanmar melarikan diri ke sempadan Bangladesh.

Pertubuhan-pertubuhan itu juga melahirkan rasa bimbang dengan pendudukan dan kesukaran mendapatkan bekalan makanan di kem-kem pelarian di sempadan tersebut.

Serentak dengan itu, pertubuhan-pertubuhan berkenaan mendesak Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya mengadakan sidang khas bagi mengenalpasti masalah-masalah yang timbul di Myanmar ekoran daripada perkembangan yang semakin genting.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang marah dengan sikap Rejim Tentera Myanmar yang tidak menghiraukan rayuan-rayuan dari-

UM 21/2/92

pada masyarakat antarabangsa supaya menjamin hak-hak kemanusiaan rakyat Islam Rohingya di negara itu.


Presidenya, Dr. Mohd. Nor Manuty menegaskan, rejim tersebut harus menghormati rayuan masyarakat antarabangsa bagi mendaftarkan hak asasi kaum minoriti Islam di Myanmar yang dilaporkan menghadapi berbagai-bagai tekanan.

Beliau mengesyorkan supaya Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bersidang segera bagi mencari penyelesaian kepada masalah yang timbul di Myanmar.

Dr. Mohd. Nor yang dihubungi di Alur Setar hari ini berkata, sebarang keputusan yang dicapai dalam sidang itu mesti dipatuhi oleh Myanmar yang juga anggota PBB.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas nasib lebih 20,000 pelarian Islam Myanmar (Rohingya) di empat kem utama di Daerah Cox Bazar di sempadan Bangladesh-Myanmar yang dikatakan terputus bekalan makanan sejak

LIHAT MUKA 2



Sejarah telah membuktikan Allahyarham Tan Sri Haji Hassan Yunus seorang ulama dari Al-Azhar yang pernah menjadi Menteri Besar Johor dulu gugur dari kerusinya akibat merobohkan rumah-rumah setinggan di Kampung Osman Saat, Johor Bahru. Ramai yang tahu bahawa Institut ini kepunyaan atau milik PAS telah melahirkan dan sedang melatih ramai kader-kader PAS tetapi tindakan kejam dan ganas serta zalim seperti ini akan menambahkan lagi kekuatan PAS di Terengganu. Siapakah penasihat Wan Mokhtar dalam urusan macam ini? Kita tidak boleh padamkan api dengan menggunakan api melainkan kita menggunakan air. Tindakan ganas dan kasar seperti ini merosakkan nama baik ulama kelulusan dari Al-Azhar. Jangan kerana seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit. Ramai yang menyedari ada motif politik orang dalaman yang mahu membunuh dua ekor burung dengan satu batu. Mereka mahu Wan Mokhtar dan Bakar Daud gugur serentak. Maka mudahlah pencatur politik gantikan Menteri Besar yang baru.

Petugas robohkan Inst. Berakan hina al-Quran

RAMAI berpendapat pihak yang merobohkan bangunan Institut Berakan baru-baru ini menghina al-Quran kerana kitab-kitab suci itu dijumpai bersepeh berhampiran dengan kandang kambing dan lembu Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) di Kawasan Perindustrian Chendering di sini.

Beberapa orang penduduk Kampung Chendering, kakitangan sekolah dan para pelajar Institut tersebut ketika ditemui *Harakah* berkata, tindakan itu merendah-rendahkan maruah umat Islam. "Kalau ya pun nak robohkan bangunan sekolah agama seperti itu periksa dulu apa yang ada dalam bangunan itu dan selamatkan dulu bahan-bahan seperti al-Quran supaya tindakan seolah-olah menghina Islam tidak berlaku," jelas Encik Ishak Ismail, 43, seorang penduduk Kampung Rambai Pandak Chendering dekat sini.

Encik Musa Mohd, 48 penduduk di kampung yang sama merasa kecewa dengan tindakan tersebut kerana hak kehormatan orang Islam diketepikan.

Berhubung dengan laporan akhbar yang mendakwa komputer dan beberapa peralatan sekolah lain sempat diselamatkan beliau berkata, setiap agensi kerajaan yang mempunyai sifat tanggungjawab keislaman perlu memahami bahawa al-Quran lebih mustahak diselamatkan dari yang lain.

Serentak dengan itu, Haji Razali Mat Yunus seorang guru di sini mempertikaikan sikap pihak berkenaan yang lebih mengutamakan perintah politik pemimpin tertentu dari menjaga maruah mereka sendiri sebagai orang Islam.

"Saya tidak menafikan menyelamatkan peralatan sekolah itu adalah hak pihak yang berkenaan tetapi

menyelamatkan al-Quran adalah tanggungjawab setiap individu yang mengaku Islam termasuk petugas dalam tragedi tersebut," tegas beliau.

Cik Salmiah Nini, 20, seorang pelajar Institut Berakan yang berasal dari Sabah berpendapat kerajaan hari ini perlu memberi contoh pelaksanaan slogan masyarakat penyayang di samping menjelaskan sikapnya sebagai institut yang menjaga syiar Islam.

Dengan tindakan sebegini katanya, bukan sahaja slogan masyarakat penyayang hanya calap kosong sahaja tetapi kerajaan gagal memperkukuhkan dirinya sebagai institut tersebut, apa lagi mahu menegakkan hukum Allah.


Harakah baru-baru ini meninjau di kawasan pembuangan bahan-bahan bangunan serta peralatan sekolah swasta tersebut dan sempat

mengambil gambar nashkah-nashkah al-Quran yang ada di situ dan tertanam di dalam tanah.

Keanyakan nashkah-nashkah tersebut dibawa pulang oleh kakitangan institut itu ke pejabat sementara sekolah itu di Jalan Sultan Omar di sini.

Menurut Encik Mohd Shah Aemawi, 23, seorang kakitangan sekolah tersebut, satu airmat al-Quran kepunyaan sekolah tersebut dilanyak begitu sahaja oleh pihak yang bertugas merobohkan bangunan sekolah swasta itu pada 19 November lalu.


Agensi kerajaan Terengganu yang terlibat dalam peristiwa itu ialah Pejabat Daerah Kuala Terengganu, MPKT, dengan kerjasama polis, Jabatan Kerjasama (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TEN), Telekom Malaysia Berhad dan lain-lain.



Kitab-kitab jawi dan buku-buku pelajaran agama bersepah-sepah di kawasan bekas tapak Inst. Berakan.



Taburan cebisan kitab suci al-Quran yang dibuang di kandang kambing dan kandang lembu oleh pekerja-pekerja yang terlibat merobohkan Institut Berakan.



Kemana perginya penasihat politik Menteri Besar? Kemana perginya Setiausaha Perhubungan UMNO negeri? Apakah mereka terlupa bahawa dulu BN kalah tiga kerusi, pilihanraya umum BN kalah 10 kerusi? Sepatutnya seorang Setiausaha perhubungan UMNO Negeri mesti sentiasa berada didalam negeri dan memikirkan bahaya disetiap kawasan pilihanraya dan bagaimana nak menyelamatkan parti.



Yang Berhormat Mulia Tengku Mahmud disebut-sebut di Terengganu sebagai bakal Menteri Besar. Ramai yang menganggapnya sebagai penasihat dan Godfather UMNO Terengganu. Tokoh kontroversi ini dikenali sebagai taukeh subsidi beruk. Tahun ini adalah tahun monyet. Ada apa-apa 'monkey business' di Terengganu ke?

TANDA AWAL ROBOHNYA BN TERENGGANU

TIDAK BERAPA LAMA dulu, kerajaan Pulau Pinang telah memberikan bangunan lama Dewan Bandarannya untuk cawangan Kolej Damansara Utama. Kerajaan Selangor dan Johor pula memberi tanah untuk Kolej Sunway. Kerajaan Negeri Sembilan turut memberi tanah dan peruntukan lain untuk Kolej TAF. Kerajaan Pusat pula akan meluluskan peruntukan berjuta-juta untuk Kolej TAR.

Malangnya kerajaan negeri Terengganu, melalui Majlis Perbandaran Kuala Terengganu pula telah merobohkan Institut Berakan.

Kalau negeri-negeri lain memberi bantuan yang begitu lumayan kepada kolej-kolej swasta yang sudah kaya, kenapa Terengganu merobohkan sekolah tempat kira-kira 1,000 orang murid-murid Melayu kampung belajar?

Apakah ini disebabkan mereka orang kampung bukannya orang bandar? Atau kerana mereka miskin bukan orang kaya?

Benar, di Institut Berakan murid-muridnya terdiri dari keluarga Melayu yang miskin. Maka mereka tidak mampu membayar beribu-ribu ringgit setahun sepertimana di Kolej Damansara Utama, sunway atau TAR.

Oleh kerana pihak Institut Berakan hanya menerima yuran yang amat rendah daripada pelajar-pelajarnya maka mereka tidak mampu membeli tanah yang mahal dan mendirikan bangunan yang besar indah. Yang mampu mereka lakukan hanyalah menyewa sebuah rumah besar dipinggir bukit di Jalan Sultan Omar. Itupun ketika mereka mula menyewa tempat itu kira-kira 15 tahun lalu, tiada siapa yang berani menghampiri rumah itu kerana dikatakan rumah berhantu.

Di rumah berhantu inilah guru-guru Institut Berakan dengan gigihnya mendidik pelajar-pelajar yang tercicir dari sistem pendidikan kerajaan. Yuran yang dikenakan amat rendah. Ketika itu, untuk SRP sekitar \$15 sebulan, SPM \$20 sebulan dan STP \$30 sebulan. Guru-guru yang berkelulusan Universiti hanya menerima gaji sekitar \$400 sahaja sebulan. Walaupun mereka terpaksa

mengajar 30 hingga 40 masa (period) seminggu. Tetapi berkat kegigihan mereka, Institut Berakan mencatatkan keputusan peperiksaan antara yang terbaik di seluruh negeri Terengganu. Malah ianya lebih cemerlang berbanding kebanyakan sekolah kerajaan yang serba lengkap dan mewah. Kecemerlangan ini terus meningkat dari tahu ke tahun.

Kepercayaan ibu bapa terhadap kemampuan Institut Berakan meningkat, maka bilangan murid bertambah. Mereka bukan sekadar didakwa, bahkan ramai orang-orang UMNO turut menghantar anak-anak mereka ke situ. Kerana orang UMNO pun mahukan anak mereka berjaya. Mereka juga berkata apa guna hantar anak mereka ke sekolah kerajaan ataupun sekolah swasta lain yang lebih mahal dan mewah, kalau keputusannya tidak baik? Lebih baik hantar kepada yang murah tetapi baik. Ini adalah hukum permintaan dan penawaran yang tidak boleh diketepikan.

Bagi memenuhi permintaan dan rayuan orang kampung supaya Institut Berakan memberi peluang kepada anak-anak mereka belajar di situ, maka beberapa tambahan terpaksa dibuat. Bukan kerana mereka saja-saja nak lawan pemerintah, tetapi kerana tidak ada pilihan lain. Lagi pula pihak berkuasa ketika itu membekalkan bekalan elektrik dan air kepada Institut Berakan. Bukti yang mereka mengiktirafkannya.

Ya benar, mereka mendirikan bangunan di atas tanah kerajaan! Tetapi berapa banyak lagi bangunan-bangunan lain yang dirikan atas tanah kerajaan di seluruh negara tidak dirobuhkan. Kalau kerajaan hendak robohkannya untuk apa? Untuk dibangunkan? Sila nyatakan apa bentuk pembangunan yang hendak dibina? Siapa yang akan mendapat manfaat daripada pembangunan baru itu? Kerajaan atau swasta juga? Kalau swasta siapa? Apa kaitannya dengan mereka yang mengarahkan perobohan itu?

Sebagaimana banyak rumah-rumah setinggan di bandar-bandar akan dirobuhkan, pihak yang merobuhkan sepatutnya mengambil kira beberapa perkara. Pertama ganti rugi bangunan yang hendak dirobuhkan. Kedua memberi pilihan kawasan baru untuk penempatan semula. Inilah yang telah dilakukan terhadap ramai golongan yang dinamakan setinggan di Kuala Lumpur dan tempat-tempat lain.

Kesemua ini tidak dilakukan oleh pihak berkuasa negeri Terengganu terhadap sebuah sekolah yang begitu banyak berjasa kepada rakyat negeri Terengganu.

Malah kalau mahu dirobuhkan bangunan, pihak berkenaan tidak berhak sama sekali memusnahkan harta benda seperti buku, kelengkapan dan wang ringgit. Kalau barang-barang ini masih ada dalam bangunan itu, maka ini adalah tanggungjawab mereka

mengeluarkannya terlebih dahulu daripada bangunan yang hendak dirobohkan itu. Bukan sekadar bertindak ganas membabi buta seperti yang didakwa berlaku terhadap Institut Berakan.

Apa yang berlaku itu jelas menggambarkan betapa tidak mempunyai perasaan pihak berkuasa negeri Terengganu mengendalikan kes yang sebegini mudah. Seperti orang yang hampir mati kelemasan, mereka bertindak ganas dan cuba berpaut kepada apa sahaja yang tercapai. Bagi mereka tidak ada perbincangan, tidak ada tolak ansur dan tidak ada tawar menawar. Semuanya kelihatan buntu akalinya bagi mencari jalan terbaik untuk bagi menyelesaikan persoalan ini. Bukankah ini merupakan tanda-tanda kerajaan Barisan Nasional Terengganu akan roboh tak lama lagi?

Saya cadangkan, pihak yang bersimpati dengan apa yang berlaku terhadap Institut Berakan melancarkan kempen membantah tindakan perobohan itu secara aman di seluruh Terengganu. Ini termasuk mengadakan upacara sembahyang hajat diseluruh negeri, berdoa kepada Tuhan supaya balasan setimpal ditunjukkan kepada orang yang membuat aniaya dan juga berdoa agar perkara seumpama itu tidak berlaku lagi di mana-mana tempat. Sesungguhnya doa orang yang teraniaya dikabulkan Tuhan.


Kutipan derma kilat bagi tabung pembinaan kembali Institut Berakan harus dilancarkan. Dengan itu, Institut Berakan dapat dibangunkan kembali dan meneruskan khidmatnya kepada masyarakat yang miskin di negeri itu. Akhbar seperti Harakah harus memainkan peranan ini.

Semoga Allah memberi pertolongan kepada mereka yang daif dan teraniaya.

HARAKAH

Jumaat 29hb. Novermber 1991.

Oleh Ahmad Shabery Chik.



Harga pagar
Istana um 01/2/92
Badariah
ini \$1.55 juta

INILAH pagar Istana Badariah yang dilahankan menelan belanja \$1.55 juta dan ditandatangani oleh Tan Sri Mohd. Muhiyarif yang pernah melahankan projek-projek berkaitan dengan Istana dan projek-projek besar di Terengganu.

Projek yang dilahankan siap pada April tahun ini merupakan pengubahsuaian kepada pagar yang sedia ada bagi memberi wajah baru kepada Istana Badariah yang akan memamerkan lagi kebesaran Istana Diraja Terengganu.

Sebelum ini Jabatan Kerja Raya (JKR) mengagorkan projek tersebut hanya memelan belanja sebanyak \$1 juta sahaja.

Orang-orang Islam, menurut Maududi bukanlah bangsa yang biasa, tetapi umat yang memikul tugas menyebarkan risalah Islam ke seluruh dunia. Seorang Muslim baru disebut Muslim tidak hanya kerana dia dilahirkan di dalam keluarga Muslim dan diberi nama Islam, tetapi kerana sikap dan perilaku sehari-harinya yang memberikan pernyataan tegas kepada para tetangganya yang bukan Muslim bahawa sikap dan prilakunya dijiwai oleh Kalimat tauhid. Mengaku diri seorang Muslim mesti memanfaatkan ajaran-ajaran Islam. Dia juga perlu benar-benar hidup di dalam kehidupan Islam sesuai dengan tuntutan Quran dan sunnah agar dihormati oleh para tetangganya. Inilah orang Islam yang sebenarnya kerana ia melaksanakan dakwah dan berperanan sebagai penyebar syiar Islam yang bersemangat tinggi.

ABUL ALA MAUDUDI

"**ALLAH** melarang kita campur mulut dalam persoalan yang tidak kita ketahui. Kutukan Allah ditimpakan kepada orang yang suka, mempersoalkan sesuatu yang tidak diketahuinya dan yang tidak akan dikerjakannya".

Surah 61, ayat 2 & 3.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Dr. Leo Michael Toyad sedang beramah mesra dengan sekumpulan pelajar sekolah selepas mewakili Menteri Pendidikan merasmikan Program Pendidikan Pencegahan

HARAKAH

EDISI ISNIN

PP 23/3/91 BIL. 308 TAHUN KELIMA ISNIN 11 JAMADIL AWAL 1412/ 18 NOVEMBER 1991 UNTUK AHLI HARGA 70 SEN



Saudara Zawawi Zain dan beberapa orang Exco Pemuda S46 sedang meneliti laporan yang dibuat di Balai Polis Jalan Bandar

UMNO keterlaluan hina Raja-raja Melayu - S46

Kuala Lumpur: Pergerakan Pemuda Parti Semangat 46 menyifatkan UMNO sebagai keterlaluan dengan menghina Raja-raja yang menjadi lambang keagungan orang-orang Melayu dalam Perhimpunan Agungnya baru-baru ini.

Sehubungan itu Pergerakan Pemuda yang diketuai oleh Saudara Zawawi Zain membuat tiga laporan berasingan terhadap Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhamad Taib dan perwakilan UMNO Selangor, Haji Zainal Abidin Sakom di Balai Polis Jalan Bandar dekat sini, Khamis

lalu.

Tindakan itu dibuat berbandukan Akta Hasutan 1948 yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Keputusan untuk membuat laporan polis terhadap beberapa orang pemimpin UMNO kata Saudara Zawawi dibuat dalam mesyuarat ex-conys, Selasa lalu.

Sementara itu, TV3 mula menyiarkan cerita-cerita Melayu yang membayangkan kejahatan raja-raja Melayu. Cerita pertama yang disiarkan adalah *Hang Jebat* pada Jumaat lepas.



Saudara Yusof Harun di tepi sekali semasa mengikuti rombongan Al-Arqam membuat expidisi ke Eropah. Kesihan Yusof hari ini menjadi editor tanpa akhbar. Bila agaknya Dr. Mahathir nak pulangkan balik perमितnya. Mudah-mudahan hidup semula dan panjang umur Mingguan Waktu.

WARTAWAN KUCING SENAK

“Kita ambil cerita pasal seorang perempuan ‘lacur’ yang telah dimasukkan Allah kedalam syurga hanya kerana menyelamatkan seekor anjing yang sedang kehausan. Andai kata para ‘ulama kucing senak’ yang menghakimkan perempuan itu, sudah tentu perempuan tersebut dihumbankan ke dalam neraka kerana amalan menyelamatkan seekor anjing tentu dirasakan tidak setimpal dengan segala dosa penzinahannya.”

DALAM PERKAMPUNGAN POLITIK perpecahan sesama orang politik memanglah lumrah kerana masing-masing mahukan **kuasa**. Itulah sebabnya terdapat banyak parti pro-kerajaan dan tidak kurang pula parti-parti yang anti-kerajaan. Dalam parti-parti yang pro kerajaan pun, ada kem yang bertentangan, masing-masing ada puak-puak serta kem-kem yang mirip kepada pemimpin-pemimpin tertentu.

Bagi mereka yang sudah membaca sejarah bagaimana iblis menjadi makhluk pertama yang tersingkir dari **syurga** dan mengepalai peranan sebagai '**Godfather**' kepada golongan-golongan **serpihan**, tentulah mereka tidak merasa hairan. Bahkan mereka tidak akan rasa sedih atau menyesal kerana manusia yang berpecah-belah itu telah dipermainkan dan diperdayakan oleh **syaitan** ataupun telah terpengaruh dengan **ego syaitan** yang tak mahu tunduk kepada **insan** yang telah Tuhan berikan kemuliaan.

Benda-benda seperti ini tak payahlah kita susah-susah nak buktikan sebab buktinya, ada dihadapan *mata kepala* kita kini. Dalam UMNO umpamanya, ada puak yang **pro-Anwar**, ada yang **pro-Yusof Nor**, ada yang **pro-Ghafar**, ada yang **anti Ghafar**. Begitu juga dengan Semangat 46, ada yang pro Ku Li dan ada yang pro Musa. Sekarang bila sudah berpecah dua dalam kem Ku Li ada yang pro Rais Yatim ada yang pro Harun Idris.

Namun, walau apapun ideologi yang didokong, kepercayaan politik yang dianuti serta kepentingan peribadi yang terselindung di sebalik perjuangan masing-masing, alasan yang digunakan tetap satu. **Semuanya mendakwa mahukan orang Melayu bersatu**. Inilah ben-

danya yang **'cakap tak serupa bikin'**. Macam mana nak bersatu kalau pemimpin tak mahu membuang sifat mementingkan diri sendiri.

Pertelingkahan **'manusia politik'** yang kini mengancam kestabilan negara serta menimbulkan keresahan rakyat ialah kerana tidak adanya sifat **'taat'** dan **'para ulama'** pula, mula berpuak-puak. Banyak *implikasi* yang berkait rapat dengan sifat **'ketaatan'** yang menyebabkan perpecahan. Masing-masing mahu mempertahankan **ego**.

Ulama-ulama PAS pula boleh **'mengkafirkan'** orang lain demi kepentingan perjuangan politik mereka. Sepatutnya *ulama* dan *tuan guru* PAS ajar pengikut mereka tentang **'fardu ain'** dan bawa semua ahlinya menjadi jemaah Islam yang benar-benar berjuang atas nama Islam tanpa memperjuangkan **ideologi** dan **manifesto** pertubuhan politik yang boleh mengubah pemikiran ummah ke arah yang tidak Islam. Adakah nabi-nabi yang mendaftarkan parti politiknya sebelum berjuang?

Karl Marx tak payah tubuh parti. Tapi kerana kekuatan pemikirannya orang berubah mengikut fahaman yang dibawanya. Kita ada Al Quran, ada hadis. Kenapa tidak menggunakannya?

Cuba tengok **ulama-ulama** yang bergiat dalam Pertubuhan Arqam, mereka sibuk menerbitkan **majalah-majalah**. Ketuanya Syeikh Ashaari menulis berapa banyak buku yang boleh memberikan kesedaran kepada umat Islam. Mereka hidup dengan cara bemiaga. Mereka ajar ahli-ahlinya bemiaga, menjadi *salesman* (jurujual) mencontohi sunnah Nabi. Ini dilakukan kerana mereka memerlukan kekuatan **rohani** dan **jasmani** untuk kehidupan keduniaan dan akhirat. Dalam masa yang sama mereka terus memperjuangkan hukum-hukum Allah dengan mengajar ilmu **tasauf** dan **tarikat** biarpun mendapat tentangan hebat dari **'ulama kertas'** dan **'ulama siang hari.'** Mereka tahu tidak ada perjuangan yang mudah. Mereka ingat sejarah perjuangan Rasulullah tatkala mula-mula mengembangkan Islam.

Sepatutnya **ulama-ulama** semua mesti bersatu untuk mempertahankan **kebenaran** serta bekerjasama untuk menghidupkan syiar Islam. Bukan berpuak-puak untuk merebut pangkat atau nak menjadi **kadi** atau **imam** dan sebagainya. Penyatuan **ulama** nampaknya masih di awang-awangan. Ulama tak akan bersatu padu selagi mereka

mempunyai kepentingan **politik** serta kepentingan **peribadi** dan tidak mahu taat kepada Allah dan Rasul dengan sebenar-benar taat.

Dalam bab ini saya mahu membawa anda melihat bagaimana sesetengah **ulama makan gaji** cuba **membidaahkan** ulama yang tidak berkepentingan.

Untuk dijadikan contoh saya ambil isu tentang kelahiran **Imam Mahdi**. Isu ini sengaja saya ambil kerana semua orang Islam tahu siapakah dia **Imam Mahdi**.

Untuk itu kita petik tulisan seorang **ulama makan gaji** yang namanya sedang sibuk diperkatakan. **Ulama** yang saya maksudkan itu ialah tidak lain dan tidak bukan dari Professor Madya Dr. Abdulfatah Haron. Dan Tulisan yang hendak dipetik itu berbunyi: '**Kemuncak dari segala-segalanya ialah insan ideal iaitu Wali Kutub dan Imam Mahdi yang berasal dari Syiah pengaruh falsafah neoplatonisme.**'

Mengikut kesimpulan di atas itu, Dr. Abdulfatah telah menolak kewujudan **Wali Kutub** dan menidakkan kelahiran **Imam Mahdi**. Menurutny lagi kepercayaan kepada Imam Mahdi adalah berpurca dari **golongan Syiah**. Dan menurutny lagi **orang Syiah** terpengaruh dengan pendapat **neoplatonism**.

Perkara pertama yang nak saya ceritakan ialah tentang falsafah **neoplatonism**.

Neoplatonism adalah falsafah yang cuba memperkembangkan idea **metafizik** yang dipelopori oleh ahli falsafah Greek, **Plato**. Rata-rata **doktrin** falsafahnya bersifat Greek. **Neoplatonism** yang membawa aliran idealisme, **metafizik** dan **monoisme** dikatakan bermula di Alexandria, Mesir pada kurun ketiga.

Sungguhpun ia banyak mempengaruhi ahli falsafah Syria, Yahudi dan Kristian, namun tidak ada satu buktipun yang menunjuk dengan sejelas-jelasnya (**beyond reasonable doubt**) bahawa golongan **Syiah Sayidina Ali** telah dipengaruhi oleh falsafah **neoplatonism** ini. Jika adapun, bukti itu samar-samar dan tertakluk kepada penafsiran yang tidak mutlak.

Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Hasbullah Abdul Rahman

dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam rencana beliau yang disiarkan dalam Berita Harian keluaran Jumaat 6 Januari 1989 yang bertajuk 'Ilmu — Amanah besar Allah kepada mahkluk'. Tulisan itu saya petik:

"Pemalsuan fakta keilmuan dilakukan demi kepentingan survival diri, kelompok serta bangsa sebagai contoh intelektual yang telah mengakibatkan imej Islam di rantau sebelah sini sudah terlalu banyak tercemar oleh tulisan bernada sinis".

Konsep kelahiran Imam Mahdi tidak boleh dihubungkan dengan falsafah neoplatonism. Ini kerana kelahirannya itu adalah bersandarkan beberapa buah hadis.

Hadis pertama yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tarmizi berbunyi:

"Imam Mahdi itu akan keluar di akhir zaman, namanya Muhammad bin Abdullah atau Ahmad bin Abdullah."

Hadis kedua yang di riwayatkan oleh Imam-imam Abu Dawud dan Hakim pula berbunyi:

"Imam Mahdi itu termasuk dalam lingkungan ahlulbait atau keluarga Rasulullah SAW yakni dari puteri beliau SAW yang bernama Fatimah."

Manakala hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim pula bermaksud:

"Imam Mahdi dikurniai ketetapan kekuasaan dan di masa pemerintahannya amat luaslah rezeki umat, kerana memang benar-benar berlaku adil dan banyak pula harta diberikan. Ia menyebarkan harta itu dengan merata sekali, tanpa menghitung jumlah sama sekali."

Jadi berdasarkan hadis tersebut dan beberapa hadis yang lain lagi, Imam Mahdi bukanlah satu mitos neoplatonism. Ia adalah satu perkara yang akan berlaku dan menjadi sebahagian dari *Asyraatus-Saa'ah al Kubra* iaitu tanda-tanda besar hari kiamat.

Mengatakan **Imam Mahdi** itu satu kepercayaan **neoplatonism** samalah seperti mengatakan bahawa **Imam-imam Tarmizi, Hakim dan Muslim** itu **imam-imam** yang menganuti **neoplatonism**. Sekiranya ini benar, maka kita tak bolehlah lagi mempercayai segala hadis-hadis Rasulullah yang disiarkan sebagai slot TV3 setiap malam. Datuk Ahmad Sebi terpaksa mengeluarkan arahan serta merta supaya slot-slot yang macam itu diberhentikan. Manalah tahu kalau-kalau ada orang yang akidahnyanya akan terpesong pulak.

Tapi kita tahu, imam-imam di atas adalah imam-imam yang sah. Imam-imam yang berpegang teguh kepada ajaran Allah dan bukan yang dipengaruhi oleh aliran **neoplatonism**. Bagi mereka yang ada hanya satu aliran sahaja, iaitu aliran keimanan. Dan kita pun sedia maklum ilmu yang ada pada mereka itu adalah jauh lebih tinggi dari mana-mana pensyarah universiti dalam bidang pengajian Islam.

Menurut Hasbullah Abdul Rahman lagi, sarjana-sarjana orientalis dan 'carbon copy' mereka selalu memutar belitkan fakta-fakta keilmuan.

Ajaran Islam adalah hasil ciptaan Nabi Muhammad sendiri yang ditimba daripada kata-kata idea-idea keagamaan sebagai pengaruh daripada hubungan dengan orang Yahudi dan Kristian yang memberi kesan mendalam terhadap dirinya.

Bahawa wahyu yang dirasakan oleh Nabi Muhammad adalah satu gejala daripada penyakit yang hanya dideritai oleh manusia 'super' yang membawanya kepada kehidupan lain yang belum pernah dirasakan sebelumnya serta menimbulkan kekuatan dahsyat untuk menghadapi segala rintangan.

Bahawa hadis yang tertulis dan dijadikan sebagai sumber hukum Islam selama ini kebanyakannya hadis palsu yang timbul daripada pertukaran agama pada abad-abad pertama untuk menguatkan pendapat golongan masing-masing.

Untuk menutupi kebohongan mereka demi melancarkan isu-isu di atas dan agar tulisan-tulisan mereka nampak ilmiah

dan objektif serta menunjukkan bahawa mereka sentiasa menjaga amanah ilmu, mereka menggunakan taktik penulisan yang antaranya ialah:

Menentukan idea terlebih dahulu, kemudian mencari dalil yang sekiranya menguatkan berkenaan walaupun terasa dipaksa dan tidak mengena, bukan tanpa memperdulikan sumber dari mana dalil itu diambil.

Persoalan pokok dari penolakan konsep Iman Mahdi yang cuba dibentangkan oleh Profesor Madya Abdulfatah Harun itu ialah **siapakah yang menyesatkan siapa? Siapakah yang memesongkan fakta keilmuan? Dan siapakah yang memalsukan hadis-hadis Nabi.**

Dalam hal ini kita nampak macam ada satu trend dalam rencana-rencana sebuah akhbar berbahasa Melayu kini. Ada akhbar yang sengaja mengambil kesempatan menonjolkan pemalsuan fakta ilmiah ini dengan cara yang berlebih-lebihan. Malahan ada pula yang menjadikan fakta-fakta tertentu sebagai 'mainan'.

Sebagai contoh, kita lihat tulisan wartawan Utusan Malaysia, 6 Januari 1989 sebagai berikut:

"Seorang pelajar menasihati saya supaya jangan menulis lagi mengenai Haji Ashaari terutamanya tentang Imam Mahdi yang menjadi pegangannya.

Nasihat itu, katanya ialah untuk menghindarkan kemarahan Haji Ashaari yang dikatakan menganggap kepercayaan kepada kemunculan Imam Mahdi sebagai kekuatan ruhiyyah bagi jamaah Al Arqam.

Kata pelajar itu jika Haji Ashaari marah, maka jinnya boleh mengacau saya".

Astora JB, penulis rencana itu juga mendakwa bahawa dia menulis untuk membersihkan khurafat dalam Islam. *Dia pun tidak percaya yang manusia ini boleh memelihara jin, semata-mata dengan hanya membaca ayat-ayat suci dan Asmaullah Husna. Menurutnya lagi Quran melarang keras manusia memperhambakan manusia dan melakukan perkara yang sama ke atas jin adalah sesuatu yang tidak masuk akal.*

Bila saya habis membaca tulisan wartawan khas dari Kaherah ini, hanya satu perkara sahaja yang terlintas di fikiran saya, iaitu kata-kata Imam Al Ghazali dalam Ihya Ulumuddin. *“Tidakkah anda akan mengutuk ketololan seorang manusia.....”*

Memanglah kita tidak *‘takut’* kepada sesiapa pun melainkan Allah SWT. Tapi bila kita kata *‘takut’*, takut ini ada banyak *konotasinya*. Ada orang *takut bini*, ada orang *takut* kena marah dengan boss, ada orang *‘takut’ kehilangan kuasa politik dan kedudukan*. Ada orang takut jawatan khasnya dilucutkan bila dia melakukan sesuatu yang berlawanan dengan kehendak bossnya.

Bila kita kata kita *‘takut’* pada Allah, maksud *‘takut’* itu sudah lain. Maksud takut pada Allah ialah kita meninggalkan segala larangan-Nya dan beramal seperti yang dikehendaki-Nya. Jadi kalau ada orang yang mengatakan dia *‘takut’ pada manusia, pada jin dan pada syaitan*, itu perkara biasa, kerana dalam dunia ini ramai orang yang telah *dianiaya, ditipu dan dipermainkan oleh manusia, jin dan syaitan*. Kalau tak percaya, tengok sahajalah golongan serpihan, dalam baik mereka telah ditipu oleh *para iblis*.

Maka itulah sebabnya Tuhan melarang kita bercakap takbur. Bukankah kita manusia ini sejenis makhluk yang lemah. Macam kata saudara Astora sendiri, *‘tidak siapa pun yang tidak pincang walau serban sebesar bakul pun.’* Jadi kalau orang yang serbannya sebesar bakul dan menggunakan sebahagian besar dari hidupnya mengerjakan perintah Allah dan sunnah nabi itu masih lagi ada kepincangannya, *apatah lagi dengan orang yang tidak memakai serban dan menulis untuk mencari pengaruh dan populariti kerana dibayar gajinya*. Kepincangannya tentulah lebih menyerlah dan lebih dahsyat lagi. Inilah dia *kegilaan untuk mendapatkan kedudukan*. Dia mahu semua manusia jadi *‘gila.’* Ini kerja *‘gila’* namanya.

Bagi Astora JB, Ustaz Ashaari tidak penting. Sekiranya pemimpin sebuah pertubuhan sebesar itu tidak penting tentulah saudara Astora JB lagi tidak penting. Tak tahulah saya sekiranya seorang yang baru jadi *‘columnist* ataupun penulis tamu di luar negeri merasakan dirinya penting.

Orang-orang yang *‘akalnya’* tumpul dan yang cuma dapat melihat

dengan menggunakan mata kasar mana boleh jadi penting. Yang penting bagi saya ialah umat Islam di negara ini, malah di seluruh dunia bersatupadu tanpa menyimpan sebarang prasangka, cemburu dan sebagainya.

Perbuatan yang tidak patut dilakukan oleh seorang wartawan yang tulisannya menjadi tatapan ribuan manusia adalah tulisan yang demikianlah. Tulisan yang tidak ada '*tanggungjawab sosial*' langsung. Kerjanya hendak mencari sensasi sahaja. Konon apabila menulis dari Mesir nanti orang ingat dialah yang '*maha tahu*'.

Orang-orang Islam yang mendakwa diri mereka '*the so called Islamic intelligent*' tidak boleh memalsukan fakta keilmuan dengan sewenang-wenangnya secara memutar belit dan mempolitikkan isu-isu agama demi sesuatu kepentingan keduniaan. Apakah cendikiawan Islam kita mahu menerima gelaran cendikiawan *kucing senak*.

Kucing senak ini adalah kucing-kucing yang berlagak macam harimau. '*Kucing-kucing*' macam ini banyak terdapat di Chow Kit Road

Soal '*memperhambakan*' manusia tidak timbul. Perkataan '*hamba*' juga ada konotasi-konotasinya. Bila kita kata, kita ini '*hamba Allah*' dan memperhambakan diri kepada Allah, itu satu konotasi perkataan '*hamba*'. Bila manusia menjadi *hamba* atau *orang suruhan*, atau *pekerja*, atau orang gaji kepada manusia kita menggunakan perkataan '*hamba*' dalam konotasi yang berlainan sama sekali. '*Perhambaan*' yang semacam ini samalah dengan para wartawan *kucing senak* yang menggantungkan hidupnya dengan menjadi hamba kepada akhbar-akhbar yang mempunyai wartawan-wartawan *kucing senak* yang sedang diperalatkan oleh ahli-ahli politik standar '*kucing senak*'.

Jadi, berbalik pada cerita '*hamba*' tadi, nas Quran yang manakah yang mengatakan manusia tidak boleh diperhambakan sesama manusia? Sedang Astora JB sendiri sedang diperhambakan oleh manusia lain? Kalau tidak jadi hamba tentu Astora sudah '*miss soru*'.

Mengikut kata Astora wartawan khas yang dibayar oleh Akhbar

Kumpulan Utusan Melayu itu lagi;

“Di pihak lain Quran melarang keras diperhambakan manusia sesama manusia, maka tidak masuk akal kalau dibenar melakukan perkara itu ke atas jin yang juga merupakan makhluk Allah..”

‘Cakap’ macam ini memanglah tak masuk akal. Kalau Quran mengikut *‘bacaan’* saudara Astora melarang keras manusia memperhambakan makhluk-makhluk lain, jadi perbuatan Rasulullah menunggang unta itu tentulah salah kerana unta itu adalah juga makhluk Allah sedang Rasulullah pula seorang manusia. Begitulah halnya juga dengan mereka yang menunggang kuda, petani-petani yang menggunakan kerbau untuk membajak sawah, orang-orang kampung yang menggunakan lembu untuk dijadikan kenderaan.

Jin itu adalah makhluk Allah. Apakah keistemewaan jin dari manusia atau bahkan dari binatang-binatang lain yang juga makhluk Allah sehinggakan dia tidak dapat dijadikan khadam kepada manusia?

Memang ada banyak benda yang tidak dinyatakan dalam Quran mengikut tafsiran dan ilmu kita. Tapi ini tidak bermakna bila kita buat benda-benda yang tak disebut dalam Quran, walaupun ada tapi kita tidak faham, kita telah melanggar perintah Tuhan. *Dalam Quran tidak ada nas-nas yang menyebut pasal menyuruh manusia membuat kereta, mencipta tenaga letrik ataupun komputer dan sebagainya.*

Jadi tanpa ‘dalil-dalil kali yang kuat,’ saranan yang disampaikan oleh Astora itu tidak boleh ‘masuk di akal’ sama sekali. Usaha-usahnya untuk membersihkan khurafat dalam Islam boleh dianggap sebagai usaha-usaha ‘kucing senak’.

Menyentuh tentang amalan membaca Asmaul Husna, yang disebut oleh Astora sebagai tidak ‘masuk akal’ dalam konteks ‘mengkhadamkan jin’, inginlah saya jelaskan sedikit di sini. Apakah Astora tidak pernah mendengar ada orang yang boleh berjalan atas air dan sebagainya hanya dengan menyebut Bismillahirrahmannirrahim. Ini sebab ayat itu mengandungi nama-nama Allah, iaitu Arrahman dan arrahim, yang Pemurah Lagi amat

Mengasihani.

Begitu juga dengan ayat pertama dalam bacaan doa qunut, “**Ya Allah berilah aku hidayah**”. Berapa ramai manusia yang mendapat hidayah dari Allah tanpa disedari atau tanpa pengetahuannya.

Jadi apabila seseorang itu membaca *Bismillah* *hirahmannirrahim* dengan ‘*hakul yakin*’ tentulah bermacam-macam benda boleh terjadi di luar dugaan manusia ‘*kucing senak*’ boleh berlaku ke atas dirinya. Orang barat pun percaya. ‘**Miracle can happen to those who believe in them**’. Dan lagi, bila ada orang yang mengamalkan kesemua nama-nama Allah Taala dalam ‘**Asmaul Husna**’, tentulah hikmah-hikmahnya lebih besar. Bagaimanapun ini semua terpulanglah kepada ‘*niat*’ si pembaca dan sama ada Tuhan berkenan memberikan kepadanya ‘*hidayah*’ ataupun tidak.

Oleh yang demikian bagi mereka yang membaca ayat **Bismillah** *hirahmannirrahim*, dengan sepenuh hati sambil menghayati dan menjiwai ayat tersebut, dan percaya sepenuhnya dengan kekuasaan dan kebesaran Tuhan, banyak manfaat yang didapatinya dan dapat ditunjukkan kepada orang lain yang turut percaya akan berjaya sama. Tapi sekiranya kita membaca sambil lewa secara (*take it for fun*), atau ikut saja macam burung kakak tua di rumah saya, macam mana nak dapat hidayah dari Tuhan?

Kita tahu, Tuhan senantiasa bersifat Pemurah lagi Amat Mengasihani. Allah boleh memberikan apa sahaja, dan kepada sesiapa sahaja yang Tuhan mahu. Tidak ada sesiapa pun yang boleh menghalangnya. Seseorang itu boleh dianugerahkan segala macam kemuliaan, seperti pangkat, darjat, kedudukan politik, kekayaan dan bermacam-macam lagi. Tapi sebagai ujian ataupun balasan, Allah juga berhak mengambil semula nikmat-nikmat yang telah diberikan oleh-Nya kepada manusia. Itulah kekuasaan Allah. Tidak manusia, tidak jin, tidak syaitan dan tidak juga para malaikat yang senantiasa sujud dan memperhambakan dirinya kepada Allah. Sesungguhnya Allah itu bersifat Maha Mengetahui.

Tengoklah tatkala Allah mahu menjadikan seorang khalifah (manusia), para malaikat cuba mempertikaikannya. Namun kerana sifat Tuhan itu Maha Mengetahui, malaikat yang taat tidak mempertikai-

kannya melainkan iblis.

Saya tak tahu, ulama-ulama tak tahu, malaikat dan jin tidak tahu. Manusia-manusia lain tak tahu. Jadi apakah Astora tahu perkara-perkara yang semua orang tak tahu melainkan Allah?

Itu cerita sebelum adanya umat manusia. Cuba kita ambil pula cerita selepas adanya manusia di muka bumi ini. Kita ambil cerita pasal seorang perempuan 'lacur' yang telah dimasukkan Allah ke-dalam syurga hanya kerana menyelamatkan seekor anjing yang sedang kehausan. Andai kata para 'ulama kucing senak' yang menghakimkan perempuan itu, sudah tentu perempuan tersebut dihancurkan ke dalam neraka kerana amalan menyelamatkan seekor anjing tentu dirasakan tidak setimpal dengan segala dosa penzinahannya.

Tapi Tuhan tahu apa yang manusia tak tahu.

Di situlah letaknya sifat *Arrahman* dan *Arrahim Tuhan*. Tuhan bersifat *Pemurah* lagi *Amat Mengasehani*. Allah boleh memberi apa sahaja dan kepada sesiapa sahaja yang disukai-Nya. Allah boleh menganugerahkan kemuliaan, kekayaan, kekuasaan malah kekeramatan sekalipun. Dan Allah juga berhak merampas kembali anugerah-anugerah yang telah diberikan-Nya itu dari sesiapa sahaja. Dan tidak ada sesiapa jua pun yang boleh mempersoalkan kekuasaan Tuhan kerana Allah bersifat Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa.

Jika Allah telah mengizinkan nabi Allah Sulaiman AS menggunakan Raja Jin dan sekalian datuk nenek dan cucu cicit jin yang ada di muka bumi ini untuk membina Istana Balqis di atas air tanpa didokong oleh sebatang tiangpun dan masa yang diambil bagi pembenaannya selama lebih dari dua puluh tahun, maka tidak ada sebab mengapa Allah tidak boleh mengizinkan manusia sekalian menggunakan jin.

Berkata Sulaiman: "Hai pembesar-pembesar, siapakah di antara kamu sekalian yang sanggup membawa singgahsana (Permaisuri Balqis) kepadaku sebelum mereka datang kepadaku sebagai orang-orang yang berserah diri."

Berkata Ifrit dari golongan Jin: "Aku akan datang kepadamu dengan membawa singgahsana itu kepadamu sebelum kamu berdiri dari tempat dudukmu; sesungguhnya aku benar-benar kuat untuk membawanya dan dapat dipercayai."

Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari Al Kitab "Aku akan membawa singgahsana itu kepadamu sebelum matamu berkedip."

An Naml: 38 — 40

Cuba perhatikan ayat Quran di atas. Semuanya mempunyai rahsia-rahsia luarbiasa yang tidak mampu diterima oleh 'akal' manusia biasa. Jin rela diperintah oleh manusia (Nabi Sulaiman) untuk membawa istana Balqis dalam masa yang sungguh cepat, malah lebih cepat daripada apa yang terdaya dibuat oleh sebarang jenis pengangkutan moden. *Dan ayat Quran di atas juga menunjukkan bagaimana seorang manusia biasa dapat mengatasi kekuatan dan kelebihan jin dalam melaksanakan kehendak Nabi Sulaiman. Oleh itu apa peliknya jika jin boleh dijadikan khadam oleh manusia?*

Imam Ahmad bin Ali Al Bani dalam kitab Syamsul Ma'arif Al Kubro, sebuah kitab yang terkenal di kalangan ulama-ulama pondok, menulis begini: Setiap ayat, setiap isim-isim Allah SWT bahkan huruf Al Quran itu ada khadam yang terdiri daripada malaikat dan jin.

Jadi tidak mustahil jika para wali Allah apalagi yang telah bertaraf khutub yang selalu mengamalkan ayat-ayat Quran dan 'Asma Ullah' dalam *zikir* dan *wiridnya* dikurniakan *khadam* sama ada dia menyedarinya atau tidak.

Perkara yang pelik begini, jika berlaku kepada para nabi dinamakan mukjizat, jika kepada para wali dinamakan karamah.

Cuba kita selidiki ayat Quran An Naml ayat 38-44 ini.

Berkatalah Sulaiman: "Hai pembesar-pembesar, Siapakah di antara kamu sekalian yang sanggup membawa singgahsananya kepadaku sebelum mereka datang kepadaku

sebagai orang-orang yang berserah diri."

Berkata Ifrit (yang cerdik) dari golongan jin: "Aku akan datang kepadamu dengan membawa singgahsana itu kepadamu sebelum kamu berdiri dari tempat dudukmu; sesungguhnya aku benar-benar kuat untuk membawanya (lagi) dapat dipercaya."

Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari Al Kitab: "Aku akan membawa singgahsana itu kepadamu sebelum matamu berkedip." Maka tatkala Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya iapun berkata: "Ini termasuk kurnia Tuhanku untuk mencuba aku apakah aku bersyukur atau mengingkari (akan nikmat-Nya). Dan barangsiapa yang bersyukur untuk (kebaikan) dirinya sendiri dan barangsiapa yang ingkar, maka sesungguhnya Tuhanku Maha kaya lagi maha Mulia."

Dia berkata, "Robahlah baginya singgahsananya, maka kita akan melihat apakah dia mengenal atautkah dia termasuk orang-orang yang tidak mengenal (Nya)".

Dan ketika Balqis datang, ditanyakanlah kepadanya, "Serupa inikah singgahsana mu?" Dia menjawab: "Seakan-akan singgahsana ini singgahsanaku, kami telah diberi pengetahuan sebelumnya dan kami adalah orang-orang yang berserah diri.

Dan apa yang disembahnya selama ini selain Allah, mencegahnya (untuk melahirkan keIslamannya), kerana sesungguhnya dia dahulunya termasuk orang-orang yang kafir.

Dikatakan kepadanya: "Masuklah ke dalam istana." Maka tatkala dia melihat lantai istana itu, dikiranya kolam air besar, dan disingkapkannya kedua betisnya. Berkatalah Sulaiman: "Sesungguhnya ia adalah istana licin terbuat dari kaca." Berkatalah Balqis: "Ya Tuhanku, sesungguhnya aku telah berbuat zalim terhadap diriku dan aku berserah diri bersama Sulaiman kepada Allah, Tuhan

semesta alam."

An Naml: 38 — 44

Jadi! Bukankah umat manusia yang ada pada hari ini, adalah dari keturunan nabi Allah Adam AS, termasuk Nabi Allah Sulaiman AS sendiri? Maka adalah juga tidak mustahil bagi seseorang '**wali kutub**' yang telah mendapat '**hidayah**' dan '**kekeramatan**' serta berkedudukan begitu mulia di sisi Allah dikurniakan kelebihan membuat hubungan dengan para jin. Inilah **kekeramatan** para '**wali kutub**' yang di-anugerahkan oleh Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Mengetahui. Mereka bukan sahaja boleh memperhambakan satu jin, malahan kalau mereka mahu di sekeliling mereka 40 jin-jin pun sanggup berkhidmat sebagai khadam dan memperhambakan diri. Ke-rana orang yang mempunyai **karamath** itu **dimuliakan** oleh Allah akan sifatnya. '**Karamah**' itu sendiri ertinya **kemuliaan**, mereka ada-lah hamba-hamba yang rapat dengan Allah dan taat kepada perintah Allah sebab itu para jin sanggup **memperhambakan** diri, apa lagi "**wali Allah**" yang tahu akan darjatnya menjadi '**wali qutub**.' Lupakah Astora bahawa dihari pertama Allah menjadikan Adam AS segala jin dan malaikat disuruh sujud kepada Adam?

Oleh itu sebelum Astora berangan-angan membetulkan **khurafat Islam**, betulkan diri Astora dulu. Janganlah Astora mahu menafikan adanya **pengabdian jin kepada manusia**. Untuk itu, izinkanlah saya mencadangkan supaya Astora membaca semula surah **Al Baqarah** dan dapatkan seorang guru untuk menerangkan kepadanya apakah itu '**wali**', siapakah para '**wali**' itu yang sebenarnya, dan apakah yang dimaksudkan dengan perkataan '**wali qutub**'. Sebagai ingatan, elok juga saya katakan di sini bahawa hanya orang-orang yang beriman sahaja yang percaya kepada benda-benda '**ghaib**' seperti ini.

Jadi bukanlah pelik sangat sekiranya Allah mengkehendaki Ustaz Ashaari diberikan dengan bukan setakat **satu jin**, malah **dua tiga jin** pun mungkin. **Jin-jin** ini pula tidak keberatan menjadikan diri mereka khadam kerana mereka tahu Arqam senantiasa bekerja dan berusaha untuk mengembangkan agama Islam. Bukan macam Astora yang cuba merosakkan kepercayaan manusia terhadap yang '**ghaib**'.

Maka janganlah terlalu angkuh dan sombong serta takbur sangata

dalam mempermain-mainkan benda-benda yang 'ghaib.' Saya bimbang nanti pen Astora akan 'ghaib' juga.

Kalau kita dengan sengaja menyepak 'tok pekong Cina' ataupun 'tok pekong Hindu', kerana nak tunjukkan angkuh dan sombong kita, bila nasib tak baik tengoklah padahnya. Itu cuma 'jin kafir' yang dijadikan 'khadam' oleh para penyembah 'tok pekong-tok pekong' merasa marah pada kita, dan kita boleh jadi haru biru.

Justeru itu Astora tidaklah boleh berasa pelik ataupun 'takut' kiranya ada makhluk-makhluk 'ghaib' yang akan mempermainkan Astora sepertimana Astora mempermain-mainkan Ustaz Ashaari.

Tuntutan 'tasauf' bukan soal minat saja. Ianya adalah pekerjaan menghambakan diri kepada Allah dengan hati yang tulus, niat yang suci tanpa perasaan takbur.

Orang-orang 'tasauf' dan ahli-ahli 'sufi' mengetahui apa-apa yang tidak diketahui oleh 'orang-orang biasa.' Ilmunya lebih tinggi dari ilmu-ilmu 'analytical' orang-orang yang keluar Azhar ataupun mana-mana universiti sekalipun. Mereka tidak berdoa untuk dinaikkan pangkat, dijadikan popular, diperbanyakkan wang ringgit.

Bila orang sufi berdoa, dia akan berdoa dengan doa yang berbunyi:

Alfatihah kepada roh-roh sadatinal ulama-ulama sufi. Moga-moga Allah meninggikan darjat-darjat mereka didalam syurga. Dan moga-moga Allah Taala menggandakan pahala-pahala serta kebajikan mereka, dan menjadikan kami dari kumpulan mereka, dan memberikan kami munafaat dengan mereka dengan ilmu-ilmu mereka dan rahsia-rahsia mereka dalam dunia dan akhirat. Al fatihah.'

Ahli-ahli sufi yang dimaksudkan oleh si pendoa ini termasuklah AlMuhajirin Ahmad bin Isa, Alfakihil Mukaddam Muhammad bin Ali Baalawi, Alhabib Omar bin Abdul Rahman Alattas, Sahibizikri Wadtauhiiddi Shaiekh Abdul Kadir Al Jailani, Shaiekh Omar bin Isa Barakbah, Sheikh Ahmad bin Abdul Kadir Baasyan, Syaikh Ahmad bin Muhamad Bamasyum dan ramai lagi. Ini cuma satu ontok saja.

Keimanan, ilmu serta kewalian mereka ini memang tidak boleh dipertikaikan lagi. Mereka tahu apa yang Dr. Abdulfatah atau Astora tak tahu. Mereka nampak apa yang Dr. Abdulfatah dan Astora tak nampak. Mereka adalah 'insan ideal' sungguhpun mereka bukan 'insan' yang maksum seperti Nabi Muhammad SAW.

Untuk mereka yang masih lagi mahu mempertikaikan tentang kelebihan '*mistik*' mereka ini, biarlah saya bawa sepotong ayat Quran dan hadis.

"Pada hari sangkakala dibunyikan (ditiup), engkau semua akan datang segolongan demi segolongan."

An Naba' : 18

Ketika Rasulullah SAW diminta menerangkan maksud ayat di atas, tiba-tiba baginda SAW menangis, kemudian bersabda:

"Hai Mu'adz, sungguh engkau telah menanyakan suatu perkara yang agung (penting). Ada sepuluh macam dari ummatku itu akan dikumpulkan di padang Mahsyar. Masing-masing itu dalam keadaan yang berlain-lainan dan semua itu telah dibedakan secara tersendiri oleh Allah dari golongan kaum muslimim. Rupa sepuluh golongan itu seluruhnya telah ditukar oleh Allah — yakni tidak lagi berwujud sebagai manusia sempurna. Sebahagian dari mereka ada yang **berupa menjadi kera**, sebahagian ada yang **berupa menjadi babi**, sebahagian pula ada yang **terjungkir, kakinya diatas serta diseret di atas kepalanya yang ada di bawah**, sebahagian lagi ada dikumpulkan lagi dalam keadaan buta dan **dituntun**, sebahagian ada pula yang tuli serta bisu dan tidak **berakal**, sebahagian lagi dari mereka yang dikumpulkan itu dalam keadaan **mengunyah lidahnya sendiri**, sedang lidahnya itu menjulur ke bawah sampai di dadanya dan dari mulutnya itu keluarlah nanah yang menjijikkan orang banyak, sebahagian ada pula yang dalam keadaan terpotong kedua tangan dan kedua kakinya, sebahagian ada pula yang dikumpulkan dalam keadaan tersalib di **pokok-pohon kurma**, tetapi kurma dari neraka, sebahagian lagi ada pula yang dikumpulkan dalam keadaan yang lebih berbau busuk

daripada bau bangkai dan sebahagian ada pula yang dikumpulkan dengan menggunakan pakaian dari air yang panas.

Adapun orang-orang yang rupanya menjadi kera ialah manusia yang suka mengadu domba, orang yang rupanya menjadi babi ialah manusia yang suka makan barang yang salah - yakni cara mencarinya tidak halal atau memang makan makanan yang haram; orang yang dijungkirkan kepala dan mukanya itu, ialah manusia yang makan harta riba; Orang-orang yang buta ialah manusia yang curang dalam menerapkan hukum; orang yang tuli dan bisu, adalah manusia yang suka berpamer dan merasa bangga pada amalannya sendiri; orang yang mengunyah lidahnya sendiri dan lidahnya itu memanjang (menjulang) sampai di dadanya, ialah manusia yang menjadi tukang cerita atau ahli pidato yang ucapannya itu berlainan sekali dengan kelakuannya sendiri; orang yang terpotong kedua tangan dan kakinya, ialah manusia yang suka mengganggu tetangganya; orang yang disalib di pokok pohon dari api, ialah manusia yang berusaha mengajak-ajak orang banyak untuk membela sultan atau pengusaha negara yang tidak jujur pimpinannya; orang yang keadaannya lebih busuk dari bau bangkai, ialah orang yang gemar melampiaskan kesyahwatan dan segala macam kelazatan serta menolak hak Allah Ta'ala yang diwajibkan dari hartanya itu semacam zakat dan lain-lain — dan orang yang mengenakan pakaian dari air panas itu adalah manusia yang suka takabur, sombong dan bongkak."

Bila kita memikirkan kembali apa yang dilihat oleh Sheikh Suhaimi tatkala berhenti di sebuah masjid mungkin inilah yang dilihatnya sepertimana hadis di atas. Benda-benda seperti ini tidak mungkin dilihat oleh Dr. Abdulfatah dan Astora sebab mereka bukanlah 'insan ideal' yang 'memperhambakan' dirinya semata-mata kepada Allah sebagaimana Sheikh Suhaimi dan mereka yang namanya tersebut dalam doa orang sufi.

Kritikan saya ini tidak ada kena mengena dengan soal-soal pribadi

Astora ataupun Dr. Abdulfatah. Kalau saya nak sentuh soal pribadi boleh, tapi itu soal 'sensitif' dan lagipun dilarang Allah. Cukuplah saya 'menyeluk' ke alam pemikiran mereka-mereka ini.

Pada pandangan saya, seseorang yang 'berilmu' dan 'beriman' serta tinggi darjatnya di sisi Allah tidaklah mempunyai sifat-sifat tidak sabar, cepat marah, tidak merasakan tidak ada kesalahan pada diri sendiri, tidak merasa diri lebih mulia dan lebih berilmu serta lebih beriman dari orang lain dan tiada lagi sifat-sifat 'mazmumah' yang mana kalau masih tebal dengan sifat-sifat tersebut manusia sahajalah memandang lahiriahnya berdarjat, ulama, orang alim dengan kedudukannya di sisi masyarakat umum tapi pada hakikatnya rendah martabatnya di sisi Allah.

Mudah-mudahan sekiranya kita terasa insaf tentang dosa-dosa kita setelah mendengar cerita dari nabi kita, bagaimana pembalasan kepada mereka yang telah melakukan dosa-dosa besar, dapat bertaubat dan kembali ke jalan Allah. Allah penerima taubat, sifat Tuhan Maha Pemurah lagi Amat mengasihani. Semoga kita cepat bertaubat sebelum terlambat.

Dan moga-moga 'ulama-ulama' kita berbantu-bantu dalam menyatupadukan 'ummah' dan tidak membiarkan diri mereka menjadi ulama kucing senak.

Arqam diarah daftar

TELUK INTAN 1 Mac — Kerajaan akan mengarahkan pertubuhan Al-Arqam supaya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid Othman.

Bagaimanapun, katanya, proses pendaftaran itu dijangka mengambil masa antara lima hingga enam tahun.

"Kerajaan tidak bercadang membuat memaksa Al-Arqam untuk didaftarkan segera, kerana kerajaan mempunyai caranya yang tersendiri memastikan Al-Arqam didaftarkan," ujarnya kepada para pemberita selepas memberi ceramah Wawasan 2020 kepada 300 orang pemimpin UMNO Bahagian Teluk Intan di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan mahu Al-Arqam didaftarkan kerana kegiatan pertubuhan itu akhir-akhir ini telah menyeleweng hingga menimbulkan kontroversi di kalangan masyarakat Islam.

Menurutnya, ketika ditubuhkan dulu Al-Arqam tidak menyimpang jauh dari akidah Islam, sebab itulah kerajaan membiarkan sahaja pergerakan Al-Arqam berkembang di seluruh tanah air.

Beliau berkata, kerana kegiatan Al-Arqam terlalu ekstrim hingga menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat Islam, kerajaan tidak dapat membiarkan pertubuhan itu bergerak dengan sewenang-wenangnya tanpa didaftarkan secara sah.

Beliau berkata, sebab itulah kerajaan telah mengambil langkah tidak membenarkan sama sekali pertubuhan Al-Arqam mengadakan ceramah, kursus, seminar, pameran, penjualan kaset,



HAMID OTHMAN

buku-buku serta tayangan video di semua jabatan kerajaan, sekolah dan kepada orang ramai.

Sementara itu ketika berucap, beliau berkata, kerajaan tidak mahu kegiatan dakwah Islamiah di negara ini terlalu menekan hingga boleh menimbulkan ketegangan dan kebimbangan di kalangan pemeluk agama lain di negara ini.

Ketakutan

Katanya, walaupun Islam dijadikan agama rasmi negara ini, tidak sewajarnya kekuatan Islam itu terlalu ditonjolkan sehingga boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dan ketakutan.

Hamid menyebut contoh bagaimana beberapa negara di dunia yang menggunakan isu agama telah mencetuskan pertumpahan darah dan sehingga sekarang belum dapat diredakan ketegangan sesama sendiri akibat fahaman agama yang berbeza-beza.

KENAPA SAYA MEMBELA AL-ARQAM?

Kiranya kita menyelidiki, kita akan terkejut besar kerana yang belum disenaraikan sebagai sesat cuma tinggal tiga qaul saja lagi. Qaul yang manakah yang masih belum dilabelkan sesat? Siapakah yang masih belum di 'black listed' kan lagi? Saya percaya yang pertama tentulah qaulnya saja yang dianggap lebih mulia dan sempurna. Nampaknya tindakan Pusat Islam ini ada persamaan dengan perbuatan golongan Wahabi yang berpusat di Najad, sejenis mazhab yang suka sangat mengkafirkan dan mensyirikkan hampir semua perbuatan dan amalan lain-lain mazhab terutama Syiah Jaafariah dan Ahlul Sunnah wal Jamaah yang menjadi pegangan umat Islam di Malaysia.

APABILA JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM di Jabatan Perdana Menteri menyenaraikan **Al-Arqam** sebagai salah satu dari 70 pertubuhan yang dianggapnya sesat, maka saya pun tersenyum, kerana teringat sabda Rasulullah SAW yang berbunyi;

“Akhirnya umatku akan berpecah menjadi 73 firqah di antaranya hanya satu saja yang akan masuk syurga.”

Hati kecil saya berkata, dari 73 (tujuh puluh tiga) **firqah** yang ada diakhir zaman 70 (tujuh puluh) telah disenaraikan sebagai **SESAT** oleh **Pusat Islam**. Sikit punya berkuasa **Pusat Islam**, boleh menentukan siapa yang berada di **jalan yang benar** dan siapa pula yang **sesat**. Mentang-mentanglah Perdana Menteri berada di belakang mereka, maka mereka boleh berbuat apa saja tanpa memikirkan bahawa yang akan dipertanggungjawabkan mengenai perkara ini nanti ialah Dato Seri Dr. Mahathir.

Setiap manusia adalah pemimpin, setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan mengenai manusia yang di bawah tanggungjawabnya.

Hadis Rasul

Mereka terlupa bahawa Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang menjadi **boss** mereka adalah merupakan seorang yang tidak teragak-agak untuk meluahkan fikirannya terutama

mengenai perkara yang berkaitan dengan 'nilai' (values). 'Nilai' dan hak kebebasan seseorang individu atau satu-satu kumpulan adalah tertakluk kepada tafsiran seseorang.

Ketika membincangkan dasar luar negara mahupun dalam negeri, beliau tidak gentar dalam membuat kritikan. Saya teringat tindakannya terhadap Amerika terutama mengenai **ideanya** untuk menubuhkan **Kumpulan Ekonomi Asia Timur**. Beliau menyelar Australia kerana membuat tuduhan-tuduhan liar terhadap negara kita.

'Setiap negara sepatutnya memiliki hak untuk menyuarakan pendapatnya', kata beliau ketika menjelaskan perbezaan pendapatnya dengan Amerika Syarikat.

"Kita tidak mengatakan bahawa Amerika Syarikat itu musuh kita— negara itu memang baik dengan kita — tapi tentu sekali saya berhak menyatakan *pandangan* saya, sebagaimana juga negara lain tanpa *tangannya dipulas*. Untuk menyelar Malaysia dan meletakkan halangan terhadap *ideanya* untuk menubuhkan satu pakatan, satu kumpulan negara-negara di Asia Timur, itu saya tidak faham."

Begitulah cara Dr. Mahathir memperjuangkan apa yang difikirkan sebagai **hak**nya. Beliau tak mahu *tangannya dipulas* bila mahu menyatakan *pandangannya*, tapi apakah beliau sedar yang **Pusat Islam** telah *memulas tangan* Arqam tanpa memberikan jemaah Arqam peluang untuk menyatakan *pandangan* mereka dan menyuarakan suara mereka bila mereka dizalimi oleh **Pusat Islam**?

Apakah mereka yang berfikiran dan sependapat dengan pandangan Perdana Menteri tidak berhak menyuarakan pendapat dan pandangannya? Dari segi menyuarakan pendapat saya mempunyai **sikap** dan **pendirian** yang sama seperti Mahathir. Itulah sebabnya saya membela Arqam, kerana saya tahu Arqam telah dizalimi dan dianiaya, dijadikan *kambing korban* oleh Pusat Islam. Saya bimbang dosaduanya nanti terpaksa ditanggung dan dibebani di atas bahu Dr. Mahathir. Entah dia tahu atau tidak muslihat sebenar Pusat Islam memerangi Al-Arqam, Allah sahaja yang tahu.

Mengikut pakar psikologi, apabila seseorang itu bergaduh dengan hampir semua orang di sekelilingnya, ini bererti ada sesuatu yang tak kena pada diri orang tersebut. Mereka sudah tidak ada **ketenteraman** dan **ketenangan** di dalam jiwa mereka, maka setiap orang di sekeliling mereka dianggapnya **sesat** tanpa **berfikir**, **mendengar** dan **melihat**. Apa benarkah Pusat Islam saja yang sedang berada di jalan yang lurus? Kalau benar mereka berada di jalan yang lurus kenapa pula mesti mencontohi Amerika dalam sikap **membuli** yang lemah? Dan yang peliknya, yang dizalimi dan bertindak kejam itu terhadap saudara seIslam yang sebangsa dengan mereka.

Saya tak tahu sama ada mereka di Pusat Islam itu sedar bahawa mereka hanya seperti satu '*spare part*' dari sebuah kereta saja, sekiranya Jabatan Perdana Menteri itu boleh dianggap sebagai sebuah kereta. Inilah yang susahnya bila **kaca mentol** yang mengandungi cahaya menyangka bahawa yang penting itu kaca dan kaca itulah cahaya seperti ular lidi yang merasakan dirinya ular sawa. Mereka terlupa tanpa **cahaya**, **mentol** menjadi kaca yang tidak berharga. Janganlah nak tunjukkan kekuatan kerana di belakang kita ada orang yang kuat-kuat.

Kiranya kita menyelidiki, kita akan terkejut besar kerana yang belum disenaraikan sebagai **sesat** cuma tinggal tiga **qaul** saja lagi. **Qaul** yang manakah yang masih belum **dilabelkan sesat**? Siapakah yang masih belum di '**black listed**'kan lagi? Saya percaya yang pertama tentulah **qaulnya** saja yang dianggap lebih mulia dan sempurna. Nampaknya tindakan **Pusat Islam** ini ada persamaan dengan perbuatan golongan **Wahabj** yang berpusat di Najad, sejenis mazhab yang suka sangat **mengkafir** dan **mensyirikkan** hampir semua perbuatan dan amalan lain-lain mazhab terutama **Syiah Jaafariyah** dan **Ahlul Sunnah wal Jamaah** yang menjadi pegangan umat Islam di Malaysia.

"Allah melarang manusia menghina sesama manusia kerana siapa tahu kaum yang dihina itu ternyata jauh lebih mulia darinya."

Kiranya kita perhatikan seseorang yang **menuding jari** telunjuknya ke arah seseorang menunjukkan kesalahan orang tersebut, kita akan dapati ada tiga lagi **jarinya** yang **tersembunyi**, yang

menunjuk ke arah dirinya. Saya rasa inilah yang sedang dilakukan oleh Ketua Pengarah Pusat Islam, Haji Zainal Abidin Kadir yang menganggap Arqam bukan saja sesat tetapi pertubuhan itu seperti pertubuhan **gangster** (kongsi gelap). Pencuri sahaja yang mengenali pencuri dan gangster sahaja yang mengenali gangster.

Saya tidak heran sekiranya Arab Saudi berbuat demikian, kerana mereka sanggup menjadikan diri mereka alat kepada setan besar iaitu Amerika. Tetapi bila keluarga Saud yang berkuasa di Mekah dan Madinah buat macam itu terhadap umat Islam, umat Islam terpaksa tunduk kalau tidak, tidak dapat melakukan rukun yang kelima menunaikan fardu haji dan ziarah makam Nabi atau bimbang nanti ada kerajaan yang tangannya akan dipulas. Hendak tahu lebih lanjut mengenai kezaliman Arab Saudi sila baca buku saya **WANITA TAKHTA DAN KUASA** di bawah tajuk **Kuasa dan Aliran**.

Pusat Islam sepatutnya tidak menghukum dan mendenda mereka yang dilabelkan **sesat** sesuka hati mengikut emosi dan nafsu semata-mata kerana '*school of thought*' yang berbeza atau semata-mata kerana ada orang yang tidak senang dengan Al-Arqam yang dianggap sebagai pejuang mazhab Ahlul Sunnah yang kuat atau kerana permusuhan Arqam dengan Wahabi. Atau Arqam dianggap sebagai satu **saingan** kepada Pusat Islam.

Mustahil dalam satu pertubuhan yang begitu besar, yang begitu maju dan berjaya seperti Arqam tidak ada benda-benda yang **positif** yang boleh menguntungkan kerajaan. Kenapa mencari dan menonjolkan kelemahan sahaja? Inilah yang menjadi tandatanya kepada umat Islam yang sedar dan insaf tentang bahaya Wahabi di seluruh dunia.

Sekiranya ada golongan Wahabi yang merasakan diri mereka berkuasa di Pusat Islam mereka harus sedar bahawa mereka hanyalah sekadar satu golongan kecil yang sama seperti parasit, menggunakan nama Pusat Islam, dalam masa yang sama cuba menjahanamkan pohon Ahli Sunnah yang tumbuh dengan segar di bumi ini. Oleh itu janganlah mereka merasakan mereka sebagai tempat yang layak menjatuhkan hukuman terhadap siapa saja. Kalau Pusat Islam itu macam bandar ilmu (**Madinatul ilmu**) atau Bandar Ulama (**Madinatul Ulama**) di **Qom, Iran** yang mempunyai ratusan **Ayatullah** dengan se-

kolah mereka sendiri, ribuan alim ulama, ini lainlah, tapi ulama yang ada di Pusat Islam sekadar ulama yang **banyak lemak**, yang cakap-cakap mereka ada kalanya masih perlu disamak. Mereka tak kerja malam cuma berkerja dari jam 8 pagi hingga 5 petang di bilik pejabat saja. *'Night shift'* atau giliran kerja malam itu, biasalah.

Haji Zainal Abidin mesti berfikir dari banyak sudut terutama dari segi bahaya perpecahan umat akibat perbezaan pendapat yang berkaitan dengan masalah **khilafiah** yang ditimbulkan olehnya apabila menyerang Arqam. Cukuplah UMNO dan PAS bermusuhan-musuhan, kerana fahaman politik yang berbeza. Masalah ini pun masih belum dapat kita selesaikan. Begitu juga dengan UMNO dan **Parti Sosialis**. Orang PAS dengan ARQAM, orang USNO dan PBS antara ABIM, ARQAM, jemaah TABLIGH dan lain-lain lagi. Semuanya ada cara tersendiri, ada yang tidak bersetuju antara satu dengan yang lain. Dan mereka semua ini Melayu belaka. Ingatlah sikit orang Melayu bukan ramai sangat di negara ini dan kita masih jauh ketinggalan dalam banyak bidang. *Bulat air kerana pembentung, bulat umat kerana mufakat. Yang berat sama diangkat yang ringan sama dijunjung. Hati gajah sama dilapah hati huma sama di cecah.* Itulah sepatutnya peranan Pusat Islam, menyatupadukan ummah, kerana Pusat bermakna tempat tumpuan dan rujukan semua aliran dan fahaman dalam Islam. Bukan Pusat memporak-perandakan umat Islam. Di situlah sepatutnya tertumpu semua umat Islam untuk mengadu nasib tidak kira dari mana-mana mazhab. Yang penting tempat penyatuan umat Islam. Paling layak tempat itu dipanggil Pusat, tapi hari ini ia hanya dikuasai oleh satu golongan saja iaitu golongan minoriti Wahabi. Kalau begitu tukar sahaja namanya menjadi Pusat Wahabi.

Dari segi politik pula Haji Zainal Abidin telah melakukan satu *'reverse psychology'*. Haji Zainal telah menimbulkan satu lagi musuh kerajaan? Bagaimana kiranya Arqam nanti bertukar menjadi sebuah parti politik atau bergabung dengan pembangkang yang sedia ada? Mungkin jawapan yang akan diberikan oleh Haji Zainal Abidin mudah — itu masalah kerajaan, bukan masalah Pusat Islam. Yang akan menghadapi pilihanraya nanti ahli UMNO, pemimpin parti. Itu tanggungjawab mereka bukannya Pusat Islam. Haji Zainal boleh lepas tangan.

Sebab itulah saya fikir Pusat Islam ini patut diswastakan kerana jika kerajaan boleh swastakan jabatannya yang lain, tak ada sebab yang ini satu tidak, kerana selagi mereka masih bersikap seperti jabatan-jabatan kerajaan yang lain mereka tidak mempunyai **inisiatif** untuk mempertingkatkan kredibiliti. Mereka tak nampak peranan yang mesti dimainkan oleh jabatannya. Mereka tak nampak bahaya yang akan dihadapi oleh kerajaan akibat sikap mereka. Mereka akan menjadi **liabiliti** bukan **asset** dan cadangan yang sebaik-baiknya tutup sahaja Pusat Islam dan jadikan bangunan yang indah tersergam itu sebagai Muzium Islam. Dan bolehlah buat satu patung Datuk Zainal Abidin, taruk di depan pintu.

Contohnya, apabila mereka menasihatkan KDN mengharamkan majalah-majalah dan buku-buku terbitan Arqam. Pertama perbuatan itu adalah perbuatan yang **angkuh** dan **zalim**, menganiaya dan memutuskan rezeki orang yang tidak berdosa. Bagaimana nasib anak-anak dan isteri di rumah yang bergantung hidup kepada pendapatan hasil dari penerbitan-penerbitan yang ditutup?

Mungkin pemimpin kerajaan terlupa bahawa Allah tidak akan menjatuhkan satu-satu kerajaan semata-mata kerana perbuatan **mungkar** yang dilakukan, tetapi seseorang pemimpin kerajaan akan jatuh bila pemimpin tersebut berlaku **zalim** dan **angkuh**. Apakah mengharamkan perkembangan **industri pemikiran Islam** melalui majalah dan buku-buku bukan satu kezaliman? Sedangkan buku-buku dan penerbitan itu yang diharamkan mengandungi ayat Quran dan Al-Hadith.

Apakah mereka tidak merasa takut dan gentar mengharamkan ayat-ayat Al-Quran yang diturunkan oleh Allah yang menyeru manusia supaya membuat kebaikan dan menegah kemungkarannya? Antara sebab musabab Musa Hitam **jatuh** adalah akibat kezalimannya dari peristiwa Memali. Apakah tidak mungkin Dr. Mahathir akan meletakkan jawatan akibat dari doa dan sembahyang hajat dari kebanyakan orang yang rezeki mereka diputuskan, akibat KDNnya ditarik balik? Saya lihat telatah budak-budak Dr. Mahathir di Pusat Islam yang bermaharajalela menghukum dan menganiaya orang yang tidak berdosa akan merugikan Dr. Mahathir sekiranya beliau tidak bertindak segera.

Ingatlah Musa dulu jatuh adalah akibat dari kelakuan budak-budaknya. Anwar Ibrahim juga hari ini tidak disenangi dan tidak popular akibat budak-budaknya juga.

Pertubuhan Islam seperti Arqam sepatutnya digunakan untuk membantu kerajaan, bukan menjadikan kerajaan musuh orang ramai. Dari segi ini Haji Zainal Abidin patut belajar dari Tok Mat. Inilah masalah kekurangan '*leadership quality*' dalam kepemimpinan di Jabatan Agama dalam membantu Perdana Menteri hendak **menyerapkan nilai-nilai Islam**. Bolehkah Islam diserapkan dengan memerangi dan menimbulkan permusuhan dengan cara berlaku zalim dan kejam terhadap yang lemah?

Kini kerajaan kita sedang mengamalkan konsep Masyarakat Penyayang. Sepatutnya orang yang sesat dinasihatkan dengan cara yang baik. Adalah difahamkan bahawa sekiranya mereka ini benar-benar sedang sesat hendaklah dibawa dan dibimbing mereka supaya mereka kembali ke pangkal jalan. Tapi dapatkah Pusat Islam menunjukkan *jalan yang lurus, jalan yang benar, yang dituntut oleh akal dan Al-Quran?*

Jalan yang lurus tentunya mempunyai definasi yang berbeza-beza. Lurus mengikut kemahuan siapa? Perkataan lurus itu *subjektif*. Maka definasi lurus masih boleh dipersoalkan '*How straight is straight?*' Kiranya ia memakai **kayu pengukur** yang digunakan oleh Pusat Islam dan ulama kerajaan, lurusnya masih boleh dipertikaikan, masih boleh dipersoalkan. Banyak benda-benda yang **haram** yang jelas bertentangan mengikut hukum syarak dihalalkan oleh kerajaan. Kerana kerajaan kita bukan kerajaan Islam. **Islam** di dalam kerajaan cuma satu cabang yang kecil saja biarpun kita dianggap sebagai sebuah negara Islam dan dihormati oleh dunia Islam kerana keIslaman yang diamalkan di negara kita jauh lebih baik dari negara Arab atau negara Islam yang lain. Namun **Islam** yang diamalkan oleh pemimpin kerajaan adalah Islam **sekular** yang memisahkan Islam dari politik dan juga pentadbiran.

Pusat Islam perlu terangkan apakah erti sesat mengikut *definasi* 'sesat' yang sebenarnya. Mengikut *Kamus Lengkap* oleh Drs. Awang Sudjai, muka surat 1032:

SESAT— *lose one's way, stray. (tersalah jalan, tidak mengikuti jalan yang betul)* Pelawat itu telah sesat jalan sewaktu ia bersiar-siar di bandaraya. **sesat akal**— *mad, insane, crazy; sesat barat* — *lose one's bearings; sesat fikiran* — *having a misconception; sesat lalu go astray, follow the wrong path; sesat langkah do something which is wrong; meet with misfortune during journey; sesat pusat stupid; bersesat astray, lost; menyesatkan mislead, deviate, lead astray; delude; confuse; tersesat lost, stray from; kesesatan error; delusion; state of being lost; penyesatan misleading; deviation; leading astray; being deluded.*

Entah kenapa bila saya teringat perkataan 'sesat' saya teringat kepada 'Iblis', mungkin agaknya kerana Allah SWT telah berfirman mengenai Iblis musuh Allah. Dalam firmanNya Allah telah mengemukakan pertanyaan kepada Iblis mengapa dia enggan sujud kepada Adam, seperti yang telah diperintahkan oleh Allah? Jawab 'Iblis' kepada Allah bahawa dirinya adalah lebih mulia daripada Adam. Begitulah ego dan sombongnya Iblis. Kerana keangkuhan dan kesombongan Iblis, Allah telah mengusir makhluk yang satu masa dulu bernama malaikat keluar dari dalam syurga. Namun Iblis telah memohon agar Allah memanjangkan umurnya dan Allah mengabulkan permintaan Iblis maka Iblis pun berkata:

"Kerana Engkau telah menghukum aku sebagai makhluk "tersesat", maka aku akan menghalang-halangi mereka (bani Adam) dari jalan-Mu yang lurus. Kemudian aku akan mendatangi mereka (manusia) dari hadapan mereka, dari belakang mereka, dari kanan dan kiri mereka, sehingga Engkau tiada akan mendapati kebanyakan mereka tahu bersyukur."

(Al-A'raf: 16-17)

Setahu saya yang suka *menyesatkan* manusia adalah Iblis. Di atas sebab kemurkaannya yang amat sangat itu Iblis berjanji ia akan membuat manusia sangat mencintai dunia (sesat). 'Aku akan memindahkan dunia mereka sehingga manusia terkeliru dengannya (sesat).' Menungkanlah siapakah yang sebenarnya sesat?

Syaitan telah dan akan terus menanam kekeliruan dalam urusan akhirat maka **sesatlah** manusia yang tidak beriman.

Kiranya mereka ingat bahawa **kuasa** itu adalah milik sementara dan kiranya mereka yang lantang sangat memerangi Arqam dengan tuduhan **sesat** sudah tidak berkuasa nanti sudah berhenti kerja, apakah mereka ini berani mempertahankan tuduhan **sesat** yang telah mereka buat akibat kesombongan dan keangkuhan semasa mereka berkuasa? Sejarah telah membuktikan para pemimpin team B yang kemudian menamakan diri **S46**, hari ini semua setuju apa saja tindakan Mahathir. Setelah memasuki UMNO semula mereka telah **menjilat ludah** sendiri tetapi dahulu macam-macam label digelar pada Dr. Mahathir.

Janganlah disebabkan berada di bawah dagu Perdana Menteri atau kerana mempertahankan pangkat dan kedudukan kita sanggup menjual ayat-ayat Al-Quran dengan harga yang murah. Kalau pemimpin politik buat kerja macam ini, itu satu perkara biasa. Tapi ulama tak patut buat kerja-kerja macam ini.

Dr. Mahathir selalu bercakap mengenai **nilai**. Beliau percaya tanpa perubahan **nilai** masyarakat sukar hendak diubah. Apakah perubahan **nilai** **pemikiran** dengan **nilai** **ekonomi** sama? Kita boleh merobohkan bangunan-bangunan lama di satu bandar dan digantikan dengan yang baru dengan cepat dan mudah tetapi tak semudah itu dalam hal merubah pemikiran umat. Cuba baca balik buku Mahathir '**Dilema Melayu**' dan '**Menghadapi Cabaran**'. Mahathir mengutamakan soal-soal **nilai**. Apakah mereka yang di sekelilingnya tahu tentang **nilai-nilai kemanusiaan**?

Apakah tindakan menuduh Arqam **sesat** dan memerangi mereka habis-habisan dengan menggunakan media masa dan kuasa, Pusat Islam berjaya menguburkan Arqam? Apakah segolongan manusia yang nilainya sudah berubah mahu menerima tuduhan **sesat** dengan semudah itu? Sekali lagi saya meminjam kata-kata Mahathir, '**The winner cannot take all, the loser will not lose all.**'

Apakah Pusat Islam tidak sedar bahawa ramai umat Islam di negara ini yang sudah mulai kurang senang dengan sikap ulama-ulama kerajaan yang tidak mengutamakan **nilai** dan yang berkerja semata-mata

untuk makan gaji saja? Apakah Pusat Islam sudah mempelajari sikap mereka terhadap rakyat dan kerajaan sendiri telah meninggalkan kesan yang buruk pada kerajaan? Sepatutnya Jabatan Agama Islam mesti mempunyai keistimewaan yang jauh lebih canggih dari Arqam kerana mereka mempunyai segala kemudahan jentera kerajaan untuk membangunkan imej Islam dalam kerajaan. Ini kerana selain dari berkerja untuk kerajaan mereka mendapat arahan terus dari Allah sebagai ulama pewaris nabi. Tapi apa yang berlaku adalah di sebaliknya.

Mereka yang kritis mulai temampak Jabatan yang paling lembab di dalam jentera kerajaan adalah **Jabatan Agama Islam**. Cuba baca Berita Harian 30 Januari, 1992 apa kata Tan Sri Muhyiddin mengenai Majlis Agama Islam Johor.

JOHOR BAHRU, Rabu – Unit Pemodenan Tadbiran Manusia (Mampu), mendapati wujud kelemahan dalam pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIJ), berpunca daripada pertindihan fungsi serta pembahagian peranan di antara dua badan itu.

Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, berkata tindakan segera akan diambil bagi mengatasi kelemahan itu untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan kedua-duanya.

Tan Sri Muhyiddin berkata, kajian itu bertujuan mempertingkatkan prestasi JAIJ dan MAIJ ke arah menjadikan pentadbiran dan pengurusan masing-masing lebih cekap.

Kita sedar sebagai kakitangan kerajaan mereka mesti taat pada perintah 'Tuan' mereka kerana ianya adalah tanggungjawab mereka yang tertakluk di bawah OGS — '*Saya yang menurut perintah*'. Mereka terpaksa melakukan apa saja tindakan tanpa menggunakan akal dan Al-Quran untuk dijadikan rujukan. Apakah dalam hal yang berkaitan dengan ketuhanan juga mesti demikian?

Pusat Islam dan Pejabat Agama selalu sangat memperkatakan kesalahan Arqam tapi yang peliknya berapa orang pegawai-pegawai-

nya yang pernah datang ke **Perkampungan Arqam** secara rasmi? Sedangkan **Perkampungan Arqam** di Sungai Pencala itu di depan mata.

Kalau tidak datang bercampur, bergaul dan membuat kerja-kerja perisikan dan hanya sekadar menerima berita dari suratkhbar semata-mata, mereka tidak boleh menyesatkan Arqam sedangkan pegawai kerajaan di jabatan-jabatan lain sering ke sana. Apakah dengan cara semudah itu orang ramai mahu mempercayai apa yang dikatakan oleh mereka?

Para pelawat sama ada dari dalam dan luar negeri Islam termasuk mereka yang bukan Islam telah menjadikan perkampungan Arqam Sungai Pencala sebagai destinasi pelancungan mereka. Tapi sebaliknya kalau orang Arqam takut nak datang ke **Pusat Islam** itu muna-sabahlah.

Pejabat Agama hari ini nampaknya macam tidak ada isu baru selain dari memperkatakan mengenai Arqam dengan isu lama seperti soal Imam Mahdi, kahwin lari, soal tarikat dan sebagainya. Dah jelak orang ramai dengar hal ini. Bagaimana kalau terjadi '*reverse psychology*' iaitu daripada kita nak membuat orang benci pada pertubuhan Al-Arqam timbul simpati, timbul perasaan belas kasihan dan datang perasaan curiga dan benci pada Pusat Islam. Apakah Perdana Menteri tidak teragak-agak akan menutup pusat ini seperti kerajaan menutup pemiagaan di bawah badan-badan kerajaan yang lebih banyak membawa kerugian dari keuntungan?

Pesan orang tua-tua *kalau nak pukul ular, tongkat jangan patah, tanah jangan rosak, biar ular yang mati*. Jangan sekali-kali terjadi ular tidak apa-apa, tanah rosak dan tongkat yang patah.

Tapi kesalahan-kesalahan yang berat dan besar-besar di Jabatan Agama di mana sesetengahnya telah dibawa ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman dan telahpun dipaparkan dalam akhbar seperti penyelewengan duit zakat oleh orang-orang tertentu, berlakunya rasuah, guru agama kerajaan tertangkap basah, ada kadi yang kahwinkan isteri orang, ada orang di Jabatan Agama yang makan duit anak yatim, Pusat Islam menyepi. Kita hidup dalam masyarakat di mana manusianya bebas berfikir dan orang yang cerdas. Bagai-

manakah orang ramai hendak menghormati mereka kalau perkara '*double standard*' macam ini berterusan. *Hama di seberang lautan nampak, gajah di depan mata tidak nampak.*

Mari kita dengar apa kata Perdana Menteri mengenai fundamentalis Islam yang kini menguasai negeri Kelantan, Dr. Mahathir menjelaskan;

"Mereka ini adalah pelampau yang mahu menggunakan kuasa mereka terhadap orang lain, memaksa orang menerima ajaran mereka, dan dalam Islam anda boleh menggesa tetapi tidak boleh memaksa."

Kenyataan Perdana Menteri jelas menunjukkan bahawa Dr. Mahathir tidak suka siapa saja menggunakan kuasa untuk memaksa. Tetapi kenapa Pusat Islam mesti memaksa Arqam mengikut cara amalan mazhab mereka?

Apakah hukuman yang dijatuhkan itu atas dasar **kebenaran**, atas dasar yang **hak** mengikut Al-Quran? Apakah **fatwa** yang dibuat itu timbulnya dari hati kecil **ulama** itu sendiri berpandu kepada '**akli**' dan '**naqli**'? Apakah keputusan itu dibuat setelah diadakan perbincangan ilmiah dengan ulama-ulama Arqam?

Kebenaran atau **hak**, adalah satu istilah dalam Islam yang mempunyai pengertian "sesuatu yang bebas dari kekeliruan/kebatilan". Ia adalah kebenaran mutlak, bukan kebenaran **relatif** dan **nisbi**. Ia tidak mengandungi keraguan dan tidak mengandungi tipu helah. Ia adalah lawan dari **kebatilan**. Maka **hak** adalah **suatu kebenaran yang mutlak. The truth and nothing but the truth.**

Untuk mengetahui yang **hak**, dan untuk membolehkan kita membezakannya dengan yang **batil**, kita disyaratkan supaya mengadakan hujah (dalil), yang **benar**. Dalil tersebut dalam Islam dikenal dengan **dalil Aqli** dan **Naqli** (Dalil logika dan dalil Al-Quran dan sunnah).

Bukankah menjadi satu kemestian kepada siapa saja yang mahu menjatuhkan hukuman terutama yang berkaitan dengan hukum-hukum Allah sedangkan hati mereka masih berbelah bagi, mereka terlebih dahulu sepatutnya **beristiqarah** meminta petunjuk dari Allah sebelum

menjatuhkan hukuman? Apa lagi menghukum satu kumpulan sebagai **sesat** kerana sesat ini boleh ditafsirkan sebagai terkeluar dari Islam (kafir). Apakah Datuk Zainal Abidin sudah pasti dengan perkara yang hendak dijatuhkan hukuman? Dan sudahkah Arqam ini dibicarakan mengikut prosedur yang betul? Benarkah orang-orang Arqam ini sudah terkeluar dari jalan Islam?

Untuk menuduh seseorang itu **sesat**, mengikut akidah dan lain-lain hal yang berkaitan dengan hukum-hakam Allah pihak berkenaan perlu mendapat petunjuk, perlu memohon taufik dan hidayah dari Allah. Allah saja yang bersifat Maha Mengetahui. Apakah **ulama** ini sudah sampai ke darjat **kashaf** dan bertaraf **wali Allah** hingga boleh memastikan yang seseorang itu berada di jalan yang **sesat**? *Naauzubillah*.

Mengikut orang-orang PAS pula mereka memang telah lama **mengkafirkan (sesat)** orang-orang UMNO. Nampaknya di Malaysia ini urusan **sesat** menyesatkan individu atau kumpulan ini sudah jadi urusan sendiri sahaja. Siapapun boleh melebelkan siapa saja **sesat** mengikut **kayu ukur** dan **textbook** mereka.

Masalah **sesat** menyesatkan ini bukan masalah ringan, kita ini bukan budak-budak lagi. Berfikirlah seribu kali dan bercakaplah sekali. Jangan bercakap dahulu dan berfikir kemudian.

Baru-baru ini Tuan Guru Nik Aziz, ulama dan pemimpin besar PAS telah memberi **fatwa** bahawa **Raja-Raja Melayu** yang sekali gus menjadi **Ketua Agama Islam** sebagai mengikut tradisi **sesat** disebabkan **Sistem Raja Berperlembagaan** di negara ini adalah amalan Greek tua satu amalan yang **unIslamic**. Tapi Pusat Islam tidak membuat apa-apa komen. Apakah mereka bersetuju? Setuju atau tidak mereka tertakluk di bawah **Sistem Raja Berpelembagaan** dan suka atau tidak, mereka kalau nak selamat hidup di bawah sistem tersebut ikut saja sistem tanpa banyak soal jawab. Yang penting berkerja untuk nak hidup.

Sepatutnya Pusat Islam selain dari berani menegur **kemungkaran** dan **penyelewengan** satu-satu kumpulan, mereka juga mesti berani menegur dan mengkritik raja-raja. Tak ada ertinya sampah di lantai disapu sedangkan sampah sarap di loteng tidak dibuat apa-apa kerana

kekotoran yang belum dibersihkan pasti turun lagi ke bawah. Kalau tak berani membersihkan air di hulu, membuang masa saja cuba membersihkan air di hilir.

Sayangnya Pusat Islam dan Majlis Agama Islam tidak mempunyai kuasa sampai begitu. Kuasa mereka terhad. Jabatan Agama mempunyai ruang yang terbatas dalam menegur kemungkaran raja-raja. Biarpun mereka menjadi ketua-ketua agama tetapi mereka tetap berada di atas undang-undang. Mereka boleh membuat segala kemungkaran kerana undang-undang di dalam sistem memberikan keizinan. Kalau begitu apa fungsi Pusat Islam sebenarnya? Mereka tak berupaya hendak mengajar umat Islam supaya jangan berjudi, jangan ke disko, jangan ke rumah-rumah urut kerana keupayaan mereka terbatas, tapi dalam menyesatkan orang, tidak.

Sekarang terdapat makin bertambah banyak **disko**, **pub** dan **karaoke** dan pengunjunnya kebanyakan adalah anak-anak orang Islam. Kemanakah perginya Pusat Islam? Apakah perilaku orang Islam ini tidak boleh dianggap sesat? Inilah yang dikatakan bidaah yang sepatutnya dibentasi.

Apakah orang-orang di Pusat Islam tidak tahu menahu mengenai tempat-tempat maksiat ini atau kerana mereka tak cukup kakitangan untuk berbuat sesuatu? Tapi yang peliknya mereka tidak teragak-agak bertindak terhadap apa yang mereka anggap boleh **sesatkan** dari kaca mata mereka. Mereka tak teragak-agak mengharamkan akhbar yang mengandungi **Al-Quran** dan **Sunnah** yang menyebarkan berita dari Allah. Tapi akhbar yang sebahagian besarnya menyuarakan berita yang dibawa oleh syaitan mereka tutup mata dengan alasan di luar kuasa mereka. Di mana laungan dan slogan '**Bersih, Cekap Dan Amanah**'? Bagaimana dengan slogan '**Kepimpinan Melalui Teladan**'? Siapa boss mereka yang sebenar, Allah atau syaitan?

Dari segi ini ahli UMNO jauh lebih berani dari mereka. Kalau hari ini UMNO berani bongkar **penyelewengan** Raja-Raja untuk kepentingan politik, apakah satu hari nanti mereka tak berani menghubungkan Pusat Islam dengan tanggungjawab Islam di tangan **Pusat Islam** yang tidak dijalankan dengan betul melainkan menerima saja arahan dari orang tertentu?

Hukuman yang dikenakan ke atas **Arqam** sebenarnya dibuat tanpa mengikut **prosedur** — sama ada dari segi **disiplin ilmu**, mahupun dari segi kaedah **undang-undang syariat**. Hak didengar (*right to be heard*) tidak pernah diberikan ke atas **Arqam** sebelum hukuman di-jatuhkan. Hanya setelah hukum *syirik*, *sesat* dan *menyeleweng* di-heboh-hebohkan dalam akhbar barulah Arqam 'dipelawa'. Bagi **Arqam**, apa perlunya ia dipanggil setelah hukuman dijatuhkan? Kalau benar-benar **ikhlas**, hukuman itu hendaklah ditarik balik dahulu, kemudian barulah adakan perbincangan... Setelah dibicara, iaitu setelah bela diri yang dituduh didengar dan tuduhan pendakwa juga didengar, barulah hakim menjatuhkan hukuman. Jika sabit kesalahan dihukum, dan jika tidak bersalah hendaklah dibebaskan.

Ketua Pengarah Pusat Islam, Haji Zainal Abidin Abdul Kadir berkata, "*Pada tahun 1979 dahulu, pemimpin mereka Haji Ashaari pernah bertaubat dan berjanji kepada kerajaan bahawa dia dan pengikutnya tidak akan lagi berpegang kepada Aurad Muhammadiyah...*"

Atas alasan ini, Haji Zainal Abidin mendakwa Ustaz Ashaari menyalahi kembali taubatnya bila pada tahun 1984 Ustaz Ashaari berbalik semula kepada **Aurad Muhammadiyah** dengan beberapa strategi baru untuk mempengaruhi masyarakat.

Mengenai hal ini, Ustaz Ashaari sebenarnya telah pun memberi penjelasan melalui bukunya, **BERHATI-HATI MEMBUAT TUDUHAN** muka surat 44 – 46 dengan katanya:

"Bercakap tentang kenyataan saya kepada Pusat Islam pada tahun 1979, yang nampaknya bertentangan dengan apa yang saya katakan sekarang (iaitu tentang Syeikh Suhaimi sebagai Imam Mahdi), terus terang saya katakan saya tidak berniat mengelirukan sesiapa. Hanya saya yang tahu apa yang terdapat di dalam hati dan fikiran saya dan Allah menjadi saksi-nya. Dan saya yakin, kiranya hal itu salah di sisi Allah, azabnya maha pedih di dunia dan di Akhirat. Dan kiranya perkara itu diredhai oleh Allah, maka saya yakin pula, Allah tidak akan mensia-siakan kita.

Untuk memperjelaskan hal itu, saya hanya mahu menya-

takan bahawa dalam membenarkan sesuatu hal, kita mesti mempunyai ilmu dan mengikut kaedahnya. Tanpa ilmu, kita akan membuat orang kebingungan dan orang akan menafikan kebenarannya. Sebab itu pada 1979, saya mengambil sikap tawakuf atas khabar tersebut, kerana pada waktu itu hanya setakat itu sahajalah ilmu saya. Yakni tidak menolak dan tidak menerima.

Tetapi dalam tahun 1986, bila hal itu sekali lagi ditimbulkan, maka sayapun mengkaji secara teliti. Dengan itu saya berusaha mencari hujah-hujah ilmiah yang membolehkan hal itu diketengahkan kepada umum. Alhamdulillah, saya bertemu kitab-kitab yang membolehkan saya berbuat begitu. Antaranya ialah buku terbitan Pusat Islam sendiri. Buku yang bertajuk ALIRAN SYIAH karangan Wan Alias bin Abdullah dari Pusat Penyelidikan Islam dengan kerjasama UKM, diterbitkan oleh Bahagian Agama JPM, muka surat 44, 45, dan 46 ada menyatakan begini:

Terdapat juga pembesar-pembesar ahli Sunnah yang sependapat dengan syiah imamah tentang Imam Mahdi itu telah pun dilahirkan dan masih hidup. As Sayed Al Amin menyebut nama-nama mereka itu di dalam kitabnya, Al A'ayan juzuk yang keempat;

1. Kamaludin Muhammad bin Talhah Asy Syafie
2. Muhammad bin Yusuf Al Kanji Asy Syafie
3. Ali bin Muhammad As Sibagh Al Miliki
4. Abu Al Muzaffir Yusuf Al Baghdadi Al Hanafi
5. Mahyuddin bin Al Arabi
6. Abdul Rahman bin Ahmad As Sasyni Al Hanafi
7. Abdul Wahab Asy Sya'rani
8. Ataullah bin Ghiatsuddin
9. Muhammad bin Muhammad Bukhari
10. Al Arif Abdul Rahman
11. Asy Syeikh Hassan Al Iraaqi
12. Ahmad bin Ibrahim Al Balazri
13. Abdullah bin Ahmad (Ibn Al Kasyab)

Bila dikatakan Imam Mahdi telah lahir, bererti orang yang bernama Muhammad bin Abdullah berketurunan Arab itu ada (muncul) di bumi ini. Cuma belum di'tabal'kan sahaja lagi sebagai Imam Mahdi. Hal itu sangat membantu untuk membenarkan pendapat Ustaz Taha Suhaimi yang menyatakan bahawa datuknya, Muhammad bin Abdullah As Suhaimi yang dikatakan ghaib itu, ialah Imam Mahdi.

Katalah hal itu tidak benar, atas alasan kita tidak boleh mendahului Allah dalam hal ini, maka apakah perkara itu boleh merosakkan aqidah dan jatuh sesat?"

Seterusnya Pengarah Pusat Islam itu berkata lagi, *"Kami mengambil cara yang paling lembut... kalau Al Arqam mendakwa mereka badan dakwah maka cara paling baik berurusan dengan mereka ialah melalui dakwah juga dan bukan paksaan atau tekanan yang dibuat secara terburu-buru."*

Benarkah Pusat Islam melayani isu Arqam secara lemah-lembut, secara dakwah, secara hikmah dan berhujah dengan pengajaran-pengajaran yang baik? Kata Pusat Islam lagi, tindakan itu diambil supaya Arqam tidak jadi gerakan militan. Sebenarnya, Arqam bukan pertubuhan militan, tak kira sama ada ia ditentang secara aggresif atau tidak.

Soalnya, apakah Pusat Islam merujuk kepada lebih tiga puluh buah kitab karangan ulama muktabar sumber rujukan oleh Ustaz Ashaari ketika mempertahankan hujahnya dalam buku BERHATI-HATI MEMBUAT TUDUHAN itu? Apakah ada mana-mana ulama Pusat Islam yang berani melabel kitab-kitab seperti yang tersenarai di bawah ini sebagai menyeleweng dari akidah yang dimaksudkan oleh Pusat Islam?

1. Kawakibul Anwar (Syed Jaafar Al Barzanji)
2. Al Ibanah 'Anil Usul Al Diyanah (Imam Abu Hassan Al Ashaari)
3. Syarhus Sudur (Al Imam As Sayuti)
4. Al Khoso Isul Kubra (Al Fadhil Jalaluddin Abdul Rahman Abu Bakar As Sayuti)
5. Al Hawi Lil Fatawa (Al Fadhil Jalaluddin Abdur Rahman Abu

Bakar As Sayuti)

6. Al Mizan (Al 'Ariful Somadi Wal Kutubur-Rabbani Saiyidi Abdul Wahab As Syaarani)
7. Nurul Absar (Asy Syeikh Mukmin Hassan Mukmin)
8. Ahlul Kahfi (Taisir Zibyan)
9. Al Mahdi Muntazar (Al Muhaddis Abil Fadhal Syeikh Abdullah Siddiq)
10. Hasyiah 'Ala Mukhtasyor (Ibnu Abi Jumrah)
11. Boghyatul Mustarsyidin (As Saiyid Abd. Rahman bin Muhammad bin Husin bin Umar)
12. Al Qaulul Jamilu Fi Bayani Sawa Issabil (Syah Waliyullah Ad Dahlawi bin Abd. Rahim)
13. Raudhul Faa'iq (Syeikh Syuaib Al Hariphisy)
14. Al Mughni (Ibnu Qadamah)
15. Mafahim Yajib Antashahah (Muhammad 'Alawi Al Maliki Al Hassani)
16. Al Usul Wal Furu' (Ibnu Hazam Al Andalusi)
17. At Tanzir Minal I'tirari Bimajaa Fikitabil Hiwar (Asy Syeikh Abdul Hayi)
18. An Nikmatul Kubra'Alal 'Alamin (Al Imam Shahabuddin Ahmad bin Hajar Al Haitami, As Syafie)
19. Khazinatul Asrar Al Khubra (As Saiyid Muhammad An Nazili)
20. Furu'Masail (Syeikh Daud Fatani)
21. Al Azkar (Al Hafiz Syeikhul Islam Mahyuddin Abi Zakaria Yahya bin Shafie An Nawawi)
22. Risalah Maulidin Nabi SAW (Asy Syeikh As Saiyid Muhammad bin Abdullah As Suhaimi)
23. Kitab Manakib (Syeikh Abdul Qadir Jailani) Tidak Merosakkan Aqidah Islamiah (Drs Imron Aba)
24. Pengantar Ilmu Tarikat dan tasawuf (Prof Dr Aboe Bakar Atjeh)
25. Siapa Imam Mahdi? (Muhammad Labib Ahmad)
26. Imam Mahdi (HM Thalib Lubis)
27. Aliran Syiah (Wan Alias Abdullah)
28. Pati Rahsia (Hj Nik Mahmud Ismail)
29. Risalah Soal-Jawab Dari Pejabat Mufti Brunei (Mufti Brunei)
30. Fatwa Mufti Brunei (Mufti Brunei)
31. Kitab Tahlil dan Maulid Berzanji/Dibaie (Persatuan Pencak

Silat Singapura)

32. Syamsul Ma'arif Al Kubra (Al Imam Ahmad bin Ali Bunni)
33. Pandangan Islam 2 (Mufti Brunei)
34. Mukjizat Nabi-nabi (Luqman Hakim)
35. Syawahidul Ilaq (Syeikh Yusuf Ismail An Nabhani)
36. Jami'ul Karamat Al Aulia (Syeikh Yusuf Ismail An Nabhani)
37. Panatut Thalibin (Syed Al Bakri)
38. Hasyiah Ala Jauhari Tauhid (Syeikhul Islam Ibrahim Al Baijuri)
39. At Tabaqatul Kubra (Asy Syeikh Abdul Wahab As Syaa'arani)
40. Fadhilat Solat (Maulana Muhammad Zakariya)
41. Ajaran Qadiani — Satu Ajaran sesat (Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia)

Sila jawab.

Sehingga kini **Pusat Islam** berhujah atas platform **ulama Wahabi** sedangkan Ustaz Ashaari berhujah atas platform **ulama Ahli Sunnah**. Kedua-dua belah pihak ada hujah. Namun, sehingga kini **Pusat Islam** belum lagi menjawab buku **BERHATI-HATI MEMBUAT TUDUHAN** karya Ustaz Ashaari itu.

Memang kalau menurut pandangan **Wahabi** semua aliran yang ada dalam Islam **sesat** kecuali **Wahabi** itu sendiri yang benar. Apakah kita akan benarkan **Wahabi** menguasai umat Islam Malaysia yang sebahagian besar atau majoritinya adalah pengikut-pengikut Ahlul Sunnah?

Kata sepakat dalam soal ini sukar dicapai kerana pertentangan antara keduanya adalah lanjutan pertikaikan tradisi yang sudah terkenal dalam sejarah Islam. Ini menunjukkan soal yang dipertikaikan adalah perkara **khilafiah**. **Pusat Islam** ada sumber rujukan. Ustaz Ashaari ada sumber rujukan. Mahmud Syaltut yang dijadikan rujukan oleh **Pusat Islam** dipertikaikan oleh Arqam kerana ulama itu pernah mengatakan **Nabi Isa sudah mati**. Hal ini diterangkan dalam bukunya yang bernama *Al Fatawa* muka surat 56 – 65. Syeikh Mahmud Syaltut berkata:

“Bahawasanya tidak ada pada Al-Quranul Karim dan tidak ada pula dalam Sunnah yang suci suatu sandaran yang dapat

menenangkan hati, bahawasanya Isa diangkat dengan tubuhnya ke langit dan bahawa ia hidup sampai sekarang di langit dan bahawa akan turun pada akhir zaman ke bumi.”

Ucapan ini tidak benar. Sedangkan ulama-ulama Ahli Sunnah rujukan Ustaz Ashaari meyakini *Nabi Isa belum mati dan akan turun ke dunia membela kebenaran bersama Imam Mahdi di akhir zaman nanti.*

Mengapa hujah-hujah itu tidak dibentangkan secara terbuka hingga dapat dipertimbangkan oleh ulama-ulama yang bukan sahaja datang dari **Pusat Islam** tetapi ulama-ulama tidak rasmi dari seluruh dunia? Mengapa tidak, kerana kalau **Pusat Islam** “*sangat berhati-hati*”, ia mesti berhati-hati juga dalam semua keadaan.

Berhati-hati dalam berhujah, berhati-hati dalam menghukum, berhati-hati dalam bertindak dan berhati-hati dalam menggunakan kekuasaan. Ini tidak, belumpun dibincangkan secara menyeluruh dengan ulama-ulama yang arif dengan berbagai disiplin ilmu, hukum sesat telah pun dijatuhkan terhadap Arqam. Apakah Pusat Islam sudah baca dengan teliti buku **BERHATI-HATI MEMBUAT TUDUHAN** serta sumber-sumber rujukannya sekali?

Sepatutnya Pusat Islam dengan segala peruntukan dan kemudahan yang ada, boleh melaksanakan berbagai-bagai program untuk manfaat umat Islam. Tapi segala kelebihan itu tidak dipergunakan sepenuhnya. Pusat Islam kaku di tengah kebangkitan Islam yang kian rancak, beku di tengah-tengah sinar mentari. Mungkin atas dasar inilah Ustaz Ashaari menegumya dulu. Baru sekarang Pusat Islam agak sibuk. Itupun hanya dengan program-program seminar dan lain-lain program rasmi. Belum ada program ‘turun gelanggang’ iaitu bergerak aktif untuk merealisasikan Islam sebagai satu cara hidup. Mujurlah ada isu Arqam jika tidak sepiilah masyarakat dengan ‘kerja’ Pusat Islam. Dalam buku **BERHATI-HATI MEMBUAT TUDUHAN**, Ustaz Ashaari sekali lagi menegur Pusat Islam dalam bab khusus, **Sikap Pusat Islam Sepatutnya.**

Sikap **Pusat Islam** dan penentangan terhadap **Darul Arqam** lebih kurang sama dengan sikap Amerika terhadap Malaysia dalam persaingan merebut pasaran antara minyak kacang soya dan minyak

kelapa sawit. Kerana minyak kelapa sawit Malaysia mendapat sambutan baik, maka Amerika buatlah macam-macam kajian tentang minyak kelapa sawit. Hasilnya keluarlah macam-macam keputusan tentang keburukan kelapa sawit yang belum pernah didengar. Dituduhnya minyak kelapa sawit banyak kolestrol. Motifnya mudah, supaya minyak kacang soya Amerika laku dipasaran.

Persaingan antara Pusat Islam dan Arqam memang terjadi di tengah masyarakat. Dan dalam persaingan ini ternyata Pusat Islam agak ketinggalan. Program kebudayaan dan hiburan yang dibuat oleh Arqam terutamanya kumpulan Nada Murni lebih diminati daripada program hiburan yang dibuat oleh Pusat Islam. Begitu juga majalah-majalah terbitan Arqam lebih mendapat sambutan masyarakat daripada majalah dan risalah keluaran Pusat Islam yang kebanyakannya diberi secara percuma. Begitu juga dengan pendakwah Darul Arqam, mereka lebih mendapat tempat di hati masyarakat tak kira sama ada di kawasan pedalaman, bandar-bandar, pejabat-pejabat atau di kawasan-kawasan yang lain. Inilah yang menyebabkan Pusat Islam tercabar hingga dikajilah berbagai-bagai aspek untuk menjejaskan kredibiliti Arqam. 'Kolestrol' dalam Darul Arqam pada Pusat Islam ialah Aurad Muhammadiyah. Nampaknya 'kacang soya' Pusat Islam dan 'minyak sawit' Darul Arqam sama-sama 'bertempur' dalam pasaran pemikiran masyarakat.

